

**KATA PANGGILAN DALAM KOMUNITI BAHASA
MELAYU SAMBAS DI KALIMANTAN BARAT:
SISTEM DAN KONTEKS**

ENDANG SUSILAWATI

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: ENDANG SUSILAWATI

No. Pendaftaran/Matrik: JHA 100009

Nama Ijazah: Ijazah Doktor Falsafah

Tajuk Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**KATA PANGGILAN DALAM KOMUNITI BAHASA MELAYU SAMBAS
DI KALIMANTAN BARAT: SISTEM DAN KONTEKS**

Bidang Penyelidikan: LINGUISTIK MELAYU

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya ialah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini ialah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang ialah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun ialah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama : Prof. Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar

Jawatan : Penyelia

ABSTRAK

Istilah-istilah panggilan dalam satu komuniti selalunya wujud dalam berbagai-bagai bentuk linguistik dengan peraturan penggunaan yang selalunya bersesuaian dengan sistem sosiobudaya komuniti tersebut. Apabila dalam konteks situasi dan peristiwa komunikasi, penggunaannya menjadi dinamik. Penyelidikan ini ialah mengenai sistem panggilan yang berlaku dalam komuniti bahasa Melayu Sambas yang dilakukan berdasarkan tiga tujuan. Pertama, untuk mengenal pasti sistem panggilan dalam komuniti bahasa Melayu Sambas dalam situasi hubungan kekeluargaan dan hubungan sosial yang intim berdasarkan analisis komponensial. Kedua, menganalisis sistem panggilan dalam komuniti tersebut dalam situasi hubungan kekeluargaan dan hubungan sosial yang intim berdasarkan analisis kontekstual. Ketiga, mentafsirkan bagaimana sistem panggilan boleh berhubung kait dengan sistem sosiobudaya komuniti berkenaan. Pendekatan etnografi komunikasi diterapkan dalam pengumpulan data lapangan, khususnya dengan menerapkan teknik pemerhatian partisipan dan bukan partisipan. Bersamaan itu, dilakukan pula temu duga tidak berstruktur dan perakaman suara perbualan-perbualan yang diperlukan dengan menggunakan alat perakam suara. Di samping itu, transkripsi dialog yang relevan dipilih daripada beberapa filem yang diproduksi oleh rumah produksi tempatan untuk mengesahkan bagaimana bentuk-bentuk panggilan yang ada digunakan secara kontekstual. Untuk analisis data digunakan dua model analisis. Pertama, model analisis komponensial dan kedua, model analisis kontekstual, mengikut model etnografi komunikasi oleh Dell Hymes. Dapatan penyelidikan ini ialah sebagai berikut: Pertama, bentuk-bentuk panggilan dalam bahasa Melayu Sambas terdiri daripada berbagai-bagai bentuk linguistik, meliputi kata nama, kata ganti nama diri kedua, kata nama, jenama kekeluargaan, berbagai-bagai istilah rujukan status sosial, gelaran, dan julukan. Berdasarkan analisis komponensial, faktor-faktor yang menentukan pilihan bentuk

panggilan itu ialah hubungan peranan yang wujud antara dua pihak yang berkomunikasi; gender dan usia orang yang disapa serta status sosial dan latar belakang kelompok etnik orang tersebut. Sistem penggunaan yang demikian ini menghasilkan kaedah secara timbal balik (*mutual reciprocity*) dan tidak timbal balik (*non-reciprocity*), dan kaedah pemilihan (*alternasi*). Selain itu, minat perseorangan dalam menentukan bentuk panggilan merupakan kaedah yang tersendiri. Sejauh ini, kaedah-kaedah penggunaan bentuk panggilan itu telah membawa makna-makna yang tersirat di sebalik makna yang sedia ada, yang dipanggil dengan makna-makna sosial. Makna itu tidak hanya terhad kepada dua makna kekuasaan (*'power'*) and kesetiakawanan (*'solidarity'*) tetapi juga makna hubungan kekeluargaan, jarak sosial, keintiman hubungan dan kesopanan. Kedua, penggunaan bentuk-bentuk panggilan dalam konteks menunjukkan kedinamikan. Secara am, keformalan atau ketidakformalan peristiwa komunikasi mempengaruhi pilihan bentuk panggilan berkenaan. Bersamaan itu, komponen-komponen komunikasi (SPEAKING) juga mempengaruhi pilihan tersebut. Sistem penggunaan ini telah mengimplicasikan beberapa makna sosial yang telah diperluaskan dari yang sedia ada. Makna-makna dimaksudkan ialah makna keformalan atau ketidakformalan, kesedaran latar belakang identiti suku bangsa atau kaum, penghormatan, kesayangan, kekecewaan, dan makna berbudi bahasa, serta makna gurauan dan olok-olokan. Terakhir, bentuk-bentuk panggilan tersebut merupakan representasi daripada sistem sosiobudaya yang berlaku dalam komuniti bahasa Melayu Sambas.

ABSTRACT

Address terms in a speech community are represented in various linguistic forms with their particular rules of usage which are usually in accordance with the system of socio-cultural of the community. Within the context various speech situations and events, the usage becomes dynamic. This research is about the system of address in Sambas Malay speech community which was conducted for three purposes. Firstly, to identify the system of address in Sambas Malay speech community within the situation of kinship and intimate social relationship based on the componential analysis. Secondly, to analyse the system of address in the community within the situation of kinship and intimate social relationship based on contextual analysis. Thirdly, to interpret how the system of address is interrelated to the socio-cultural system of the community. The ethnography of communication approach was implemented in the collection of data in the field, specifically applying both participant and non-participant observation techniques. Simultaneously, unstructured interview and conversation voice recording were also applied. Beside these, the transcriptions of some relevant dialogues of locally produced films were also selected to confirm how the address forms were contextually used. As for the analyses of the data, two models have been applied. The first is the componential analysis and the second is the contextual model of analysis, following the ethnography of speaking model of Dell Hymes. The findings of the research are as follows: Firstly, the address forms in Sambas Malay speech community take various kinds of linguistic forms, including personal names, second person pronouns, common nouns, kinterms, various reference terms of social status, titles, and epithets. Based on the componential analysis, the determining factors in the choice of a particular term is determined by the role relationship between the two interactants; gender and age of the addressee as well his/her social status and ethnic background identity. This system of usage generate rules of

mutual reciprocity and non-mutual reciprocity and rules of alternation. Besides, individual interest or choice is another rule of alternation in address form usage. To some extent, these rules have extended some implicit meaning called social meanings. They are not only limited to power and solidarity but also include the meaning of kinship relation, social distance, intimacy and politeness. Secondly, the usage of address forms in context shows their dynamicity. In general, the formality or the non-formality of the communicative events influence the choice of the address forms. At the same time, other communicative components (SPEAKING) also influence the usage. This system of usage has implied some more extended social meanings in addition to the ones already existed. They include the meanings of formality or informality, awareness of one's ethnic background of identity, respect or deference, endearment, disappointment, and language appropriateness (*berbudi bahasa*) as well as teasing or mocking. Finally, all the forms of address represent the system of sociocultural values in Sambas Malay speech community.

PENGHARGAAN

Saya sungguh-sungguh bersyukur kehadiran Allah Subhana Wata'ala sebab rahmat, hidayah, kasih sayang dan dengan seizin Allah-lah pada akhirnya tulisan yang dikemukakan sebagai tesis ini dapat saya selesaikan meskipun harus melalui proses masa bertahun-tahun. Tesis ini tidak akan wujud apabila tanpa sokongan dan bantuan daripada berbagai-bagai pihak yang telah amat berjasa baik sehingga menjayakan penulisan tesis ini.

Pertama kali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Yang Berbahagia Prof. Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar sebagai penyelia saya, yang telah dengan sangat sabar, cermat dan cepat serta ikhlas dalam memberikan tunjuk ajar, kritikan dan pembetulan pada tiap-tiap kali proses penyeliaan penulisan tesis ini. Sungguh saya amat sangat berhutang budi dan menghargai atas jasa dan budi baik beliau.

Saya juga perlu merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih saya yang tak terhingga kepada Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Nor Hisham Osman, Timbalan Pengarah Bahagian Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Melayu (APM), yang pernah menjadi penyelia saya pada awal-awal penulisan tesis ini. Beliau selalu memberikan motivasi kepada saya sehingga saya tetap bersemangat untuk menerusi perjalanan penulisan tesis ini sehingga akhir. Beliau telah berjasa baik dalam memberikan tunjuk ajar, memberikan referensi-referensi yang amat bermanfaat untuk tesis saya. Berkat keikhlasan beliau pula saya berpeluang untuk berguru kepada Prof. Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar.

Penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya juga saya rakamkan kepada Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan sebagai Pengarah APM, dan kakitangan beliau yang telah memberikan bantuan teknikal dan khidmat nasihat sehingga semua urusan saya selama belajar di APM dipermudahkan.

Seterusnya, saya juga perlu memberikan penghargaan kepada Yang Berbahagia Prof. Madya Datuk Zainal Abidin Borhan (Mantan Pengarah APM) dan Yang Terhormat Prof. Dr. Chairil Effendi, Mantan Rektor Universitas Tanjungpura (Untan) Pontianak, yang telah berjasa baik, mempunyai inisiatif untuk memberikan saya dan beberapa rakan dosen dari Untan peluang untuk belajar di APM Universiti Malaya ini.

Rakaman ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Yang Berbahagia para pensyarah di Jabatan Linguistik Prof. Madya Dr. Rohani Mohd Yusof, Dr. Ahmad Ramizu Abdullah, dan Dr. Salinah Jaafar, serta kepada Prof. Dr. Amri Marzali dan Dr. Sudarsono (pensyarah dari Indonesia yang pernah mengajar di APM). Untuk menjayakan penyelidikan ini beliau semua telah sudi berkongsi ilmu dan tunjuk ajar serta pengalaman berharga melalui nasihat-nasihat dan input-input berharga kepada saya semasa beberapa kali proses pembentangan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga ingin saya sampaikan kepada para kakitangan di Pejabat Bahagian Ijazah Tinggi, Pn Siti Radziah, Pn Nur Hafizah yang telah setia memberi perkhidmatan pada semua urusan pentadbiran yang saya perlukan. Demikian pula kepada para pustakawan di APM, FBL, dan perpustakaan utama UM yang telah memberi perkhidmatan bagi keperluan pelbagai referensi. Terima kasih juga kepada Sdr. Rizal, juru fotokopi yang setia memberi perkhidmatan membuat cetak atau salinan fotokopi dan lain-lain.

Saya juga amat berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan dari Untan (G11) yang bersama-sama mencari ilmu dan pengalaman berharga di APM – Ibu Sesilia Seli, Bpk. Albert Rufinus, Dr. Ahadi Sulissusiawan, Bpk. Hotma Simanjuntak, Bpk. E. Bunau, Bpk. Agus Syahrani, Bpk. Zainal Arifin, Bpk. AR Muzammil, Ibu Amriani Amir, Bapak Abbas Yusuf dan Bapak Dr. Pramono – Terima kasih atas kebersamaan Bapak-bapak dan Ibu-ibu dalam suka-duka serta dengan semua kenangan indah selama kita belajar di APM, yang tak akan pernah terlupakan.

Ucapan terima kasih yang tulus dan penghargaan ini juga saya rakamkan kepada rakan-rakan teristimewa dari Malaysia yang telah memberikan pertolongan, sokongan dan berbagai-bagai perkhidmatan semenjak awal kedatangan saya dan rakan-rakan dari Untan ke Kuala Lumpur (KL). Mereka ialah En Akhmad Mansur, En Wan Mohammad Dasuki, En Ahmad Hanafi, Dr. Nurhamizah, Dr. Norsham dan Dek Siti Ruhaizah. Saya sungguh amat berhutang budi atas jasa baik mereka semua. Bersamaan ini saya juga berterima kasih kepada Pn Zaharinah Bt. Haji Abdul Kadir, sebagai orang pertama yang memperkenalkan saya kota KL sebagai kota tujuan belajar yang baik dan menyenangkan sehingga saya berminat belajar di kota ini.

Studi saya ini tidak akan wujud apabila tidak mendapatkan izin dan pembenaran serta sokongan daripada pihak Universitas Tanjungpura (Untan) Pontianak, khususnya Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan (FKIP), tempat saya bekerja. Untuk itu saya juga perlu memberikan penghargaan setinggi-tingginya kepada Prof. Dr. Thamrin Usman DEA, Rektor Untan Pontianak dan Dr. Aswandi (Mantan Dekan FKIP) serta Dr. Martono (Dekan FKIP Untan) Pontianak.

Selain itu saya juga perlu berterima kasih sebesar-besarnya kepada semua informan dan orang yang telah membantu saya mengumpulkan data lapangan. Mereka ialah Bpk Drs Sidik dan keluarganya; Ibu Dra. Nurainah dan keluarga besarnya; Pak Anjang Arpan; Bpk Abdul Hadi, S.Pd.; Bpk. Agus Darmo, S.Pd; Bpk Bambang dan keluarganya,; Sdr.Badul, S.Pd.; Sdr. Kurnia, S.Pd; Sdr. Destya Warni, S.Pd; Sdr. M. Ainur Rizki, S.Pd., M.A. Mereka semua telah berjasa baik memberikan saya berbagai-bagai maklumat atau data yang saya perlukan selama di lapangan sehingga menjayakan tulisan ini. Masih ramai lagi orang yang telah berjasa membantu saya dalam mengerjakan tesis ini yang tak dapat saya sebutkan namanya satu demi satu. Demikian pula kepada semua mahasiswa saya yang selalu menjadi inspirasi dan motivasi sehingga saya berminat terus belajar sampai ke peringkat ini.

Terakhir, saya juga perlu mengucapkan penghargaan dan terima kasih yang setulus-tulusnya kepada keluarga besar saya, khususnya kepada yang tercinta Ibunda saya (Almh) Muslichah dan Bapak saya Wagiman Saman serta suami tercinta Dr. Mochtaria M. Noh, yang selalu memberikan sokongan dan doa di setiap masa untuk kejayaan hidup saya. Kepada anak-anak saya tercinta Emriliza Amarul Haq, ST; Ilma Nur Haqiqie, S.Ked; Kemal Alimul Haq. Kalian semua ialah inspirasi, semangat dan kekuatan bagi saya (mama). Akhir kata, Semoga kebaikan mereka semua mendapatkan balasan pahala dan kebaikan yang berlipat-lipat dari Allah SWT. Sebagai penutup, semoga tesis ini memberi kemanfaatan dan keberkahan bagi penulis dan pembacanya.

Endang Susilawati

Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu

Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
JADUAL KANDUNGAN	xi
SENARAI PETA DAN CARTA ALIR	xvi
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI SINGKATAN	xix

BAB 1: PENGENALAN

1.1. Pendahuluan.....	1
1.2. Latar Belakang Kajian	2
1.3. Permasalahan Kajian	7
1.4. Objektif Kajian	11
1.5. Batasan Kajian/ Skop Penyelidikan.....	12
1.6. Kepentingan Kajian	15
1.7. Konsep-Konsep Operasional	17
1.7.1 Kata Panggilan	17
1.7.2 Variasi	19
1.7.3 Sistem	20
1.7.4 Konteks.....	22
1.7.5 Komuniti Bahasa Melayu Sambas	24

1.8. Rumusan	27
--------------------	----

BAB 2: TINJAUAN KAJIAN LALU

2.1. Pendahuluan.....	28
2.2. Kajian dalam Komuniti bahasa-bahasa di Eropah dan Amerika	29
2.3. Kajian dalam Komuniti Bahasa-bahasa di Afrika	41
2.4. Kajian dalam Komuniti Bahasa di Asia dan Parsi.....	43
2.5. Kajian dalam Komuniti Bahasa Melayu.....	54
2.6. Kajian Sistem Kekeluargaan Orang Melayu	59
2.7. Teori dan Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini	63
2.8. Rumusan	66

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1. Pendahuluan.....	69
3.2. Fokus Kajian.....	70
3.3. Batasan Kajian	71
3.3.1 Pemilihan Kawasan Penelitian	71
3.3.2 Pemilihan Subjek dan Informan Penelitian	73
3.4. Pendekatan Kajian	74
3.5. Unit Analisis sebagai Konteks.....	75
3.5.1 Situasi Komunikasi.....	76
3.5.2 Peristiwa Komunikasi.....	77
3.5.3. Lakuan Komunikasi	78
3.5.4 Komponen-Komponen Komunikasi.....	79
3.6. Kaedah Pengumpulan Data.....	84
3.6.1 Kaedah Pemerhatian dengan Perakaman	85
3.6.2. Kaedah Temu Duga.....	86
3.6.3 Teks Sebagai Sumber Data.....	88

3.7. Kaedah Analisis Data	89
3.7.1. Analisis Komponensial	89
3.7.2. Analisis Kontekstual	91
3.8. Rumusan	93

BAB 4: ETNOGRAFI MASYARAKAT SAMBAS

4.1. Pendahuluan.....	94
4.2. Geografi dan Kependudukan	95
4.3. Keadaan Suku Kaum dan Pergaulan Sosial.....	99
4.4. Agama, Kepercayaan dan Adat Istiadat.....	107
4.5. Bahasa dan Dialek	108
4.6 Sistem Sosiobudaya	112
4.6.1 Sistem Pelapisan Masyarakat Etnik Melayu Sambas	113
4.6.1.1 Masyarakat Kota.....	116
4.6.1.2 Masyarakat Desa	119
4.7 Sistem Kepercayaan, Nilai dan Norma.....	120
4.8 Sistem Kekeluargaan Komuniti Bahasa Melayu Sambas.....	130
4.9 Jenama Kekeluargaan (<i>KinshipTerms</i>) dalam Sistem Kekeluargaan	133
4.9.1 Jenama Kekeluargaan dalam Keluarga Sedarah	136
4.9.2 Jenama Kekeluargaan dalam Keluarga Semenda.....	144
6.10 Bentuk Rujukan dalam Hubungan Sosial yang Intim.....	146
6.11 Rumusan	148

BAB 5: VARIASI BENTUK PANGGILAN DAN KAEDAH PEMILIHAN: ANALISIS KOMPONENSIAL

5.1 Pendahuluan.....	151
5.2 Variasi Bentuk Panggilan dalam Bahasa Sambas	152
5.2.1 Bentuk Panggilan: Ganti Nama Diri dan Kata Nama.....	153

5.2.2	Bentuk Panggilan: Kata Rujukan, Gelaran dan Gurauan	156
5.3	Bentuk Panggilan: Jenama Kekeluargaan	161
5.4	Sistem Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Kekeluargaan Sedarah.....	163
5.4.1	Sistem Rujukan dan Panggilan dalam Keluarga Asas.....	164
5.4.2	Sistem Rujukan dan Panggilan dalam Keluarga Luas.....	168
5.5	Sistem Rujukan dan Panggilan dalam Keluarga Semenda	173
5.5.1	Kaedah Pemilihan Bentuk Panggilan dalam Hubungan Kekeluargaan.....	177
5.5.2	Kaedah Pemilihan Bentuk Panggilan dalam Hubungan Keluarga Asas	180
5.5.3	Kaedah Pemilihan Bentuk Panggilan dalam Hubungan Keluarga Luas	182
5.5.4	Kaedah Pemilihan Bentuk Panggilan dalam Hubungan Keluarga Semenda.....	183
5.6	Sistem Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Sosial yang Intim	185
5.6.1	Sistem Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Kejiranan.....	186
5.6.2	Kaedah Pemilihan Bentuk Panggilan dalam Hubungan Kejiranan.....	190
5.6.3	Sistem Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Rakan	194
5.7	Kaedah Pemilihan Panggilan dalam Hubungan Rakan dan Jual Beli	199
5.8	Rumusan	203

BAB 6: SISTEM PANGGILAN DALAM HUBUNGAN KEKELUARGAAN: ANALISIS KONTEKSTUAL

6.1	Pengenalan.....	205
6.2	Bentuk Panggilan dalam Konteks Peristiwa Komunikasi Tak Formal.	206
6.2.1	Panggilan JK dengan Makna Rujukan yang Bukan Sebenar	207
6.2.2	Panggilan ND, Rujukan Kesayangan, Kemarahan dan Keintiman	221
6.2.3	Panggilan Rujukan Kedudukan Status Sosial dan Gelaran Keagamaan	225
6.2.4	Penggunaan Kata Ganti Nama Diri Pertama dan Kedua.....	227
6.3	Bentuk Panggilan dalam Konteks Peristiwa Komunikasi Formal.....	237
6.3.1	Panggilan ‘Ibu/Bapak’ dengan Rujukan Kedudukan Hubungan dan ND	238

6.3.2 Panggilan ‘Ibu/Bapak’ dengan Rujukan Kehormat, Status Sosial dan ND	239
6.3.3 Penggunaan Kata GND Pertama ‘Saya’ dan GND Kedua ‘Engkau’	245
6.4 Tafsir Konteks: Sistem Panggilan dan Sistem Sosiobudaya	250
6.5 Rumusan	255
BAB 7: PENUTUP	257
7.1 Pendahuluan.....	257
7.2 Sistem Panggilan Mengikut Model Analisis Komponensial	257
7.3 Sistem Panggilan dalam Konteks	262
7.4 Hubung Kait antara Sistem panggilan dengan Sistem Sosiobudaya	264
7.5 Rumusan	265
RUJUKAN	268
LAMPIRAN 1	
SENARAI ISU-ISU PANDUAN TEMU DUGA DI LAPANGAN	274
LAMPIRAN 2	
DATA PERISTIWA KOMUNIKASI DALAM BERBAGAI-BAGAI SITUASI HUBUNGAN DAN ANALISIS KONTEKS (SPEAKING)	276
LAMPIRAN 3	
DATA IDENTITI INFORMAN UTAMA	325
LAMPIRAN 4	
ISTILAH RUJUKAN DALAM KEKELUARGAAN ORANG MELAYU SAMBAS	327

SENARAI PETA DAN CARTA ALIR

Peta 4.1	Provinsi Kalimantan Barat	96
Peta 4.2	Kabupaten Sambas	97
Carta Alir 5.1	Sistem Panggilan dalam Keluarga Asas	180
Carta Alir 5.2	Sistem Panggilan dalam Keluarga Luas	184
Carta Alir 5.3	Sistem Panggilan dalam Keluarga Semenda	185
Carta Alir 5.4	Sistem Panggilan dalam Hubungan Kejiranan	193
Carta Alir 5.5	Sistem Panggilan dalam Hubungan Rakan	200
Carta Alir 5.6	Sistem Panggilan dalam Hubungan Jual Beli	202

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Batasan Situasi Sosial, Peristiwa Komunikasi dan Tingkat Keformalan	83
Jadual 4.1	Perbezaan Fonetik dalam Beberapa kata Dialek Melayu Sambas dengan Bahasa Indonesia dan Dialek Melayu Lain di Kalimantan Barat	110
Jadual 4.2	Perbezaan Secara Leksikal Dialek Melayu Sambas dengan Bahasa Indonesia dan Dialek Melayu Lain di Kalimantan Barat	111
Jadual 4.3	Keragaman Dialek Melayu Sambas secara Fonetik dan Leksikal	111
Jadual 4.4	JK Sedarah dalam Keluarga Asas	138
Jadual 4.5	JK Sedarah (Hubungan Segaris dalam Dua Tingkat Generasi ke Atas dari Dua Nisab)	139
Jadual 4.6	JK Sedarah (Keluarga Segenerasi Ibu bapa dari Dua Nisab)	140
Jadual 4.7	JK Sedarah (Keluarga Segenerasi Ego (Sepupu) dari Dua Nisab)	140
Jadual 4.8	JK Sedarah (Keluarga Satu Generasi Ke bawah dari Dua Sisi dan Dua Nisab)	141
Jadual 4.9	JK Sedarah dalam Keluarga Luas (Keluarga Dua Generasi Segaris dari Dua Sisi ke bawah daripada Dua Nisab)	142
Jadual 4.10	Keragaman GUK dalam Keluarga Melayu Sambas	143
Jadual 4.11	JK dalam Keluarga Semenda	144
Jadual 4.12	Bentuk Rujukan dalam Hubungan Kejiranan dan Rakan	148
Jadual 5.1	Ganti Nama Diri	153
Jadual 5.2	Peringkat Kata Ganti Nama Diri	153
Jadual 5.3	Peringkat Kata Ganti Nama Diri Bahasa Sambas	154
Jadual 5.4	Gelaran Kesultanan Sambas	159

Jadual 5.5	Bentuk Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Keluarga Asas	164
Jadual 5.6	Bentuk Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Keluarga Luas Sedarah dalam Bahasa Model (Melayu)	168
Jadual 5.7	Bentuk Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Keluarga Luas Tiga Generasi dari Dua Sisi (Antara Cucu dan Datuk/ Nenek)	169
Jadual 5.8	Bentuk Rujukan dan Panggilan untuk Keluarga Luas dalam Dua Generasi dengan Satu Jarak dari Dua Sisi (Antara Pak/Mak Cik dan Kemanakan)	171
Jadual 5.9	Bentuk Rujukan dan Panggilan untuk Keluarga Luas dalam Generasi yang Sama (Saudara Sepupu dan Dua Pupu dari Dua Sisi)	172
Jadual 5.10	Istilah Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Keluarga Semenda dalam Bahasa Melayu	173
Jadual 5.11	Bentuk Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Keluarga Semenda Orang Melayu Sambas	175
Jadual 5.12	Bentuk Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Kejiranan	186
Jadual 5.13	Istilah Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Rakan	194
Jadual 5.14	Istilah Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Jual Beli	197

SENARAI SINGKATAN

BHS	Bahasa
BI	Bahasa Indonesia
BKMT	Badan Kontak Majlis Taklim
BM	Bahasa Melayu
BMS	Bahasa Melayu Sambas
DMS	Dialek Melayu Sambas
DPRD	Dewan Perwakilan Rakyat
GND	Ganti Nama Diri
GUK	Gelaran Urutan Kelahiran
JK	Jenama Kekeluargaan
LK	Lelaki
ND	Nama Diri
PK	Peristiwa Komunikasi
PNS	Pegawai Negeri Sipil
PR	Perempuan
RT	Rukun Tetangga
RW	Rukun Warga

BAB 1: PENGENALAN

1.1. Pendahuluan

Bentuk panggilan yang wujud dalam suatu masyarakat beraneka ragam, berbeza antara satu komuniti bahasa dengan komuniti bahasa yang lain. Bentuk-bentuk itu boleh mengambil pelbagai bentuk linguistik seumpama kata ganti nama diri, kata nama, kata nama diri, kata-kata daripada jenama persanakan, gelaran-gelaran dan perkataan lain. Cara menggunakan kata-kata itu juga mesti mengikut kaedah-kaedah tertentu. Kepelbagaian tersebut disebabkan pelbagai kaedah dan sistem sosial yang berlaku dalam masyarakat.

Mengetahui dan memahami bagaimana sistem panggilan berlaku pada suatu komuniti etnik atau komuniti bahasa tertentu merupakan sesuatu yang berfaedah sebab pengetahuan dan pemahaman tersebut merupakan salah satu bahagian daripada kompetensi sosiolinguistik seseorang. Pengetahuan tentang sistem panggilan ini penting dalam sistem komunikasi sebab tuturan panggilan ialah penanda awal suatu peristiwa komunikasi. Matlamat penggunaan kata panggilan ialah untuk mengambil perhatian kawan bicara. Selain itu, penggunaan kata panggilan itu boleh menandakan bentuk hubungan antara orang yang memanggil dan orang yang dipanggil. Oleh itu, penggunaan kata panggilan yang sesuai ialah penting untuk mengekalkan hubungan sosial yang baik, sama ada antara sesama anggota kelompok dalam komuniti itu sendiri ataupun dengan orang dari luar komuniti. Dalam perkaitan ini, bab pertama ini akan menjelaskan alasan-alasan kajian tentang sistem panggilan dalam komuniti bahasa Sambas penting untuk dilakukan, apa-apa yang dikaji dan kaedah-kaedah yang diterapkan dalam kajian ini.

1.2. Latar Belakang Kajian

Sebagaimana diketahui, kajian tentang bentuk dan penggunaan kata panggilan sudah banyak dibincangkan oleh para sarjana. Dari perspektif sosiolinguistik kajian itu dimulai semenjak tahun 1960 oleh Brown dan Gilman yang kemudian diikuti oleh para sarjana lainnya. Brown dan Gilman mengkaji penggunaan kata ganti nama diri kedua *tu* dan *vous* dalam bahasa Perancis. Kedua-dua kata itu digunakan secara berlainan sama ada berkaitan dengan hubungan kekuasaan (*power relationship*) ataupun dalam konteks kesetiakawanan (*solidarity*) atau hubungan yang intim (*intimacy*) (dalam Fasold, 1996).

Seterusnya, kajian-kajian serupa ini telah pula dibuat oleh beberapa pakar sosiolinguistik yang lain. Mereka ialah Brown and Ford (1966) dan Ervin Tripp (1972). Mereka mengkaji bentuk panggilan yang lain selain kata ganti nama diri orang kedua, iaitu berupa kata-kata nama diri dan gelaran (*Title + First Name/ Last Name*). Kedua-dua kajian kemudian ini mengambil masyarakat berbahasa Inggeris sebagai subjek kajiannya. Hasil kajian mereka juga menunjukkan adanya hubung kait antara penggunaan bentuk panggilan dengan bentuk hubungan antara orang yang menyapa dan orang yang disapa.

Walau bagaimanapun, apabila dibandingkan dengan bentuk-bentuk panggilan yang wujud dalam komuniti bahasa-bahasa di Asia, khasnya pada komuniti bahasa di Nusantara, atau masyarakat berbahasa Melayu di Indonesia pada amnya, bentuk panggilan tidak terhad kepada penggunaan kata-kata ganti nama diri atau kata nama diri sahaja, melainkan ada lebih banyak pilihan (sila rujuk Lambert and Tucker, 1976; Amat Johari Moain, 1989). Kata ganti nama diri kedua dalam bahasa Indonesia malahan terdiri daripada beberapa pilihan kata. Sebagai contoh, kata *you* dalam bahasa Inggeris mempunyai padanan beberapa pilihan kata dalam bahasa Indonesia, iaitu (*eng*)kau, *kamu*, *anda* dan *saudara*.

Jenama kekeluargaan malahan juga boleh menggantikan *you*. Pilihan itu mesti mengikut konteks, kepada siapa kawan bicara, di mana dan bila mana berlangsungnya suatu tuturan itu. Kata-kata panggilan yang berasal daripada istilah persanakan atau jenama kekeluargaan (*kinship terms*) ini juga lazim digunakan bagi orang yang tidak memiliki ikatan kekeluargaan langsung. Contohnya kata '*ibu*', yang semestinya digunakan untuk memanggil ibu kandung oleh anak-anaknya dan kata '*bapak*', yang semestinya digunakan oleh anak untuk memanggil bapa (ayah) kandungnya, pada amnya juga digunakan secara formal atau tak formal untuk memanggil sesiapa orang (di luar anggota keluarga) yang dianggap sudah dewasa (utamanya yang sudah menikah) dan mereka yang dihormati kerana pekerjaan, pangkat dan lain-lain. Selain itu, dalam kalangan sesetengah orang Indonesia, boleh didapati panggilan-panggilan lain yang juga diambil dari jenama kekeluargaan. Panggilan '*mas*' dari bahasa Jawa Tengah (Melayu: *abang*) dan '*mbak*' (Melayu: *kakak*) kerap pula digunakan untuk menyapa orang lain yang tidak memiliki ikatan persanakan, tidak kira sama ada ia lebih tua atau lebih muda. Panggilan ini digunakan untuk menunjukkan rasa hormat atau sopan, utamanya untuk orang yang tidak atau kurang dikenali.

Dalam pada itu, sistem panggilan pada orang Malaysia dan Brunei ditandakan dengan kata-kata berbentuk gelaran, sapaan dan panggilan, dan rujukan kehormat. Sistem panggilan di kedua-dua negara yang mempunyai pemerintahan beraja dan berbahasa Melayu ini mencerminkan susun lapis atau struktur sosial masyarakat Melayu. Dengan kata lain, wujudnya susun lapis dalam masyarakat Melayu ini memerikan atau menentukan perilaku berbahasa (Amat Juhari Moain, 1989).

Dari huraian di atas, diketahui bahawa kata-kata panggilan boleh mengambil berbagai-bagai bentuk linguistik, sama ada itu kata ganti nama diri, kata nama, jenama

persanakan, berbagai-bagai kata rujukan ataupun gelaran. Selain itu, penggunaan bentuk-bentuk panggilan dalam suatu komuniti bahasa setidaknya berhubung kait erat dengan dua faktor sosial, iaitu status dan jarak sosial. Walau bagaimanapun, faktor-faktor lain seumpama perbezaan gender dan tingkatan usia juga boleh mempengaruhi pilihan kata-kata panggilan yang sepatutnya dapat digunakan dalam suatu peristiwa komunikasi, sebagaimana dikatakan oleh Fasold:

*Traditionally, at least, if there is to be a nonreciprocal pattern on the basis of sex, it is the woman who receives the more deferential address form. We have already seen how this works out in Quebec in the differential use of **tu** and **vou** to adolescent girls and boys by male adults. (Fasold, 1996, p.30).*

Hal ini berlaku disebabkan oleh wujudnya kekuasaan sosial perempuan yang lebih kuat berbanding lelaki pada masyarakat tersebut. Meskipun faktor gender dan usia ini terpisah dengan faktor kekuasaan, kedua-duanya ialah setara dengan faktor kekuasaan sosial. Pemilihan penggunaan bentuk panggilan ini juga ditentukan oleh tingkat keformalan suatu peristiwa komunikasi dan juga berhubung kait dengan perihal kesopanan (Holmes, 2001). Lebih lanjut dikatakan, beberapa dapatan kajian lepas mengenai sistem panggilan ini telah pula membuktikan bahawa sistem panggilan orang Asia ialah lebih kompleks berbanding dengan sistem panggilan orang Eropah (Fasold, 1996).

Berdasarkan beberapa rujukan tersebut, sistem panggilan bagi orang Asia, khasnya bagi orang Melayu, bukanlah perkara yang sederhana. Sistem tersebut terkait dengan sistem sosiobudaya, antara lain berhubung kait dengan sistem susun lapis dan sistem nilai yang berlaku pada masyarakat tersebut. Selain itu, penggunaan bentuk panggilan itu juga merupakan pilihan perseorangan sesuai minat dan boleh pula ditentukan oleh konteks bilamana suatu peristiwa komunikasi berlangsung dan

bagaimana bentuk hubungan antara peserta yang sedang berkomunikasi dalam peristiwa berkenaan (Afful, 2007, p.195). Bagi orang Vietnam, contohnya, sistem rujukan orang malahan mempunyai banyak pilihan yang boleh digunakan secara bertukar-tukar, sama ada merujuk kepada orang yang memanggil atau menyapa ataupun yang disapa, sebagaimana dikatakan dalam petikan ini:

The highly intricate Vietnamese system of person reference comprises scores of lexical items (kinship terms; proper nouns; personal pronouns; and "status" terms) which are alternatively used to refer to the addressor, the addressee(s), as well as third parties in social interactions. (Luong, 1990, p.4).

Berkaitan dengan ini, Luong juga mengatakan bahawa selain merupakan strategi untuk berinteraksi sosial sesuai konteks, pilihan tersebut juga mencerminkan model-model daripada dan untuk realiti sosiobudaya.

Merujuk kepada dapatan kajian-kajian tersebut serta dengan mengambil kira beberapa realiti kewujudan masyarakat Melayu Sambas sebagai suatu komuniti etnik dan sekali gus komuniti bahasa yang berada di Kalimantan Barat, Indonesia, penyelidik berminat untuk membuat penyelidikan ini, khasnya kajian mengenai sistem panggilan dalam komuniti tersebut. Komuniti ini ialah salah satu kelompok komuniti sub etnik Melayu yang terdapat di Kalimantan Barat.

Orang Melayu pada amnya ialah orang Islam. Demikian pula masyarakat Melayu Sambas, pada amnya mereka beragama Islam. Namun begitu begitu, mereka berbeza dari komuniti etnik Melayu lain atau etnik lain yang ada di Kalimantan Barat berdasarkan beberapa ciri-ciri penanda batasan (*boundary markers*). Kelompok ini boleh dikenal pasti melalui dialek yang mereka gunakan, iaitu dialek Melayu Sambas. Dialek ini dikenal oleh orang tempatan dan persekitarannya sebagai bahasa Sambas. Selain itu, masyarakat persekitaran menganggap orang Sambas sebagai kaum yang memiliki

kesetiakawanan yang kuat atau ikatan hubungan sosial emosional yang lebih erat antara sesama anggota keluarga berbanding dengan kelompok komuniti Melayu lain di Kalimantan Barat. Tidak kira sama ada hubungan kekeluargaan itu dekat ataupun jauh. Di samping itu, mereka juga mempunyai adat istiadat dan tradisi yang khas, sepertimana tampak dalam tatacara mengamalkan upacara perkahwinan, kelahiran anak, dan lain-lain. Ciri-ciri khas karya budaya kebendaan milik komuniti Melayu Sambas ini juga sangat dikenali, contohnya daripada seni tari, seni tenun (kain songket), pakaian adat, makanan khas, dan sebagainya (H. Muhanni Abdur, 2006; H. Arpan, 2009)

Secara geografi, kediaman kelompok komuniti ini tertumpu di bahagian wilayah pesisir Utara Kalimantan Barat, iaitu di Kabupaten Sambas, Kota Singkawang dan di sebahagian kawasan Kabupaten Bengkayang. Meskipun demikian, pada masa ini sebahagian orang Sambas sudah merata-rata menetap di pelbagai kawasan Kalimantan Barat, terutama di Kota Pontianak dan di kawasan lain di Indonesia.

Bersamaan dengan itu, komuniti etnik Melayu Sambas yang diam di Kabupaten Sambas ini tidak pula tinggal jauh dari komuniti etnik lain di sekitar mereka. Ini disebabkan di kawasan Sambas juga ramai orang daripada kaum etnik lain diam di sana. Dalam kehidupan sehari-hari mereka sentiasa bergaul dengan baik satu sama lain, sebagaimana ciri khas masyarakat Indonesia pada umumnya, iaitu masyarakat yang majmuk. Di samping berbahasa Sambas, pada umumnya mereka juga berbahasa Indonesia, sebagai bahasa nasional.

Berkenaan dengan beberapa ciri struktur masyarakatnya dan ciri-ciri khas bahasa yang digunakan oleh komuniti etnik Sambas tersebut, sepatutnya mereka boleh menjadi objek yang menarik minat untuk sebuah penyelidikan atau kajian tentang sistem

panggilan. Utamanya, kajian yang bermatlamat untuk mendapatkan pelbagai bentuk kata panggilan yang boleh wujud dalam macam-macam bentuk bahasa, sama ada itu kata nama, kata ganti nama diri, jenama kekeluargaan ataupun bentuk-bentuk bahasa lainnya. Meskipun pilihan penggunaan bentuk panggilan itu boleh bersifat perseorangan, semestinya pilihan itu tidak berlaku sembarangan, melainkan mesti mengikut kaedah tertentu yang berhubung kait dengan sistem nilai dan sistem sosiobudaya masyarakat tempatan.

Oleh itu, penyelidikan ini dimaksudkan untuk mengenal pasti bentuk panggilan yang wujud dalam komuniti bahasa Melayu Sambas dan sistem penggunaannya dalam berbagai-bagai konteks hubungan sosial, sama ada dalam komunikasi di dalam ataupun di luar konteks hubungan kekeluargaan, iaitu berdasarkan tingkat keformalan peristiwa komunikasi yang berlangsung.

1.3. Permasalahan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk meninjau kewujudan variasi bentuk-bentuk panggilan dalam komuniti bahasa Melayu Sambas mengikut variasi konteks keformalan atau ketidakformalan dalam hubungan sosial kekeluargaan dan dalam hubungan sosial di luar itu. Adapun konsep hubungan kekeluargaan atau persanakan yang dimaksudkan ialah merujuk kepada konsep persanakan sedarah, persanakan semenda, dan persanakan spiritual atau hubungan sosial seumpama hubungan persanakan oleh Djamour (1979) dan Banks (1983). Selain itu, kajian ini juga bermatlamat untuk mentafsirkan bagaimana sistem panggilan dalam komuniti tersebut boleh berhubung kait dengan sistem sosiobudaya komuniti bahasa Melayu Sambas

Dalam komunikasi interpersonal antara sesama anggota keluarga dalam sebarang bahasa, selalunya berlaku penggunaan bentuk panggilan tertentu yang bervariasi mengikut sistem kekeluargaan atau sistem sosiobudaya yang berlaku dalam masing-masing komuniti tersebut. Sebagaimana yang telah pun diuraikan di bahagian latar belakang kajian, komuniti bahasa Melayu Sambas mempunyai latar belakang sosiobudaya yang tersendiri, sebagaimana komuniti etnik Melayu pada umumnya. Oleh itu, semestinya mereka memiliki berbagai-bagai istilah atau bentuk panggilan dengan peraturan atau kaedah penggunaannya yang tersendiri pula.

Komuniti bahasa Melayu Sambas merupakan bahagian daripada masyarakat Melayu pada umumnya. Masyarakat Melayu boleh dikenal daripada beberapa ciri, antara lain daripada kewujudan sistem susun lapis masyarakatnya. Demikian pula dengan ciri-ciri sistem kekeluargaan dan sistem nilai budaya yang berlaku. Kewujudan ciri-ciri tersebut bersifat unik dan tersendiri (silalah rujuk Djamour, 1979; Banks, 1983; dan Amat Juhari Bin Moain, 1989).

Sebagaimana diketahui, institusi keluarga merupakan suatu unit sosial terkecil dalam masyarakat. Lazimnya, masing-masing unit tersebut memiliki ciri-ciri tersendiri. Walau bagaimanapun, sistem kekeluargaan daripada suatu golongan masyarakat dipengaruhi oleh sistem sosiobudaya masyarakat tersebut. Itu boleh dikenal pasti melalui struktur dan sistem kekeluargaan yang berlaku dalam masyarakat berkenaan. Contohnya, keluarga dengan sistem paternal memiliki istilah-istilah kekeluargaan atau jenama kekeluargaan yang berbeza berbanding dengan keluarga dengan sistem maternal. Demikian pula dengan sistem kekeluargaan masyarakat yang menganut sistem dua sisi atau dua nisab (silalah rujuk Evans-Pritchard, 1966; Keesing, 1975; Banks, 1983).

Sebahagian daripada jenama kekeluargaan tersebut selalunya digunakan sebagai kata panggilan dalam berkomunikasi antara sesama ahli keluarga berkenaan. Jenama kekeluargaan tersebut menjadi rujukan untuk menunjukkan status dan hubungan peranan antara orang yang dipanggil itu dengan yang memanggil (*ego*). Walau bagaimanapun, tidak semua rujukan jenama kekeluargaan itu boleh terus digunakan sebagai bentuk panggilan.

Kajian tentang sistem kekeluargaan selalunya dilakukan oleh para pakar antropologi dengan perspektif yang berbeza dengan kajian-kajian linguistik. Dalam pada itu, kajian-kajian bentuk panggilan terdahulu dalam perspektif sosiolinguistik pada amnya hanya dilakukan dengan tumpuan pada masyarakat-masyarakat bahasa di Eropah. Hanya sedikit dilakukan di Afrika dan di Asia. Malahan kajian-kajian tersebut belum membahas bentuk-bentuk panggilan dalam hubungan kekeluargaan secara kontekstual, sebagaimana kajian yang dilakukan untuk projek tesis ini.

Kajian bentuk panggilan pada komuniti bahasa Melayu Sambas, pada khasnya, juga belum dilakukan secara mendalam dan ilmiah sesuai kaedah-kaedah yang pada amnya berlaku dalam kajian sosiolinguistik. Adapun yang telah penyelidikan yang dilakukan ialah hanya terhad pada pengumpulan data tentang kata-kata panggilan yang wujud dalam bahasa Melayu Sambas yang kemudian disenaraikan tanpa menggunakan kaedah analisis ilmiah (Muzammil, 1997), sebagaimana yang lazim diterapkan dalam kajian sosiolinguistik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis sistem panggilan dalam hubungan kekeluargaan secara kontekstual melalui pendekatan etnografi komunikasi. Pendekatan ini merupakan salah satu pendekatan yang sudah sangat dikenal dalam bidang sosiolinguistik.

Sebagaimana yang telah diterangkan, kelompok komuniti bahasa Melayu Sambas ini berlatar belakang sosiobudaya Melayu yang berbeza dengan kelompok-kelompok masyarakat yang telah disebutkan terdahulu dalam berbagai-bagai situasi hubungan sosial, khasnya dalam hubungan kekeluargaan. Oleh itu, melalui kajian ini akan diperoleh dapatan kajian yang akan menjelaskan perwujudan bentuk-bentuk panggilan yang berlaku dalam konteks, serta menjelaskan bagaimana hubungan kait antara sistem panggilan dengan sistem sosiobudaya yang berlaku dalam komuniti tersebut. Selain itu, dengan ciri khas budaya komuniti Melayu Sambas yang tersendiri, hasil kajian ini diharapkan boleh menambah khazanah kajian dalam bidang sociolinguistik bahasa Melayu di Nusantara.

Disebabkan kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti wujudnya variasi bentuk panggilan dalam hubungan perseorangan secara dua hala (*dyadic*) di dalam dan di luar hubungan kekeluargaan berdasarkan analisis komponensial dan kontekstual, beberapa jenis peristiwa komunikasi (*communicative events*) dipilih sebagai kekangan konteks penggunaan kata panggilan itu. Peristiwa komunikasi itu melibatkan penutur-penutur daripada komuniti bahasa Melayu Sambas dan juga komuniti lain yang tinggal di Sambas, dengan pelbagai kedudukan dan peranan. Peristiwa komunikasi itu digolongkan ke dalam kategori peristiwa komunikasi formal dan tak formal. Dalam tiap-tiap kategori peristiwa komunikasi tersebut akan melibatkan orang yang memegang peranan sebagai ahli keluarga yang sedarah ataupun semenda.

Selain itu, peristiwa komunikasi tersebut juga boleh melibatkan orang yang terikat dalam hubungan sosial yang lebih luas, seperti sebagai sesama ahli jiran, sesama rakan, ataupun orang yang terlibat dalam hubungan jual beli. Bagi sesama orang Melayu Sambas, hubungan sosial yang demikian itu dianggap sebagai hubungan sosial yang intim

seumpama hubungan kekeluargaan. Oleh itu, dalam penyelidikan ini situasi hubungan kekeluargaan sedarah dan semenda serta hubungan sosial yang intim seumpama hubungan kekeluargaan menjadi konsep-konsep yang dirujuk, yang juga menjadi latar belakang wujudnya peristiwa komunikasi formal dan tak formal sehingga boleh diterokai apa-apa bentuk panggilan yang boleh wujud dalam berbagai-bagai peristiwa komunikasi dimaksudkan.

Adapun perkara-perkara yang dibincangkan dalam kajian ini ialah dalam kerangka menjawab senarai soalan penyelidikan berikut ini:

- 1.3.1 Bagaimana perwujudan sistem panggilan yang berlaku dalam komuniti bahasa Melayu Sambas dalam situasi hubungan kekeluargaan dan situasi hubungan sosial yang intim mengikut model komponensial?
- 1.3.2 Bagaimana perwujudan sistem panggilan dalam komuniti bahasa Melayu Sambas dalam situasi sosial hubungan kekeluargaan dan situasi hubungan sosial yang intim mengikut model analisis kontekstual?
- 1.3.3 Bagaimana sistem panggilan boleh berhubung kait dengan sistem sosiobudaya komuniti bahasa Melayu Sambas?

1.4. Objektif Kajian

Selari dengan huraian senarai soalan kajian, objektif kajian ini boleh disimpulkan dalam senarai pernyataan berikut ini:

- 1.4.1 Mengenal pasti dan menghuraikan sistem panggilan dalam komuniti bahasa Melayu Sambas dalam situasi hubungan kekeluargaan dan situasi hubungan sosial yang intim mengikut model analisis formal atau analisis komponensial.

- 1.4.2 Menganalisis dan menghuraikan sistem panggilan dalam komuniti Bahasa Melayu Sambas dalam situasi hubungan kekeluargaan dan situasi hubungan sosial yang intim mengikut model analisis kontekstual.
- 1.4.3 Mentafsir dan menjelaskan hubung kait antara sistem panggilan dengan sistem sosiobudaya komuniti Bahasa Melayu Sambas.

1.5. Batasan Kajian/ Skop Penyelidikan

Mengikut permasalahan dan tujuan kajian, penyelidikan ini bertumpu kepada sistem panggilan yang berlaku dalam komuniti etnik Melayu Sambas yang bertempat tinggal di kawasan Kabupaten Sambas. Sistem panggilan yang dimaksudkan ialah dalam komunikasi interpersonal antara perseorangan yang terikat dalam hubungan kekeluargaan sedarah, semenda dan hubungan sosial yang intim. Adapun sistem panggilan tersebut dianalisis mengikut dua jenis model analisis, iaitu model analisis komponensial dan model analisis kontekstual. Selain konteks bentuk hubungan sosial sebagai latar situasi komunikasi, juga diambil peristiwa komunikasi sebagai kekangan konteks.

Peristiwa komunikasi yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah peristiwa komunikasi yang bersifat formal dan yang tak formal. Situasi komunikasi formal dalam ikatan hubungan persanakan sedarah atau semenda contohnya ialah ucapan-ucapan atau alu-aluan dalam upacara pernikahan (akad nikah), sedangkan situasi komunikasi tak formal contohnya ialah perbincangan atau perbualan sehari-hari antara anggota keluarga, iaitu antara adik-beradik, suami dan isteri, antara ibu/bapa dan anak-anak ataupun perbualan antara anggota-anggota keluarga yang lain. Adapun peristiwa komunikasi formal dalam hubungan sosial yang intim contohnya ialah mesyuarat di pejabat, ceramah

di majlis taklim atau majlis belajar agama Islam. Peristiwa komunikasi lain yang tak formal dalam hubungan semacam ini, contohnya ialah tawar menawar dalam jual beli di kedai-kedai atau pasar tradisional, perbualan-perbualan sesama rakan, baik rakan kerja ataupun rakan-rakan yang lain.

Bentuk-bentuk panggilan yang dimaksudkan dalam kajian ini tidak hanya terhad pada kata ganti orang kedua atau jenama kekeluargaan semata-mata, melainkan boleh mencakupi berbagai-bagai bentuk bahasa (*linguistic forms*), kata ataupun frasa, yang boleh wujud sebagai bentuk panggilan atau sapaan dalam komuniti Bahasa Melayu Sambas. Secara am, bentuk-bentuk panggilan dalam bahasa-bahasa di dunia boleh tergolong dalam kelas kata ganti nama diri, kata nama khas dan am, kata-kata gelaran dan rujukan dan istilah-istilah persanakan atau jenama kekeluargaan (*kinship terms*). Demikian pula kemungkinan yang berlaku dalam komuniti Bahasa Sambas.

Khas dalam kes penggunaan jenama kekeluargaan secara tradisional, kajian-kajian yang telah dilakukan pada amnya hanya menjelaskan bahawa jenama kekeluargaan selalunya hanya berfungsi untuk menunjukkan orang yang dirujuk dengan kewujudan garis hubungan kekeluargaan itu sendiri. Penjelasan itu tidak memerhatikan konteks sosial dan bahasa dalam mana jenama kekeluargaan itu digunakan sehingga hanya menghasilkan penjelasan tentang struktur dalam satu kesatuan (*single, unitary structure*) (Tyler, 1972, p.251).

Pada kenyataan, bilamana suatu jenama kekeluargaan itu digunakan dalam konteks, sebagaimana yang berlaku dalam suatu peristiwa komunikasi, kata-kata itu boleh merujuk kepada ketiga-tiga pihak yang berkomunikasi, iaitu orang yang menyapa, yang disapa atau orang ketiga yang dibicarakan dengan atau tanpa kehadirannya

(Luong,1990, p.39). Oleh itu, kajian ini juga menumpukan pada penggunaan bentuk-bentuk panggilan (*forms of address* atau *address forms*)¹ berkenaan serta penggunaannya dalam konteks peristiwa komunikasi yang diasaskan pada tingkat keformalan. Sesuai dengan permasalahan dan objektif kajian ini, model analisis yang diterapkan ialah model analisis komponensial dan model analisis kontekstual. Untuk analisis kontekstual digunakan pendekatan etnografi komunikasi (Hymes, 1976; Saville-Troike, 1989/2006).

Selain kekangan konteks mengikut situasi bentuk hubungan dan tingkat keformalan peristiwa tuturan, penyelidikan ini perlu menentukan tumpuan kawasan tempat penyelidikan ini dilakukan. Dengan keluasan kawasan permukiman orang Sambas di Kabupaten Sambas, tumpuan kawasan penyelidikan terhad pada tiga kawasan perkampungan di Sambas. Masing-masing satu kampung daripada tiga kawasan Kecamatan yang berlainan. Tumpuan kawasan ini ditetapkan mengingat ciri-ciri masyarakat desa atau kampung pada amnya ialah masyarakat yang lebih seragam (*homogeneous*) berbanding dengan masyarakat perkotaan, dengan struktur yang lebih sederhana dan hubungan sosial yang lebih rapat.

Walau bagaimanapun, orang yang diam di kampung di Sambas, selalunya bukan hanya orang dari komuniti tersebut melainkan juga ada orang daripada pelbagai kaum lainnya. Mereka itu berlainan asal usul bahasa atau pun asal usul yang lain. Kemajmukan ini memungkinkan wujudnya pengaruh-pengaruh luar ke atas pelbagai pola kehidupan komuniti bahasa Melayu Sambas, termasuk dalam cara-cara berbahasa dan dalam hal menggunakan bentuk-bentuk panggilan. Dengan demikian, keadaan ini akan memberikan corak kepada sistem panggilan yang berlaku dalam komuniti tersebut.

¹ *Address forms are the words speakers use to designate the person they are talking to while they are talking to them. In most languages, there are two main kinds of address forms: names and second-person pronouns (Fasold, 1996, p1)*

1.6. Kepentingan Kajian

Bahasa dan kebudayaan bagaikan dua sisi mata wang yang tidak boleh dipisahkan. Pembahasan yang satu selalunya dikaitkan dengan yang lainnya. Bahasa melambangkan budaya. Keesing (1976) berpendapat bahawa bahasa dan kebudayaan merupakan dua sistem kognitif yang selari. Daripada pendapat lain dikatakan bahawa kompeten bahasa merupakan salah satu ragam kompeten budaya; perilaku bertutur merupakan salah satu ragam perilaku sosial (Casson, 1981, p. 19). Dengan demikian, pengetahuan tentang sistem panggilan daripada suatu komuniti bahasa merupakan bahagian daripada pengetahuan sociolinguistik dan sekaligus merupakan bahagian daripada pengetahuan sistem sosiobudaya daripada komuniti tersebut.

Daripada beberapa kajian terdahulu tentang bentuk atau kata panggilan telah terbukti wujudnya hubungan antara sistem panggilan dengan struktur sosial, dan nilai sosial lainnya. Contohnya, berkaitan dengan kekuasaan, kesetiakawanan, kesopanan, keintiman, jarak sosial dan lain-lain dalam paradigma hubungan sosial. Seterusnya, sistem tersebut berimplikasi pada strategi komunikasi (huraian rinci tentang ini akan dijelaskan dalam Bab 2). Sebahagian besar kajian tersebut mengambil objek komuniti bahasa yang digunakan di Eropah, Amerika dan sebahagian kecil di Afrika, Parsi dan Asia seperti di Cina, Vietnam, sedikit di Singapura, dan sedikit pula di Malaysia.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian yang sudah dilakukan itu belum sepenuhnya menggambarkan kaedah-kaedah yang berlaku dalam sistem panggilan yang berlaku bagi komuniti bahasa Melayu di Nusantara, khasnya bagi komuniti bahasa Melayu Sambas. Ini disebabkan masing-masing komuniti etnik Melayu yang ada itu memiliki ciri-ciri sistem sosiobudaya tersendiri, yang berbeza antara satu dengan yang lain. Lagi pula, kajian-kajian yang ada itu tidak membahas sistem panggilan dan sistem

kekeluargaan secara terus dan bersamaan tujuan, tetapi hanya memberikan tumpuan terpisah antara kedua-duanya. Yang ada pun hanya terhad pada analisis formal atau komponensial dan mengabaikan analisis penggunaan kata-kata itu mengikut konteksnya, sebagaimana yang telah dikritik oleh Tyler (1972, p.251).

Oleh itu, selain diperlukan analisis komponensial tentang perwujudan bentuk-bentuk panggilan itu, juga diperlukan analisis kontekstual. Melalui analisis etnografi komunikasi, kajian ini akan memberikan penjelasan tentang penggunaan bentuk panggilan yang berlaku dalam komuniti bahasa Melayu Sambas dalam situasi hubungan kekeluargaan dalam erti yang luas dengan kekangan konteks peristiwa komunikasi formal dan tak-formal. Dengan menggunakan model analisis semacam ini, akan didapati penjelasan bagaimana sistem panggilan berhubung kait dengan sistem sosiobudaya komuniti bahasa tersebut.

Seterusnya, hasil kajian ini diharapkan akan menambah khazanah dapatan tentang sistem panggilan yang wujud dalam masyarakat Melayu, pada amnya. Lebih khusus, analisis sistem panggilan mengikut konteks, baik dalam hubungan persanakan mahupun dalam hubungan sosial yang lebih luas, juga akan boleh memberikan gambaran perwujudan variasi bentuk panggilan berdasarkan pada minat atau strategi individu atau kelompok dalam membina hubungan sosial yang baik. Sebagaimana yang diketahui, dalam hubungan kekeluargaan terdapat jenama kekeluargaan yang telah sedia ada dalam komuniti bahasa di mana keluarga itu berasal. Namun begitu begitu, tiap-tiap keluarga itu juga boleh menggunakan serangkaian pilihan bentuk jenama kekeluargaan tersendiri secara sewenang-sewenang. Oleh itu, penjelasan formal berdasarkan analisis komponensial semata-mata tidak dapat menjelaskan kes ini.

Dalam pada itu, beberapa kajian lalu telah pula membuktikan bahawa sistem panggilan itu boleh mengalami perubahan dari masa ke masa mengikut perubahan sosial dan budaya yang berlaku (sila rujuk Amat Juhari Moain, 1985/1989; Ferguson, 1991; Mohammad Aliakbari dan Arman Toni, 2008). Lagi pula, perubahan sosial ialah sesuatu yang tak boleh dielakkan kerana akses pertembungan sosiobudaya yang sangat terbuka dan telah bersifat global. Hal ini boleh mengakibatkan sistem panggilan yang berlaku dalam kalangan komuniti bahasa Melayu Sambas sekarang ini, baik dalam hubungan kekeluargaan ataupun dalam hubungan sosial yang lebih luas, akan berubah pula. Sistem yang ada itu bahkan mungkin menjadi pupus di masa hadapan. Dengan demikian, kajian ini menjadi sangat penting kerana hasilnya akan menjadi salah satu bahan rujukan bagi kajian berkenaan pada masa hadapan.

1.7. Konsep-Konsep Operasional

Untuk menghindarkan kesilapan dalam memahami konsep-konsep yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini perlu diterangkan beberapa konsep berkenaan, sebagaimana yang disenaraikan berikut ini.

1.7.1 Kata Panggilan

Adapun yang dimaksudkan dengan kata panggilan (bahasa Inggeris: *address forms* atau *forms of address*) dalam penyelidikan ini ialah merujuk kepada pendapat Fasold, iaitu:

Address forms are the words speakers use to designate the person they are talking to while they are talking to them. In most languages, there are two main kinds of address forms: names and second person pronouns. (Fasold, 1996, p.1).

Merujuk pendapat tersebut, dalam penyelidikan ini digunakan istilah kata panggilan atau bentuk panggilan secara bertukar-tukar untuk merujuk pada konsep yang sama. Walau bagaimanapun, dalam penyelidikan ini bentuk-bentuk panggilan yang dimaksudkan tidak hanya terhad pada kedua-dua jenis kata, kata nama diri (pada penulisan seterusnya digunakan singkatan 'ND') dan kata ganti nama diri (seterusnya digunakan singkatan 'GND') kedua, melainkan juga bentuk-bentuk panggilan lain yang boleh berlaku dalam bahasa Melayu pada amnya. Contohnya, kata nama, kata gelaran, kata rujukan atau julukan, jenama kekeluargaan (seterusnya digunakan singkatan 'JK') dan sebagainya, sebagaimana pendapat Ferguson berikut ini:

From the original focus on the use of different second person pronouns this research has moved steadily to the analysis of larger systems of address forms that include pronouns, kin terms, names, titles, epithets, and interjection. (Ferguson, 1991, p.183).

Penggunaan kata-kata panggilan ini selalunya berlangsung dalam konteks peristiwa komunikasi. Adapun fungsi kata-kata panggilan dalam suatu peristiwa komunikasi ialah sebagai simbol status, kedudukan dan bentuk hubungan dua hala (*dyadic*) antara orang yang dipanggil/disapa dengan orang yang memanggil/menyapa serta orang yang ada di sekitaran mereka. Namun begitu, makna kata berkenaan tidak selalunya dengan kandungan makna yang bersifat statik seperti yang sedia ada, melainkan boleh bertukar-tukar secara dinamik. Oleh itu, pemahaman makna penggunaan suatu kata panggilan yang sebenar mesti berdasarkan konteks, iaitu di mana, bila mana, apa tujuan daripada peristiwa komunikasi tersebut serta sesiapa orang yang terlibat di dalamnya. Ini merujuk pada pendapat berikut ini:

... Just two short words, operating in all speech events that involve two interlocutors, signaled the relative position of each pole in hundreds of dyadic relationship ... Not only are they rich indications of common usage but they also bear witness to dynamics of use and implicit meaning. (Friedrich, 1972, p.270).

Adapun yang dimaksudkan dengan dua kata oleh Friedrich ialah dua bentuk kata ialah dua bentuk kata GND kedua dalam bahasa Rusia ('ty' dan 'vy'), yang penggunaannya bersifat dinamik dan mengandungi makna-makna yang mesti difahami berdasarkan konteks. Dalam perkaitan ini, dalam bahasa Melayu Sambas dikenal lebih banyak lagi bentuk panggilan yang wujud dalam peristiwa komunikasi, tidak hanya terhad kepada kedua-dua bentuk kata GND kedua. Oleh itu, untuk memahami makna-makna yang mana satu yang dimaksudkan dengan penggunaan bentuk panggilan yang berbagai-bagai diperlukan pemahaman konteks.

1.7.2 Variasi

Dalam bahasa Melayu Sambas bentuk panggilan tidak terhad kepada bentuk-bentuk kata KND kedua tetapi bervariasi dalam berbagai-bagai bentuk kata atau frasa. Berdasarkan konsep tentang variasi diketahui bahawa bentuk panggilan yang berlaku dalam suatu komuniti bahasa ialah bervariasi sebagaimana dikatakan oleh Fasold:

But the truth is that there is considerable variation in address form usage, across languages, across national boundaries, across social groups within the same country, from one individual to the next, and even in the behavior of the same person from one instance to another. ... I am able to identify at least two sources of variation in the use of address forms. First, there are group differences. Second, even within the same social groupings, there is considerable freedom to select one or other of the acceptable general patterns on an individual basis. Sometimes individuals vary from their own usual usage to convey temporary moods and feelings. (Fasold, 1996, p.16)

Dalam pada itu, Afful (2007) mentakrifkan variasi sebagai sejumlah cara berbeza tak terbatas yang boleh dijadikan rujukan mengikut hubungan orang yang memanggil dengan orang yang dipanggil, terpulang kepada faktor-faktor sosial dan budaya, sejarah dan faktor-faktor situasi lainnya. Dalam pada itu, dalam masyarakat Melayu di Malaysia, Brunei dan Thailand wujud variasi bentuk panggilan dengan satu

aturan atau sistem yang tertentu. Selain kata GND, bentuk-bentuk panggilan itu wujud dalam bentuk kata ND, kata-kata gelaran, sapaan dan panggilan, rujukan kehormat, dan kata-kata panggilan daripada JK (Amat Johari Moain, 1989; Sumalee Nimmanupap, 1994). Oleh itu, variasi bentuk panggilan yang boleh wujud dalam komuniti bahasa Melayu Sambas ialah merujuk pada konsep-konsep variasi yang telah diterangkan ini.

1.7.3 Sistem

Istilah sistem boleh ditakrifkan dalam beberapa pengertian, sebagaimana pendapat Doddy Sumbodo Singgih (2007) yang mengatakan bahawa pengertian sistem boleh terbahagi menjadi tiga macam. Pertama, sistem bermakna sehimpunan gagasan atau idea yang tersusun, terorganisasi dan membentuk suatu kesatuan yang logis dan kemudian dikenal sebagai buah fikiran filsafat tertentu, agama, atau bentuk pemerintahan tertentu. Kedua, pengertian sistem digunakan untuk menunjuk sekelompok atau sehimpun atau satu kesatuan (*unity*) benda-benda tertentu, yang memiliki hubungan secara khusus. Ketiga, sistem yang digunakan untuk menunjukkan metode atau kaedah-kaedah.

Dalam perkaitan dengan sistem bahasa, Asmah Haji Omar (2011) mengatakan bahawa:

... sistem dilihat berdasarkan paksi pilihan (*axis of choice*). Paksi pilihan boleh kita letakkan dalam satu paradigma, yakni perangkat atau pola bentuk dan fungsi. Misalnya, dalam contoh (5) (i) di atas, *loceng* boleh digantikan dengan *biduk*, *jam gerak*, dan *wisel*. (p.11)

Seterusnya beliau mengatakan bahawa keempat-empat kata itu boleh digunakan dalam ayat-ayat dengan struktur pola yang sama dan masing-masing kata itu mempunyai hubungan paradigmatic satu sama lain sehingga kata-kata itu memasuki satu sistem yang

sama. Sistem menggambarkan unsur-unsur dalam fungsi tertentu yang menunjukkan adanya hubungan paradigmatis satu sama lain.

Dalam penyelidikan ini istilah 'sistem' digunakan dalam dua kategori konsep yang berlainan. Pertama ialah dalam konteks 'sistem panggilan' dan yang kedua ialah dalam konteks 'sistem kekeluargaan' dan 'sistem sosiobudaya'. Adapun pengertian sistem dalam konteks sistem panggilan, ialah merujuk kepada pengertian sistem yang ketiga. Dengan perkataan lain, yang dimaksudkan dengan sistem panggilan ialah kaedah-kaedah tentang cara-cara memilih bentuk panggilan yang berlaku sedia ada dan cara-cara memilih berdasarkan konteks peristiwa komunikasi.

Dalam pada itu, pengertian sistem yang dimaksudkan dalam konteks sistem kekeluargaan dan sistem sosiobudaya merujuk pada pengertian sistem yang pertama dan kedua. Dengan demikian, sistem kekeluargaan ialah suatu himpunan orang yang terikat hubungan darah atau hubungan perkahwinan. Di dalamnya terdapat unsur-unsur peringkat generasi, gender dan usia. Setiap anggota keluarga mempunyai peranan dan terikat dengan hak dan kewajiban masing-masing. Sistem kekeluargaan yang dimaksudkan ialah merujuk pada sistem kekeluargaan komuniti bahasa Melayu Sambas yang menganut sistem garis dua sisi (*cognatic*).

Sistem sosiobudaya yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini ialah sekumpulan orang yang mempunyai ciri-ciri fizikal dan keperibadian masyarakat dengan unsur-unsur yang saling pengaruh-mempengaruhi, antara lain faktor ekologi dan demografi, iaitu di mana masyarakat itu berada serta berkenaan dengan jumlah dan susunan populasi dan ciri-ciri masyarakat itu, serta faktor kebudayaan, iaitu berkenaan dengan nilai-nilai sosial, sistem kepercayaan dan norma-norma dalam masyarakat. Faktor lain ialah unsur-unsur

keperibadian, iaitu menyangkut sikap mental, semangat, temperamen, dan ciri-ciri psikologi lainnya (Jacobus Ranjabar, 2006). Adapun penjelasan sistem sosiobudaya yang berlaku bagi komuniti bahasa Melayu Sambas ini merujuk pada pendapat-pendapat tersebut.

1.7.4 Konteks

Pengertian konteks dalam kajian ini ialah merujuk pada pendapat Young (2008, p.18) yang mengatakan bahawa konteks ialah sesuatu yang merujuk kepada suatu tempat, suatu masa, atau kondisi-kondisi dalam mana perkara-perkara lain berlaku. Perkara yang berlaku tersebut merupakan kejadian utama yang penting dan konteks merupakan latar belakang dalam mana kejadian itu berlaku. Konteks sekurang-kurangnya boleh terpecah menjadi empat kategori², iaitu (1) konteks ruang dan masa (*spatiotemporal*), (2) konteks sosial and budaya, (3) konteks sejarah, dan (4) bahasa itu sendiri sebagai konteks.

Pemahaman konteks dalam kerangka memahami mengapa dan bagaimana suatu bentuk panggilan dipilih dan digunakan dalam suatu peristiwa komunikasi ialah penting mengingat konteks boleh mempengaruhi perwujudan makna yang terkandung dalam bentuk-bentuk panggilan berkenaan. Oleh itu, untuk mengenal pasti bagaimana sistem panggilan yang sebenar berlaku dalam suatu peristiwa tuturan terlebih dahulu diperlukan untuk mengenal pasti konteks yang menjadi latar belakang keberlangsungan suatu peristiwa komunikasi.

Secara khusus, konsep konteks yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini meliputi konsep-konsep 'situasi komunikasi', 'peristiwa komunikasi' dan 'lakukan

² Untuk penjelasan lebih terperinci sila rujuk Young (2008, p.16-27)

komunikasi' (*communicative act*). Adapun situasi komunikasi yang diambil dalam kajian ini ialah situasi komunikasi yang bersifat formal atau pun tak formal dengan latar belakang situasi hubungan sosial kekeluargaan sedarah dan semenda serta hubungan sosial yang intim semacam hubungan kekeluargaan, seperti hubungan kejiwaan, hubungan rakan dan hubungan jual beli.

Dalam pada itu, yang dimaksudkan dengan konsep peristiwa komunikasi ialah peristiwa komunikasi yang melibatkan orang yang berada dalam hubungan kekeluargaan sedarah atau semenda. Contohnya perbualan dan diskusi keluarga (tak formal) dan alu-aluan atau pertuturan-pertuturan lain yang berlangsung dalam upacara pernikahan (formal). Peristiwa komunikasi lain ialah peristiwa komunikasi yang melibatkan orang dalam hubungan rakan atau kejiwaan. Contohnya diskusi atau perbincangan dalam mesyuarat jawatankuasa dalam sebuah pejabat, mesyuarat desa yang melibatkan pengarah (kepala) desa dengan anggota masyarakat lainnya serta pertuturan yang berlangsung dalam pertemuan keraian agama atau ceramah dalam majlis taklim.

Peristiwa komunikasi lain ialah transaksi jual beli (tak formal) antara penjual dan pembeli dalam bentuk perbualan atau tawar menawar. Kedua-dua jenis situasi dan peristiwa komunikasi ini sekali gus menjadi kekangan latar belakang bila mana, di mana, sesiapa orang yang terlibat dalam peristiwa komunikasi tersebut, dalam hubungan apa, serta apa tujuan daripada peristiwa komunikasi berkenaan sehingga pilihan suatu bentuk panggilan boleh digunakan.

1.7.5 Komuniti Bahasa Melayu Sambas

Komuniti bahasa atau *speech community* ditakrifkan sebagai suatu komuniti yang berkongsi aturan untuk berkelakuan, untuk menafsirkan tuturan, dan aturan untuk menafsirkan sedikitnya satu ragam bahasa (Hymes, 1972). Dalam pada itu, Saville-Troike (2006) menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan berkongsi (*shared*) di sini ialah berkongsi dalam berbagai-bagai perkara, antara lain berkongsi bentuk dan penggunaan bahasa, batas politik dan geografi, konteks daripada interaksi, sikap dan nilai berkenaan dengan bentuk bahasa, berkongsi pemahaman sosiobudaya, praandaian (*presupposition*) atau ciri-ciri fizikal. Adapun kelompok penutur atau *speech community* dengan ciri-ciri dimaksudkan ialah komuniti berbahasa Melayu Sambas, khasnya yang tinggal di sekitaran Kabupaten Sambas, sebuah kawasan yang terletak di bahagian Utara Provinsi Kalimantan Barat, Indonesia. Letak geografi kawasan ini secara rinci dijelaskan dalam Bab 4.

Secara lebih khusus, komuniti bahasa Melayu Sambas yang dipilih sebagai subjek penyelidikan ini ialah orang yang berkediaman di daerah pedesaan atau di pinggiran kota atau yang lazimnya dipanggil 'orang kampung'. Mereka dipilih berdasarkan pertimbangan wujudnya kerapatan hubungan antara sesamanya. Orang desa atau kampung di Sambas selalunya didominasi oleh orang Melayu Sambas. Selain itu, mereka juga kukuh dalam mengekalkan hubungan baik antara sesama kaum dengan cara selalu berkomunikasi dan berkongsi dalam berbagai-bagai urusan serta sentiasa berusaha mengekalkan adat perpatih. Gambaran ciri-ciri yang demikian ini boleh merepresentasikan kewujudan bahagian masyarakat Melayu yang sebenar.

1.7.6 Kekeluargaan Orang Melayu

Beberapa konsep penting tentang sistem kekeluargaan digunakan dalam kajian ini, iaitu konsep kekeluargaan sedarah, semenda dan hubungan sosial yang initm. Konsep-konsep tersebut merujuk pada pendapat berikut ini. Sebagaimana yang diketahui, sistem kekeluargaan dalam suatu komuniti etnik atau komuniti bahasa selalunya berhubung kait dengan sistem sosiobudaya daripada komuniti berkenaan. Mengikut pendapat Djamour (1979) sistem kekeluargaan orang Melayu pada amnya ialah sistem dua sisi (*cognatic*). Maknanya hubungan kekeluargaan sebelah pihak bapa dan pihak ibu sama atau hampir sama pentingnya. Dalam hubungan ini, dikenal pula konsep keluarga sedarah dan keluarga semenda. Hubungan keluarga sedarah wujud disebabkan hubungan darah mengikut garis keturunan (*consanguinal*) daripada kedua-dua pihak bapa dan ibu. Adapun keluarga semenda wujud disebabkan hubungan perkahwinan (*affinal*). Keluarga semenda juga dipanggil dengan istilah saudara ipar. Ada beberapa istilah kekeluargaan yang merujuk hubungan semenda ini seperti kakak/abang/adik ipar, ibu/bapa mertua dan anak/cucu menantu.

Selain itu, Djamour juga menjelaskan bahawa dalam sistem kekeluargaan orang Melayu dikenal istilah saudara untuk menyatakan hubungan kekeluargaan. Terdapat pula istilah saudara dekat dan saudara jauh dalam kalangan orang Melayu. Saudara dekat merujuk kepada orang yang mempunyai hubungan darah seperti kaum keluarga yang berasal daripada satu nenek moyang dan daripada keturunan langsung, saudara kandung dan anak-anak, saudara kandung ibu bapa, sepupu, dua pupu, dan seterusnya. Adapun yang dimaksudkan dengan saudara jauh ialah saudara tiga pupu dan anak-anak mereka serta sesiapa sahaja yang hubungannya telah jauh. Keluarga semenda juga dianggap sebagai keluarga jauh. Seterusnya sila rujuk Djamour (1979, p.29-30).

Selari dengan pendapat Djamour, Banks (1983) menerangkan bahawa rapat atau jauhnya jarak hubungan kekeluargaan ditentukan oleh tingkat (berat atau ringannya) kewajiban moral sebagai akibat daripada kedudukan hubungan yang wujud pada orang tersebut. Menurut Banks, salah satu hal yang menentukan kerapatan itu ialah hubungan darah. Walau bagaimanapun, dalam pandangan orang Melayu berat atau ringannya kewajiban seseorang kepada orang lain bukan hanya terhad kepada wujudnya ikatan hubungan darah melainkan juga disebabkan wujudnya hubungan sosial yang lebih luas dalam masyarakat. Dalam perkaitan ini, Banks menggunakan konsep kekeluargaan spiritual (*spiritual kinship*) untuk menggambarkan kerapatan hubungan sosial semacam hubungan kekeluargaan. Istilah kekeluargaan spritual ini juga lazim digambarkan sebagai hubungan rakan yang spesial (*special firendship*), sebagaimana perkataan beliau berikut ini:

The malay conception of spiritual kinship expresses the hope that people can live together despite the many problems that beset the attempt. It is the goal that Malay social life seeks to attain so that all Malays will live in a world of affection and esteem... I will argue that the Malay conception of spiritual kinship provides the moral basis for the social traditions and institutions which channel kinship in everyday life.
(Banks, 1983, p.45&50).

Labih lanjut Banks menjelaskan bahawa dalam kalangan masyarakat Melayu makna hubungan yang rapat bukan hanya wujud dalam ikatan hubungan kekeluargaan, tetapi juga berkaitan dengan aspek perilaku sosial sebagai tanggung jawab moral dalam masyarakat. Seseorang selalunya bertingkah laku untuk mengekalkan keseimbangan antara pemenuhan keperluan dan keinginan yang muncul dari dalam diri orang itu sendiri. Pengekalan hubungan itu berlaku dalam berbagai-bagai hubungan, seperti dalam hubungan perkahwinan dalam keluarga, hubungan jual beli di pasar, dan hubungan intim lainnya dalam rumah tangga dan masyarakat.

Oleh itu, dalam interaksi sosial seseorang itu bukan hanya melakukan apa yang sepatutnya dilakukan tetapi juga apa yang ia inginkan. Berkaitan dengan ini, Banks mendapatkan bahawa salah satu ciri bentuk perilaku yang ditunjukkan oleh orang Melayu, pada khasnya orang Melayu Kedah Malaysia, untuk pengekal kerapatan hubungan tersebut ialah wujudnya penggunaan bentuk panggilan kekeluargaan bagi memanggil orang yang tidak mempunyai hubungan darah langsung. Seterusnya, dengan merujuk pada penjelasan di atas, penyelidikan ini secara khusus menerapkan konsep ‘keluarga sedarah’, ‘keluarga semenda’ dan ‘keluarga spiritual’ sebagai situasi sosial yang menjadi latar belakang penggunaan bentuk panggilan. Konsep kekeluargaan spritual, pada khasnya, ditukar dengan istilah ‘hubungan sosial yang intim’ sebagai penggantinya. Hubungan ini meliputi hubungan kejiranan, hubungan rakan dan hubungan jual beli. Penjelasan lebih rinci tentang sistem kekeluargaan ini dihuraikan dalam bab 5.

1.8. Rumusan

Bab ini telah menghuraikan latar belakang permasalahan mengapa penelitian ini perlu dilakukan, apa tujuan dan manfaat serta kepentingannya. Secara spesifik juga telah dijelaskan perkara-perkara yang menjadi tumpuan dan batasan dalam kajian ini serta siapa yang menjadi subjek dalam penyelidikan ini. Selain itu, bab ini juga telah menjelaskan konsep-konsep operasional yang digunakan dalam kajian ini.

BAB 2: TINJAUAN KAJIAN LALU

2.1. Pendahuluan

Sesuatu penyelidikan memerlukan rujukan kajian terdahulu yang relevan bagi mendapatkan model teori dan konsep serta kaedah penyelidikan yang berkenaan sebagai rujukan. Melalui tinjauan kajian lalu ini juga akan diperoleh penjelasan tentang kelemahan ataupun kekurangan daripada kajian berkenaan sehingga kajian ini boleh menyumbangkan sesuatu yang berlainan dengan kajian-kajian yang telah ada tersebut atau boleh menambahkan sesuatu yang baru. Oleh itu, sebelum menetapkan teori-teori dan konsep serta kaedah penyelidikan yang berhubung kait dengan kajian ini, perlu dilakukan tinjauan atau sorotan pada kajian lalu yang berkenaan dengan sistem panggilan, sistem kekeluargaan, sistem sosiobudaya serta kajian-kajian lain semacamnya.

Sebagaimana telah dibincangkan, sistem panggilan merupakan bahagian daripada kompeten sociolinguistik seseorang atau sekelompok penutur bahasa tersebut sehingga menjadi bahagian daripada sistem sosiobudaya komuniti tersebut. Sebagai contoh, kata rujukan yang digunakan untuk menunjukkan hubungan kekeluargaan, tidak secara terus boleh berfungsi sebagai kata panggilan. Peraturan itu mengikut kaedah atau sistem kekeluargaan yang berlaku dalam komuniti bahasa itu, sebagai permuafakatan sosial (*social conventional*). Pilihan itu malahan boleh bersifat perseorangan sesuai minat mereka masing-masing (*ideosyncratic*) dan boleh pula berubah-ubah sesuai situasi.

Kajian tentang kata panggilan dalam berbagai-bagai bahasa dengan berbagai-bagai pendekatan dan sudut pandangan serta berbagai-bagai tujuan telah pun banyak dilakukan sebelumnya. Oleh itu, untuk memberikan panduan kepada kajian ini, sorotan

ke atas kajian lalu yang berkenaan daripada berbagai-bagai komuniti bahasa akan disenaraikan dalam bahagian berikut ini.

2.2. Kajian dalam Komuniti bahasa-bahasa di Eropah dan Amerika

Berdasarkan bidang kajian sosiolinguistik, kajian tentang bentuk panggilan ini sangat dipengaruhi oleh kajian tentang penggunaan kata GND kedua *tu* (*T*) dan *vous* (*V*) dalam bahasa Perancis yang dilakukan oleh Brown dan Gilman dalam tahun 1960 (dalam Brown and Ford, 1966. P. 239; Fasold, 1996, p.3). Dalam kajian itu mereka mencadangkan bahawa dua kata GND kedua *tu* dan *vou* diatur oleh dua medan makna yang dipanggil *power* dan *solidarity*. Dapatan beliau berdua mengatakan bahawa pemilihan penggunaan kata tersebut tidak sentiasa berlaku dalam kaedah *mutual reciprocity* antara orang yang menyapa dengan orang yang disapa.

Pada makna *power* atau kekuasaan tidak berlaku kaedah timbal balik antara orang yang memanggil dan yang dipanggil, sebagaimana sepatutnya hubungan kuasa berlaku. Sebagai contoh, orang tua dianggap lebih berkuasa terhadap orang yang lebih muda, ibu bapa berkuasa atas anak mereka, seorang majikan berkuasa terhadap kakitangan atau pegawainya, orang kehormat terhadap orang kebanyakan, dan sebagainya. Dalam hubungan semacam ini tidak mungkin berlaku kaedah sebaliknya. Dalam situasi ini *T* dipilih oleh orang yang berkuasa untuk menyapa orang yang dikuasainya. Sebaliknya, orang yang lebih muda mesti menggunakan *V* untuk menyapa orang yang lebih tua atau dihormat. Namun begitu, apabila kedua-dua orang yang menyapa dan yang disapa sama-sama menduduki peringkat kehormat, kedua-dua pihak mesti saling menggunakan *V* untuk menyapa satu kepada yang lain.

Dalam pada itu, kesetiakawanan (*solidarity*) bermakna suatu perkongsian, persaudaraan, persahabatan, jarak hubungan dan keintiman atau kemesraan antara orang yang bertutur sapa dan bersifat timbal balik (*reciprocal*). Makna kesetiakawanan ini boleh muncul apabila tidak dikacaukan dengan hubungan kekuasaan. Dua orang yang sama pangkat dan kedudukannya selalunya memulakan percakapan dengan saling menggunakan *V*, tetapi kemudian apabila mereka sedar bahawa mereka telah pun berkongsi beberapa perkara seumpama latar belakang keluarga, tempat asal usul dan lain-lain, mereka akan boleh bertukar menggunakan *T* untuk memanggil satu sama lain.

Seterusnya, Lambert dan Tucker (1976) juga mengkaji penggunaan *T* dan *V* melalui survei dengan mengambil komuniti bahasa Perancis di Kanada dan komuniti bahasa Sepanyol di Puerto Rico dan Columbia. Dengan merujuk kepada kedua-dua model konsep semantik oleh Brown dan Gilman, kajian Lambert dan Tucker ini mendapati bahawa pengalihan makna kekuasaan ke hala makna kesetiakawanan boleh berlaku dengan pengalihan pemilihan pronominal *V* kepada *T*. Selain itu, mereka juga mendapati bahawa pola pilihan kata panggilan boleh ada perkaitan dengan usia, gender (*sexes*), latar (*setting*), kelas sosial, batas dalam dan luar kelompok (*in-group/out-group boundaries*), kedudukan peranan dan status serta kesetiakawanan (*solidarity*).

Kedua-dua kajian di atas pada dasarnya ialah lebih kurang sama, iaitu berfokus pada dua bentuk kata GND *T* dan *V* dalam bahasa Perancis. Walau bagaimanapun, dalam kajian yang kedua ini, Lambert dan Tucker telah mengembangkan kajian Brown dan Gilman, yang hanya bertumpu kepada makna *power* dan *solidarity*, sehingga kemudian menjadi makna-makna yang lebih pelbagai, iaitu makna yang berhubung kait dengan tingkat usia, gender, tempat, peranan dan status sosial serta identiti kelompok.

Sebelum itu, terdapat pula kajian yang hampir selalunya menjadi rujukan oleh kajian serupa, iaitu kajian oleh Brown dan Ford (1966) tentang penggunaan kata panggilan dalam bentuk *First Name (FN)* dan *Title (T)* diikuti *Last Name(LN)* dalam bahasa Inggeris Amerika. Penggunaan FN disetarafkan dengan *T (tu)* dan *TLN* disetarafkan dengan *V (vous)*. Dalam kajian ini, mereka menggunakan pelbagai jenis data, antaranya menggunakan survei dengan soal selidik ke atas subjek yang terdiri daripada 80 orang setiausaha di sebuah perusahaan di Boston. Bersamaan itu, Lambert dan Tucker juga melakukan pengamatan terlibat dengan membuat catatan lapangan serta rakaman perbualan dan menggunakan sumber karya sastera.

Dalam kajian itu mereka mengenalpasti tiga pola dalam penggunaan kata panggilan dalam bahasa Inggeris Amerika, iaitu *mutual exchange*, *non-reciprocal pattern* dan *natural progression*. Pola penggunaan yang terakhir ini berlaku apabila *mutual TLN* bertukar menjadi *non-reciprocal TLN/FN*. Pola pertama berlaku apabila ditandakan dengan berlakunya penggunaan *FN* secara timbal balik antara orang yang memanggil dan dipanggil, iaitu apabila mereka saling kenal baik atau sudah intim. Kemungkinan kedua ialah penggunaan *TLN* secara timbal balik. Pilihan ini berlaku apabila kedua-dua belah pihak hanya dalam hubungan setakat kenal sahaja. Seterusnya, Brown dan Ford mengatakan bahawa kaedah *mutual exchange* ini berlaku dalam satu dimensi yang bergerak daripada perkenalan (*acquaintance*) menuju kepada keintiman (*intimacy*).

Dari sorotan kajian yang ketiga ini diketahui, kajian Brown dan Ford tidak lagi bertumpu kepada kata-kata GND semata, melainkan telah bertukar ke bentuk bahasa yang lain, iaitu kata nama, kata ND dan rujukan kehormat. Dapatan kajian ini tidak semata-mata menjelaskan bahawa penggunaan bentuk panggilan selalunya berkenaan dengan dikotomi makna kekuasaan dan kesetiakawanan tetapi sudah meluas menjadi makna-

makna lain yang berkenaan dengan usia, gender, tempat, kelas sosial, batas-batas kelompok dan bentuk hubungan peranan dan status sosial.

Dengan demikian, kajian ini telah meluaskan kedua-dua kajian sebelumnya, iaitu dengan wujudnya dapatan mengenai pola-pola pemilihan bentuk-bentuk panggilan yang lebih dinamik. Contohnya, boleh terjadi pertukaran penggunaan kata panggilan seiring dengan pertukaran peristiwa komunikasi perkenalan ke hala perbualan yang intim. Adapun perbezaan kajian ini dengan kajian sebelumnya ialah dari variasi jenis data dan variasi kaedah penyelidikan yang digunakan. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya bertumpu kepada subjek kajian yang terdiri dari sekelompok orang yang berasal dari kelompok penutur yang sama, iaitu penutur bahasa Inggeris Amerika, dengan hubungan peranan yang terhad kerana kekangan satu latar yang sama, iaitu sebuah syarikat.

Kajian lain ialah kajian oleh Ervin Tripp (1972). Meskipun menggunakan pendekatan yang sedikit berbeza daripada pendekatan sebelumnya, beliau juga telah melakukan kajian mengenai sistem panggilan dalam bahasa Inggeris Amerika. Dengan menggunakan carta alir (*flow chart*) beliau menempatkan sistem panggilan sebagai sesuatu rangkaian pilihan. Subjek kajiannya ialah orang dewasa daripada kelompok komuniti Amerika kulit putih. Oleh itu, beliau menggunakan penanda orang dewasa sebagai *entry point* (E), dalam kotak berbentuk wajik atau yang beliau panggil *diamond* sebagai awal proses.

Dijelaskan bahawa pada tahap awal ini seseorang yang menyapa mesti mengenal pasti sama ada ia sedang berhadapan dengan sesama orang dewasa ataupun yang lebih muda. Apabila orang itu dewasa, maka ia mesti mengenal pastisama ada orang itu memiliki status sosial lebih tinggi atau lebih rendah daripada dirinya, selanjutnya sama

ada ia mengenali nama orang itu atau tidak. Apabila nama dikenali, seterusnya ialah mendefinisikan sama ada orang itu berhubungan keluarga ataupun kawan (*colleague*). Demikian seterusnya, sehingga didapati pilihan kata panggilan yang dibenarkan dan boleh diterima. Pilihan-pilihan itu ialah *T+LN (Mr/Mrs/Miss+LN)*, *Kin Title+LN* ataupun *FN*.

Apa yang dihuraikan oleh Ervin Tripp ini merupakan gambaran tentang wujudnya proses pengkategorian atau penggolongan individu atau kelompok kawan berbicara atau orang yang disapa sehingga pembicara boleh menghasilkan pilihan kata panggilan yang tepat dan sepatutnya untuk digunakan. Dengan perkataan lain, memilih kata panggilan memerlukan pengetahuan dan nilai sosial yang dikongsi bersama oleh pembicara dan kawan bicara sehingga boleh saling diterima.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian Ervin Tripp ini belum menjelaskan secara eksplisit mengenai wujudnya pengetahuan dan nilai sosiobudaya yang dikongsi oleh penutur dalam menentukan pilihan bentuk panggilan tersebut. Apa yang telah beliau jelaskan hanya bertumpu pada huraian tentang wujudnya proses pemilihan dengan kaedah pilihan yang dipanggil sebagai kaedah atau peraturan pilihan (*alternation*), iaitu suatu proses ketika sebelum seseorang menetapkan yang mana satu bentuk panggilan yang sepatutnya digunakan, ia mesti menyedari ciri-ciri hubungan orang yang disapa, dalam hubungan apa dan dalam situasi pertuturan yang bagaimana.

Selain kajian yang telah disenaraikan di atas, bentuk sapaan juga telah dikaji berdasarkan perspektif pragmatik tentang fenomena kesopanan yang dikenal dalam bidang teori linguistik sebagai keserasian gramatis (*grammatical agreement*). Mengikut teori ini terdapat pola keserasian gramatis yang sangat dikenal dalam sebarang bahasa,

ialtu keserasian antara subjek dan kata kerja dengan mengikut fitur orang, jumlah dan gender.

Dalam perkaitan ini, Ferguson (1991) telah pun membuat kajian tentang fenomena keserasian kesopanan kata GND kedua (*second person politeness agreement*) dalam dua bahasa. Beliau mengkaji bentuk sapaan dalam dua bahasa, iaitu bahasa Parsi dan bahasa Portugal. Dikatakan bahawa dalam banyak bahasa keserasian kesopanan wujud disebabkan penggunaan bentuk panggilan. Berdasarkan teori keserasian gramatis bahasa-bahasa yang memiliki beberapa pilihan tentang penggunaan kata GND kedua, pilihan peringkat kesopanan lazimnya ialah dengan menggunakan subjek daripada kata GND yang diikuti oleh penggunaan kata kerja yang bersesuaian dengan subjek yang dimaksudkan, iaitu wujudnya pola *subject-verb agreement*, sebagaimana yang berlaku dalam bahasa Benggali, seperti contoh berikut ini:

tui bolis *You (inferior) speak.*
tumi bolo *You (ordinary) speak.*
apni bolen *You (honorific) speak.*
(Ferguson, 1991, p.184).

Perkara penting yang relevan untuk disorot dalam kajian ini ialah mengenai kaedah penyelidikan yang digunakan. Ferguson menggunakan penggabungan pendekatan makro dan mikro dengan merujuk kepada kajian serupa sebelumnya antara lain kajian oleh Brown dan Gilman serta Lambert dan Tucker. Beliau menggunakan soal selidik dan temu duga dalam pendekatan makro untuk menunjukkan distribusi fenomena keserasian kesopanan dalam sebuah komuniti sosiolinguistik. Namun begitu, pendekatan ini tidak cukup kukuh untuk menggambarkan pola yang tepat dan sesuai. Oleh itu, pendekatan mikro digunakan, iaitu dengan menganalisis percakapan yang spontan untuk menunjukkan fenomena di luar kesedaran. Walau bagaimanapun, pendekatan mikro ini juga mempunyai kelemahan dalam hal mendapatkan skala besar dan pola perubahan

untuk jangka masa yang lama. Terakhir, penyelidikan Ferguson ini menghasilkan hipotesis umum, iaitu:

Diachronic change in a language may proceed by having communicative functions (pragmatic considerations) override strict syntactic patterns ('rules') in the short term, as part of a long-term syntactic reorganization. (Ferguson, 1991, p.194).

Daripada tinjauan kajian Ferguson ini didapati bahawa bentuk panggilan boleh dikaji dari berbagai-bagai perspektif sehingga menghasilkan dapatan yang pelbagai pula. Yang teristimewa daripada kajian beliau ialah pendekatan yang digunakan, iaitu menggabungkan dua pendekatan makro dan mikro dalam kajian sosiolinguistik secara bersamaan. Dengan demikian, dari segi pendekatan yang digunakan kajian Ferguson ini berbeza berbanding dengan kajian-kajian sebelumnya.

Selanjutnya, Dickey (1997) juga telah membuat kajian mengenai penggunaan nama dan kata lain dalam panggilan (*address*) dan dalam rujukan (*reference*) oleh pelajar Amerika dan Eropah yang berbahasa Inggeris. Dalam kajian ini beliau menyoal cara yang digunakan oleh penutur A memanggil B boleh berbeza berbanding dengan cara A merujuk ke pada B, dan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi perbezaan ini. Untuk mendapatkan jawapan kepada soalan itu Dickey melakukan pengamatan selama dua tahun dan mengadakan temu duga dengan mengajukan soalan-soalan berasaskan soal selidik. Data yang diterokai meliputi dua bentuk interaksi, iaitu interaksi antara anggota keluarga dan interaksi antara pelajar di institusi akademik.

Hampir serupa dengan kajian Ervin-Tripp, fokus kajian Dickey ialah mengenai penggunaan kata-kata nama (*nominal*) sebagai panggilan selain kata-kata GND. Dalam perkaitan ini, Dickey menegaskan bahawa makna kata panggilan tidak boleh ditafsirkan sama dengan makna rujukan (*referential*) kata berkenaan semata-mata disebabkan

mungkin wujud jenis maknayang lain. Sebagai penjelasan teoretis kajian ini, beliau menggunakan konsep makna rujukan dan makna etimologi (*referential and etymological meanings*).

Konsep asas kajian ini ialah mengikut hasil kajian terdahulu yang berhujah bahawa makna sosial daripada kata-kata nominal apabila digunakan sebagai kata panggilan tidak selalu bermakna sama dengan makna harfiah kata panggilan itu. Fakta ini penting bagi menjelaskan bagaimana cara-cara memanggil. Ini disebabkan bahawa dalam beberapa bahasa, kata panggilan yang bermakna harfiah sebagai memperolok-olokkan orang yang disapa boleh jadi mengandungi makna sosial yang positif, demikian pula sebaliknya.

Sebagai contoh, dalam kalangan orang Melayu dikenal gelaran olok-olokan yang selalunya berkenaan dengan ciri-ciri fizikal atau sifat-sifat orang yang dipanggil dengan maksud untuk membangkitkan sifat yang ada pada orang itu (Asmah Haji Omar, 2009, p.50). Di Indonesia terdapat pula panggilan olok-olokan yang menyangkut fizikal seseorang seperti ‘Si Cungkring’ (Jawa) atau ‘Si Ceking’ (Melayu) kepada orang yang berbadan sangat kurus, ‘Si Kribo’ untuk orang yang berambut keriting tebal. Panggilan yang menyangkut sifat-sifat seseorang contohnya ‘Si Landuk’ (pelanduk), iaitu panggilan kepada orang yang cerdas dan atau licik, ‘Si Kaloi’ (nama sejenis ikan sepat) ialah panggilan kepada orang yang sentiasa suka mencari perhatian orang lain secara berlebihan.

Merujuk pada makna harfiah, makna kata tersebut boleh jadi menunjukkan unsur negatif atau sifat buruk dari seseorang, sama ada secara fizikal mahupun sifat keperibadian. Namun begitu demikian, panggilan-panggilan itu selalunya hanya berlaku

antara orang yang saling berhubungan sangat rapat atau akrab sehingga panggilan itu bukan bermaksud merendahkan atau menghinakan orang lain melainkan untuk menunjukkan keakraban, keintiman atau kemesraan hubungan antara penutur. Dengan demikian, penggunaan panggilan itu menunjukkan makna sosial kemesraan atau keintiman antara mereka.

Hasil kajian Dikey ini memerikan bahawa dalam kedua-dua bentuk interaksi tersebut di atas terdapat hubungan yang erat antara penutur A memanggil C dan cara A merujuk ke pada C. Pada amnya, kedua-dua bentuk itu sama. Kalau pun berlainan, itu terpulang kepada siapa orang itu berbicara pada saat ia menyebutkan rujukan itu. Dapatan ini juga berkaitan dengan teori mengenai kesetiakawanan dan kekuasaan oleh Brown dan Gilman (1960). Selain itu, dapatan ini mengekalkan teori terdahulu, teori akomodasi (*accommodation theory*)³, iaitu cara-cara di mana seorang penutur mengalihkan (*alternate*)⁴ pola tuturannya disebabkan bertujuan menyesuaikan atau menyamai (*converge*) cara berbicara daripada kawan bicaranya. Penyesuaian itu boleh dalam berbagai-bagai bentuk, termasuk penyesuaian pemilihan kosa kata, cara-cara pengucapan kata, gerak tubuh, volum atau nada suara dan sebagainya. Semakin besar keperluan penutur bagi mendapatkan pengiktirafan sosial, semakin tinggi pula tingkat penyesuaian akan berlaku.

Meskipun menggunakan korpus yang hampir sama dengan Ervin Tripp, Dickey telah menggunakan kerangka konsep yang berbeza. Dalam hal ini Dickey telah menjelaskan alasan mengapa proses alternasi berlangsung dalam suatu interaksi komunikasi, iaitu untuk tujuan penyesuaian diri oleh penutur agar mendapat pengakuan

³ *Speech accommodation tends to happen when the speakers like one another, or when one speaker has a vested interest in pleasing the other or putting them at ease.* (Holmes, 2001, p. 230).

⁴ *Alternation concerns choice among alternative ways of speaking.* (Ervin-Tripp, 1972, p.213).

sosial oleh kawan tutur (*accommodation* dan *convergence*). Dengan demikian, kajian Dickey telah pula meluaskan kajian-kajian sebelumnya melalui penjelasan mengenai fungsi daripada pilihan penggunaan bentuk panggilan selain struktur yang berhubung kait dengan hubungan setiakawan ataupun kuasa.

Daripada sorotan pada bahagian kaedah penyelidikannya boleh diterangkan bahawa Dickey telah menggunakan kaedah penyelidikan yang berbagai-bagai. Beliau telah melakukan penyelidikan dengan lebih mendalam berbanding dengan kajian yang telah dihuraikan sebelum ini. Demikian pula konsep-konsep yang digunakan sebagai landasan. Selain itu, beliau telah pula membuktikan bahawa penggunaan kata panggilan yang wujud tidak selalunya konsisten dengan kata rujukan kepada orang yang dipanggil itu. Di samping itu, kehadiran orang yang dirujuk dan situasi *mood* bila mana peristiwa komunikasi itu berlangsung ikut pula mempengaruhi pilihan penggunaan kata-kata panggilan itu. Maknanya, konteks atau faktor situasi dalam suatu peristiwa komunikasi sangatlah penting untuk diambil kira dalam memilih bentuk panggilan yang sepatutnya. Hal yang demikian ini belum dijelaskan dalam dapatan-dapatan kajian sebelum ini.

Dalam pada itu, Winchartz (2001) telah pula membuat penyelidikan tentang kata GND orang kedua (*Sie*) dalam bahasa Jerman sebagai kata panggilan. Dalam penyelidikan tersebut beliau menerokai makna sosial daripada penggunaan kata GND orang kedua formal *Sie*. Dalam bahasa Jerman kata ini digunakan secara kontras atau berbeza dengan kata GND orang kedua tak formal *du*. Fokus kajian beliau ialah penerokaan makna sosial berdasarkan pentafsiran penutur yang terlibat pada saat perbualan itu berlangsung.

Dalam usaha penerokaan makna sosial daripada penggunaan kata tersebut Winchartz mengkritik pendapat para ahli sebelumnya disebabkan pentafsiran tersebut mengabaikan keterlibatan si penutur, sebagaimana beliau berhujah:

The existing studies that point to the inadequacy of two universal semantic dimensions of social meaning provide either no explicit theoretical challenge based on the data provided, or they provide an explicit theoretical challenge of the two dimensional models without basing the challenge in concrete data from observed actual interactions between interlocutors. (Winchartz, 2001, p.339).

Oleh itu, dalam penyelidikan ini beliau menggunakan pendekatan etnografi interpretif dalam penerokaan sistem makna tersebut. Kaedah kajian yang digunakan ialah dengan mengumpulkan bahan melalui temu duga secara refleksif (*reflexive interview*), iaitu temu duga yang memungkinkan berlangsungnya perbincangan yang biasa atau semula jadi. Temu duga ini bermatlamat untuk menyingkap pemahaman penutur yang terlibat dan menerokai kategori dan makna oleh penutur asli.

Kaedah lain yang digunakan ialah melalui pengamatan terlibat dengan membuat catatan lapangan yang dilakukan selama 10 bulan berada di Landau, Jerman. Hasil catatan itu membantu beliau dalam mentafsirkan dan membandingkan maklumat yang diperolehi daripada hasil temu duga. Selama masa penyelidikan itu beliau mencatat hasil pengamatan tentang penggunaan kata GND **du** dan **Sie** oleh penutur dengan tumpuan khusus kepada sebarang wacana yang boleh didengar dalam perbualan harian.

Seterusnya hasil data temu duga itu ditranskripsikan dengan fokus kepada isinya. Seluruh transkripsi perbualan termuat dalam lebih kurang 250 muka surat. Kemudian, analisis dilakukan dengan meneliti tiap-tiap baris perbualan kedua-dua jenis data (temu duga dan catatan lapangan) sebanyak dua kali. Sambil membaca dengan teliti, beliau

mencari kata-kata dan frasa-frasa yang menyatakan makna daripada kata ***Sie*** bagi penutur yang terlibat.

Adapun makna-makna yang didapati melalui kajian oleh Winchartz ini terdiri daripada 25 jenis makna sosial. Makna-makna sosial yang dimaksudkannya ialah berkaitan dengan ‘usia, kedewasaan, kemarahan, keangkuhan, kewenangan, kedekatan, ketidakacuhan, kebolehan berbual, harga diri, jarak, kekerapan berhubung, persahabatan, kemesraan, keterasingan, kenal orang lain, rasa suka, bersifat peribadi, kesantunan, kekuasaan, penolakan, perhubungan, penghormatan, kesetiakawanan, status dan struktur’. Adapun yang dimaksudkannya dengan makna sosial ialah makna kata berdarakan konteks atau berdasarkan pengetahuan dan perasaan si penutur pada suatu situasi komunikasi, sebagaimana dikemukakan oleh Blom dan Gumperz (1972) dalam petikan berikut ini:

We use the social significance, or social meaning, to refer to the social value implied when an utterance is used in a certain context. ... Social meanings differ from referential meanings in the way in which they are coded. Whereas reference is coded largely through words, social meaning can attach not only to acoustic signs but also to setting, to items of background knowledge, as well as to particular word sequences.(Blom dan Gumperz, 1972, p.417).

Kajian Winchartz menyarankan bahawa menggunakan cara pentafsiran penutur itu sendiri ialah penting untuk menghasilkan corak makna sosial yang berbagai-bagai, sebab makna-makna tersebut selalunya tersembunyi atau belum terungkap. Dapatan kajian Winchartz ini telah membuktikan wujudnya makna sosial yang berbagai-bagai dalam kata panggilan. Dapatan ini melemahkan pendapat sebelumnya yang menyatakan bahawa kata panggilan (GND kedua) hanya mewujudkan dua dimensi makna, kekuasaan dan kesetiakawanan, sebagaimana kajian Brown dan Gilman serta pengikut-pengikutnya (dalam Fasold, 1996).

Dengan perkataan lain, meskipun kajian ini bertumpu pada pilihan penggunaan kata GND kedua sebagaimana kajian Brown dan Gilman tentang penggunaan *Tu* dan *Vous*, dapatan kajian Winchartz merupakan kritik ke atas kajian lalu yang mentafsirkan bentuk panggilan hanya kepada dua dimensi makna, kekuasaan dan kesetiakawanan. Selain itu, untuk mentafsirkan makna tidak cukup daripada sudut pandangan penyelidik semata-mata melainkan perlu mengambil kira sudut pandangan daripada penuturnya, iaitu melalui pendekatan etnografi interpretif dengan kaedah duga refleksif. Dapatan kajian beliau juga menegaskan bahawa kandungan makna sosial yang berbagai-bagai ragam daripada penggunaan kedua-dua bentuk panggilan itu juga mencerminkan kewujudan nilai-nilai sosial yang tersirat daripada pilihan itu.

Dengan demikian, kajian oleh Winchartz ini juga menguatkan pentingnya konteks dalam memahami kaedah pemilihan bentuk panggilan. Ini disebabkan makna-makna itu tidak sekadar menunjukkan makna rujukan sebagaimana adanya, melainkan juga makna yang ditentukan oleh nilai sosial yang dikongsi bersama oleh penutur sebagai kompeten sosiolinguitik sehingga dengan itu mereka boleh menentukan pilihan kata panggilan yang sepatutnya dan saling boleh diterima oleh masing-masing penutur dalam suatu peristiwa komunikasi.

2.3. Kajian dalam Komuniti Bahasa-bahasa di Afrika

Selain telah banyak dilakukan kepada komuniti bahasa-bahasa di Eropah, Amerika dan beberapa di Asia, beberapa kajian tentang bentuk panggilan ini juga telah dilakukan terhadap komuniti bahasa Afrika. Dalam kaitan ini, Afful (2007) dari University of the Witwatersrand Afrika Selatan telah membuat kajian tentang bagaimana mahasiswa di Universiti Ghana menggunakan bentuk-bentuk panggilan. Dalam kajian itu

beliau menggunakan kerangka konsep mengikut model penyelidikan sosiolinguistik *interactional* dan etnografi. Daripada kajian tersebut beliau menemukan tiga perkara penting. Yang pertama, mengenai kata GN, frasa deskriptif dan gelaran yang digunakan dalam kalangan mahasiswa. Kedua, mengenai kekangan sosiobudaya dan faktor situasi lain yang mengatur bagaimana memanggil kawan bicara. Yang ketiga, pemilihan berhubung kait dengan wujudnya pembaharuan dan gurauan, terutama yang bersifat spontan. Hasil dapatan kajian ini berimplikasi ke atas teori *variationist* dan komunikasi antara budaya serta penyelidikan tentang bentuk-bentuk panggilan seterusnya.

Selain itu, dengan mengikut pendapat Dickey (1997), Afful menggunakan konsep utama, iaitu *variation* yang bermakna perbezaan atau perubahan. Dalam konteks ini *variation* bermakna *tokens of human interest* yang berbeza, iaitu sejumlah cara berbeza tak terbatas yang boleh dijadikan rujukan mengikut jenis hubungan sosial orang yang menyapa dengan orang yang disapa atau terpulang kepada faktor sosiobudaya, sejarah dan faktor-faktor situasi lainnya.

Pengumpulan data beliau lakukan melalui *participant* dan *non-participant observation* ke atas penggunaan istilah panggilan dalam 256 situasi *dyadic* daripada dua masa yang berlainan di kampus universiti. Pengamatan dengan menggunakan catatan lapangan yang berlangsung di pelbagai tempat, iaitu di bilik kelas, di kafeteria, stesen teksi, dan rumah atau kolej kediaman mahasiswa. Seiring dengan pengamatan, juga dilakukan rakaman temu duga separuh berstruktur dalam bahasa Inggeris di tempat-tempat yang selesa daripada dua masa yang berlainan itu. Tujuan daripada temu duga yang dimaksudkan oleh Afful ini ialah untuk mengungkapkan makna tempatan mengenai bentuk-bentuk panggilan tersebut mengikut pandangan peserta percakapan itu sendiri.

Terakhir, mengenai hasil analisis data daripada kajian ini telah didapati tiga perkara iaitu: Pertama, pelajar menggunakan ND untuk panggilan. Kedua, di samping latar akademik, faktor-faktor sosiobudaya sebagaimana *gender*, *mood*, *domain* tujuan wacana, kehadiran orang ketiga (selalunya pensyarah), serta hubungan antara orang yang sedang berinteraksi akan menentukan variasi penggunaan kata-kata panggilan. Ketiga, istilah-istilah julukan atau gelaran baru boleh muncul disebabkan situasi gurauan. Dapatan ini membuktikan wujudnya variasi penggunaan istilah panggilan dan rujukan bagi perseorangan.

Dengan demikian, Afful telah membuktikan semula bahawa variasi bentuk panggilan bagi perseorangan boleh wujud mengikut berbagai-bagai faktor sosiobudaya. Lebih khusus, pilihan variasi itu wujud disebabkan oleh konteks atau situasi peristiwa komunikasi yang bervariasi pula. Selain itu, pendekatan yang beliau gunakan juga berbeza, terutamanya dalam cara pengungkapan makna penggunaan bentuk panggilan oleh penuturnya, iaitu melalui rakaman temu duga separuh berstruktur kepada penuturnya sehingga makna-makna tersebut ditafsirkan mengikut pandangan penutur itu sendiri, bukan oleh penyelidik. Ini juga menunjukkan bahawa kajian beliau ialah berlainan dengan kajian-kajian sebelumnya.

2.4. Kajian dalam Komuniti Bahasa di Asia dan Parsi

Salah satu kajian tentang sistem rujukan dalam komuniti bahasa di Asia ialah oleh Luong (1990). Beliau telah membuat kajian mengenai sistem rujukan orang (*System of Person Reference*) dan panggilan bagi orang Vietnam. Kajian beliau bertajuk *Discursive Practices and Linguistic Meaning: The Vietnamese System of Person Reference*. Dalam kajian ini beliau berpendapat bahawa sistem rujukan orang bagi orang Vietnam merupakan aktiviti berbicara (*discursive practice*) yang sehari-hari sentiasa

dilakukan orang. Dalam konteks ini sistem rujukan orang boleh merupakan bahagian kecil aktiviti berbicara yang sentiasa berlaku sehingga membentuk suatu keteraturan. Aktiviti yang demikian ini kemudian berevolusi menjadi budaya, sebagaimana hubungan kuasa diciptakan dan dikekalkan antara perseorangan, sehingga mereka memahami dunia mereka (sila rujuk Young, 2008, p.57).

Bahasa Vietnam ialah salah satu bahasa di Asia Tenggara yang digunakan oleh sekitar 55 juta orang di negara Vietnam. Menurut Luong sistem rujukan dalam bahasa Vietnam sangatlah rumit. Rujukan tersebut meliputi kataleksikal dengan sejumlah pilihan (tidak termasuk kata nama orang dan istilah rujukan yang bukan peranan keluarga). Sejumlah kata itu terbahagi menjadi tiga kelas gramatis, iaitu kata GND, kata nama (JK dan status) dan kata nama orang. Kesemua kelas kata itu boleh membentuk bahagian-bahagian integral daripada sebuah sistem yang selama ini bertentangan dengan implikasi teoretis yang majoriti terdapat dalam literatur-literatur tentang bahasa. Sebagaimana penjelasan melalui contoh petikan penggalan pertuturan berikut:

*Me dá mua cho bô cái mũ hôm qua rồi.
Mother PAST buy for father CLASSIFIER hat day past already.
Mother already bought the hat for father yesterday.
(Luong, 1990, p.11).*

Daripada contoh pertuturan di atas diketahui bahawa *mẹ* (ibu) ialah orang yang berbicara (sebagai orang pertama) dan *bô* (bapa) ialah sebagai kawan bicara (orang kedua). Kedudukan hubungan rujukan *mẹ* dan *bô* yang sebenar ialah sebagai isteri dan suami atau dalam keluarga mereka juga sebagai ibu bapa kepada anak-anak mereka. Apabila hanya dilihat dari tuturan itu saja tanpa melihat konteks, sepertinya tuturan itu diperkatakan oleh anak yang merujuk *mẹ* dan *bô* sebagai orang yang dibicarakan (orang ketiga). Oleh itu, makna kata-kata *mẹ* dan *bô* dalam peristiwa komunikasi seperti ini dalam bahasa Vietnam tidak dapat dikenal pasti hanya melalui ujaran pertuturan itu

sendiri, melainkan harus memerhatikan konteks siapa berbicara kepada siapa dan siapa yang dibicarakan sebab penggunaan kata *mẹ* (ibu) dan *bố* (bapa) dalam pertuturan itu boleh merujuk kepada ketiga-tiga peranan, iaitu orang yang menyapa, yang disapa dan sekali gus pihak ketiga.

Cara-cara bertutur dengan penggunaan rujukan atau panggilan yang demikian juga berlaku bagi penutur bahasa Indonesia. Sebagai contoh, seorang suami boleh berkata kepada isteri (kawan bicara): “**Papa** sudah dapatkan semua pesanan **Mama**”. Dalam tuturan ini ‘papa’ (suami) ialah orang yang berbicara (orang pertama) dan ‘mama’ (isteri) ialah lawan bicara (orang kedua). Tuturan ini disampaikan suami sebagai pemberitahuan kepada isterinya bahawa semua pesannya sudah didapatkan. Bersamaan itu, anak-anak mereka juga boleh mengatakan tuturan yang sama: “**Papa** sudah dapatkan semua pesanan **Mama**” sebagai pemberitahuan si anak kepada bapa dan ibunya atau salah seorang dari mereka, atau kepada orang lain lagi yang mendengarkan bahawa ‘papa’ (bapa) sudah mendapatkan semua pesanan si ‘mama’. Dalam konteks pertuturan oleh anak ini, kata ‘papa’ dan ‘mama’ boleh berperanan sebagai pihak kedua (kawan bicara) atau orang ketiga (yang dibicarakan). Dalam bahasa Inggeris atau beberapa bahasa Eropah lainnya penggunaan kata nama atau JK yang demikian hanya lazim berlaku ketika berbicara kepada anak kecil. Meskipun tampak rumit, cara-cara yang demikian ini ialah hal yang biasa berlaku bagi orang Vietnam atau orang Indonesia.

Dalam kajian ini Luong menguji sistem rujukan orang (*person reference*) dalam bahasa Vietnam mengikut konteks tertentu dan kaedah yang teratur berdasarkan polarisasi teori *langue* and *parole*. Beliau merujuk kepada Ferdinand de Saussure yang telah menerangkan *langue* sebagai entiti peraturanlinguistik abstrak yang homogen versus

parole sebagai kumpulan ujaran pertuturan yang bervariasi secara bebas sesuai keinginan pelaku secara individual.

Menurut pandangan Luong, polarisasi teori tersebut terbelah antara representasi dan pilihan (*representation and choice*), antara aturan dan tindakan (*order and action*), antara struktur dan penampilan (*structure and performance*). Selain itu, beliau juga merujuk kepada teori *atomistic* tentang makna oleh Malinowski⁵. Teori ini menegaskan bahawa penggunaan bentuk-bentuk bahasa mengikut konteks pada dasarnya ialah taktik untuk mencapai tujuan yang diinginkan.

Pada masyarakat tertentu kata nama (*proper atau common nouns*) juga boleh menggantikan kata GND sebagai panggilan, tidak kira sama ada itu merujuk kepada diri pertama, diri kedua ataupun diri ketiga. Luong (1990) menamakan konsep ini dalam dua dimensi, iaitu kaedah *shifter vs non-shifter* sebagaimana dijelaskan berikut ini:

On the dimension of shifter vs non-shifter, for example, common nouns in Vietnamese person reference differ from personal pronouns in that the referents of these common nouns (e.g. 'father', 'prime minister') can remain the same, regardless of who among the Vietnamese speech interactants assumes the speaker role at a particular moment.

(Luong, 1990, p.10).

Dengan demikian, kata GND tidak selalu menjadi pilihan untuk digunakan sebagai kata panggilan. Sebagai penggantinya digunakan kata nama atau pun lain-lain bentuk. Kaedah yang demikian berlaku sesuai dengan kepatutan dalam cara-cara menyapa seseorang mengikut cara-cara bagaimana pengguna memandang bentuk hubungan yang ada antara mereka semasa komunikasi itu berlangsung.

⁵ *The meanings and uses of linguistic forms, words, and sentences, were acquired and understood from their occurrences in such contexts, and must be so explained by the linguist. The meaning relation should not be taught of a dyadic one between a word and its referent, but as a multidimensional and functional set of relations between the word in its sentence and the context of its occurrence. (Robins, 1971, p. 35).*

Dengan perkataan lain, kata GND *I* dan *you* dalam bahasa Inggeris mempunyai padanan jenis kata yang bermacam-macam dalam bahasa Vietnam. Untuk memanggil atau menyapa cucunya, seorang nenek boleh menggunakan kata nama *chau* (cucu), kata GND *máy* (bahasa Inggeris: *thou*) dan kata nama *thúy*. Bersamaan dengan itu, si nenek boleh menggunakan rujukan sendiri (*self reference*) dengan kata GND *tau* selain JK *bá* (nenek) untuk menentukan perbezaan interaksi dengan si cucu. Penggunaan kata GND yang demikian secara pragmatis telah mengkomunikasikan kedua-dua makna kesetiakawanan tak formal dan bukan kesetiakawanan. Hal ini terpulang pada model penutur asli tertentu dari dan untuk realiti suatu lakuan.

Kaedah penggunaan rujukan orang dalam bahasa Vietnam tersebut berhubung kait dengan ideologi yang dikongsi oleh masyarakatnya dengan doktrin Kong Fu Cu sebagai landasan, yang menganggap bahawa nama atau istilah peranan (ayah, anak, adik, pangeran, menteri) mesti digunakan sesuai dengan aturan alam (*universe*) dan seseorang harus bertingkah laku sesuai dengan peranan nama tersebut. Oleh itu, analisis makna rujukan orang tersebut boleh memperjelas dimensi-dimensi yang paling vital dalam model-model pragmatik daripada penutur asli mengenai alam sosiobudaya mereka.

Analisis data dalam kajian Luong ini dilakukan berdasarkan dapatan data lapangan yang dikumpulkan dalam waktu bertahun-tahun (1978-1989) daripada orang pendatang Vietnam di California dan daripada data lapangan di sebuah desa di Vietnam. Hasil kajian ini membuktikan beberapa perkara. Pertama, hasil ini menjelaskan tentang bagaimana penggunaan istilah rujukan orang tidak hanya semata-mata menandakan orang yang menyapa, orang yang disapa dan orang ketiga tetapi juga secara bersamaan mengatur situasi sesebuah interaksi.

Dapatan kedua ialah bahawa makna daripada bentuk rujukan orang ialah ketaksan disebabkan pra-andaian (*presuppositions*) terjadi berulang-ulang secara berlainan mengikut ideologi penutur asli tentang gender dan kelas yang wujud sehubungan dengan pertentangan struktur antara satu sama lain. Dapatan ketiga ialah wujudnya perhatian yang sangat besar daripada penutur asli ke atas peranan bahasa dalam menciptakan alam sosiobudaya. Terdapat perbezaan antara tindakan berbicara (*discursive practices*) dan struktur yang berkaitan dengan kelas dan gender dalam kalangan model penutur asli. Tindakan berbicara tersebut membentuk pilihan kepada tujuan dan representasi daripada sebuah pilihan dan model berstruktur secara pragmatik. Terakhir, kajian ini membuktikan wujudnya pertuturan sebagai sebuah representasi di satu sisi dan sebagai sebuah pilihan di sisi lain.

Kajian Luong ini telah membuktikan bahawa penggunaan bentuk-bentuk rujukan dalam lakuan tutur oleh orang Asia ialah sangat rumit. Oleh itu, dalam telaah kajian ini beliau menggunakan landasan teori yang sangat rumit pula. Selain itu, penyelidikan ini mengambil masa yang sangat lama. Sederhananya, dapatan beliau juga menegaskan bahawa konteks dan pandangan penutur tentang dunianya sangat menentukan pilihan dan makna bentuk-bentuk rujukan yang digunakan.

Seterusnya, Mohammad Hossein Keshavarz (2001) juga telah membuat kajian tentang pilihan bentuk panggilan dalam bahasa Parsi. Kajian beliau bertujuan untuk menyelidiki dampak daripada konteks sosial, keakraban, dan jarak sosial ke atas pilihan bentuk-bentuk panggilan dalam bahasa Parsi. Tujuan lainnya ialah untuk mengenal pasti keragaman penggunaan bentuk panggilan mengikut ciri-ciri sosial penutur. Dalam kajian ini beliau mengemukakan hipotesis, iaitu variasi-variasi bentuk panggilan berkaitan bukan sahaja dengan usia, gender, dan ciri-ciri kelas sosial si penutur, malahan juga

dengan latar, kerapatan hubungan dan jarak sosial. Dengan demikian, ada dua pemboleh ubah yang dicadangkan dalam kajian ini, iaitu jarak sosial dan tingkat keformalan.

Untuk membuktikan hipotesis tersebut Keshavarz mengumpulkan data dengan menggunakan soal selidik kepada 150 orang penutur bahasa Parsi yang tinggal di beberapa kawasan di Tehran. Subjek penelitian tersebut dipilih secara *random* berdasarkan strata sosial yang berlainan daripada segi tingkat golongan usia, golongan lelaki dan perempuan dan daripada tiga golongan kelas sosial, rendah, menengah dan tinggi. Tiga golongan terakhir ini ditetapkan dengan mengambil kira tingkat pendidikan, jenis pekerjaan dan status sosial ekonomi. Hasil dapatan kajian ini menyatakan bahawa penggunaan istilah panggilan yang intim berhubung kait secara berlawanan hala dengan jarak sosial dan konteks keformalan. Dengan demikian, kajian ini menjelaskan semula wujudnya hubung kait antara pilihan penggunaan bentuk panggilan dengan faktor sosial dan konteks peristiwa komunikasi.

Selain Ferguson dan Keshavarz, Mohammad Aliakbari dan Arman Toni (2008) kemudian juga telah melakukan penyelidikan tentang kewujudan istilah-istilah panggilan dalam bahasa Parsi Moden di Iran. Kajian mereka berdua bermatlamat untuk mengenal pasti berbagai-bagai bentuk panggilan yang boleh digunakan oleh penutur bahasa Parsi dalam berbagai-bagai konteks. Bentuk panggilan tersebut meliputi kata nama khas, kata nama am, gelaran kedudukan, jenama persanakan, ungkapan yang berkaitan dengan keagamaan, gelaran kehormat, rujukan keintiman atau kemesraan, kata GND, frasa-frasa deskriptif. Termasuk pula ungkapan seperti memberi salam (*greeting*) yang dikenal sebagai *zero address terms*. Pilihan *zero address terms* ini digunakan sebagai suatu strategi yang lazim untuk memulai suatu perbualan sopan oleh penutur untuk mengambil perhatian kawan bicara dengan cara menggunakan ucapan salam seperti dengan kata

‘salam’ atau dengan ucapan ‘*sobh bekheyr*’ (selamat pagi). Dalam bahasa Parsi kesemua pilihan kata-kata itu juga mesti mengikut konteks dengan faktor perbezaan gender, usia, kedudukan atau pekerjaan.

Dengan meninjau kajian-kajian serupa sebelumnya, kajian ini menjelaskan kewujudan bentuk-bentuk linguistik dalam rangkaian pilihan yang boleh digunakan oleh penutur bahasa Parsi Moden dalam berbagai-bagai situasi yang berbeza. Untuk itu, Mohammad Aliakbari dan Arman Toni melakukan pengamatan kepada orang Iran lelaki dan perempuan dalam memanggil kawan bicaranya dalam berbagai-bagai konteks.

Daripada kajian ini diperoleh dapatan, iaitu bahawa dalam bahasa Parsi Moden sekurang-kurangnya terdapat 10 kategori istilah panggilan. Tiap-tiap kategori mempunyai kegunaan tersendiri untuk orang tertentu dan dalam keadaan tertentu pula. Selain itu, ada banyak istilah panggilan kehormat yang kerap digunakan oleh orang Parsi. Ini menunjukkan bahawa nilai kesantunan dalam bahasa ini merupakan hal yang penting.

Di samping itu, JK juga lazim digunakan sebagai sapaan dalam bahasa Parsi. Penggunaannya ialah mengikut bentuk hubungan kekeluargaan yang wujud antara orang yang saling bersapa. Dalam pada itu, kata ND dan kata GND lebih jarang digunakan. Sebagai gantinya lebih cenderung digunakan gelaran kedudukan atau gelaran umum, gelaran kehormat dan istilah keformalan lainnya. Hal ini juga menunjukkan bahawa tingkat keformalan dalam bahasa Parsi merupakan hal yang perlu mendapat perhatian. Namun begitu demikian, seiring dengan perubahan sosiobudaya masyarakatnya, bahasa ini cukup dinamik untuk mengikuti perubahan itu dengan munculnya istilah panggilan yang diserap dari bahasa lain, contohnya bahasa Arab, Turki dan Mongol.

Dapatan lain ialah bahawa dalam memanggil/menyoa satu sama lain, para penutur bahasa Parsi selalunya menggunakan berbagai-bagai teknik sehingga memungkinkan wujudnya variasi rangkaian pilihan yang ditentukan oleh beberapa faktor. Faktor tersebut antara lain ialah faktor usia, gender, personaliti, status sosial, orientasi keagamaan, hubungan keluarga, tingkat kehormatan, keformalan dan tingkat keakraban atau keintiman antara mereka. Singkatnya, istilah panggilan dalam bahasa Parsi mempunyai ciri-ciri yang sensitif ke atas gender, keformalan relatif dan sarat dengan muatan aspek sosiobudaya dan politik. Selain itu, penggunaan gelaran kehormat, serapan JK, perkembangan gelaran keagamaan dan sejumlah istilah yang berkaitan dengan aristokrasi sebagai bentuk panggilan menandakan fungsi-fungsi sosiobudaya dan sosiopolitik dalam komuniti bahasa Parsi.

Dengan demikian, Mohammad Aliakbari dan Arman Toni juga telah menguatkan pendapat-pendapat sebelumnya, iaitu wujudnya berbagai-bagai variasi bentuk panggilan dalam suatu komuniti bahasa. Rangkaian pilihan itu ditentukan oleh faktor-faktor yang berkenaan dengan sistem sosiobudaya dan politik yang berlaku dalam komuniti tersebut. Selain itu, perwujudan bentuk-bentuk panggilan itu tidak bersifat statik melainkan terus menerus mengalami perubahan mengikut kejadian perubahan sistem sosiobudaya dan politik yang berlangsung dalam masyarakat tersebut.

Dalam pada itu, kajian bentuk panggilan dalam konteks hubungan kekeluargaan atau persanakan telah sejak lama dilakukan. Bentuk panggilan dalam hubungan ini selalunya berkaitan dengan bentuk rujukan yang menunjukkan hubungan antara orang yang dirujuk dengan ego. Bentuk rujukan itu selalunya wujud mengikut sistem kekeluargaan yang berlaku dalam komuniti bahasa berkenaan. Oleh itu analisis

penggunaan rujukan dan panggilan JK selalunya dilakukan dengan cara melihat hubungan geneologis yang wujud dalam sistem kekeluargaan itu.

Dalam perkaitan ini, Tyler telah melakukan penyelidikan lapangan dalam kalangan masyarakat Koya di India Tengah semenjak tahun 1962 sehingga 1963. Kajian ini berfokus kepada analisis budaya, persanakan, bahasa dan struktur sosial secara formal. Beliau mengatakan bahawa peristilahan persanakan, sebagaimana lazimnya fenomena linguistik, selalunya dianalisis sebagai satu kesatuan struktur. Bentuk pilihan mungkin tidak secara langsung dinafikan, tetapi jarang diterangkan, baik secara formal mahupun secara fungsional, sebagaimana yang dikatakan berikut ini:

The analysis of kinship terminologies has traditionally operated only with the genealogical denotata of the social and linguistic contexts in which kin terms are used. Such analysis has usually resulted in the delineation of a single, unitary structure. (Tyler, 1972 p.251).

Pendapat ini merupakan kritikan Tyler ke atas kelemahan model analisis penggunaan JK yang sebelumnya selalu diterapkan, iaitu kajian yang semata-mata menggunakan analisis komponen secara formal dan selalunya mengabaikan konteks sosial dan konteks di mana bahasa itu digunakan. Oleh itu, beliau menerapkan model analisis yang berbeza dalam kajiannya, iaitu dengan menggunakan konsep ‘konteks’ dan ‘pilihan’(alternation). Konsep ini dikenal dengan istilah ‘peraturan peka konteks’ (context-sensitive rule). Konsep ini kemudian menjadi pembuka jalan bagi perpaduan antara analisis linguistik dan sosial.

Seterusnya, beliau mengatakan bahawa variasi dalam istilah kekeluargaan atau JK boleh dicirikan mengikut kelainan dialek tetapi berfokus pada istilah-istilah pilihan

yang berkenaan dengan kedua-dua dialek yang berbeza itu. Adapun variasi tersebut merupakan bahagian daripada *repertoire*⁶ seseorang penutur.

Tyler juga berhujah bahawa dalam satu kumpulan istilah dalam sebarang bahasa, terdapat subbahagian istilah yang menjadi pilihan. Itu bergantung kepada ciri-ciri konteks, seumpama tingkat keformalan, tempat tinggal bersama, keluarga luas mengikut garis ayah, dan kemesraan hubungan. Pilihan itu tidak hanya berlaku pada bahagian yang menunjukkan hubungan kekeluargaan tetapi juga penggunaan kata GND serta bentuk-bentuk imbuhan yang menyertakannya. Antara faktor konteks yang menentukan pilihan tersebut ialah hubungan gurauan, komposisi orang yang hadir atau yang dirujuk, situasi budaya yang penting seperti situasi pernikahan dan festival. Selain itu, faktor lain yang perlu diperhatikan ialah usia si penutur, penggunaan di rumah, status hubungan kekeluargaan dan hubungan rakan. Adapun bentuk pilihan yang digunakan dalam istilah rujukan bagi orang yang memiliki hubungan persanakan terwujud pada peringkat fonologi, morfologi dan leksikal. Untuk mengetahui huraian yang lebih rinci sila rujuk Tyler (1972, pp. 255-267).

Sebagai kesimpulan, Tyler mengiktiraf bahawa peraturan-peraturan yang dikemukakan merupakan dapatan yang belum cukup untuk meramalkan secara keseluruhan mengenai siapa akan dipanggil apa. Ini disebabkan ada banyak sangat pertentangan antara data dan analisis dalam kajian beliau. Walau bagaimanapun, ini telah membuktikan bahawa sepatutnya penggunaan istilah kekeluargaan dalam masyarakat Koya tidak boleh diramalkan semata-mata melalui analisis formal dengan mengikut perkiraan geneologis. Ada banyak lagi faktor kontekstual yang mesti diambil kira,

⁶ *Linguistic repertoire is a concept originally introduced by Gumperz to refer to "the totality of linguistic forms regularly employed in the course of socially significant interaction". The assumption in this case is that speaking a language means to be involved in a continuous process of decision making, although not necessarily a conscious one ...* (dalam Duranti, 1997, p.71).

seumpama latar sosial, komposisi khalayak (*audience*), gender dan usia penutur, pelbagai pilihan bahasa (*linguistic repertoire*), dan yang paling rumit dari kesemuanya ialah tujuan atau maksud daripada si penutur itu sendiri.

2.5. Kajian dalam Komuniti Bahasa Melayu

Selain kajian terhadap komuniti bahasa di Eropah, Afrika dan Parsi, salah satu kajian sistem panggilan dalam bahasa Melayu telah pula dikaji oleh Amat Juhari Bin Moain (1985/1989). Kajian beliau berlatar belakang masyarakat Melayu di negeri-negeri dengan pemerintahan beraja di negara Malaysia dan Brunei Darussalam. Negara-negara ini mewarisi struktur masyarakat tradisional yang berlapis-lapis dan beriringan dengan perkembangan sistem sosial masyarakat moden sehingga memungkinkan wujudnya pelbagai kata panggilan yang mesti mengikut hierarki masyarakat itu. Sistem panggilan itu antara lain ialah untuk rujukan kehormat (pewarisan dan kurniaan), gelaran darjah, jawatan, bintang kebesaran, kata panggilan dan lain sebagainya. Oleh itu, ialah penting memahami sistem panggilan yang berlaku dalam masyarakat Melayu. Dalam kajian ini Amat Juhari Bin Moain menggunakan pendekatan yang digunakan oleh Ervin Tripp, sebagaimana yang telah dihuraikan sebelumnya.

Bahan-bahan yang digunakan sebagai sumber data mencakupi bahan-bahan tertulis berupa karya sastra Melayu lama, buku-buku sejarah, hasil temu temu duga dengan pegawai istana serta pegawai di pejabat setiausaha kerajaan yang terdapat di negeri beraja di kedua-dua negara tersebut. Dapatan daripada kajian ini ialah berupa huraian sistem pemilihan kata panggilan yang harus mengikut tradisi kebudayaan dan perkembangan sosial masyarakat Melayu. Selain itu, wujudnya perkembangan sistem sosial masyarakat Melayu di kedua-dua negara menyebabkan beberapa kata klasik untuk

gelaran kurniaan, rujukan kehormat dan kata ganti nama masih dikekalkan tetapi didapati pula istilah panggilan baru yang diserap dari beberapa bahasa asing, seperti Sanskrit, Hindustan, Arab, Parsi dan bahasa-bahasa di Asia Tenggara lainnya, terutama untuk gelaran, rujukan kehormat, dan panggilan.

Kajian oleh Amat Juhari Moain ini telah mengenalkan pelbagai bentuk rujukan dan panggilan yang berlaku dalam komuniti bahasa Melayu. Bentuk-bentuk itu meliputi kata GND kedua, kata nama atau gelaran. Namun begitu, kajian beliau hanya menghuraikan bentuk-bentuk bahasa yang wujud sebagai bentuk panggilan secara statik dengan merujuk terus kepada kedudukan orang yang dipanggil atau disapa. Dalam kenyataannya, penggunaan bentuk panggilan itu merupakan pilihan yang tidak selalu bersifat statik, tetapi merupakan suatu proses yang bersifat dinamik, sebagaimana yang telah dihuraikan oleh Ervin-Tripp (1972) dan Dickey (1997). Dalam perkaitan ini, beliau tidak menjelaskan kemungkinan wujudnya variasi penggunaan bentuk panggilan untuk merujuk orang yang sama disebabkan oleh konteks yang berbeza. Kewujudan variasi itu sangat mungkin disebabkan masa, tempat atau latar dan hubungan peranan yang berbeza. Faktor kontekstual tersebut boleh menentukan pilihan bentuk panggilan yang berlainan kepada orang yang sama.

Kemudian, Sumalee Nimmanupap (1994) telah pula melakukan kajian tentang sistem panggilan dalam bahasa Melayu. Berlainan dengan Amat Juhari Moain yang menumpukan kajian beliau pada komuniti bahasa Melayu di negeri beraja di Malaysia dan di Brunei Darussalam, Sumalee Nimmanupap membandingkan sistem panggilan dalam bahasa Melayu dengan sistem panggilan dalam bahasa Thai. Dengan pertimbangan latar belakang kedua komuniti yang diagakkan memiliki latar belakang sosial kebudayaan

yang hampir sama, kajian Sumalee Nimmanupap bertujuan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan bentuk panggilan dalam kedua-dua bahasa tersebut.

Kajian ini dilakukan dengan merujuk kepada beberapa konsep, antara lain ialah mengenai wujudnya perbezaan bahasa dari segi bentuk, wujudnya pengaruh nilai budaya, beberapa pemboleh ubah sosiologi dalam pemilihan bentuk-bentuk panggilan, keadaan psikologi orang yang menyapa, dan wujudnya perubahan sosial. Penyelidikan ini tidak menerapkan kajian lapangan melainkan hanya menggunakan sumber data daripada karya sastera, iaitu dengan menganalisis teks percakapan dari empat buah novel, dua novel Melayu dan dua novel Thai.

Daripada hasil analisis tersebut terbukti bahawa sistem panggilan kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Thai mempunyai banyak persamaan. Hanya terdapat sedikit perbezaan dalam hal perinciannya saja. Sistem panggilan itu mencerminkan ciri-ciri kebudayaan pada kedua-dua masyarakat tersebut. Kedua-duanya mempunyai banyak bentuk panggilan untuk memenuhi keperluan dalam berinteraksi antara golongan yang berlainan.

Sistem penggunaan bentuk panggilan yang tepat ditentukan oleh faktor-faktor seumpama jarak perhubungan, pertalian keluarga, umur dan status. Penggunaan gelaran rujukan kehormat menunjukkan jarak perhubungan dalam masyarakat. Panggilan dengan JK juga penting sebagai tanda penghormatan kepada orang yang lebih tua sama ada antara sesama anggota keluarga mahupun antara komuniti yang lebih luas. Dapatan ini menegaskan semula tentang perwujudan sistem susun lapis masyarakat Melayu yang berperanan penting dalam menentukan sistem panggilan yang berlaku dalam masyarakat itu, sebagaimana telah dibincangkan oleh Amat Juhari bin Moain sebelum ini.

Meskipun kedua-dua kajian tersebut berbeza dalam cara pengambilan subjek penelitian atau dalam cara mengambil sumber data, kedua-dua kajian tersebut telah mengukuhkan semula kewujudan bentuk-bentuk panggilan yang sangat bervariasi dalam komuniti bahasa Melayu. Bentuk itu tidak hanya terhad pada bentuk kata GN semata-mata. Dapatan daripada kedua-dua kajian ini juga menekankan wujudnya hubung kait antara sistem sosial masyarakat dengan sistem panggilan. Walau bagaimanapun, model analisis yang digunakan tidak menjelaskan secara rinci bagaimana konteks boleh menentukan kewujudan bentuk panggilan yang bervariasi dan bagaimana hubung kait antara sistem sosiobudaya itu dengan sistem panggilan yang berlaku.

Kajian kata panggilan atau sapaan dalam komuniti bahasa Nusantara yang kemudian ialah kajian kata sapaan bahasa Minangkabau yang dilakukan oleh Media Sandra Kasih (2004). Secara am kajian ini menggambarkan bagaimana kata sapaan boleh mencerminkan adat dan sistem sosial orang Minangkabau di Sumatera Barat Indonesia. Dalam kajian ini beliau telah menghuraikan bagaimana sistem sosial dan sistem kekeluargaan yang berlaku dalam masyarakat Minangkabau. Demikian pula kata-kata sapaan yang wujud dalam hubungan kekeluargaan tersebut dan beberapa kata sapaan untuk rujukan kehormat keagamaan. Beliau juga mengemukakan bahawa sistem panggilan yang berlaku bagi orang Minangkabau ialah jauh lebih kompleks berbanding dengan sistem panggilan yang berlaku dalam bahasa Inggeris.

Dengan menggunakan pendekatan dan teori Ervin-Tripp (1972) dan Amat Juhari Moain (1989), beliau membandingkan sistem panggilan kekeluargaan, panggilan adat dan panggilan umum yang berlaku di desa dan di kota di wilayah *darek* (darat atau pedalaman) dan *rantau* (kawasan luar). Selain menganalisis penggunaan kata panggilan

mengikut kelainan wilayah kawasan tersebut, beliau juga menganalisis kata panggilan itu mengikut tiga golongan usia, iaitu golongan usia remaja, usia dewasa dan golongan tua.

Untuk pengumpulan data penggunaan kata panggilan itu, Media Sandra Kasih memberikan soal selidik kepada responden dan melakukan temu duga. Seterusnya, data tersebut dipaparkan menggunakan jadual, carta alir dan kemudian dilakukan penafsiran ke atas paparan jadual dan carta alir tersebut. Dari hasil dapatan kajian ini diterangkan bahawa masyarakat Minangkabau mempunyai sistem sapaan atau panggilan yang bervariasi. Untuk panggilan kekeluargaan terdapat variasi panggilan yang terbahagi mengikut golongan usia dan mengikut kelainan kawasan kota dan desa. Untuk panggilan adat terdapat pula variasi berdasarkan kelainan wilayah, *darek* dan *rantau*. Oleh itu, penggunaan panggilan itu boleh menjadi petunjuk dari mana orang yang menggunakan itu berasal. Namun begitu demikian, terdapat panggilan umum yang sama-sama digunakan di kedua-dua wilayah tersebut.

Dalam pada itu, sistem kekeluargaan masyarakat Minangkabau mengamalkan sistem matrilineal, yang mana kedudukan keluarga dari pihak ibu ialah lebih penting. Namun begitu demikian, orang Minangkabau tetap menghormati lelaki mengikut pangkat dan kedudukannya dalam keluarga. Demikian pula kedudukan sosialnya dalam masyarakat umum atau masyarakat adat. Sebab itu, terdapat panggilan khusus untuk lelaki dengan pangkat atau kedudukan tersebut. Dengan lain perkataan, Media Sandra Kasih juga telah membuktikan wujudnya variasi bentuk panggilan dalam masyarakat Minangkabau dan telah membuktikan wujudnya hubung kait antara sistem sosiobudaya, adat istiadat dan sistem panggilan. Walau bagaimanapun, huraian dan tafsiran kajian ini belum menjelaskan bagaimana konteks boleh menentukan pilihan daripada variasi kata panggilan tersebut.

2.6. Kajian Sistem Kekeluargaan Orang Melayu

Disebabkan kajian ini akan membincangkan bentuk rujukan atau bentuk panggilan yang berhubung kait dengan JK (*kin terms*), penyelidik juga perlu menyorot kajian mengenai sistem kekeluargaan, terutamanya, sistem kekeluargaan orang Melayu. Salah satu kajian itu ialah kajian yang telah dilakukan oleh Djamour (1979). Beliau telah membahas sistem kekeluargaan dan perkahwinan orang Melayu di Singapura. Meskipun tujuan daripada kajian ini ialah untuk menganalisis struktur kekeluargaan dan perkahwinan orang Melayu Singapura, dalam salah satu bahagian kajiannya, beliau juga menghuraikan tentang istilah kekeluargaan (*kin terms*) yang digunakan dalam keluarga orang Melayu Singapura.

Mengikut pendapat beliau sistem kekeluargaan orang Melayu Singapura ialah dua sisi (*cognatic*). Itu bermakna bahawa hubungan kekeluargaan sebelah pihak ayah dan sebelah pihak ibu ialah sama atau hampir sama pentingnya. Oleh itu, tidak ada kelainan susunan istilah rujukan atau panggilan kekeluargaan orang Melayu bagi kedua-dua belah pihak ibu dan bapa. Mereka menggunakan istilah 'saudara' bagi menyatakan bahawa seseorang itu ialah kaum keluarga, baik kerana hubungan darah mahupun hubungan perkahwinan, termasuk pula saudara angkat. Kata 'saudara' juga kerap kali digunakan bagi menyatakan hubungan adik-beradik.

Dalam kalangan orang Melayu Singapura dikenal istilah *saudara dekat* dan *saudara jauh*. Saudara dekat meliputi mereka yang berasal daripada satu nenek moyang. Saudara jauh ialah saudara tiga pupu, dua pupu kepada ayah dan ibu, anak-anak kepada dua pupu dan sesiapa sahaja dengan perhubungan keluarga yang telah jauh. Selain dikenal istilah keluarga sedarah, dikenal pula istilah keluarga angkat dan keluarga semenda atau keluarga disebabkan hubungan perkahwinan. Keluarga angkat dianggap lebih dekat

berbanding dengan keluarga semenda kerana kebanyakan orang Melayu Singapura menganggap keluarga semenda ini ialah orang lain. Di dalam bahasa Melayu Singapura dikenali adanya istilah panggilan atau sapaan tertentu dalam keluarga sedarah dan semenda. Dengan demikian, istilah tersebut dapat menunjukkan jenis hubungan kekeluargaan yang wujud antara mereka.

Selain Djamour, Banks (1983) telah pula membuat kajian tentang kekeluargaan Melayu di Kedah Malaysia. Ia memulai kajian itu semenjak tahun 1967 dengan berfokus kepada kebudayaan Melayu dan satu kesatuan struktur konsep. Bermula dengan mengenal bahasa orang tempatan, ia kemudian melakukan temu duga untuk menemukan fikiran orang Melayu secara am. Beliau mengumpulkan garis keturunan keluarga, kisah hidup (*life stories*) dan maklumat am mengenai tingkah laku sosial dan moraliti sosial. Sebagaimana halnya Djamour, dalam kajian kekeluargaan ini Banks juga menggunakan konsep dua kategori keluarga, iaitu *saudara dekat* dan *saudara jauh* yang dihubungkan dengan kategori *saudara berat* dan *saudara ringan*.

Salah satu tahapan untuk menganalisis kedua-dua konsep kategori keluarga tersebut Banks menggunakan istilah *lapis* dalam bahasa Melayu untuk menarik susur galur hubungan kekeluargaan sedarah sehingga mendapati tingkatan *collaterality*⁷ yang ditandakan oleh penggunaan seperangkat kata penjelas (*modifier*) seperti *sepupu* dan *dua pupu*. Penanda-penanda bagi tingkatan *collaterality* dan jarak generasi wujud secara terpisah, iaitu sebagai faktor penentu jarak dan kerapatan.

⁷The criterion of collaterality rest on biological fact that among consanguineal relatives of the same generation and sex, some will be more closely akin to Ego than others. A direct ancestor, for example, will be more nearly related than his sibling or cousin, and a lineal descendant than the descendant of a sibling or cousin (Murdock, 1949, p. 103) ... and collateral relatives (father's brother, mother's sister, father's father's brother, etc. (Keesing, 1975)

Dalam kalangan orang Sik di Kedah terdapat penggunaan panggilan kekeluargaan tradisional: *sulung*, *tengah*, *kecik* dan *bungsu*. Panggilan *tengah* dan *kecik* dapat ditukar ganti apabila terdapat lebih dari empat orang anak. Penggantian itu merupakan perkara pilihan sembarangan yang ditentukan oleh orang itu sendiri mahupun oleh orang yang berinteraksi dengannya. Selain itu, juga didapati adanya perbezaan yang ketara dalam jumlah dan susunan istilah antara orang yang diam di permukiman lama di Sik berbanding dengan mereka yang diam di wilayah pesisir (orang hilir). Orang pesisir cenderung mempunyai lebih banyak istilah berbanding dengan mereka yang berdiam di permukiman lama. Namun begitu, tidak bermakna ada keseragaman dalam menggunakan istilah tersebut bagi penduduk permukiman lama itu.

Sebagai kesimpulan daripada analisis tentang istilah kekeluargaan ini, Banks beranggapan bahawa penggunaan istilah kekeluargaan dalam bahasa Melayu bagi keseluruhan golongan adik-beradik ialah menunjukkan struktur sosial, yang mana peranan paternal dan maternal dikongsi dalam golongan itu. Selain itu, didapati pula bahawa JK dalam bahasa Melayu ialah sederhana dan anggun (*elegant*). Hanya ada beberapa istilah untuk menghuraikan keluasan atau jarak hubungan sosial, iaitu melalui tiga konsep dimensi untuk menentukan dekat atau jauhnya hubungan itu: (1) darah (*consanguinity*)⁸; (2) muafakat (*need satisfaction*), iaitu konsep Melayu tentang proses transaksi untuk memenuhi keinginan bersama, misalnya transaksi pasar; dan (3) hubungan kesayangan (*spiritual kinship*). Selain itu, istilah kekeluargaan juga mencerminkan pola kedudukan di dalam desa.

Daripada huraian tentang kedua-dua kajian tentang sistem kekeluargaan orang Melayu ini dapat disimpulkan bahawa terdapat bentuk linguistik (JK) yang merujuk

⁸*Relatives between whom every connecting link is one of blood or common ancestry are known as consanguineal relatives* (Murdock, 1949, p. 95)

kepada peranan seseorang dalam keluarga. Bentuk linguistik tersebut boleh merujuk kepada kategori hubungan yang lebih khas terhadap mengikut peringkat generasi, jenis gender, dan hubungan genealogi, seperti ‘ayah’, ‘ibu’, ‘suami’, ‘isteri’, ‘ayah mertua’ dan ‘ibu mertua’, dan seterusnya. Namun begitu, tidak semua rujukan JK yang ada itu boleh secara terus menjadi kata sapaan atau panggilan. Apabila JK itu boleh terus digunakan untuk menyapa maka bentuk itu boleh berfungsi sebagai kata panggilan. Ini merupakan bahagian daripada ciri perilaku linguistik (*linguistic behaviour*) dalam hubungan interpersonal tertentu (Murdock, 1949).

Daripada kedua-dua kajian Djamour dan Banks tersebut diketahui bahawa kajian sistem kekeluargaan selalunya dikaji dari perspektif antropologi atau sosiologi sehingga pembahasan tentang sistem panggilan itu hanya sepintas lalu, tidak dianalisis secara mendalam dan terperinci. Demikian pula sebaliknya, kajian sistem panggilan itu sendiri, selalunya dikaji dari perspektif linguistik semata-mata. Daripada kajian sistem panggilan dalam hubungan kekeluargaan tersebut, sistem kekeluargaan pada amnya hanya dilihat sebagai sistem hubungan antara dua pihak anggota keluarga secara dua hala (*dyadic*). Hubungan itu menunjukkan hubungan peranan atau kedudukan status yang statik antara orang yang memanggil atau menyapa dan yang dipanggil atau yang disapa, tanpa melihat konteks dalam mana peristiwa komunikasi itu berlaku, yang boleh menyebabkan pertukaran hubungan peranan antara kedua-duanya. Oleh itu, kajian semasa ini cuba melihat kedua-dua sistem tersebut, sistem panggilan dan sistem kekeluargaan, sebagai suatu kesatuan sistem yang boleh langsung dianalisis secara gabungan, iaitu melalui pendekatan etnografi komunikasi, sebagaimana akan dihuraikan dalam bab seterusnya.

2.7. Teori dan Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini

Berdasarkan sorotan kajian tersebut di atas didapati bahawa sistem panggilan selalunya berhubung kait dengan sistem sosiobudaya. Khasnya yang berkaitan dengan sistem hubungan sosial antara penutur. Adapun sistem sosiobudaya dimaksudkan ialah berkenaan dengan faktor-faktor, antara lain tingkat usia, tingkat generasi, perbezaan gender serta kedudukan atau hubungan peranan antara penutur yang terlibat. Adapun bentuk-bentuk panggilan yang wujud ialah bervariasi, tidak terhad pada bentuk kata ganti nama semata-mata, melainkan boleh mengambil pelbagai bentuk kata lainnya.

Oleh itu, kajian tentang sistem panggilan yang berlaku dalam komuniti bahasa Melayu Sambas ini merujuk kepada kajian-kajian yang berpendapat bahawa kewujudan bentuk panggilan itu ialah bervariasi. Selain ditentukan oleh *repertoire* penutur, variasi itu juga merupakan pilihan sesuai minat persorangan (Amat Juhari Moain, 1985/1989; Luong (1990); Keshavarz, 2001; Afful, 2007; Mohammad Aliakbari dan Arman Toni, 2008).

Istilah variasi itu sendiri boleh ditakrifkan sebagai sejumlah cara berbeza tak terbatas yang boleh dijadikan rujukan mengikut hubungan orang yang memanggil dengan orang yang dipanggil, terpulang kepada faktor-faktor sosial dan budaya, sejarah dan faktor situasi lain (Afful, 2007). Sebagaimana yang telah diterangkan, dalam komuniti bahasa Melayu terdapat bentuk panggilan yang bervariasi dengan satu aturan atau sistem yang tertentu. Selain kata GND, bentuk panggilan itu wujud dalam bentuk kata ND, kata gelaran, sapaan dan panggilan, rujukan kehormat, dan kata panggilan yang berasal daripada JK.

Adapun sistem pemilihan itu merupakan suatu proses yang menggambarkan kompeten sosiolinguistik penutur dalam berkomunikasi, sebagaimana yang berlaku dalam peraturan alternasi (*alternation*), (Ervin Tripp, 1972; Tyler (1972). Peraturan lain yang mesti diambil kira dalam proses pemilihan itu ialah peraturan timbal balik (*mutual exchange*), peraturan bukan timbal balik (*non-reciprocal patterns*) ataupun peraturan bergerak semula jadi (*natural progression*) (Brown dan Ford, (1966).

Dalam pada itu, pemilihan bentuk panggilan selalunya berlangsung dalam suatu peristiwa komunikasi yang melibatkan orang dengan berbagai-bagai hubungan peranan. Oleh itu, dalam proses menentukan siapa mesti dipanggil apa, si penutur mesti mengambil kira berbagai-bagai faktor sosial berkenaan dengan situasi sosial dan peristiwa komunikasi sebagai konteks (Tyler, 1972; Luong, 1990; Dickey, 1997; Keshavarz, 2001, Afful, 2007).

Walau bagaimanapun, kajian-kajian di atas tidak mengambil kira konteks sosial dalam hubungan kekeluargaan secara rinci, sebagaimana kajian yang dilakukan untuk tesis ini. Kajian Tyler (1972) telah pun mengambil latar belakang hubungan kekeluargaan itu sebagai konteks. Namun begitu, beliau sendiri juga mengakui bahawa dapatan kajian beliau belum cukup menggambarkan siapa mesti dipanggil apa. Ini disebabkan ada beberapa faktor kontekstual yang belum dianalisis secara rinci. Dalam hal itu, Tyler masih mengabaikan faktor *repertoire* penutur, latar belakang sosial, komposisi khalayak, gender dan usia penutur serta minat penutur secara perseorangan.

Oleh itu, kajian untuk tesis ini perlu menentukan pilihan pendekatan lain yang lebih komprehensif dalam menganalisis sistem panggilan yang berlaku dalam komuniti bahasa Melayu Sambas, khususnya untuk menganalisis faktor kontekstual yang menjadi

latar belakang pemilihan bentuk panggilan tersebut. Pendekatan yang dimaksudkan ialah pendekatan etnografi komunikasi atau *ethnography of speaking*⁹ oleh Dell Hymes (1972). Analisis pertuturan melalui pendekatan ini mengambil kira komponen-komponen komunikasi yang menjadi latar belakang atau konteks berlangsungnya suatu interaksi komunikasi secara komprehensif, sebagaimana dikatakan oleh Hymes: “*Since each of the components may sometimes be a factor, however, each has to be recognized in the general grid*” (Hymes, 1972, p. 59). Hujah beliau ini menegaskan bahawa ialah penting menganalisis tiap-tiap komponen komunikasi tersebut untuk menjelaskan makna bahasa dalam konteks sosiobudaya. Dalam perkaitan ini, beliau telah pun mencadangkan sekurang-kurangnya 15 komponen komunikasi, yang kemudian dikemaskan menjadi lapan komponen yang dikenal dengan istilah *mnemonic* ‘SPEAKING’.

Seterusnya, tiap-tiap komponen tersebut, mesti dianalisis untuk mendapati penjelasan tentang sistem penggunaan bentuk panggilan tersebut dengan sebenar. Khasnya komponen-komponen yang langsung berkenaan dengan konteks penggunaan bentuk-bentuk panggilan atau sapaan. Penjelasan rinci mengenai pendekatan ini dihuraikan dalam bab 3. Pendekatan ini dianggap lebih sesuai kerana boleh menjelaskan bagaimana kaedah analisis konteks semestinya dilakukan dalam memahami makna penggunaan bahasa dengan lebih komprehensif.

Namun demikian, untuk menjawab soalan-soalan yang telah dirumuskan dalam kajian ini, tetap diperlukan analisis formal atau analisis komponensial sebagai analisis awal. Analisis ini penting bagi mendapatkan bentuk-bentuk panggilan yang telah wujud atau sedia ada dalam komuniti bahasa Sambas. Analisis komponensial ini juga diperlukan untuk mengenal pasti kaedah-kaedah pilihan yang berlaku secara statik. Untuk itu,

⁹The *ethnography of speaking* is concerned with the situations and uses, the patterns and functions, of a speaking as an activity in its own right (Hymes dalam Fasold, 1996, p. 39)

sebelum melakukan analisis kontekstual, kajian ini akan diawali dengan analisis komponensial, iaitu dengan menerapkan kaedah yang telah digunakan oleh Tyler (1972) dan Ervin-Tripp (1972).

2.8. Rumusan

Daripada sorotan semua kajian di atas boleh dirumuskan bahawa kajian-kajian sistem panggilan telah membuktikan bahawa bentuk panggilan ialah sangat bervariasi. Bentuknya boleh mengambil berbagai-bagai bentuk bahasa atau jenis kata, antaranya ialah kata GND, kata nama, kata ND, macam-macam gelaran dan rujukan, frasa deskriptif dan sebagainya. Dalam konteks persanakan terdapat bentuk linguistik yang dipanggil dengan istilah persanakan atau JK (*kin terms* atau *kinship terms*). Istilah-istilah itu digunakan untuk merujuk kepada peranan seseorang dalam keluarga, antara lain untuk merujuk kepada kategori hubungan dan kedudukan atau pangkat seseorang dalam hubungan kekeluargaan. Contohnya rujukan pada kedudukan peringkat generasi, jenis gender, dan perbezaan usia.

Pilihan bentuk panggilan tertentu boleh wujud disebabkan kekangan situasi dan peristiwa komunikasi. Selain itu, pemilihan kata-kata panggilan tersebut pada asasnya ialah pilihan disebabkan wujudnya pilihan-pilihan yang ditentukan oleh *repertoire* bahasa oleh penutur dalam komuniti bahasa tersebut. Bersamaan itu, pilihan penggunaan bentuk panggilan itu bersifat dinamik mengikut konteks situasi dan peristiwa komunikasi. Konteks tersebut berkenaan dengan berbagai-bagai faktor seumpama tingkat keformalan, kemesraan hubungan, kesamaan asal tempat tinggal, gender dan usia penutur yang terlibat dalam komunikasi itu, serta kehadiran orang yang dirujuk. Semua faktor kontekstual tersebut berhubung kait dengan sistem nilai budaya, sistem persanakan, sistem bahasa

dan struktur sosial yang berlaku dalam komuniti bahasa tersebut. Walau bagaimanapun, pilihan itu boleh bersifat perseorangan yang selalunya dipengaruhi oleh pengalaman dan minat seseorang itu serta suasana fikiran dan perasaan (*mood*) penutur semasa bertutur.

Faktor-faktor kontekstual tersebut boleh menjelaskan makna-makna yang lebih luas daripada sekadar makna rujukan secara harafiah kata panggilan berkenaan. Makna yang dimaksudkan ialah makna sosial (Blom dan Gumperz, 1972; Dickey, 1997; Winchartz, 2001). Adapun makna sosial yang tersirat dalam penggunaan kata-kata panggilan tersebut tidak selalunya terhad kepada dua dimensi, iaitu pada medan makna kekuasaan dan kesetiakawanan semata-mata, melainkan juga kepada makna-makna sosial yang lebih luas dan berbagai-bagai. Ini menandakan wujudnya hubung kait antara sistem panggilan dan sistem sosiobudaya daripada komuniti bahasa yang bersangkutan.

Teori, pendekatan dan kaedah yang digunakan dalam kajian tentang bentuk panggilan yang lepas ialah berbagai-bagai, mulai daripada analisis semantik, pragmatik, analisis formal atau komponensial, analisis nashkah sastra sehingga analisis kontekstual. Adapun pendekatan yang digunakan juga bermacam-macam, antara lain survei, pendekatan sosiolinguistik interaksional dan pendekatan etnografi interpretatif dengan pelbagai kaedah pengumpulan data, antara lain dengan hanya menggunakan nashkah-nashkah sastra, kemudian melakukan kajian lapangan dengan kaedah rakaman temu duga (separuh berstruktur dan tak berstruktur), pemerhatian (terlibat dan tak terlibat) sehingga dengan perbincangan semula jadi.

Dengan demikian, kajian tentang sistem panggilan merupakan kajian yang terus menerus berkembang sehingga menjadi sangat bervariasi dan lebih kompleks serta lebih mencabar. Oleh itu, diperlukan landasan teori dan konsep yang jelas dan berbagai-bagai

serta pendekatan yang sesuai dengan tujuan yang diinginkan oleh penyelidik. Walau bagaimanapun, untuk memahami bagaimana sistem panggilan itu berhubung kait dengan sistem sosiobudaya komuniti bahasa, diperlukan pemahaman konteks di mana, bila mana suatu peristiwa komunikasi itu berlangsung, sesiapa orang yang terlibat dan untuk tujuan apakah komunikasi itu berlangsung. Melalui pemahaman konteks ini, akan terperikan bagaimana para penutur itu berkongsi kompeten sosiolinguistik sehingga mereka boleh memilih siapa mesti dipanggil apa dengan sepatutnya.

Demi melengkapkan kajian sebelumnya, kajian semasa ini perlu menganalisis variasi bentuk panggilan yang wujud dalam komuniti bahasa Melayu Sambas dalam konteks hubungan kekeluargaan dalam erti luas dengan kekangan tingkat keformalan peristiwa komunikasi. Untuk itu, model analisis yang digunakan ialah analisis komponensial yang kemudian diteruskan dengan analisis kontekstual melalui pendekatan etnografi komunikasi.

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1. Pendahuluan

Kajian ini ialah kajian sosiolinguistik yang bertumpu kepada kajian mengenai sistem panggilan pada suatu komuniti bahasa, iaitu komuniti bahasa Melayu Sambas. Komuniti ini mempunyai latar belakang sosiobudaya Melayu dan menggunakan ragam bahasa (dialek) Melayu tersendiri, iaitu bahasa Melayu Sambas sebagai bahasa pergaulan sehari-hari. Selain itu, pada amnya mereka juga menggunakan bahasa Indonesia sebagai bahasa nasional bangsa Indonesia. Dengan kata lain, kajian ini merupakan kajian penggunaan bahasa dalam konteks sosiobudaya dengan memberi tumpuan kepada sistem panggilan yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari antara ahli komuniti mengikut kedudukan sosial dan pangkat dalam keluarga, mengikut kelainan gender dan peringkat umur, serta dengan mengambil kira kekangan situasi dan peristiwa komunikasi berdasarkan tingkat keformalan sebagai konteks.

Disebabkan kewujudan bentuk panggilan yang sangat bervariasi, secara lebih khusus, kajian ini bertumpu kepada sistem panggilan yang berlaku dalam sistem kekeluargaan mengikut konsep ‘keluarga dekat’ dan ‘keluarga jauh’ yang terikat oleh hubungan ‘darah’ dan ‘perkahwinan’ serta hubungan sosial yang intim ‘seumpama keluarga sedarah’, sebagaimana yang dikemukakan oleh Djamour (1979) dan Banks (1983). Adapun yang dimaksudkan dengan hubungan sosial yang intim ialah meliputi hubungan kejiiran, rakan, dan hubungan jual beli. Dalam perkaitan ini, pendekatan etnografi komunikasi merupakan salah satu pendekatan dalam kajian sosiolinguistik yang sesuai digunakan untuk pemecahan masalah yang dicadangkan dalam kajian ini, sebagaimana akan diuraikan dalam bahagian seterusnya.

3.2. Fokus Kajian

Dengan mempertimbangkan beberapa faktor kekangan, perlu ditentukan perkara-perkara yang memberi tumpuan kepada penyelidikan ini. Sebagaimana dikatakan, sistem panggilan tidak hanya melambangkan realiti kedudukan seseorang dalam keluarga dan masyarakat serta realiti bentuk hubungan yang wujud antara perseorangan tetapi juga berhubung kait dengan individu itu sendiri, kelompok, situasi, objek, atau konteks lainnya. Lagi pula, bentuk panggilan itu selalunya wujud dalam konteks peristiwa komunikasi. Sebab itu, untuk mengetahui sistem panggilan yang berlaku dalam komuniti bahasa Melayu Sambas, perlu diambil beberapa peristiwa komunikasi yang berkenaan. Peristiwa komunikasi yang dimaksudkan ialah komunikasi formal dan tak formal yang berlangsung dalam situasi hubungan kekeluargaan dan hubungan sosial yang intim seumpama hubungan kekeluargaan, iaitu hubungan kejiwaan, rakan dan hubungan jual beli. Lebih khusus, kajian ini mengambil konteks hubungan kekeluargaan sedarah dan semenda dalam kekangan hubungan, iaitu secara *collateral* sehingga dua pupu dan secara *lineal* dalam kekangan sehingga dua generasi ke atas dan dua generasi ke bawah daripada ego.

Seterusnya, diperlukan unit-unit analisis yang relevan sebagai tumpuan. Mengikut pendekatan etnografi komunikasi. Berkenaan ini, terdapat tiga konsep utama sebagai unit analisis, iaitu situasi komunikasi (*communicative situation* atau *speech situation*), peristiwa komunikasi (*communicative event* atau *speech event*, dan lakuan komunikasi (*communicative act* atau *speech act*), sebagaimana akan diterangkan dalam bahagian seterusnya.

3.3. Batasan Kajian

Disebabkan beberapa faktor kekangan dalam proses penyelidikan ini, perlu ditentukan hal yang menjadi batasan daripada kajian ini. Adapun perkara yang perlu dibatasi antara lain ialah mengenai batasan kawasan kajian sebagai tempat di mana penyelidikan ini dilakukan. Selain itu ialah batasan tentang subjek kajian, iaitu dari siapa atau dari mana sumber-sumber data diperoleh serta batasan pilihan situasi komunikasi dan batasan peristiwa komunikasi sebagai latar belakang konteks yang menentukan bagaimana sistem panggilan berlaku dalam komuniti bahasa Melayu Sambas.

3.3.1 Pemilihan Kawasan Penelitian

Dengan menggunakan teknik *purposive sampling* telah dipilih tiga kampung daripada tiga Kecamatan¹⁰ yang berlainan di Kabupaten¹¹ Sambas sebagai batasan, iaitu masing-masing satu kampung bagi tiap-tiap satu Kecamatan. Nama-nama Kecamatan tersebut antara lain ialah Kecamatan Teluk Keramat, Kecamatan Sambas, dan Kecamatan Pemangkat. Pemilihan ketiga-tiga kecamatan tersebut antara lain berdasarkan beberapa pertimbangan. Pertama ialah berdasarkan ciri-ciri variasi dialek yang digunakan (penjelasan rinci telah diterangkan dalam bab 4). Kedua, iaitu berdasarkan ciri-ciri struktur dan sistem sosial masyarakat daripada tiap-tiap golongan komuniti yang bermastautin di kampung-kampung tersebut. Adapun ciri-ciri struktur masyarakat yang dimaksudkan ialah daripada ciri-ciri jumlah penduduk, yang mana ketiga-tiga kecamatan tersebut berpenduduk paling ramai. Selain itu, dari tingkat kemajmukan suku kaum,

¹⁰ Kecamatan ialah suatu kawasan pemerintahan daerah Republik Indonesia yang secara pentadbiran berada di bawah kekuasaan pemerintahan Kabupaten.

¹¹ Kabupaten ialah suatu kawasan pemerintahan daerah Republik Indonesia yang secara pentadbiran berada di bawah kekuasaan pemerintahan Provinsi. Kabupaten Sambas berada di bawah Provinsi Kalimantan Barat, Indonesia.

ketiga-tiganya didiami oleh orang daripada berbagai-bagai suku kaum. Namun begitu, majoriti ialah orang Melayu. Ketiga ialah berdasarkan pertimbangan ciri-ciri sistem nilai dan kepercayaan, adat istiadat serta sistem pergaulan yang berlaku dalam tiap-tiap golongan masyarakat tersebut. Meskipun tiap-tiap kawasan kecamatan tersebut mempunyai ciri-ciri tersendiri, secara am adat istiadat Melayu Sambas¹² sangat mencoraki kehidupan sosial masyarakat di ketiga-tiga kawasan tersebut. Gambaran situasi ini juga menjadi pertimbangan penyelidik dalam menentukan pilihan tempat dalam penyelidikan ini.

Dalam pada itu, suatu penyelidikan etnografi sesungguhnya ialah bertujuan untuk mendapatkan kategori secara emik bukan etik dalam memahami perbezaan sosial, kognitif, budaya dan bahasa, sebagaimana dikatakan oleh Buchstaller and Khattab (2013) bahawa:

Ethnographic data collection is the antithesis of random sampling: notions such as randomness, representativeness, or indeed statistically generated generalizability of results are not relevant to this empirical methodology. Instead, ethnographic research aims at the discovery of emic categories, the social, cognitive, cultural, and linguistic contrasts that are salient in a particular community (as apposed to etic criteria, namely extrinsic concept and categories imposed by the researcher... (p. 79).

Dalam perkaitan ini, Eckert (dalam Buchstaller and Khattab, 2013) berpendapat bahawa pemilihan sampel bukan semata-mata pada kewujudan sampel yang cukup (*representative sample*) tetapi jugamesti bertumpu pada sampel yang diperlukan (*worth sampling*).

¹² Mengikut pendapat para informan utama pada masa dilakukan pengamatan awal (pre-research) adat istiadat dan corak kehidupan masyarakat Melayu Sambas di ketiga-tiga kawasan itu secara am juga menggambarkan kehidupan orang Melayu Sambas di kawasan Kecamatan-Kecamatan lainnya. Mempertimbangkan pendapat informan merupakan sesuatu yang dibenarkan dalam penyelidikan etnografi kerana sifatnya yang *emic*, iaitu mesti mempertimbangkan sudut pandangan komuniti yang dikaji.

Oleh itu, pemilihan kawasan penyelidikan dalam kajian etnografi tidak semestinya hanya semata-mata mengambil kira kewujudan jumlah kawasan atau jumlah kampung yang ada, melainkan juga mesti mengambil kira ciri-ciri tertentu daripada kampung-kampung berkenaan supaya sesuai dengan tujuan. Pertimbangan ini juga sesuai dengan pendapat Buchstaller and Khattab yang mengatakan: *“Hence, the precision of a sample is a function not only of the number of observations, but also of the amount of variability within the population as regards the feature of interest”* (ibid., p.83). Dengan demikian, melalui pertimbangan ciri-ciri tertentu sebagaimana telah disebutkan di atas, pemilihan ketiga-tiga kampung tersebut dianggap telah memadai untuk menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu Sambas pada amnya, termasuk pula gambaran tentang penggunaan kata panggilan yang berlaku di sana.

3.3.2 Pemilihan Subjek dan Informan Penelitian

Orang yang dipilih sebagai subjek penyelidikan ini ialah sebagai berikut: Pertama ialah orang daripada komuniti bahasa Melayu Sambas yang bermastautin di ketiga-tiga kampung tersebut. Mereka ialah ahli atau anggota komuniti yang terikat oleh ikatan kekeluargaan yang merujuk kepada konsep hubungan kekeluargaan orang Melayu (Djamour, 1979; Banks, 1983), iaitu keluarga sedarah, keluarga semenda (ipar) ataupun ikatan hubungan sosial yang intim seumpama dengan hubungan keluarga sedarah. Contohnya ialah hubungan kejiiran, rakan, dan hubungan jual beli. Konsep hubungan kekeluargaan tersebut di atas menjadi batasan situasi sosial yang menjadi latar belakang penggunaan bentuk panggilan. Sebahagian daripada mereka terlibat langsung dalam peristiwa komunikasi yang diambil sebagai sumber data.

Kedua, untuk mendapatkan sumber data pendukung di luar daripada data pertuturan, seperti data etnografi, dipilih ahli komuniti sebagai informan. Mereka ialah tokoh masyarakat seperti pengarah kampung, tokoh adat, orang terpelajar atau orang biasa yang boleh dan bersedia memberikan data atau maklumat yang diperlukan oleh penyelidik.

Adapun teknik atau pendekatan yang digunakan dalam menentukan sesiapa yang dipilih untuk menjadi informan ini ialah teknik jaringan sosial (*social network*) atau yang dikenal pula dengan istilah *snowball sampling technique* (Buchstaller and Khattab, 2013, p.80). Milroy and Gordon menamakan teknik ini dengan istilah *friend-of-a friend approach* (dalam Levon, 2013, p.195).

3.4. Pendekatan Kajian

Untuk mengenal pasti dan memahami sistem panggilan yang berlaku dalam situasi hubungan kekeluargaan dengan pengertian yang luas dan dalam peristiwa komunikasi tertentu, diperlukan analisis kontekstual. Untuk mencapai matlamat ini, di awal penyelidikan diperlukan data etnografi tentang penutur yang menjadi latar belakang pilihan penggunaan kata panggilan itu, sebagaimana dikemukakan oleh Winchartz (2001) berikut ini:

It appears that by starting with grounded, ethnographic data of speakers' communicative choices and their interpretations of these that we can come to better understand the distinctive and complex systems of interpersonal relating that underlie daily interaction... Indeed, such an interpretive approach allows us to move from a causal, deterministic, theory-driven view of interpersonal relating to one that works from the grounded up, from data based in interlocutors' meanings and interpretations of their own communicative choices to theories that remain faithful to interlocutors' intricate meaning systems. (p.365).

Melalui pendekatan ini, penggunaan kata panggilan tidak hanya difahami semata-mata merujuk pada makna literal yang terkandung di dalam kata itu, melainkan juga mesti merujuk pada makna kontekstual atau makna sosial daripada kata itu. Apa yang telah diterangkan oleh Winchitz di atas ialah selari dengan pendekatan yang telah lebih dahulu dikenalkan oleh Hymes (1972) yang kemudian diteruskan oleh Saville-Troike (1989, 2006). Pendekatan ini dikenal dengan pendekatan etnografi komunikasi (*ethnography of communication*) atau yang sebelumnya dinamakan *ethnography of speaking*, iaitu pendekatan sosiolinguistik dalam mana penggunaan bahasa secara am ialah berhubung kait dengan nilai sosial dan budaya.

Lebih lanjut, dikatakan bahawa pendekatan ini telah berhasil mengisi kekurangan atau kelemahan pada bidang kajian antropologi mengenai budaya di satu sisi dan kajian linguistik atau bahasa di sisi lain. Melalui pendekatan ini kajian linguistik menjadi lebih lengkap kerana tidak hanya meliputi kajian struktur komponen linguistik semata-mata tetapi juga mencakupi pemahaman tentang cara penutur berfikir dan berbuat serta tentang penggunaannya. Etnografi komunikasi membahas perilaku berkomunikasi dalam kalangan suatu komuniti bahasa, antaranya mengenai situasi dan penggunaan, pola dan fungsi daripada suatu peristiwa komunikasi (Hymes, 1972; Saville-Troike, 2003; Fasold, 1996). Oleh itu, pendekatan etnografi komunikasi ini sangat sesuai digunakan sebagai model analisis kontekstual dalam penyelidikan ini.

3.5. Unit Analisis sebagai Konteks

Dalam pendekatan etnografi komunikasi terdapat tiga konsep unit analisis yang perlu difahami, iaitu meliputi ‘situasi komunikasi’, ‘peristiwa komunikasi’ dan konsep ‘lakuan komunikasi’. Dalam kajian ini ketiga-tiga konsep tersebut menjadi latar belakang konteks yang boleh menjelaskan bagaimana sistem panggilan dalam komuniti bahasa

Melayu Sambas berlaku secara kontekstual. Berikut ialah penjelasan cara kerja etnografi komunikasi dalam kajian ini melalui ketiga-tiga konsep tersebut.

3.5.1 Situasi Komunikasi

Dalam pendekatan etnografi komunikasi terdapat tiga konsep utama sebagai unit analisis iaitu situasi komunikasi, peristiwa komunikasi dan lakuan komunikasi (Hymes, 1972). Situasi komunikasi (*communicative situation*) selalunya ditandakan oleh kewujudan atau ketiadaan pertuturan. Dalam hal ini ‘situasi’ didefinisikan sebagai sesuatu yang berkenaan dengan aktiviti-aktiviti yang dalam beberapa cara boleh dikenali sebagai sesuatu yang terikat (*bounded*) dan penting (*integral*). Suatu situasi komunikasi selalunya mengekalkan satu konfigurasi kegiatan yang umum secara konsisten, satu lingkungan yang sama selama komunikasi berlangsung, meskipun ada kemungkinan perbezaan jenis-jenis interaksi yang berlaku di sana. Lebih lanjut, dikatakan bahawa situasi komunikasi merupakan konteks yang mengatur kaedah berbicara sebagaimana dikatakan dalam petikan ini:

Speech situations are not purely communicative; they may be composed of both communicative and other kinds of events. Speech situations are not themselves subject to rules of speaking, but can be referred to by rules of speaking as contexts (Fasold, 1996, p. 42).

Berkaitan dengan ini, Hymes memberi contoh ‘upacara’, ‘perkelahian’, ‘perburuan’, ‘situasi makan’, ‘percintaan’, dan serupa itu sebagai macam-macam situasi komunikasi.

Adapun situasi komunikasi yang diambil dalam kajian ini ialah situasi komunikasi dengan latar belakang hubungan sosial kekeluargaan dan hubungan sosial yang intim dengan kekangan tingkat keformalan. Situasi komunikasi formal contohnya ialah upacara pernikahan, upacara meraikan hari besar keagamaan, mesyuarat jawatan

kuasa dan mesyuarat pengerusi suatu dusun, kampung atau suatu kawasan kejiranan (*Rukun Tetangga* atau *Rukun Warga*). Situasi komunikasi tak rasmi yang diambil dalam kajian ini ialah percakapan atau perbualan oleh ahli keluarga; perbualan atau gurauan antara sesama rakan kerja atau rakan sepermainan; serta transaksi jual beli antara penjual dan pembeli di pasar tradisional.

3.5.2 Peristiwa Komunikasi

Unit analisis yang kedua ialah peristiwa komunikasi (*communicative event* atau *speech event*). Menurut pendapat Hymes (1972), istilah peristiwa komunikasi ialah terhadap kepada aktiviti atau aspek aktiviti yang secara terus diatur oleh kaedah atau norma penggunaan tuturan. suatu peristiwa komunikasi dapat terdiri daripada satu lakuan komunikasi tetapi selalunya terdiri daripada beberapa lakuan tuturan. Dalam perkaitan ini, Saville-Troike (2006) menjelaskan bahawa suatu peristiwa komunikasi ditakrifkan sebagai seperangkat komponen komunikasi yang terpadu secara menyeluruh, dimulai dengan adanya tujuan yang sama, topik yang sama, partisipan (*participants*) yang sama, kerap kali menggunakan ragam bahasa yang sama, memelihara *tone* dan *key* yang sama, dan dengan kaedah yang sama dalam suatu *setting* yang sama.

Selari dengan situasi komunikasi yang dipilih, kajian ini juga mengambil peristiwa komunikasi dalam kedua-dua situasi formal dan tak formal. Adapun peristiwa komunikasi formal yang diambil ialah diskusi atau perbincangan dalam mesyuarat jawatankuasa dalam sebuah pejabat, mesyuarat desa yang melibatkan pengarah (kepala) desa dengan para kaki-tangannya serta pertemuan-pertemuan atau ceramah dalam majlis ta'lim. Dalam peristiwa komunikasi ini selalunya terlibat orang yang mempunyai hubungan rakan dan hubungan kejiranan serta hubungan sosial lainnya.

Peristiwa komunikasi formal lainnya ialah alu-aluan dan ucapan dalam rangkaian ritual upacara pernikahan. Selain itu, ada alu-aluan dan ucapan dalam kegiatan keagamaan atau majlis taklim. Dalam peristiwa komunikasi ini selalunya melibatkan orang dalam berbagai-bagai kedudukan dan peranan, sama ada dalam hubungan kekeluargaan ataupun dalam macam-macam hubungan sosial yang intim.

3.5.3. Lakuan Komunikasi

Mengikut pendapat Hymes (1972) lakuan komunikasi atau lakuan komunikasi (*communicative act* atau *speech act*) didefinisikan sebagai berikut:

The speech act is the minimal term of the set just discussed, as the remarks on speech events have indicated. It represents a level distinct from the sentence, and not identifiable with any single portion of other levels of grammar, nor with segments of any particular size defined in terms of other levels of grammar. Hymes (1972, p.56).

Sehubungan dengan ini, Saville-Troike (2006) menjelaskan bahawa lakuan komunikasi selalunya ditandakan oleh satu fungsi interaksi yang mufrad, umpamanya suatu pernyataan rujukan, suatu permohonan atau perintah, dan boleh dalam bentuk bahasa atau pun bukan bahasa.

Berhubung kait dengan sistem panggilan, lakuan komunikasi yang dipilih ialah lakuan komunikasi yang boleh mewujudkan penggunaan bentuk-bentuk panggilan. Contohnya dalam lakuan komunikasi memanggil, menyapa, memberi salam, menyuruh atau memerintah, meminta, memohon, menimang, merayu, memarahi, dan sebagainya. Lakuan komunikasi yang dimaksudkan selalunya terdapat dalam peristiwa komunikasi yang telah disebutkan di atas.

3.5.4 Komponen-Komponen Komunikasi

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam sebelumnya, penyelidikan ini menggunakan pendekatan etnografi komunikasi oleh Dell Hymes. Pendekatan ini dikenal dengan lapan komponen komunikasi melalui *mnemonic code, SPEAKING* (Hymes, 1972, p.59). Istilah ini digunakan untuk untuk kemudahan mengingat huruf-huruf depan daripada tiap-tiap komponen tersebut. (sila rujuk pula Saville-Troike, 2003; Fasold, 1996). Seterusnya, komponen komunikasi ini dijadikan rujukan untuk menganalisis konteks yang menjadi latar belakang pemilihan bentuk panggilan yang berlaku dalam setiap peristiwa komunikasi yang ditentukan.

Adapun lapan komponen komunikasi tersebut ialah (S), iaitu huruf depan dari kata *Setting* atau *Scene*. *Setting* atau latar merujuk kepada waktu dan tempat daripada suatu lakuan komunikasi dan selalunya merujuk pada keadaan fizikal sekitaran. Dalam pada itu, berlainan dengan *setting*, *scene* menunjukkan latar belakang psikologis daripada peristiwa komunikasi itu atau definisi suatu kejadian secara budaya sebagai suatu bentuk *scene*. Sebagai contoh, Hymes (1972) menerangkan bahawa dalam satu persembahan drama pada pentas yang sama boleh berlangsung pertunjukan yang menunjukkan pertukaran masa yang berlainan – “10 tahun kemudian”. Dalam kehidupan sehari-hari, seseorang yang sama boleh melakukan interaksi yang berbeza, daripada formal kepada tak formal, serius kepada bergembira, atau semacamnya. Seterusnya beliau juga menjelaskan: “*setting and scene may be linked as components of act situation (mnemonically, S). Since scene implies always an analysis of cultural definitions, setting probably is to be preferred as the informal, unmarked term for the two.* (Hymes, 1972, p.60). Dalam konteks penyelidikan ini, yang dimaksudkan dengan *setting* ialah di rumah,

di pejabat setiausaha, di tempat pertemuan bermesyuarat, pasar dan tempat awam lainnya. Adapun *scene* meliputi keadaan situasi dan peristiwa komunikasi formal dan tak formal.

(P) ialah huruf depan dari *Participants*, iaitu partisipan atau orang yang terlibat dalam perkomunikasi itu, tidak hanya orang yang bertutur (penyapa) atau kawan tutur (orang yang disapa) tetapi juga orang yang hadir atau khalayak yang berada di sekitaran sebagai pendengar (*audience*). Dalam kajian ini, penutur yang dimaksudkan ialah orang yang mempunyai pertalian hubungan persanakan, pekerjaan, kejiranan, rakan, hubungan jual beli atau hubungan setakat kenal saja.

(E) ialah huruf depan daripada kata *Ends*, iaitu tujuan daripada sebuah peristiwa tuturan. Tujuan ini terpecah menjadi hasilan (*outcomes*) daripada komunikasi itu ditinjau dari sisi budaya dan tujuan (*goals*) daripada penutur itu sendiri secara individu. Tujuan sebagai *outcomes* dijelaskan sebagai berikut:

Outcomes – Conventionally recognized and expected outcomes often enter into the definition of speech events, as among the Waiwai of Venezuela, where the central speech event of the society, the oho-chant, has several varieties, according to whether the purpose to be accomplished is a marriage contract, a trade, a communal work task, an invitation to a feast, or a composing of social peace after death.

Goals – the purpose of an event from a community standpoint, of course, need not be identical to the purposes of those engage in it. Presumably, both ideas to Yakan litigation wish to win. In a negotiation the purpose of some may be to obtain a favorable settlement, of others simply that there be a settlement. Among the Waiwai the pro-spective father-in-law and son-in-law have opposing goals in arriving at marriage contract (Hymes, 1972, p. 61).

Kedua-dua jenis tujuan, *outcomes* dan *goals*, yang diharapkan dan dihargai secara muafakah, boleh dibezakan mengikut situasi dan personal secara murni.

Seterusnya ialah (A) huruf depan dari *Act sequence*, meliputi bentuk mesej dan isi mesej. Bentuk mesej ialah mengenai bagaimana mesej itu dikatakan. Saville-Troike

(2003) mencontohkan sama ada mesej itu disampaikan menggunakan saluran suara atau bukan suara, verbal atau bukan verbal ataupun menggunakan jenis ragam atau laras bahasa tertentu. Isi mesej ialah mengenai apa yang dikatakan atau apa makna yang disampaikan. Isi mesej juga dikenal sebagai topik perbualan. Dalam suatu peristiwa komunikasi seorang penutur atau pembicara mesti dapat menyampaikan isi mesej dengan baik sehingga boleh difahami oleh pendengar atau kawan bicaranya. Demikian pula dengan bentuk mesej mesti dipilih sesuai situasi atau setting daripada peristiwa komunikasi tersebut serta hubungan peranan yang wujud antara partisipan yang terlibat.

Komponen kemudian ialah **K**, singkatan dari *Key*. Komponen ini merujuk pada nada bertutur (*tone*), cara penyampaian (*manner*) atau spirit dalam mana suatu lakuan atau tindakan berlaku. Contohnya, apakah itu olok-olok atau serius, bergembira atau berhati-hati dan seterusnya. Selalunya *key* ini mesti sesuai dengan *setting*, partisipan dan bentuk mesej yang wujud dalam peristiwa komunikasi berkenaan.

Seterusnya ialah **I**, singkatan dari *Instrumentalities*, iaitu mencakupi saluran atau bagaimana mesej disampaikan, sama ada secara lisan atau bertulis, disampaikan secara langsung atau melalui perantara (misalkan telegraf atau telefon) ataupun dengan kod lainnya. Cakupan lainnya ialah mengikut bentuk tuturan, sama ada bahasa, dialek, kod, ragam atau laras (*register*) bahasa tertentu. *Instrumentalities* ini pada asasnya sama dengan bentuk pesan yang dimaksudkan pada bahagian *act sequence*.

Dalam komunikasi juga tercakup komponen *Norms of interaction* (**N**), iaitu norma atau peraturan pertuturan. Contohnya, terdapat peraturan yang berlainan dalam hal suara, sama ada seseorang dapat bertutur dengan suara secara normal ataupun mesti berbisik-bisik. Norma interaksi ini selalunya berhubung kait dengan struktur sosial dan

hubungan sosial dalam suatu komuniti. Selain itu, norma interaksi berkenaan juga menunjukkan sistem kepercayaan daripada komuniti berkenaan tersebut.

Komponen terakhir ialah **G** singkatan dari *Genre*, iaitu merujuk pada kategori seumpama puisi, mitos, dongeng, peribahasa, kutukan, doa, pidato, ceramah, berjualan, bentuk surat, dan lain-lain. Kadang-kadang *genre* bermakna sama dengan dengan peristiwa komunikasi itu sendiri, sebagaimana dijelaskan oleh Hymes berikut ini:

Genres often coincide with speech events, but must be treated as analytically independent of them. they may occur in (for as) different events. The sermon as a genre is typically identical with a certain place in a church service, but its properties may be invoked for serious or humorous effect, in other situations. (Hymes, 1972, p.65).

Dalam penyelidikan ini semua peristiwa komunikasi yang dipilih dianalisis berdasarkan komponen-komponen komunikasi tersebut dengan cara mendeskripsikan bahagian-bahagian yang relevan dengan kwujudan penggunaan bentuk panggilan dalam setiap peristiwa komunikasi berkenaan. Hasil deskripsi tersebut kemudian ditafsirkan sehingga didapati penjelasan mengenai konteks yang menjadi latar belakang bagaimana bentuk-bentuk panggilan digunakan dalam suatu peristiwa komunikasi tertentu. Akhirnya, melalui pentafsiran itu akan didapati penjelasan bagaimana sistem panggilan boleh berhubung kait dengan sistem sosiobudaya komuniti bahasa Melayu Sambas.

Sebagai kesimpulan, batasan kajian yang ditetapkan dalam penyelidikan ini boleh dikemaskan dalam jadual berikut ini.

Jadual 3.1: Batasan Situasi Sosial, Peristiwa Komunikasi dan Tingkat Keformalan

Hubungan Sosial	Situasi Komunikasi	Peristiwa Komunikasi	Tingkat Keformalan
1. hubungan kekeluargaan	upacara pernikahan	1. sambutan juru acara 2. sambutan keluarga mempelai laki-laki 3. sambutan mempelai perempuan 4. ijab kabul	Formal
	percakapan/perbualan keluarga	1. percakapan keluarga 2. gurauan	tak formal
2. hubungan kehiranan (Indonesia: <i>ketetanggaan</i>)	1. mesyuarat RT/RW atau pengurus kampung 2. aktiviti meraikan hari raya keagamaan	1. ucapan salam dan sapaan 2. tanya jawab/diskusi 3. ucapan alu-aluan dan ceramah	Formal
	percakapan/perbualan	percakapan/perbualan serius, gurauan atau olok-olokan	tak formal
3. hubungan rakan (sepekerjaan, sepermainan)	mesyuarat	1. ucapan salam dan alu-aluan 2. soal jawab dan diskusi	Formal
	percakapan/perbualan	percakapan/perbualan serius, gurauan atau olok-olokan	tak formal
4. hubungan jual beli	transaksi jual beli	tawar menawar barang	tak formal

3.6. Kaedah Pengumpulan Data

Suatu penyelidikan yang menggunakan pendekatan etnografi komunikasi memerlukan kaedah-kaedah pengumpulan data yang sesuai. Adapun kaedah pengumpulan data yang relevan ialah melalui kerja lapangan (*field work*). Berkenaan ini, Saville-Troike berpendapat:

Doing ethnography in another culture involves first and foremost field work, including observing, asking questions, participating in group activities, and testing the validity of one's perceptions against the intuitions of natives (Saville-Troike, 2003, p.3).

Selain itu, kerja lapangan ini juga memberikan kebolehan bagi penyelidik untuk meneroka maklumat-maklumat dari pengguna atau penutur bahasa tentang apa-apa yang patut dan yang tak patut dalam penggunaan bahasa secara intuitif sebagaimana diperkatakan dalam petikan ini:

These techniques¹³ are important for uncovering regularities in the linguistic system and for getting access to forms that might not be very common in everyday usage. At the same time, the exclusive use of such methods systematically avoids getting into what makes language a social institution and a cultural practice (Duranti, 1997, p.98).

Merujuk pada pendapat di atas, kajian lapangan untuk penyelidikan ini dilakukan dalam masa lebih kurang dua tahun. Namun begitu, disebabkan kekangan masa, kerja lapangan tersebut tidak dilakukan secara berterusan dalam masa itu. Penyelidik datang ke tempat penyelidikan secara berulang-ulang (ulang alik) untuk melakukan pemerhatian dan mendapatkan data yang diperlukan. Cara ini dilakukan sebab tidak semua peristiwa komunikasi yang ingin didapatkan serta-merta dapat dijumpai pada masa yang tersedia. Dalam kerja lapangan itu dilakukan pengumpulan data mengenai

¹³ Kata *Techniques* yang dimaksudkan oleh Duranti ini ialah dua jenis teknik kerja lapangan. Yang satu ialah yang selalunya digunakan oleh para pakar linguistik dan yang lain selalunya digunakan oleh para pakar antropologi bahasa (sila rujuk Duranti, 1997, p. 98-99)

penggunaan kata panggilan oleh komuniti bahasa Sambas melalui teknik perakaman peristiwa komunikasi dalam mana bentuk sapaan digunakan. Bersamaan itu, digunakan juga teknik pemerhatian dan temu duga tidak berstruktur sebagaimana diuraikan seterusnya.

3.6.1 Kaedah Pemerhatian dengan Perakaman

Disebabkan data utama dari penyelidikan ini ialah peristiwa komunikasi yang menggunakan bentuk panggilan, diperlukan perakaman pada beberapa peristiwa komunikasi yang berkenaan dengan menggunakan alat perakam elektronik. Adapun peristiwa komunikasi yang dirakam ialah sebagaimana yang telah diterangkan di atas.

Selain melalui perakaman, pengumpulan data juga dilakukan melalui kaedah pemerhatian. Dalam hal ini, penyelidik sendiri yang menjadi pemerhati hampir pada semua peristiwa atau kejadian komunikasi yang dipilih. Penyelidik juga boleh menjadi bahagian daripada peristiwa komunikasi tersebut. Dengan demikian, penyelidik juga melakukan pemerhatian terlibat (*participant observation*). Pilihan ini merujuk pada kaedah penyelidikan yang telah dilakukan penyelidik sebelumnya, iaitu seperti yang dilakukan oleh Luong (1990); Dickey (1997); dan Winchartz (2001).

Walau bagaimanapun, tidak semua peristiwa komunikasi yang diperlukan terbuka untuk kehadiran pihak lain, sebagaimana kehadiran pemerhati sebagai orang luar. Sebab itu, penyelidik juga menggunakan orang lain yang boleh terlibat langsung dalam peristiwa yang dimaksudkan. Dalam situasi kekangan ini penyelidik hanya melakukan pemerhatian tidak terlibat (*non-participant observation*). Ini sesuai dengan apa-apa yang telah dilakukan oleh Afful (2007). Beliau telah pula melakukan kedua-dua model

pemerhatian tersebut dalam kajiannya, sebagaimana kaedah yang diterapkan dalam kajian ini. Maknanya, dalam situasi dan peristiwa komunikasi tertentu yang tertutup bagi orang luar penyelidik menggunakan orang yang langsung terlibat dalam peristiwa komunikasi tersebut untuk mendapatkan rakaman yang diperlukan.

Hasil perakaman yang didapati kemudian diputar berulang kali dan ditranskripsikan (Saville-Troike, 2003; Young, 2008) sehingga memudahkan penyelidik dalam mengenal pasti bentuk panggilan yang digunakan dalam setiap peristiwa komunikasi tersebut sebagaimana dikatakan berikut ini:

The introduction of recording machine such as tape recorder and the video camera (or camcorder) among the field researcher's tools has a number of advantages over the traditional method of participant observation based on the researcher skills at listening, seeing, and most importantly remembering – whether or not aided by written notes. (Duranti, 1997, p.116).

Walau bagaimanapun, penggunaan catatan lapangan juga diperlukan untuk mendapatkan maklumat yang dianggap penting dan berkenaan dengan data yang diperlukan. Catatan dilakukan mengikut apa-apa hal yang didengar dan dilihat oleh penyelidik untuk melengkapkan data yang diperolehi melalui rakaman suara peristiwa komunikasi.

3.6.2. Kaedah Temu Duga

Untuk melengkapkan hasil data yang didapati melalui kaedah atau teknik pemerhatian perlu dilakukan teknik temu duga. Teknik ini lazim diterapkan dalam kajian lapangan sebagaimana yang pada amnya dilakukan para penyelidik etnografi atau para penyelidik antropologi linguistik (Duranti, 1997, p.102). Ada banyak jenis data yang boleh diterokai melalui kaedah ini, sebagaimana dijelaskan oleh Saville-Troike berikut ini:

Interviewing may contribute a wide range of cultural information, and may include collection of kinship schedules, information on important religious and community events, and elicitation of folktale, historical narratives, songs, exposition of 'how to' in relation to various aspects of technical knowledge, and descriptions of encounters among members of the community in different context (Saville-Troike, 2003, p. 99).

Oleh itu, untuk mendapatkan data bentuk panggilan yang wujud dalam komuniti ini dan bagaimana bentuk panggilan itu digunakan dalam suatu peristiwa komunikasi perlu dilakukan temu duga kepada beberapa ahli komuniti atau tokoh masyarakat. Temu duga juga dilakukan secara langsung kepada penutur yang terlibat di dalamnya dan kepada *informan* utama lain yang diperlukan.

Adapun jenis temu duga yang dilaksanakan dalam kajian ini ialah temu duga bebas atau tidak berstruktur yang menyerupai perbualan semula jadi dengan para *informan*. Kemudian hasilnya terus dibuat menjadi catatan lapangan. Menurut pendapat Saville-Troike (2003) model temu duga semacam ini lebih sesuai untuk kajian etnografi komunikasi yang bermatlamat untuk mengumpulkan berbagai-bagai maklumat tentang aspek-aspek komunikasi. Dalam hal ini, penanya atau penyelidik tidak perlu menyediakan pilihan jawapan sebelumnya kerana komuniti yang diselidiki mempunyai cara tersendiri untuk mentafsirkan apa-apa yang disoalkan dalam temu duga itu (Duranti, 1997, p.104).

Merujuk pada model-model kaedah di atas, temu duga yang dilakukan dalam kajian ini ialah dengan merujuk pada senarai isu-isu (sila rujuk lampiran 3) yang perlu diterokai atau diungkapkan secara lebih fleksibel dan bersifat semula jadi. kaedah ini juga dinamakan kaedah temu duga refleksif (*reflexive interviewing*) (Atkinson dalam Winchartz, 2001, p.342). Kaedah temu duga ini sesuai untuk memahami cara penutur menggunakan kata-kata panggilan yang berlaku dalam suatu peristiwa komunikasi.

3.6.3 Teks Sebagai Sumber Data

Sebagai pelengkap kepada kaedah pengumpulan data yang telah disebutkan di atas, kajian ini juga menggunakan teks sebagai sumber data. Beberapa kajian yang telah disorot di atas telah menerangkan bahawa analisis teks dari berbagai-bagai sumber tertulis seperti novel, cerita rakyat dan sebagainya, boleh dilakukan untuk mendapatkan data tentang sistem panggilan. Kaedah ini telah dilakukan oleh Brown dan Ford (1966) dan Amat Jauhari Moain (1985). Mereka menggunakan bahan tertulis daripada karya sastera dan buku sejarah. Sumalee Nimmanuppap (1994) malahan menggunakan teks daripada novel sebagai sumber data utamanya, iaitu novel Melayu Malaysia dan novel Melayu Thai.

Merujuk pada kaedah penggunaan teks sebagai sumber data, dalam kajian ini juga digunakan teks tertulis yang diperoleh daripada transkrip dialog para pelakon dalam tiga filem yang dibuat oleh rumah produksi tempatan yang menggunakan bahasa Melayu Sambas. Data perbualan atau dialog daripada ketiga-tiga filem tersebut dianggap wajar untuk digunakan sebagai sumber data sebab menurut pendapat informan yang mewakili orang tempatan menerangkan bahawa isi cerita ketiga-tiga filem tersebut secara am menggambarkan kehidupan sehari-hari orang Melayu Sambas yang sebenar. Namun begitu, disebabkan cerita itu hanya merupakan karya seni dan dibuat untuk menghiburkan penontonnya, tidak dinafikan ada juga beberapa bahagian cerita atau dialog yang berlebih-lebih sehingga kurang sesuai dengan keadaan sebenar. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga filem tersebut sesuai untuk digunakan sebagai sumber data sebab bahasa yang digunakan oleh para pelakon ialah bahasa Melayu Sambas.

Oleh itu, data transkrip dialog tersebut digunakan untuk melengkapkan data yang tidak dapat dikumpulkan melalui kaedah-kaedah yang sebelumnya, khususnya data peristiwa komunikasi yang sukar didapatkan kerana bersifat rahsia bagi orang luar. Adapun filem-filem tersebut bertajuk ‘Kembang Polaria 1’, ‘Kembang Polaria 2’, dan ‘Sarjana Kampung’.

3.7. Kaedah Analisis Data

Untuk menjawab soalan-soalan dalam penyelidikan ini, diperlukan kaedah analisis yang sesuai dan selari dengan pendekatan yang dipilih. Adapun kaedah analisis data yang diterapkan dalam kajian ini terdiri daripada dua model analisis. Pertama ialah model analisis komponensial yang merujuk kepada Kroeber (1968) yang telah pula digunakan oleh Tyler (1972). Kedua ialah analisis kontekstual, iaitu mengikut model analisis etnografi komunikasi oleh Dell Hymes (1972) yang kemudian dikembangkan oleh Saville-Troike (2003).

3.7.1. Analisis Komponensial

Merujuk balik pada tujuan pertama daripada kajian ini – iaitu mengenal pasti sistem panggilan dalam komuniti bahasa Melayu Sambas dalam situasi hubungan kekeluargaan dan situasi hubungan sosial yang intim mengikut model analisis formal atau analisis komponensial – langkah analisis pertama yang diterapkan ialah analisis komponensial. Analisis ini dimulakan dengan mendeskripsikan bentuk-bentuk panggilan yang wujud dalam berbagai-bagai hubungan dua hala antara orang yang mempunyai ikatan hubungan kekeluargaan sedarah dan semenda, serta antara orang yang mempunyai ikatan hubungan sosial semacam hubungan kekeluargaan. Pengelasan hubungan

kekeluargaan itu antara lain mengambil kira faktor garis hubungan (Kroeber, 1968; Lowie, 1968; Tyler, 1972). Contohnya, hubungan sedarah dan semenda itu dilihat dari dua sisi (nisab bapa dan nisab ibu), faktor hubungan mengikut garis *lineal* dan *collateral*, faktor tingkat generasi, faktor gender, usia, dan sebagainya.

Namun demikian, dengan keluasan wujud hubungan kekeluargaan itu di satu sisi dan kekangan masa sisi lain, perlu dilakukan pembatasan dalam menganalisis hubungan kekeluargaan sedarah atau semenda tersebut. Oleh itu, batas hubungan kekeluargaan yang dianalisis dalam kajian ini hanya terhad kepada hubungan kepada dua lapis atau dua tingkat generasi ke atas dan dua lapis ke bawah daripada ego (mengikut garis hubungan *lineal*) dan terhad kepada saudara dua pupu daripada kedua-dua pihak ibu dan bapa (mengikut garis hubungan *collateral*)

Adapun analisis tersebut dilakukan dengan cara membuat senarai komponen-komponen hubungan kekeluargaan tersebut dalam jadual. Kemudian daripada senarai tersebut tergambar perwujudan bentuk hubungan secara dua hala (*dyadic*) antara orang yang terikat dalam hubungan kekeluargaan dengan perwujudan kata-kata panggilan yang digunakan dalam hubungan tersebut.

Selain untuk mengenal pasti dan menganalisis bentuk panggilan yang wujud dalam hubungan kekeluargaan sedarah dan semenda, kajian ini juga mengenal pasti dan menganalisis bentuk panggilan dalam hubungan sosial yang intim sebagaimana dinamakan kekeluargaan spiritual oleh Banks (1983). Hubungan sosial yang intim ini dipandang sebagai hubungan semacam hubungan kekeluargaan oleh sebahagian orang Melayu. Hubungan sosial yang dimaksudkan ialah hubungan kejiwaan, hubungan rakan dan hubungan penjual dan pembeli. Adapun analisis yang dilakukan sama seperti cara

yang pertama, iaitu dengan mengelaskan hubungan dua hala antara orang yang berada dalam hubungan tersebut dengan mengambil kira faktor usia, gender, jarak hubungan dan status sosial.

Kemudian, untuk menerokai dan mengungkapkan kaedah penggunaan kata-kata panggilan yang berlaku dalam kedua-dua bentuk hubungan kekeluargaan (sedarah dan semenda) dan hubungan sosial yang intim, penyelidikan ini menggunakan model Ervin-Tripp (1972), yang telah pun digunakan oleh Amat Juhari Moain (1989), iaitu dengan menggunakan carta alir (*flow chart*). Melalui carta alir ini akan terungkap gambaran tentang bagaimana seorang penutur (orang yang menyapa atau memanggil) mengelaskan atau mencirikan orang yang dipanggil sehingga ia boleh menentukan kata panggilan yang sepatutnya digunakan.

3.7.2. Analisis Kontekstual

Pemilihan penggunaan kata panggilan bukan merupakan perilaku berbahasa yang bersifat statik, melainkan bersifat dinamik. Selain itu, panggilan itu selalunya berlangsung dalam suatu peristiwa komunikasi. Situasi dan peristiwa komunikasi merupakan konteks yang sangat menentukan pilihan tersebut, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Dickey (1997); Luong (1990); Keshavarz (2001); Winchartz (2001); dan Afful (2007). Wujud bentuk panggilan itu juga bervariasi. Apa-apa pun pilihan itu, terpulang kepada bagaimana si penutur mentafsirkan suatu situasi atau kejadian dalam mana komunikasi itu berlangsung.

Sebab itu, selain menerapkan analisis komponensial bagi mendapatkan perwujudan bentuk panggilan mengikut bentuk hubungan yang ada, masih lagi

diperlukan analisis kontekstual untuk mengetahui kaedah atau sistem panggilan yang berlaku sebenar mengikut konteks. Analisis ini amat diperlukan untuk mencapai tujuan penyelidikan yang kedua, iaitu untuk menganalisis sistem panggilan dalam komuniti Bahasa Melayu Sambas dalam situasi hubungan kekeluargaan dan situasi hubungan sosial yang intim mengikut model analisis kontekstual. Adapun model analisis yang diterapkan ialah analisis etnografi komunikasi atau *ethnography of speaking*, iaitu dengan cara menganalisis komponen-komponen komunikasi SPEAKING, sebagaimana telah dijelaskan sebelumnya (Hymes, 1972; Saville-Troike, 2003).

Melalui analisis komponen-komponen komunikasi tersebut akan didapati penjelasan yang komprehensif tentang bagaimana konteks boleh menjelaskan bagaimana penutur memberi makna kepada pilihan kata panggilan yang wujud. Analisis komponen komunikasi dalam etnografi komunikasi yang diterapkan dalam kajian ini berpunca dengan mentranskrip data hasil rakaman perbualan mengikut situasi dan peristiwa komunikasi tertentu atau komunikasi yang telah ditetapkan. Kemudian tiap-tiap peristiwa komunikasi tersebut dianalisis satu demi satu sehingga didapati penjelasan bagaimana konteks mempengaruhi atau mengesankan pilihan penggunaan kata panggilan. Seterusnya, demi mencapai tujuan terakhir yang ingin dicapai dalam penyelidikan ini, hasil analisis komponen-komponen komunikasi tersebut mesti ditafsirkan sesuai pandangan penutur atau komuniti berkenaan mengenai wujudnya penggunaan pelbagai bentuk panggilan tersebut sehingga didapati makna-makna sosial yang menggambarkan bagaimana sistem sosiobudaya boleh berhubung kait dengan sistem panggilan atau sebaliknya.

3.8. Rumusan

Sebagai kesimpulan, boleh dirumuskan bahawa penyelidikan ini menggunakan dua model pendekatan, iaitu (1) analisis komponensial, analisis ini dinamakan juga analisis formal; (2) analisis kontekstual melalui pendekatan etnografi komunikasi. Subjek kajian ini ialah komuniti Melayu Sambas yang bertempat tinggal di tiga kawasan kampung atau pinggiran kota. Fokus kajian ini ditumpukan pada sistem panggilan yang berlaku dalam hubungan kekeluargaan yang luas mengikut konsep hubungan keluarga sedarah, semenda dan hubungan sosial yang intim seumpama hubungan kekeluargaan.

Sebagai suatu kajian etnografi komunikasi, kajian ini menggunakan kaedah-kaedah pengumpulan data yang sesuai, iaitu kajian lapangan dengan menggunakan dua model kaedah pemerhatian (terlibat dan tak terlibat) dengan bantuan alat perakaman elektronik dan catatan lapangan. Selain itu, digunakan pula kaedah temu duga tak berstruktur, fleksibel dan semula jadi dengan merujuk pada panduan senarai isu-isu relevan yang diperlukan. Sumber data lainnya ialah berupa teks tertulis, iaitu transkrip daripada dialog filem-filem tempatan yang dituturkan dalam bahasa Melayu Sambas.

BAB 4: ETNOGRAFI MASYARAKAT SAMBAS

4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan gambaran awam mengenai kawasan Sambas dengan kewujudan masyarakat sebagai sebuah komuniti tutur dan latar belakang sosiobudayanya. Dalam kajian sosiolinguistik, khasnya kajian etnografi komunikasi, perbincangan etnografi daripada komuniti bahasa berkenaan ialah penting, mengingat etnografi komuniti berkenaan merupakan latar belakang daripada kajian etnografi komunikasi itu sendiri. Yang dimaksudkan etnografi dalam konteks kajian ini ialah merujuk kepada pendapat di bawah ini:

... an ethnography is the written description of the social organization, social activities, symbolic and material resources, and interpretive practices characteristic of a particular group of people. Such a description is typically produced by prolonged and direct participation in the social life of a community and implies two apparently contradictory qualities: (i) an ability to step back and distance oneself from one's own immediate, culturally biased reactions so to achieve an acceptable degree of "objectivity" and (ii) the propensity to achieve sufficient identification with or empathy for the members of the group in order to provide an insider's perspective – what the anthropologists call "the emic view" (Duranti, 1997, p.85).

Sebab itu, kajian ini memerlukan huraian etnografi masyarakat Sambas demi mendapatkan penjelasan bagaimana sistem panggilan berhubung kait dengan struktur dan sistem sosiobudaya yang dikongsi bersama sebagai suatu kompetensi sosiolinguistik.

Dalam pada itu, masyarakat Sambas itu sendiri ialah sebahagian daripada komuniti bahasa Melayu yang ada di Nusantara dengan beberapa ciri tersendiri yang perlu dijelaskan dalam kajian ini. Adapun mengikut perspektif disiplin ilmu sosial, komuniti ditakrifkan sebagai kumpulan orang dalam satu wilayah geografi yang sedikitnya memenuhi tiga elemen, iaitu (1) sebagai kumpulan orang dengan struktur tertentu, (2) rasa kepemilikan (*sense of belonging*) atau semangat komuniti, (3) semua kegiatan sehari-hari komuniti terjadi dalam wilayah geografi itu (Abercrombie, Hill & Turner, 2010,

p.98). Berkenaan dengan konsep komuniti bahasa, komuniti tersebut boleh dikenal pasti melalui ciri-ciri kata berkongsi (*shared*), antara lain berkongsi bentuk dan penggunaan bahasa, batas politik dan geografi, konteks interaksi, berkongsi sikap dan nilai yang berkenaan bentuk-bentuk bahasa, pemahaman sosiobudaya dan keyakinan atau bahkan berkongsi ciri-ciri fizikal. (Saville-Troike, 2003, p.15).

Merujuk pada kerangka konsep tersebut, berikut ini akan diuraikan beberapa bahagian etnografi masyarakat Melayu Sambas secara am, yang dianggap berhubung kait dengan sistem dan perilaku berbahasa, khasnya yang berhubung kait dengan sistem panggilan. Huraian tersebut meliputi keadaan geografi Sambas dan keadaan penduduknya berdasarkan jumlah, jenis kelompok suku kaum etnik, jenis pekerjaan, agama atau kepercayaan serta berdasarkan sistem pergaulan sosial yang berlaku dalam komuniti tersebut. Demikian pula tentang bahasa atau dialek yang digunakan oleh orang Sambas. Selain itu, sistem sosial dan sistem kekeluargaan juga diuraikan dalam bab ini untuk melengkapkan maklumat tentang masyarakat Melayu Sambas secara keseluruhan.

4.2 Geografi dan Kependudukan

Sambas ialah nama salah satu kawasan kabupaten (*Regency*) yang ada di Provinsi Kalimantan Barat, Republik Indonesia. Letaknya di bahagian paling utara provinsi ini, iaitu antara 2°08' Lintang Utara serta 0°33' Lintang Utara dan 108°39' Bujur Timur serta 110°04' Bujur Timur. Luas wilayah kabupaten ini ialah 6,395.70 km² atau sekitar 4.36 peratus daripada luas wilayah Provinsi Kalimantan Barat seluruhnya. Adapun batas-batas wilayah ini dengan wilayah sekitarnya, iaitu disebelah Utara berbatasan dengan Sarawak (Malaysia Timur) dan Laut Natuna. Di sebelah Selatan berbatasan dengan Kabupaten Bengkayang dan Kota Singkawang, sebelah Barat dengan Laut Natuna dan Sebelah Timur dengan Kabupaten Bengkayang dan Sarawak (sila rujuk

gambar peta 1 dan peta 2). Kawasan kabupaten ini terbagi menjadi 19 Kecamatan (*District*). Tiap-tiap kecamatan terbagi pula menjadi desa-desa. Seluruh desa yang ada di kawasan Sambas ini berjumlah 183 desa (Sumber: Badan Pusat Statistik Kabupaten Sambas dan Pemerintah Kabupaten Sambas, 2010).




Peta 4.1: Provinsi Kalimantan Barat

Sumber: sanggau.blogspot.co.id/2012/12/peta/sanggau.html?m=1

Mengikut sistem administrasi atau pentadbiran negara yang berlaku di Indonesia, pusat pemerintahan Kabupaten berada di kota atau bandar kabupaten. Oleh itu, Sambas sebagai sebuah kawasan Daerah Tingkat II Kabupaten, pusat pemerintahannya berada di kota Kabupaten, iaitu Kota Sambas. Sebagai Bandar Kabupaten, kota Sambas juga merupakan pusat kegiatan perniagaan dan usaha lain. Pemimpin wilayah kabupaten

ini dinamakan *Bupati*. Ia dipilih langsung oleh rakyat. Dalam pada itu, wilayah kecamatan dipimpin oleh seorang Camat yang diangkat oleh Bupati. Tumpuan kegiatan pemerintahan dan perniagaan di kawasan ini berada di kota kecamatan. Dalam pada itu, pengelolaan tiap-tiap wilayah desa dipimpin oleh seorang Pengarah Desa (*Kepala Desa*).



Peta 4.2: Kabupaten Sambas

Sumber: <http://kesgasambas.files.wordpress.com/2010/08/kab-sambas.jpg>

Sebelumnya, pusat pemerintahan Kabupaten Sambas berada di Kota Singkawang yang terletak kurang lebih 160 km di sebelah selatan dari Kota Sambas. Namun demikian, setelah dikeluarkan Undang-Undang Pemerintah Nombor 10 Tahun 1999 tentang pembentukan Kabupaten Daerah Tingkat II, pusat Pemerintahan Daerah Tingkat II Kabupaten Sambas rasmi berpindah ke Kota Sambas, tepatnya ialah semenjak 17 Julai 1999. Semenjak itu pula kota Singkawang dan Bengkayang rasmi terpisah menjadi pemerintahan kota dan kabupaten tersendiri. Dengan demikian, semenjak

pemisahan kedua-dua wilayah tersebut pemerintahan Kabupaten Sambas yang awalnya terdiri daripada 17 kawasan Kecamatan kini hanya terdiri daripada 9 kawasan kecamatan, iaitu Kecamatan *Selakau*, *Pemangkat*, *Jawai*, *Tebas*, *Sambas*, *Sejangkung*, *Teluk Keramat*, *Paloh* dan Kecamatan *Sajingan Besar* (Drs. Ansar Rahman, dkk, 2001). Namun begitu, demi kemudahan perkhidmatan pemerintah kabupaten kepada masyarakat yang tersebar di pelosok desa, kawasan kecamatan tersebut semenjak tahun 2008 telah di bahagi-bahagi pula menjadi 19 kawasan kecamatan (Badan Pusat Statistik Kabupaten Sambas dan Pemerintah Kabupaten Sambas, 2010).

Jumlah penduduk yang bermastautin di Sambas seluruhnya ada sebanyak 496,464 jiwa. Sebahagian orang Sambas diam di kawasan kota, baik di kota kabupaten mahupun di kota kecamatan. Sebahagian lagi bertempat tinggal di kawasan luar kota atau kawasan desa.

Persebaran penduduk di tiap-tiap kawasan Kecamatan tidak sama rata dan bervariasi. Ada sebahagian kecamatan yang lebih padat penduduknya berbanding dengan beberapa kecamatan lainnya. Adapun kecamatan yang paling ramai penduduknya ialah Kecamatan *Pemangkat* yang terdiri daripada lima desa dengan penduduknya sejumlah 45,697 orang atau dengan kepadatan penduduk 412 orang per kilometer persegi. Kota *Pemangkat* berpenduduk lebih ramai berbanding dengan kota-kota kecamatan lainnya disebabkan kawasan ini merupakan kota perniagaan dan kota pelabuhan Sambas. Intensiti kegiatan perekonomian di kawasan tersebut menyebabkan lebih ramai orang yang berminat untuk tinggal di sana.

Kecamatan yang ramai berikutnya ialah Kecamatan *Semparuk*. Kawasan ini juga terdiri daripada lima desa dengan jumlah penduduk 23,104 orang atau dengan kepadatan

penduduk 257 orang per kilometer persegi. Kecamatan paling padat ketiga ialah Kecamatan *Selakau*, iaitu ada sebanyak 228 orang yang tinggal per kilometer persegi dengan jumlah penduduk kesemuanya sebanyak 29,442 orang. Mereka tersebar di sembilan desa. Sedangkan kawasan yang paling jarang penduduknya ialah Kecamatan *Sajingan Besar*. Di sana hanya ada rata-rata tujuh orang penghuni pada tiap-tiap kilometer persegi kawasan.

Berdasarkan sumber data lapangan usaha atau perniagaan daerah tempatan, diketahui bahawa masyarakat Sambas paling ramai bekerja di bidang pertanian dan perkebunan. Minat dan peluang pekerjaan kedua ialah bidang konstruksi. Pilihan lapangan usaha berikutnya ialah bidang perkhidmatan awam, industri dan lain-lain usaha.

Daripada huraian di atas boleh disimpulkan bahawa kawasan yang ramai penduduknya ialah kawasan yang memiliki akses ekonomi, iaitu kawasan pusat pemerintahan daerah, pusat perniagaan, pertanian dan perkebunan, perindustrian atau perkilangan, dan usaha lain. Selain itu, daerah Sambas juga terbuka bagi pendatang-pendatang dari luar, sama ada itu pendatang sebagai pelancong sesaat mahupun untuk keperluan bekerja atau berniaga dan sebagainya.

4.3 Keadaan Suku Kaum dan Pergaulan Sosial

Ciri-ciri penduduk daripada suatu kaum, selalunya boleh dikenal pasti melalui ciri-ciri atau identiti kelompok etnik. Mengikut ciri-ciri etnik (suku bangsa) majoriti orang Sambas ialah daripada golongan etnik Melayu (82.43%). Menyusul kemudian ialah Cina (8.24%) dan seterusnya ialah kaum etnik Dayak, pada amnya suku Dayak *Kanayatn*

(6.54%) dan kemudian etnik lain-lain (Bugis, Jawa, Madura dan lain-lain) sebanyak 2.20%. (Bakran Suni, 2009).

Kesemua kaum etnik yang ada di Sambas hidup berdampingan secara harmoni dalam hubungan kejiwaan, hubungan pekerjaan dan hubungan sosial yang lain. Keharmonian ini telah lama dikekalkan sebagaimana diceritakan dalam beberapa legenda tentang Sambas. Telah dikisahkan bahawa kata “Sambas” itu sendiri bermakna tiga suku, iaitu suku kaum Melayu, Dayak dan Cina. Daripada versi lain dikisahkan pula bahawa Sambas ialah berasal daripada perjanjian sumpah setia persahabatan antara pemuda Melayu dan Dayak. Oleh itu, setakat ini suku kaum tersebut tetap mengekalkan hubungan baik satu sama lain. Demikian pula hubungan antara suku kaum etnik lainnya. Hubungan baik ini terlihat dalam pergaulan mereka sehari-hari.

Selain ciri-ciri golongan suku kaum, orang Melayu Sambas selalunya dicirikan mengikut bahasa yang digunakan, iaitu bahasa Melayu Sambas dan agama yang dianut, iaitu Islam. Adat Perpatih sebagai kawalan amalan kehidupan sosial sehari-hari orang Melayu Sambas juga merupakan ciri-ciri yang mudah dikenal pasti.

Ciri-ciri bahasa ibu, agama serta amalan lain dalam kehidupan bermasyarakat ini juga boleh mencirikan suku kaum lainnya. Contohnya orang Dayak, selalunya berbahasa Dayak (pada amnya bahasa Dayak Bekatik) dan pada amnya mereka beragama Nasrani serta berbeza adat istiadat daripada orang Melayu. Sementara itu, beberapa suku lain umpamanya Jawa, Madura, Bugis dan lain-lain pada amnya ialah beragama Islam dan berbahasa ibunda mereka masing-masing. Dalam pergaulan sehari-hari mereka juga berbahasa Melayu Sambas, terutama dalam berkomunikasi antara orang yang berbeza kaum. Walau bagaimanapun, cara berbicara, aksen atau loghat seseorang boleh

membezakan sama ada ia seorang Melayu Sambas atau bukan. Namun begitu, ciri-ciri fizikal sukar membezakan kedua-dua golongan kecuali orang daripada suku kaum keturunan Cina. Walau bagaimanapun, orang Cina Sambas pada amnya berbahasa Melayu Sambas dengan cukup fasih meskipun tetap menggunakan bahasa ibundanya dalam hubungan sesama etnik.

Dalam pada itu, fakta di lapangan menunjukkan bahawa sebenarnya tidak semua orang yang bercirikan sebagai orang Melayu Sambas tersebut ialah orang yang langsung berasal daripada keturunan nenek moyang mereka yang asli orang Melayu Sambas. Sebahagian daripada mereka ialah daripada keturunan orang yang berasal dari golongan etnik Dayak, Jawa, Bugis, Madura, dan lain-lain atau percampuran dari mereka itu, yang datuk nenek mereka telah pun menetap sejak lama di Sambas dan telah berasimilasi dengan penduduk asli di sana. Oleh itu, sedikit sukar untuk membezakan mana satu daripada orang Melayu itu yang betul-betul asli keturunan suku Melayu atau pun bukan. Identiti kemelayuan menjadi lekat kepada mereka, antara lain disebabkan mereka itu telah mempunyai ciri-ciri identiti, iaitu berbahasa Melayu Sambas dengan fasih, beragama Islam, dan mengamalkan adat istiadat serta kebiasaan masyarakat asli tempatan.

Wujudnya kepelbagaian suku kaum dan agama daripada orang yang tinggal di Sambas menunjukkan bahawa orang Sambas, baik di kota mahupun di desa, pada amnya terbuka dengan kedatangan orang dari luar Sambas. Mereka sangat toleransi dan hormat kepada pendatang dari luar kawasan kerana sebagai tetamu bagi orang Sambas, mereka itu patut dihormati, sebagaimana pepatah ‘tamuk bagaikan raja’.

Dalam kalangan orang Melayu Sambas dikenal pula istilah atau ungkapan “*urang kite*” (orang kita), yang bermakna wujudnya cara-cara menggolongkan orang

sesama kaum atau pun orang luar kaum. Daripada ungkapan ini tersirat kesedaran ke atas kewujudan identiti sesama kaum dan bukan kaum dalam kalangan orang Sambas. Istilah “*urang kité*” ini juga bermakna bahawa sesama kaum mesti saling mengekalkan hubungan baik, kepedulian dan saling tolong-menolong.

Orang Melayu Sambas ialah suku kaum yang dominan di Sambas. Suku kaum lain yang telah bermastautin lama di wilayah Sambas ini selalunya menyesuaikan diri dengan adat istiadat dan norma pergaulan sosial masyarakat tempatan. Ini sesuai dengan nilai-nilai kebajikan yang dikekalkan dalam pepatah Melayu “Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung”.

Penduduk di kawasan perkotaan pada amnya lebih majmuk dari segi pelbagai aspek, seperti daripada aspek suku, agama, profesion, tingkat sosial ekonomi dan lain-lain. Keadaan ini menyebabkan pertembungan antara pelbagai kelompok itu menjadi lazim dan tidak dapat dielakkan. Perkara ini bahkan telah wujud sejak dulu lagi, sebagaimana yang dikisahkan dalam cerita-cerita rakyat yang telah disebutkan. Sehingga kini, kota Sambas dan kota-kota kecamatan berpenduduk orang daripada pelbagai suku kaum. Mereka tinggal berjiranan dan melaksanakan aktiviti kehidupan sehari-hari secara berdampingan dengan harmoni, sama ada dalam aktiviti ekonomi, politik, mahupun sosiobudaya. Sebagai contoh, di pasar-pasar boleh dijumpai peniaga daripada pelbagai kaum yang berlainan asal usul etnik. Namun begitu, orang Cina pada amnya ialah peniaga. Dalam kalangan anggota dewan parlimen atau dewan perundangan (*legislatives*) dan dalam kalangan pegawai pemerintahan juga terdiri daripada orang yang berasal daripada berbagai-bagai suku kaum.

Sebagaimana dimaklumkan, kawasan kota pada amnya didiami oleh masyarakat yang bercampur baur baik secara etnik mahupun agama. Selain itu, orang yang tinggal di

sana ialah orang yang terdiri daripada golongan orang dengan berbagai-bagai tingkat sosial ekonomi. Namun begitu pergaulan sosial antara mereka selalunya berlangsung baik. Aktiviti pasar menjadi bukti bahawa perbezaan suku kaum bukan menjadi masalah. Sebagai contoh, di kawasan pasar kota Sambas sebahagian kedai ialah milik orang Cina, sebahagian lagi ialah milik orang Melayu, Jawa, dan lain-lain. Demikian pula pembeli yang datang, berasal daripada pelbagai latar belakang etnik. Dalam aktiviti membeli-belah, pembeli selalunya boleh sesuka hati membeli di kedai yang mana satu mereka akan membeli belah. Pilihan itu selalunya terpulang kepada harga jual barang, cara penjual memberi perkhidmatan, ataupun disebabkan jarak atau dekatnya hubungan pembeli dan penjual. Ini sesuai dengan prinsip-prinsip perniagaan.

Kawasan permukiman juga boleh menunjukkan kepelbagaian identiti suku kaum dan kelas sosial. Di perkotaan, baik kota Sambas mahupun kota-kota kecamatan lainnya, telah lama bermastautin orang Cina. Mereka pada amnya bermukim di blok tersendiri, terpisah dari orang Melayu atau suku kaum lainnya. Namun begitu ada pula beberapa yang tinggal di dalam blok yang sama dengan orang Melayu dan suku kaum lain.

Setiap anggota masyarakat mendapat tanggungjawab dan hak yang sama ke atas masyarakat selingkung. Demikian pula bagi setiap anggota masyarakat yang tinggal di satu kawasan kejiranan yang secara pentadbiran dipanggil dengan kawasan Rukun Tangga (RT), iaitu satu unit kawasan kejiranan terkecil di Indonesia. Dalam kawasan ini juga boleh tinggal orang dengan berbagai-bagai latar belakang sosiobudaya dan ekonomi. Untuk memenuhi kewajiban dan hak masing-masing, mereka harus mengekalkan hubungan dengan cara berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik serta berkongsi berbagai-bagai urusan.

Selain ruang permukiman yang mengikat hubungan mereka, ruang lain yang mengikat hubungan sesama orang Sambas ialah hubungan pekerjaan. Sebagai contoh, di tempat bekerja seperti di pejabat pemerintahan terdapat pegawai yang berlatar belakang berbagai-bagai golongan etnik. Perbezaan latar belakang golongan etnik juga tidak menjadi penghalang bagi mereka untuk melaksanakan tugas pekerjaan bersama-sama dengan baik dan harmoni. Demikian pula dalam hubungan perniagaan atau kerjaya lainnya.

Ruang lain yang juga boleh menyebabkan pertembungan antara golongan itu ialah sekolah dan rumah ibadah. Oleh itu, pergaulan antara sesama pelajar di sekolah atau antara sesama peserta majlis taklim mengaji Al-Quran atau majlis belajar Islam di masjid atau di sekitaran kawasan tempat tinggal juga lazim dijumpai di Sambas.

Di sekolah-sekolah selalunya boleh dijumpai pelajar daripada latar belakang berbagai-bagai etnik yang bercampur baur. Walau bagaimanapun, di kawasan kota dijumpai beberapa sekolah yang berasaskan agama, contohnya sekolah Islam atau madrasah, dan juga sekolah Kristen atau Katolik. Oleh itu, majoriti pelajar di sana terdiri daripada kelompok yang boleh dikenal pasti melalui ciri-ciri keagamaan dan kesukuan.

Meskipun masyarakat desa di Sambas pada amnya lebih homogen berbanding dengan masyarakat kota, kawasan desa tidak tertutup bagi kedatangan orang dari luar atau daripada kelompok etnik lainnya. Namun begitu, pendatang yang menetap di desa jumlahnya relatif lebih sedikit berbanding dengan yang datang ke kota. Adapun orang luar yang tinggal di sana pada amnya disebabkan oleh pelbagai bentuk pertembungan, antara lain sebab perkahwinan, tugas pekerjaan, dan sebagainya.

Secara khusus dalam pergaulan sosial dalam masyarakat desa ini, terlihat bahawa kebersamaan dan gotong-royong atau *belallê* masih sangat ketara mewarnai kehidupan masyarakat di sana. Amalan ini merupakan kewujudan daripada nilai kebersamaan dalam masyarakat desa pada amnya, sebagaimana dikenal dalam pepatah atau perbilangan “Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”. Gotong-royong atau *belallê* kerap dijumpai dalam cara mereka mengerjakan ladang atau kebun. Demikian pula dalam cara mereka melaksanakan hajat atau gawai keluarga, terutamanya hajat perkahwinan, berkhatan, dan kenduri lainnya. Gotong-royong ini selalunya tidak hanya melibatkan anggota keluarga malah juga orang di luar hubungan keluarga yang sama-sama sebagai penduduk desa berkenaan. Amalan gotong-royong di sini tidak hanya dalam hal berkongsi tenaga tetapi juga fikiran dan keperluan lain seumpama wang dan benda lain.

Di samping itu, telah pun menjadi Adat Perpatih dalam pergaulan dalam kalangan orang Melayu bahawa yang muda sentiasa harus menghormati yang lebih tua dan mengasihi kepada yang lebih muda, tidak kira sama ada mereka itu ada hubungan keluarga ataupun tidak. Ini tercermin daripada sistem panggilan yang berlaku dalam kalangan orang Melayu (Amat Juhari Moain, 1989 dan T.A. Ridwan, 2001). Demikian pula yang berlaku bagi orang Melayu Sambas. Sentiasa menjaga perasaan orang lain agar tidak menyakitinya merupakan suatu keharusan, sebagaimana ungkapan perbilangan “*Mun paddas ngat kitte, tentulah paddas jua’ ngan urrang*” (Kalau pedas dengan kita, tentulah pedas juga dengan orang).

Dalam pada itu, kepada sesama jiran orang Melayu sentiasa pula ingin saling mengekalkan hubungan baik satu sama lain bagaikan dalam hubungan keluarga sedarah, meskipun mereka itu tidak saling memiliki hubungan pertalian darah langsung. Orang Sambas bahkan beranggapan bahawa jiran ialah orang yang boleh mempunyai hubungan

lebih erat daripada hubungan keluarga, khususnya jiran yang tinggal paling berdekatan. Mereka selalunya menjadi orang pertama untuk berkongsi kebahagiaan dan kesusahan, sebagaimana diperkatakan dalam petikan ini: “Rasa kekeluargaan dan kekerabatan yang kental, seperti minta bawang, cabai, dan perkakas dapur lainnya, kecuali gula dan beras, segantang diganti segantang, secangkir diganti secangkir. Ini hampir berlaku setiap hari hingga sekarang” (Abdullatif Abu Bakar, 2001, p.286). Maknanya, saling memberi dan meminta atau berbagi apa-apa barangan, tenaga, fikiran atau pendapat antara sesama jiran dekat ialah perkara yang sudah sewajarnya.

Dalam masyarakat Sambas juga berlaku pertembungan etnik disebabkan berbagai-bagai alasan dan tujuan, contohnya disebabkan hubungan perkahwinan antara orang Melayu Sambas dengan orang daripada kelompok etnik lainnya. Perkara ini ialah sesuatu yang lazim. Walau bagaimanapun, pernikahan antara sesama pemeluk agama Islam bagi orang Melayu Sambas ialah yang paling utama. Di samping itu, orang Sambas juga dikenal pula sebagai orang yang gemar merantau untuk menuntut ilmu dan bekerja. Sebab itu, perkahwinan antara suku dalam kalangan orang Melayu Sambas menjadi semakin kerap berlaku.

Sebagai kesimpulan, masyarakat Sambas terdiri daripada berbagai-bagai suku kaum. Namun begitu dalam pergaulan sosial, orang Melayu Sambas tidak mengambil kira asal usul dengan sesiapa mereka bergaul. Adapun alasan dan tujuan kepada dengan siapa mereka harus bergaul, selain disebabkan wujudnya ikatan hubungan kekeluargaan, juga selalunya disebabkan wujudnya kesamaan kepercayaan atau agama, kepentingan dan kesamaan tujuan. Ini yang dinamakan ikatan hubungan kekeluargaan spiritual (Djamour, 1979).

4.4 Agama, Kepercayaan dan Adat Istiadat

Sebagaimana telah diperbincangkan sebelumnya, masyarakat Sambas menganut beberapa jenis agama. Ini berhubung kait dengan keragaman suku kaum yang ada. Namun begitu demikian, agama Islam ialah agama majoriti penduduk Sambas (84.24%), disusuli oleh agama Buddha (9.13%). Seterusnya ialah agama Nasrani (Katolik dan Protestan), iaitu masing-masing 3.40% dan 2.68%. Kemudian Hindu, dan lain-lain sebanyak 0.55% (Sumber: Bakran Suni, 2009).

Khusus bagi orang Melayu, ajaran Islam merupakan pedoman hidup mereka dalam bertingkah laku dan beramal sosial. Ajaran Islam tersebut menjadi asas daripada nilai yang menjadi rujukan dalam amalan kehidupan sehari-hari. Nilai dalam masyarakat Melayu dikenal melalui hubungan tiga penjuru, iaitu hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam (Noriati A Rashid, 2005).

Dalam hal pengekalan hubungan baik dengan Tuhan, orang Sambas pada amnya menjalankan apa-apa yang diperintahkan dalam Islam. Salah satu amal ibadah yang sentiasa mereka lakukan contohnya ialah mengaji al-Quran atau belajar Islam, baik secara perseorangan mahupun dengan berkelompok secara beratur dalam pertemuan mingguan atau bulanan melalui majlis belajar Islam.

Beramal ibadah mengikut rukun Islam ialah wajib bagi setiap umat Islam. Oleh itu, menunaikan ibadah haji merupakan impian setiap Muslim. Demikian pula bagi orang Melayu Sambas yang memeluk agama Islam. Orang yang telah berstatus haji dianggap orang yang memiliki kedudukan kehormat. Selalunya mereka dipanggil dengan gelaran Haji. Selain itu, mereka menjadi teladan bagi masyarakat awam dan disegani. Amalan

lain dalam kehidupan beragama Islam yang juga sentiasa ketara diamalkan ialah ritual meraikan hari besar Islam seperti hari raya Aidilfitri, hari raya Aidiladha, hari sempena Maulid Nabi Muhammad s.a.w., Isra' Mi'raj Nabi Muhammad s.a.w., dan sebagainya.

Sebagaimana diketahui, Islam merupakan jiwa dalam keseluruhan perkara sosial dan budaya orang Melayu. Oleh itu, dalam masyarakat Melayu, ciri-ciri Islam menjadi asas kelakuan dan tindakan, bentuk dan hubungan, inti sari nilai, sikap dan pandangan (Noriati A. Rashid, 2005). Atas asas Islam pula orang Sambas memelihara perhubungan sesama manusia selain kepada Tuhan dan persekitarannya.

Nilai Islam sebagai kawalan adat bagi masyarakat Melayu Sambas wujud dalam ungkapan perbilangan atau petatah-petitih. Salah satu perbilangan yang sangat dikenali oleh masyarakat Melayu pada amnya dan menjadi rujukan mereka dalam menerusi adat iaitu: “Adat bersendikan Syara’, Syara’ bersendikan Kitabullah”. Dengan perkataan lain, nilai atau norma yang menentukan adat perpatih, adat resam dan amalan-amalan dalam hubungan antara sesama manusia dikawal oleh nilai-nilai Islam. Panduan Islam bagi masyarakat Melayu Sambas telah berlaku sejak masuknya Islam ke kawasan ini, tahun 1631. Raja-raja Sambas semenjak zaman dahulu telah pun mewariskan semboyan bagi rakyatnya, iaitu melalui ungkapan *الوترخ بالله* (*Alwatzikhubillah*), yang bermakna “Berpegang teguh dengan nama Allah”. (Ansar Rahman, dkk., 2007). Semboyan ini dikekalkan dalam tulisan yang terdapat di bahagian atas pintu masuk ruang Istana Kesultanan Sambas. Demikianlah, Islam menjadi ciri-ciri yang melekat sebagai identiti orang Melayu Sambas.

4.5 Bahasa dan Dialek

Hampir seluruh kawasan daerah di Indonesia memiliki bahasa atau dialek tersendiri yang berbeza satu dengan lainnya. Bahasa atau dialek hampir selalunya merupakan identiti daripada suatu golongan etnik. Masyarakat Indonesia terdiri daripada beberapa golongan etnik yang dikenal dengan etnik Jawa, Sunda, Bugis, Batak, Melayu, Dayak, Cina dan sebagainya. Tiap-tiap golongan etnik tersebut memiliki bahasa atau dialek masing-masing. Contohnya orang Jawa berbahasa Jawa, orang Sunda berbahasa Sunda, orang Bugis berbahasa Bugis, orang Batak berbahasa Batak dan seterusnya.

Selain bahasa tersebut, bahasa Indonesia juga digunakan. Bahasa Indonesia ialah bahasa rasmi negara atau bahasa nasional dan berfungsi sebagai *lingua franca*. Oleh itu, bahasa Indonesia selalunya digunakan untuk komunikasi formal di pejabat, sekolah, rumah ibadah dan di tempat awam lainnya. Untuk mengenal pasti apa-apa bahasa yang digunakan di suatu kawasan di Indonesia, selalunya boleh dikenali melalui golongan etnik yang berdiam di kawasan tersebut.

Daripada data diketahui bahawa masyarakat yang diam di Sambas terdiri daripada beberapa golongan etnik. Golongan etnik Melayu ialah golongan majoriti (82.43%) dan kemudian beberapa golongan etnik lainnya. Oleh itu, bahasa atau dialek yang digunakan oleh orang Sambas ialah mengikut golongan etnik tersebut. Walau bagaimanapun, disebabkan golongan majoriti ialah etnik Melayu, dialek Melayu Sambas selalunya digunakan dalam pergaulan sehari-hari antara orang yang berlainan etnik. Sayangnya, kajian tentang geografi, sosiologi bahasa ataupun dialektologi di Sambas belum lagi dilakukan sehingga data yang pasti untuk itu belum diketahui. Ada pun kajian yang pernah dilakukan hanya bertumpu pada kajian tentang geografi dialek bahasa Melayu di Kalimantan Barat secara keseluruhan. Salah satu hasil kesimpulan daripada kajian itu ialah bahawa dialek Melayu Sambas memiliki banyak kesamaan apabila

ditinjau dari ciri fonetik dan morfemik dengan dialek-dialek Melayu lain yang ada di Kalimantan Barat (Mimi Mulyani, 2005)

Bahasa Melayu Sambas merupakan salah satu ragam bahasa Melayu di Kalimantan Barat atau bahasa Melayu yang digunakan di kepulauan Nusantara. Secara fonetik dialek Melayu Sambas boleh dicirikan tersendiri, berbeza berbanding dengan bahasa Indonesia dan dialek-dialek lain di sekitaran, sebagaimana contoh dalam jadual berikut ini (Jadual 4.1):

Jadual 4.1: Perbezaan Fonetik dalam Beberapa kata Dialek Melayu Sambas dengan Bahasa Indonesia dan Dialek Melayu Lain di Kalimantan Barat

B. Indonesia	DM Sambas	DM Puntianak	DM Sanggau	DM Sintang	DM Ketapang
apa [apa]	[apæ]	[apə]	[apay]	[apay]	[apə]
siapa [siapa]	[siapæ]	[siapə]	[sapay]	[sopay]	[siapə]
ke mana [kemana]	[kemanæ]	[kemanə]	[komai]	[komonay]	[kemanə]
esok [esoʔ]	[isok]	[besoʔ]	[besok]	[besok]	[besok]
hidup [hidup]	[idup]	[idop]	[hidup]	[hidup]	[idop]
sejuk [sejuʔ]	[sajjuk]	[sejoʔ]	[sejuk]	[sejuk]	[sejok]
besar [besar]	[bassar]	[besaʔ]	[besar]	[besar]	[besar]
perut [perut]	[parrut]	[perot]	[perut]	[perut]	[perut]

Selain berbeza secara fonetik, dialek Melayu Sambas boleh pula dikenal pasti melalui aspek leksikal yang berlainan berbanding dengan bahasa Indonesia atau pun beberapa dialek Melayu lainnya, sebagaimana contoh berikut:

Jadual 4.2: Perbezaan Secara Leksikal Dialek Melayu Sambas dengan Bahasa Indonesia dan Dialek Melayu Lain di Kalimantan Barat

B. Indonesia	DM Sambas	DM Pontianak	DM Sanggau	DM Sintang	DM Ketapang
sini [sɪnɪ]	[sɪtʔ]	[sɪnɪ]	[sɪnɪ]	[sɪnɪ]	[sɛnɛʔ]
panggil[pɑŋgil]	[sɑrʔ]	[pɑnɪŋɡɪ]	[pɑnɪŋgil]	[pɑnɪŋgil]	[seruʔ]
ladang [lɑdɑŋ]	[umæ]	[lɑdɑŋ]	[lɑdɑŋ]	[lɑdɑŋ]	[lako]
anak-anak [anaʔ-anaʔ]	[biyak- biyak]	[budaʔ- budaʔ]	[anak- anak]	[anak- anak]	[biyak- biyak]
Bohong [bohoŋ]	[bulaʔ]	[bual]	[bohoŋ]	[bohoŋ]	[bulaʔ]
Tidak[tidaʔ]	[ndaʔan]	[tadaʔ]	[ndaʔ]	[ndaʔ]	[boleʔ]

Di kawasan Sambas sendiri juga terdapat beberapa variasi dialek yang berbeza antara satu kampung dan kampung lain. Perbezaan itu juga boleh dikenal pasti secara fonetik dan leksikal, sebagaimana contoh yang tercantum dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3: Keragaman Dialek Melayu Sambas secara Fonetik dan Leksikal

DM Sambas Kota	DM Pemangkat	DM Teluk. Keramat	DM Tangaran	Bahasa Indonesia
[ndaʔan]	[ndoʔon]	[ndoʔon]	[ndaʔan]	Tidak
[bassar]	[bossor]	[bossar]	[bossar]	Besar
[bakaʔ]	[bokoʔ]	[bakaʔ]	[bokaʔ]	Bakul

Jadual 4.3:(sambungan)

[balik]	[balik]	[bolik]	[bolik]	pulang, kembali
[ngapæ]	[ngapæ]	[ngapæ]	[jopæ]	Mengapa
[kaʃʃar]	[kaʃʃar]	[kaʃʃar]	[kaʃʃor]	Lari
[pəriuk]	[pəriuk]	[kenceng]	[kenceng]	Periuk

Walau walau bagaimanapun, wujud keragaman yang tercantum dalam jadual di atas tidak berlaku sama rata di semua kampung di tiap-tiap kecamatan tersebut. Kelainan variasi itu hanya dijumpai di desa tertentu sahaja.

4.6 Sistem Sosiobudaya

Pertuturan merupakan tingkah laku sosial. Dengan demikian, suatu hal yang mustahil membincangkan pertuturan itu tanpa membincangkan penuturnya dengan segala sesuatu yang berkaitan dengan pertuturan itu sendiri, sebagaimana hujah Hudson berikut ini:

Some would argue that since speech is (obviously) social behavior, to study it without reference to society would be like studying courtship behavior without relating the behavior of one partner to that of the other (Hudson, 2007, p.3).

Lebih lanjut dikatakan bahawa bahasa dan masyarakat atau bahasa dan budaya ialah dua sisi mata wang yang tak terpisahkan. Pendapat ini telah lama dikukuhkan oleh Sapir yang mengatakan bahawa hubungan antara bahasa dan kebudayaan ialah hubungan yang saling mempengaruhi sehingga mustahil memahami yang satu tanpa memahami yang lain. Seterusnya Whorf menamakan hubungan ini sebagai hubungan yang saling menentukan (*deterministic*) (dipetik daripada Wardaugh, 2006, p.222).

Dari perspektif lain, dikatakan bahawa pengetahuan dan perilaku berbahasa merupakan salah satu bahagian daripada perilaku sosial, sebagaimana yang dikatakan dalam petikan berikut ini:

Language and culture are not independent or mutually exclusive cognitive systems composed to analogous structures and processes. Rather, culture is a wider system that completely includes language as a subsystem. Linguistic competence is one variety of cultural competence, and speech behavior is one variety of social behavior. The relation of language to culture is thus a relation of part to the whole (Casson, 1981, p.19).

Daripada penjelasan tersebut diketahui bahawa bahasa dan budaya memang saling berhubung kait. Perilaku bahasa merupakan bahagian daripada perilaku sosial. Dengan perkataan lain, sistem bahasa daripada suatu komuniti boleh mencerminkan sistem sosiobudaya komuniti bahasa tersebut.

Kehidupan masyarakat kerap dipandang sebagai sebuah sistem sosial yang harus dilihat sebagai suatu kesatuan yang terpadu, terdiri daripada bahagian atau unsur yang saling berhubung kait dan saling bergantung satu dengan yang lainnya. Dalam sebuah sistem terdapat unsur yang saling pengaruh mempengaruhi. Sistem sosial dipengaruhi oleh beberapa faktor. Pertama ialah faktor ekologi, iaitu merujuk kepada letak geografi di mana masyarakat itu berada. Kedua ialah demografi, ini menyangkut jumlah dan susunan penduduk dan ciri-ciri masyarakat itu. Ketiga ialah kebudayaan, antara lain menyangkut nilai sosial, sistem kepercayaan dan norma dalam masyarakat. Keempat ialah unsur-unsur keperibadian, iaitu menyangkut sikap mental, semangat, temperamen, dan ciri-ciri psikologi lainnya. Terakhir ialah latar belakang sejarah masyarakat itu. (Jacobus Ranjabar, 2006; Doddy Sumbodo Singgih, 2007).

Merujuk pada kerangka pemikiran tersebut, bab ini akan menghuraikan unsur-unsur berkenaan dalam sistem sosiobudaya komuniti bahasa Melayu Sambas, khasnya yang berhubung kait dengan sistem panggilan. Unsur-unsur tersebut meliputi sistem pelapisan masyarakat; sistem kepercayaan dan sistem nilai dan norma serta sistem persanakan atau sistem kekeluargaan.

4.6.1 Sistem Pelapisan Masyarakat Etnik Melayu Sambas

Secara sadar ataupun tidak, keadaan yang nyata berlaku dalam masyarakat ialah bahawa orang selalunya menggolongkan seseorang dalam kelompok tertentu, misalkan sama ada orang itu golongan orang kaya atau miskin, tua ataupun muda, orang itu terpelajar, berpangkat atau awam, keturunan bangsawan atau orang kebanyakan dan seterusnya. Ini disebabkan masyarakat merupakan sistem sosial yang agak menonjol dengan kewujudan prinsip struktural yang berfungsi untuk menghasilkan segenap pengelompokan institusi yang boleh dikhususkan melalui lintasan ruang dan waktu (Giddens, 2010). Adapun sifat-sifat yang membezakan sekelompok masyarakat berbanding dengan yang lain menurut beliau antaranya ialah (1) hubungan antara sistem sosial dengan daerah atau kawasan khusus; (2) kewujudan elemen normatif yang mencakupi cadangan pengakuan atas pendudukan yang sah daripada suatu kawasan; (3) kewujudan perasaan yang sama rata dalam kalangan masyarakat bahawa mereka memiliki jenis identiti tersendiri, apa-apa pun cara mengungkapkannya (Giddens, 2010, p.252).

Kewujudan sistem atau struktur pentadbiran setiap bahagian kawasan negara boleh mempengaruhi kewujudan struktur masyarakatnya. Dalam kajian ini kota dan desa menjadi ruang keatas wujudnya perbezaan struktur masyarakat daripada kedua-dua kawasan tersebut. Kota dan desa itu sendiri boleh menjadi ciri-ciri penggolongan seseorang atau sekelompok orang. Orang Sambas juga dikenal sebagai orang kota dan orang desa atau orang kampung.

Yang dimaksudkankan dengan orang kota atau masyarakat kota dalam kajian ini ialah orang yang tinggal di tengah bandar Provinsi, Kabupaten. Orang bandar Provinsi biasanya menyebut orang dari Kabupaten sebagai 'orang daerah'. Adapun yang dianggap sebagai orang kota yang sebenar ialah orang yang tinggal di Kota Raya Provinsi seperti

di Pontianak atau di Kota Raya Negara, seperti di Jakarta. Sedangkan yang tinggal di kota-kota Kecamatan biasanya masih digolongkan sebagai orang kampung. Yang betul-betul digolongkan sebagai orang desa atau masyarakat desa ialah orang yang tinggal di desa atau kampung di kawasan kecamatan, seperti di sejumlah kecamatan yang ada di Kabupaten Sambas.

Kota besar ataupun kota kecil yang ada di Indonesia, pada umumnya merupakan pusat aktiviti pemerintahan, perniagaan dan tempat industri perkilangan. Sementara, desa selalunya dikaitkan dengan pertanian, perkebunan, penternakan, atau perburuan haiwan liar di hutan. Disebabkan oleh perbezaan aktiviti ekonomi antara kedua-duanya maka dalam berbagai-bagai segi kehidupan sosial, masyarakat kota berlainan dengan masyarakat desa. Masyarakat kota selalunya lebih majmuk berbanding dengan masyarakat desa. Ciri-ciri masyarakat yang demikian ini juga berlaku bagi masyarakat Sambas.

Secara umum penggolongan masyarakat Indonesia boleh ditandakan melalui dua cara, iaitu mengikut garis mendatar (*horizontal*) dan menegak (*vertical*). Perbezaan golongan masyarakat mengikut garis mendatar ditandakan oleh wujudnya perbezaan suku bangsa, agama, adat istiadat serta perbezaan kedaerahan. Manakala, perbezaan mengikut garis menegak ditandakan oleh kewujudan perbezaan yang tajam antara lapisan atas dan lapisan bawah (Nasikun, 1984). Penggolongan yang kedua ini merupakan penggolongan secara bertingkat (*hierarchical*) sehingga terwujud lapisan-lapisan dalam masyarakat.

Dalam perkaitan ini Soerjono Soekanto (1986) mengatakan bahawa penggolongan atau pelapisan masyarakat ini merupakan gejala universal yang merupakan bahagian daripada sistem sosial setiap masyarakat. Adapun sistem pelapisan sosial

tersebut boleh dianalisis dengan melingkupi unsur sebagai berikut: (1) distribusi hak-hak istimewa yang objektif, semisal penghasilan, kekayaan, keselamatan, kewenangan, dan sebagainya; (2) sistem pemberian peringkat oleh masyarakat (pemberian anugerah atau penghargaan); (3) kriteria sistem pertentangan, iaitu sama ada didapatkan berdasarkan kualiti peribadi, keanggotaan kelompok, kekeluargaan tertentu, milik, kewenangan dan kekuasaan; (4) lambang kedudukan, misalnya gaya hidup, cara berpakaian, perumahan, keanggotaan pada suatu organisasi, dan sebagainya; (5) kesukaran atau kemudahan dalam mendapatkan suatu kedudukan; (6) kesetiakawanan antara perseorangan atau kelompok sosial yang menduduki kedudukan yang sama dalam sistem sosial masyarakatnya, contohnya kesamaan atau kelainan sistem kepercayaan, sikap dan nilai.

Secara lebih sederhana, faktor yang boleh menentukan sistem pelapisan tersebut antara lain ialah faktor ekonomi, politik dan kedudukan atau status tertentu dalam masyarakat. Contohnya pekerjaan, pendidikan, keturunan dan lain-lain (Sutinah dan Siti Norma, 2007). Seterusnya, dengan mengambil kekangan masyarakat kota dan desa serta merujuk pada sistem pelapisan atau penggolongan secara vertikal dan horizontal berikut ini akan dijelaskan tentang sistem pelapisan dan penggolongan yang berlaku dalam masyarakat Sambas.

4.6.1.1 Masyarakat Kota

Struktur pemerintahan kawasan kota dan desa secara tidak langsung telah membentuk susun lapis masyarakatnya. Sebagaimana telah diperbincangkan sebelum ini, kota Kabupaten merupakan pusat pemerintahan bagi wilayah pemerintahan kabupaten di bawah kekuasaan pemerintahan provinsi. Selain itu, kota juga merupakan pusat aktiviti perniagaan, perkilangan, perkhidmatan sosial dan sebagainya. Oleh itu, secara vertikal,

masyarakat kota sambas boleh digolongkan atas asas kedudukan kekuasaan mereka dalam jawatankuasa pemerintahan. Misalnya ‘Bupati’ kedudukannya lebih tinggi daripada ‘Camat’. Pegawai yang memiliki kedudukan tertentu sebagaimana pengarah atau pemimpin dalam jawatankuasa pemerintahan lebih terhormat daripada kalangan pegawai biasa. Golongan ini mendapatkan gelar ‘golongan elit pemerintahan’ (*executives* atau *birokrat*). Mereka terdiri daripada Bupati (pengarah atau kepala pemerintahan kabupaten) dan para pengarah jawatankuasa pemerintahan (*Kepala Dinas*) di tingkat Kabupaten. Demikian pula dengan para pengarah tentera, Angkatan Darat, Laut dan Udara serta Polis yang bertugas di kawasan kota kabupaten dan kota kecamatan. Setaraf atau setingkat dengan mereka ini terdapat sekumpulan golongan elit lainnya. Mereka ialah orang daripada anggota parti politik yang terpilih sebagai wakil rakyat (*legislatives*) atau yang dipanggil dengan anggota Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD).

Dalam pada itu, aspek sosioekonomi juga membentuk golongan elit lainnya. Mereka itu terdiri daripada orang kaya pengusaha atau peniaga. Beberapa jenis pekerjaan profesional juga termasuk dalam golongan ini, contohnya para doktor, ustaz, guru, peguam, dan sebagainya. Di samping itu, terdapat pula golongan elit informal lainnya seperti para tokoh agama atau orang yang sudah berstatus haji/hajjah dan tokoh-tokoh adat juga termasuk golongan yang dimuliakan atau dihormat.

Beberapa jenis pekerjaan lain juga boleh menjadi pertimbangan untuk menggolongkan status dan kedudukan seseorang dalam masyarakat. Selain *profesion* yang telah disebutkan di atas, tempat kerja dan penampilan semasa bekerja merupakan penanda status dan kedudukan seseorang. Bagi orang Sambas, orang dengan pekerjaan atau usaha yang mendapatkan penghasilan teratur secara bulanan dan dengan penampilan

pakaian kerja yang bersih dan rapi serta bekerja di pejabat yang selesa sebagaimana halnya pegawai pemerintah, guru, pegawai bank dan pegawai setiausaha swasta pada amnya dianggap berstatus sosial lebih tinggi berbanding dengan mereka yang bekerja sebagai pekerja wiraswasta atau peniaga dan sebagai petani meskipun pada kenyataan pendapatan ekonomi golongan kedua ini kadang-kadang lebih tinggi daripada golongan pertama.

Dalam pada itu, secara horizontal, masyarakat di Kota Sambas atau di kota-kota kecamatan boleh beridentiti mengikut golongan etnik (suku bangsa) atau asal daerah dan agama yang dianut. Sebagaimana huraian sebelumnya, majoriti orang Sambas ialah dari golongan etnik Melayu. Menyusul kemudian ialah Cina dan seterusnya ialah etnik Dayak dan kemudian etnik lain-lain (Bugis, Jawa, Madura dan lain-lain). Apabila mengikut agama, jumlah terbanyak dari mereka ialah beragama Islam (84.24%), yang beragama Buddha (9.13%), Katolik (3.40%), Protestan (2.68%), selebihnya ialah Hindu dan lain-lain 0.55% (Sumber: Bakran Suni, 2009).

Selain kelompok-kelompok golongan elit yang tersebut di atas, di Sambas terdapat golongan terhormat lainnya, iaitu orang daripada kalangan keturunan raja-raja Sambas. Sebahagian daripada mereka telah menetap di luar kota Sambas, bahkan di luar Kalimantan Barat. Walau bagaimanapun, masih ada sebahagian keluarga keturunan atau pewaris kerajaan atau kesultanan Sambas yang masih berdiam di Kota Sambas, iaitu suatu kawasan di sekitaran istana kesultanan Sambas yang disebut “Kampung Dalam Kauman”. Meskipun pada masa ini mereka sebenarnya hanyalah rakyat biasa yang boleh menempati berbagai-bagai kedudukan dalam masyarakat, mereka masih dihormati oleh masyarakat awam di Sambas. Keturunan langsung daripada Sultan Sambas mendapat gelaran ‘Pangeran’ atau ‘Raden’. Selain itu, terdapat segolongan orang yang dianggap sebagai

keturunan raja Sambas, yang boleh dikenal pasti melalui gelaran warisan, iaitu orang dengan nama depan ‘Uray’. Nama ini berlaku bagi laki-laki dan perempuan. Gelaran lainnya ialah ‘Tan’. Orang yang mendapat gelaran ‘Tan’ ini tidak termasuk golongan keturunan langsung daripada raja Sambas.

4.6.1.2 Masyarakat Desa

Kawasan desa di Indonesia pada amnya digambarkan sebagai suatu kawasan yang selalunya berasosiasi dengan kawasan pertanian atau persawahan, perkebunan, hutan, alam yang sejuk dengan udara yang bersih dan segar serta suasana yang damai. Penghuni desa ialah orang yang selalu mengekalkan sifat bergotong royong, bermuafakat, hidup sederhana, saling ambil peduli antara sesama, dan menjunjung tinggi Adat Perpatih tempatan (Soleman B Taneko, 1986).

Struktur masyarakat desa lebih sederhana berbanding dengan masyarakat kota. Ini disebabkan struktur pemerintahan desa yang sangat sederhana pula. Demikian pula yang terdapat di desa di kawasan Sambas. Di sana hanya ada badan seperti Jawatankuasa Desa, Pertubuhan Mesyuarat Desa dan beberapa perkumpulan sosial umpamanya perkumpulan tani atau perkumpulan kegiatan keagamaan seperti kelompok belajar Islam atau majlis taklim. Dengan demikian, hanya sedikit kelompok orang desa yang selalunya disegani oleh masyarakatnya. Antara mereka itu ialah pengarah atau ketua desa atau yang dipanggil ‘Kepala Desa’ atau ‘Kepala Kampung’ dan orang yang dipilih sebagai pengurus pertubuhan mesyuarat desa. Selain itu, ialah pegawai pemerintah yang bertugas di desa. Contohnya ialah ustaz, guru, pegawai bidang pertanian yang bertugas memberikan pelajaran atau penerangan kepada para petani di desa, serta tokoh agama dan tokoh adat tempatan. Selebihnya ialah orang yang memiliki kedudukan setaraf satu

dengan yang lain, kecuali dalam hal perbezaan usia dan status atau kedudukan dalam keluarga. Adapun, corak keragaman profesion yang boleh membezakan tingkat susunlapis masyarakat desa tidaklah begitu ketara.

4.7 Sistem Kepercayaan, Nilai dan Norma

Agama merupakan suatu sistem kepercayaan. Agama berisikan ajaran mengenai kebenaran tertinggi dan mutlak tentang keberadaan manusia dan petunjuk untuk hidup selamat di dunia dan akhirat. Sebagai suatu sistem kepercayaan, agama boleh menjadi bahagian dan inti daripada sistem nilai yang ada dalam kebudayaan suatu masyarakat. Dalam pada itu, nilai merupakan gabungan semua unsur kebudayaan yang dianggap baik atau buruk dalam masyarakat itu, yang menjadi pendorong dan pengawalan bagi masyarakat untuk beramal dan bertingkah laku sebagaimana mestinya. Adapun tolok ukur atau standard yang ditetapkan sebagai pedoman, sama ada suatu tingkah laku itu patut atau tidak patut untuk diamalkan dalam suatu sistem sosial dinamakan norma (Sanapiah S. Faisal, 1980; Parsudi Suparlan, 2005; Jakobus Ranjabar, 2006; Mustain Mashud, 2007; Andre Uta Ujan, dkk., 2009). Dengan demikian, sistem kepercayaan, nilai dan norma ialah saling berkaitan satu sama lain. Sistem tersebut berfungsi sebagai pedoman untuk mengawal tingkah laku, baik dalam mengekalkan hubungan dengan Tuhan atau sesama makhluk.

Dalam masyarakat Melayu dikenal ungkapan “Adat bersendikan syara’, syara’ bersendikan kitabullah”. Ungkapan ini memberi isyarat bahawa Adat Perpatih dalam kebudayaan masyarakat Melayu ialah berasaskan nilai Islam sebagai agama yang dominan dianut oleh masyarakat Melayu. Nilai tersebut dijunjung tinggi dan menjadi cita-cita bersama untuk dicapai dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk dalam pergaulan

sosial, sebagaimana dikatakan oleh Amat Juhari Moain: “Nilai-nilai yang tersebut di atas dipegang teguh bukan sahaja dalam amalan seharian tetapi juga termaktub dan terabadi dalam kata-kata perbilangan, pepatah-petitih dan seumpamanya” (Amat Juhari Moain, 1989, p.20).

Sebagaimana yang telah diterangkan, keseluruhan masyarakat Sambas menganut beberapa macam agama. Ini berhubung kait dengan keragaman suku bangsa yang ada. Namun begitu demikian, agama Islam ialah agama majoriti penduduk Sambas, menyusul kemudian agama Buddha. Seterusnya ialah agama Nasrani (Katolik dan Protestan) dan kemudian Hindu, dan lain-lain. Oleh itu, bagi orang Melayu Sambas, ajaran Islam merupakan tuntunan hidup mereka dalam bertingkah laku dan beramal sosial, sebagaimana telah diterangkan dalam bab sebelumnya.

Disebabkan nilai Islam yang menjadi asas bagi mengawal adat istiadat dan amalan kehidupan orang Melayu, nilai itu pula yang sentiasa mencoraki kehidupan sosial masyarakat Melayu Sambas. Dalam perkaitan ini, Hashim Haji Musa (2005) menerangkan bahawa terdapat tiga amalan yang perlu diwujudkan dalam rangka membina solidariti sosial orang Melayu, iaitu *Salam*, *Ta'am* dan *Kalam*. Pertama, *Salam* merujuk kepada amalan berbaik-baik, bertemu, menyapa dan bersalam, ziarah-menziarahi semasa sihat atau pun sakit, senang ataupun susah. Kedua, *Ta'am* merujuk kepada amalan saling memberi jamuan dan makan minum, baik untuk meraikan suatu perayaan mahupun untuk sekadar menjamu tamu, jiran atau pun kawan. Ketiga, *Kalam* merujuk kepada amalan berinteraksi, berkomunikasi, bermusyawarah dan berdialog dengan saling hormat-menghormati dan kemesraan. Amalan-amalan yang demikian ini juga berlaku bagi masyarakat Sambas dalam membina perhubungan baik dengan sesama kaumnya, baik bagi mereka yang berada di kota mahupun di desa.

Selain itu, Islam juga mencoraki adat istiadat dan cara-cara berkelakuan dalam hal ehwal makan dan minum, berpakaian, melaksanakan ritual dalam pernikahan, kelahiran anak, kematian, dan lain-lain. Demikian pula dalam perihal sapa-menyapa atau ucapan salam. Cara-cara itu juga menjadi penanda bagi golongan kaum etnik Melayu dan bukan Melayu. Dengan demikian, penanda-penanda batasan tersebut boleh menjadi identiti seseorang, sama ada ia ialah seorang Melayu Sambas atau pun bukan. Walau bagaimanapun, ramai juga para pendatang yang bukan orang Melayu telah beradaptasi mengamalkan adat istiadat tempatan.

Untuk membina perhubungan baik dengan sesama kaumnya, orang Melayu Sambas selalu menjunjung tinggi kesopanan dalam pergaulan, sebagaimana perbilangan yang selalu menjadi rujukan tunjuk ajar dalam bertingkah laku berikut ini:

“Tande parrang dengan uluknye, tande urrang dengan suppan santunnye.”
(Tanda parang dengan ulunya, tanda orang dengan sopan santunnya.)
“Ragge garam dangngan masingnye, ragge urrang liat adatnye.”
(Harga garam dengan masinnya, harga orang lihat adatnya.)
(Abdullatif Abubakar, 2001, p.271)

Selain sentiasa membina perhubungan baik dengan sesama kaumnya, orang Sambas pada amnya bersikap terbuka ke atas kaum yang berlainan suku ataupun agama sehingga mereka boleh tinggal berjiran. Mereka bebas bergaul satu sama lain dalam perkara hubungan kejiiran, pekerjaan atau perniagaan, dan pelbagai urusan rakan. Sikap yang demikian ini berlaku bagi masyarakat kota yang mempunyai ciri-ciri struktur masyarakat yang lebih majmuk berbanding dengan masyarakat desa. Walau bagaimanapun, masyarakat desa yang lebih homogen secara etnik juga tidak menutup diri untuk berkomunikasi dengan orang daripada suku kaum lainnya. Di tiap-tiap desa yang dikunjungi selalunya boleh dijumpai orang daripada suku kaum lain meskipun jumlahnya

sangat sedikit. Keberadaan mereka itu pada amnya disebabkan perkahwinanan mereka dengan orang tempatan ataupun kerana awalnya bertugas sebagai pegawai pemerintah di sana dan kemudian menetap di tempat itu.

Sebagaimana orang Melayu pada amnya, orang Melayu Sambas pada amnya juga sangat menjunjung tinggi nilai Adat Perpatih di samping nilai agama. Ungkapan atau kata perbilangan, petatah-petitih dalam masyarakat Melayu kerap digunakan sebagai rujukan yang merepresentasikan nilai dan norma-norma yang dikongsi bersama dan kawalan dalam pergaulan sehari-hari. Kuatnya adat dan pengekalan budi oleh masyarakat Melayu Indonesia tercermin daripada perbilangan-perbilangan yang dimiliki. Sebagai contoh, orang Sambas menganggap adat sebagai penyangga sebagaimana tersirat dalam perbilangan ini:

*Jika tidur menjadi tilam
Jika berjalan, menjadi payung
Jika di lautan menjadi perahu
Jika di tanah menjadi pusaka*
(Abdullatif Abubakar, 2001, p.270)

Oleh itu, adat perpatih harus dipegang teguh oleh setiap anggota masyarakat apabila ingin menjadi orang baik, sebagaimana perbilangan berikut:

Mati biak ingngar sikampung, mati adat inngar sibangse.
(Mati anak bising sekampung, mati adat bising sebangsa/senegeri)
Iddup dalam pekerti, matti dalam buddi.
(Hidup dalam pekerti, mati dalam budi)
Tau buddi ade uttangnya, tau iddup ade tanggungannya.
(Tahu budi, ada hutangnya, tahu hidup ada tanggungjawabnya)
Bengkok kail nyangkut di insang, bengkok fi'il nyangkut berutang.
(Bengkok kail sangkut di insang, bengkok kelakuan sangkut berhutang)
(Abdullatif Abubakar, 2001, p.287).

Kata perbilangan itu menunjukkan betapa Adat Perpatih harus dijunjung tinggi untuk mengatur pelbagai bentuk hubungan sosial, baik hubungan dengan sesama anggota keluarga, maupun untuk mengatur perhubungan sosial yang lebih luas, seperti hubungan

antara sesama kelompok dan dengan luar kelompok, antara pemimpin dan anak buah, antara orang yang berjiran, antara orang tua dan orang muda, antara lelaki dan perempuan, antara penjual dan pembeli, antara sesama macam-macam jenis rakan, serta hubungan sosial lain.

Gotong royong atau *belallê* merupakan ciri khas pergaulan sosial masyarakat Melayu Sambas pada amnya. Ini sesuai dengan pepatah “Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing”. Amalan ini selalunya dijumpai dalam cara mereka mengerjakan ladang, sawah atau kebun. Demikian pula dalam cara mereka melaksanakan hajat atau gawai keluarga terutama untuk hajat perkahwinan, berkhatan, serta kenduri-kenduri lain. Gotong-royong ini tidak hanya melibatkan anggota keluarga malah juga orang di luar hubungan keluarga, seperti para jiran. Amalan gotong-royong di sini tidak hanya dalam perkara berkongsi tenaga tetapi juga fikiran dan keperluan lain seumpama dana dan benda lain. Selain itu, mereka selalunya mengutamakan kemufakatan dalam memutuskan sesuatu untuk kepentingan bersama, sebagaimana perbilangan “Bulat air kerana pembuluh, bulat kata kerana muafakat” dan “Kalah muafakat menang muafakat, tuah manusia kerana muafakat” (Tarmizi Karim, 2003, p.25) dan “*Kurindan lulus leh jarum, rundingnan lulus leh maklum*” (Abdullatif Abubakar, 2001, p.289). Dengan demikian, bekerjasama, saling tolong-menolong dan saling menghargai pendapat atau fikiran orang lain merupakan nilai yang juga patut dijunjung tinggi dalam kehidupan bermasyarakat dalam kalangan orang Melayu Sambas.

Dengan kewujudan masyarakat Sambas yang majmuk, orang Melayu Sambas pada amnya sedar akan identiti golongan sesama kaum dan bukan kaum. Terdapat ungkapan “*urang kite*” (orang kita), yang menandakan orang dalam kaum. Ungkapan ini menunjukkan isyarat agar sesama kaum, khususnya kepada sesama anggota keluarga,

hendaknya sentiasa saling peduli dan saling tolong-menolong. “*Suku tak boleh dipijak, madu tak boleh diagih*”. Maknanya tiap-tiap anggota keluarga harus saling membantu agar kehidupan keluarga menjadi harmonis,

Walau bagaimanapun, tidak bermakna bahawa orang Sambas tidak menjalin hubungan baik dengan golongan kaum lain. Sebagaimana telah dikisahkan dalam legenda tentang Sambas, kata ‘Sambas’ itu sendiri ialah bermakna tiga suku, yang dimaksudkan ialah Melayu, Dayak dan Cina. Dari versi lain dikisahkan pula bahawa Sambas ialah berasal dari perjanjian sumpah setia persahabatan antara pemuda Melayu dan Dayak. Sehingga kini didapati bahawa ketiga-tiga golongan suku tersebut tetap mengekalkan hubungan baik satu sama lainnya. Intinya, Sambas ialah cerminan kebersamaan, kesetiakawanan dan keharmonisan.

Orang Sambas sangat menghormati tamu. Mereka gembira apabila boleh menjamu tamu. Pendetang dari luar Sambas ialah seumpama tamu dan tamu selayaknya dihormati sebagaimana pepatah “Tamu ialah raja”. Sebaliknya, sebagai tamu, kaum pendatang diharapkan agar pandai membawa diri, sebagaimana kata perbilangan:

*Dimana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
Kalau ke kampung orang pandai membawa diri, jangan membawa ayam jago
tapi bawalah ayam perempuan
Jangan macam Belanda diberi tanah (Orang yang tidak tahu diri)*
(Tarmizi Karim: 2003, 25-26)

Nilai saling menghormati sesama selalunya dipegang teguh oleh orang Sambas, demikian juga kepada pendatang kecuali apabila pendatang itu tidak pandai membawa diri dan merugikan. Sifat ini tentu saja dianggap buruk dan mesti dihindarkan kerana yang demikian ini akan menyebabkan rasa tak menyenangkan dan bahkan boleh menimbulkan perselisihan atau konflik antara tuan rumah dan pendatang sebagaimana kejadian konflik

antara suku bangsa di Sambas pada tahun 1999¹⁴. Dengan kata lain, suku kaum lain yang datang di Sambas diharapkan boleh menyesuaikan diri dengan sopan santun dan budi pekerti dalam pergaulan sosial yang berlaku bagi orang tempatan.

Seterusnya, berkenaan dengan kewujudan sistem susun lapis, dalam masyarakat Melayu Sambas dikenal penggolongan orang disebabkan beberapa perkara seumpama kedudukan atau status sosial ekonomi, kekuasaan, kebangsawanan, keilmuan, kesolehan ataupun kerana usia. Oleh itu, orang dalam golongan yang demikian itu patut dihargai dan dihormati. Sebaliknya, mereka tidak sepatutnya menjadi tinggi hati atau sombong melainkan harus memberi contoh tauladan yang baik kepada orang daripada golongan yang lebih rendah, sebagaimana perbilangan “*Raja adil raja disembah, raja zalim, raja disanggah*”. Maknanya, apabila ingin dihormati, hendaklah selalu berbuat baik. Sebagai orang yang dihormati, sebagaimana seorang raja atau pemimpin, tokoh dan seumpamanya, sepatutnya ia mengawal tingkah laku lebih baik berbanding orang awam kerana ia sebagai suri teladan (*role model*) untuk diikuti dan dipatuhi.

Ajaran Islam mengajarkan agar rakyat patuh kepada pemimpin. Sebaliknya pemimpin harus melindungi rakyat. Tutar kata pemimpin harus selari dengan perbuatan kerana apa-apa yang dikatakan dan dilakukan pemimpin ialah contoh tauladan. “*Kate Raje ialah kate*”, ertinya perkataan raja ialah sebenar-benar kata yang harus dipatuhi, sama ada itu titah, keputusan, kurniaan ataupun kemurkaan. Ini sebagai wujud kepatuhan rakyat kepada pemimpin yang mempunyai kekuasaan dan kearifan. Sebaliknya, apabila seorang pemimpin berbuat kesilapan sangat berat hukumannya sebagaimana perbilangan “*Tullah batu tullah batang*” maknanya apabila raja yang berbuat kesilapan, ia akan

¹⁴ ... telah terjadi konflik antar-suku bangsa atau orang Melayu dan orang dayak di satu pihak dengan orang Madura di pihak lain. Konflik antara orang Melayu dengan orang Madura telah terjadi pada tahun 1999, yang merupakan sebuah konflik yang pertamaterjadi dan terakhir. Karena setelah konflik tersebut berakhir, orang Madura terusir dari wilayah kabupaten Sambas (Parsudi Suparlan, 2005: 182).

dikutuk menjadi batu tetapi apabila rakyat yang berbuat kesilapan akan menjadi batang. Ini merupakan tunjuk ajar bagi seorang pemimpin agar sentiasa berbuat kebaikan, menjadi suri teladan, sesuai perkataan dan perbuatan sebagai orang yang dihormat.

Pada hakikatnya, raja atau pemimpin dan rakyat kedua-duanya ialah saling memerlukan, seperti pepatah mengatakan “Aur bergantung dengan tebing, tebing bergantung dengan aur”. Selain itu, Islam juga mengajarkan untuk sentiasa menghormati orang yang lebih tua dan mengasihi yang lebih muda. Ini menunjukkan wujudnya norma dalam membina hubungan antara orang yang berbeza usia. Demikian pula norma dalam hubungan kekeluargaan atau sesama kaum.

Orang Sambas sangat menjunjung tinggi nilai kekeluargaan. Bagi mereka tidak ada istilah keluarga dekat atau keluarga jauh dalam hubungan keluarga sedarah. Sepanjang masih boleh ditarik garis susur galur pertalian hubungan persanakan yang ada antara mereka ialah saudara-mara. Saudara tidak selalunya bermakna memiliki hubungan pertalian darah atau semenda. Jiran yang berdiam berdekatan pun mereka anggap sebagai saudara atau keluarga. Perkataan ‘*tetangga*’ (jiran) dekat lebih dari saudara’ yang kerap diucapkan menunjukkan bahawa pertalian kekeluargaan bagi orang Melayu Sambas tidak terhad pada wujudnya hubungan pertalian darah semata-mata. Tolong menolong antara sesama jiran dalam kesusahan merupakan perkara yang sudah sepatutnya, sebagaimana ungkapan ‘seumpama minta cabai bawang dan perkakas dapur lainnya’. Oleh itu, dalam hubungan kejiranan selalunya wujud hubungan sosial yang lebih mesra atau intim daripada sekadar hubungan biologi, sebagaimana dikatakan dalam petikan ini:

... social life is more than biological relatedness, for there are so many close relationships that have nothing to do with consanguinity, even in theory. ... They express a kinship of the spirit assumed to exist apart from worldly life in theory, but are the same time impossible to divorce from it in practice. (Banks, 1983, p.48).

Dengan demikian, nilai kebersamaan, kesetiakawanan, tolong menolong ialah sesuatu yang sentiasa diamalkan dalam kehidupan kekeluargaan. Selain itu, bertanggungjawab, saling menghormati, dan saling menyayangi juga merupakan nilai yang harus diwujudkan dalam hubungan kekeluargaan. Perbilangan “yang tua dihormati, yang muda disayangi, yang kuat membantu yang lemah” merupakan tunjuk ajar yang semestinya menjadi pedoman untuk mengekalkan hubungan kekeluargaan yang harmonis.

Dalam keluarga inti hubungan suami isteri ialah hubungan yang sejajar meskipun kedua-duanya mempunyai kewajiban dan hak masing-masing. Suami atau bapa ialah pengarah keluarga yang bertanggungjawab ke atas kehidupan isteri dan anaknya. Oleh itu, isteri dan anak-anak sepatutnya menghormati dan mematuhi suami dan bapa mereka. Walau bagaimanapun, kasih sayang dan saling menghargai harus sentiasa diwujudkan antara mereka. Keluarga yang *sakinah mawaddah* dan *warahmah* merupakan cita-cita setiap keluarga Melayu Sambas. Ini sesuai dengan ajaran Islam.

Sopan santun berbahasa ialah nilai yang perlu ditegakkan dan dikekalkan dalam hubungan sosial yang lebih luas. “Bahasa menunjukkan bangsa” bermakna baik buruk tabiat seseorang boleh dinilai dari caranya bertutur kata. “Budi elok basa setuju”, budi bahasa yang disukai ialah yang halus dan sopan. Sebaliknya, orang yang tidak pandai menjaga tutur kata dengan sepatutnya dikatakan orang yang tidak tahu berbahasa (bahasa Melayu Sambas: *nda'an tau bebase*). Orang tua selalunya mengajarkan kepada anak untuk bersopan santun dalam berbahasa, terutama kepada orang yang lebih tua dan kepada orang yang dihormati. Contohnya, tidak dibenarkan mengeraskan suara semasa berbicara, memilih kata yang patut. Selain itu, dalam bahasa Melayu Sambas perkataan

'ye' (ya) lebih halus dari 'aok'. Demikian pula dalam cara-cara menggunakan kata panggilan, harus mengikut pilihan yang sepatutnya untuk menunjukkan penghargaan dan kesopanan kepada orang lain.

Sebagai kesimpulan, tingkah laku dalam hubungan sosial dalam kalangan orang Melayu Sambas dikawal oleh norma-norma dan nilai-nilai Adat Perpatih. Perbilangan, pepatah-petitih merupakan tunjuk ajar yang mengandungi nilai yang diyakini untuk menuntun mereka mewujudkan kekekalan hubungan baik, sama ada hubungan dengan sesama makhluk, hubungan dengan Yang Khalik, mahupun dengan alam persekitaran. Nilai Adat Perpatih tersebut sangat dicoraki oleh nilai-nilai Islam sebagai sistem kepercayaan orang Melayu Sambas.

4.8 Sistem Kekeluargaan Komuniti Bahasa Melayu Sambas

Keluarga ialah kumpulan orang yang memiliki ikatan disebabkan pertalian darah atau pertalian perkahwinan, sebagaimana petikan ini:

The family relationships are as ancient as the family. They exist in virtue of the law of derivation, which is expressed by the perpetuation of the species through the marriage relation. A system of consanguinity, which is founded upon a community of blood, is but the formal expression and recognition of these relationship (Morgan, 1968, p.7).

Lebih lanjut dikatakan bahawa sistem kekeluargaan ialah satu rangkaian hubungan sosial yang merupakan sebahagian daripada keseluruhan rangkaian hubungan sosial yang dinamakan struktur sosial. Dalam pertembungan sosial antara sesama anggota keluarga menyebabkan wujudnya hak dan kewajiban daripada masing-masing anggota keluarga berkenaan dan kelaziman sosial yang mesti diikuti dalam bergaul dan berinteraksi antara sesama mereka. Ini ialah sebahagian daripada sistem tersebut, kerana melalui pertembungan inilah hubungan tersebut dijelaskan (Radcliffe-Brown, 1980).

Daripada beberapa dapatan kajian yang lepas telah didapati bahawa sistem kekeluargaan orang Melayu pada amnya mengikut garis dua sisi (*cognatic*). Oleh itu, jarak dan hubungan antara saudara daripada pihak bapa dan ibu ialah sama. Jauh dekat hubungan itu ialah terpulang pada peringkat hubungan berdasarkan pembahagian tingkat generasi (*lineal*), bukan disebabkan oleh hubungan antara salah satu sisinya. Seterusnya dikatakan, wujudnya ikatan kekeluargaan atau hubungan saudara boleh disebabkan oleh ikatan hubungan darah (*consanguinity*) dan hubungan perkahwinan (*affinity*) atau persemendaan (Djamour, 1979; Banks, 1983). Oleh itu, dalam kalangan komuniti bahasa Melayu pada amnya, dikenal istilah keluarga sedarah dan keluarga semenda atau saudara ipar, iaitu keluarga disebabkan ikatan perkahwinan. Sebagai sebuah sistem, sifat

hubungan kekeluargaan ialah rumit. Walau bagaimanapun, sistem kekeluargaan merupakan satu keseluruhan yang selalunya bersifat teratur.

Dalam pada itu, dalam keluarga Melayu dikenal konsep *saudara dekat* dan *saudara jauh*. Saudara dekat meliputi mereka yang berasal dari satu nenek moyang. Saudara jauh ialah saudara tiga pupu, dua pupu kepada bapa dan ibu, anak-anak kepada dua pupu dan sesiapa sahaja yang hubungannya telah jauh. Bagi sebahagian orang Melayu hubungan saudara yang disebabkan oleh hubungan perkahwinan atau keluarga semenda dianggap sebagai keluarga jauh. Saudara angkat malah termasuk keluarga dekat berbanding keluarga semenda.

Disebabkan sistem persanakan orang Melayu yang dua sisi, hubungan kekeluargaan daripada pihak bapa dan pihak ibu ialah sama atau hampir sama pentingnya. Oleh itu, tidak ada susunan istilah yang berbeza dalam hubungan kekeluargaan orang Melayu daripada kedua-dua pihak tersebut, baik sebagai panggilan mahupun rujukan. Mereka menggunakan istilah *keluarga* atau *saudara* bagi menyatakan bahawa seseorang itu ialah kaum keluarga atau saudara-mara, baik kerana hubungan darah mahupun hubungan perkahwinan (termasuk pula saudara angkat). Kata 'saudara' juga kerap kali digunakan bagi menyatakan hubungan adik-beradik (Djamour, 1979, p.28).

Dikatakan pula bahawa keluarga dekat tidak hanya disebabkan oleh ikatan hubungan darah, melainkan juga disebabkan oleh kedekatan hubungan sosial. Hubungan yang demikian dipanggil dengan istilah kekeluargaan spiritual (*spiritual kinship*¹⁵). Dalam hal ini, ada beberapa aspek kelakuan sosial yang digunakan untuk mentakrifkan

¹⁵ ... the Malay concept of spiritual kinship, a form of closeness said to be present in relationship based upon kinship sentiments: trust, good will, and affection between two individuals (Banks, 1983, p. 127).

hubungan itu, antara lain berkenaan dengan maksud dan tujuan (*means-ends*), pemenuhan hasrat atau pemuasan keperluan (*need-satisfying*). Ini disebabkan bahawa bagi seseorang itu tidak hanya apa yang ia harus kerjakan tetapi juga apa yang ia inginkan. Berkenaan ini, tercipta hubungan sosial yang intim, sebagaimana sentimen hubungan kekeluargaan semacam kepercayaan, keinginan atau niat baik dan rasa sayang antara dua perseorangan (Djamour, 1979 dan Banks, 1983). Contoh hubungan semacam ini, antara lain ialah hubungan ibu bapa angkat dengan anak angkat mereka, hubungan rakan yang berlangsung lama, hubungan kejiwaan dan hubungan-hubungan sosial lain semacamnya. Hubungan semacam ini mengharuskan mereka memenuhi hak dan kewajiban, sebagaimana yang semestinya berlaku dalam hubungan kekeluargaan sedarah atau semenda.

Selain itu, jarak hubungan kekeluargaan juga boleh ditinjau dari segi kewujudan struktur dalam keluarga itu sendiri. Sehubungan dengan ini, Banks menggunakan istilah *lapis* untuk menarik susur galur hubungan persanakan sedarah sehingga mendapati tingkatan *collaterality*¹⁶ yang ditandakan oleh penggunaan seperangkat kata penjelas (*modifier*) seperti *sepupu* dan *dua pupu*. Penanda bagi tingkatan *collaterality* dan jarak generasi dibezakan sebagai faktor penentu jarak dan kedekatan. Bentuk atau istilah rujukan (*terms of refence*) dalam sistem kekeluargaan wujud sebagai penanda status atau kedudukan seseorang dalam hubungan kekeluargaan berkenaan, sebagaimana yang akan diuraikan dalam bahagian seterusnya.

Berdasarkan hasil pemerhatian dan temu duga yang dilakukan di lapangan didapati bahawa orang Melayu Sambas menggunakan kata *saudarê* (saudara) atau

¹⁶The criterion of collaterality rest on biological fact that among consanguineal relatives of the same generation and sex, some will be more closely akin to Ego than others. A direct ancestor, for example, will be more nearly related than his sibling or cousin, and a lineal descendant than the descendant of a sibling or cousin (Murdock, 1949, p 103) ... and collateral relatives (father's brother, mother's sister, father's father's brother, etc. (Keesing, 1975)

keluargê (keluarga) untuk merujuk kepada orang yang memiliki ikatan kekeluargaan, baik keluarga sedarah ataupun keluarga semenda. Berkenaan dengan konsep keluarga dekat atau keluarga jauh, beberapa informan menjelaskan bahawa orang Melayu Sambas kurang bersetuju dengan pandangan tentang saudara dekat (bahasa Melayu Sambas: *dakkat*) atau saudara jauh dalam hubungan ikatan darah atau ikatan perkahwinan. Bagi mereka kedua-dua golongan itu tetaplah saudara.

Adapun kemungkinan jauh atau dekat hubungan kekeluargaan itu selalunya lebih disebabkan oleh tingkat kerapatan hubungan secara emosional antara perseorangan dan kekerapan berkomunikasi atau berinteraksi antara mereka. Keluarga semenda juga dianggap keluarga dekat. Demikian pula dengan keluarga angkat, secara emosional mereka juga menganggap keluarga angkat sebagai keluarga dekat. Dalam pada itu, hubungan sosial yang dekat seumpama hubungan keluarga juga berlaku bagi orang Melayu Sambas. Contohnya, jiran dekat, rakan atau sahabat intim dianggap seperti saudara atau keluarga.

4.9 Jenama Kekeluargaan (*Kinship Terms*) dalam Sistem Kekeluargaan

Sebagaimana telah diterangkan, jenama kekeluargaan (JK) dalam suatu komuniti bahasa ialah berhubung kait dengan sistem kekeluargaan/persanakan yang berlaku dalam komuniti tersebut. JK sepadan dengan beberapa istilah dalam bahasa Inggeris, iaitu *kin term*, *kinship term* atau *relationship term*. Kajian JK yang lepas selalunya dilakukan oleh para pakar antropologi bagi mempelajari sistem persanakan (*kinship system*) daripada suku bangsa di berbagai-bagai belahan dunia. Kajian-kajian itu antara lain untuk tujuan mengetahui struktur dan hubungan kekeluargaan mengikut garis

keturunan atau nisabnya, sistem perkahwinan, pembahagian warisan dan lain-lain (Murdock, 1949; Buchler and Selby; 1968; Keesing 1975; Radcliffe-Brown, 1980).

Berkenaan dengan sistem panggilan dalam hubungan kekeluargaan, Wardaugh mengatakan bahawa sistem kekeluargaan merupakan suatu ciri (*feature*) bahasa yang universal disebabkan kekeluargaan begitu penting dalam organisasi sosial. Beberapa sistem lebih rumit berbanding dengan yang lain, tetapi semua itu berkenaan dengan beberapa faktor seperti gender, usia, generasi, ikatan darah dan ikatan perkahwinan (Wardaugh, 2006, p.229). Oleh itu, pembahasan sistem kekeluargaan selalunya berhubung kait dengan faktor-faktor tersebut.

Hasil daripada kajian tentang JK pada amnya menyimpulkan bahawa pengelasan kata-kata JK oleh suatu kelompok masyarakat ialah berhubung kait dengan cara sistematik ke atas sistem organisasi sosial daripada masyarakat itu, khasnya dengan sistem kekeluargaan itu sendiri. Klasifikasi JK selalunya dilakukan berasaskan bentuk hubungan dalam keluarga, sama ada hubungan ikatan darah (*consanguinal*) atau pun ikatan perkahwinan (*affinal*). Pengelasan JK mengikut sistem perhubungan darah ini juga terpulang, sama ada masyarakat itu menganut garis keturunan nisab bapa (*paternal*) ataupun nisab ibu (*maternal*) ataupun kedua-dua nisab (*bilateral* atau *double descent*) (Murdock, 1949; Keesing, 1975; Radcliff-Brown, 1980).

Mengikut perhubungan darah, garis hubungan terpecah mengikut garis peringkat generasi (*lineal*)¹⁷ ataupun mengikut hubungan garis sejajar ke hala dua sisi (*collateral*)¹⁸, contohnya, saudara adik-beradik, saudara sepupu dan adik-beradik ayah

¹⁷*Lineal relatives are father, mother, grandparents* (Keesing, 1975, p. 102).

¹⁸*The criterion of collaterality rest on biological fact that among consanguineal relatives of the same generation and sex, some will be more closely akin to Ego than others. A direct ancestor, for example, will be more nearly related than his sibling or cousin, and a*

dan ibu (Keesing, 1975). Selain itu, JK juga menunjukkan hubungan kekeluargaan kerana hubungan perkahwinan (*affinal*). Dalam bahasa Melayu ini dikenal dengan keluarga ipar.

Dalam perkaitan ini, Murdock (1949) telah mengelaskan JK menjadi tiga klasifikasi, iaitu: Pertama, mengikut **mode** penggunaannya, iaitu bahawasanya JK digunakan sama ada untuk kata panggilan atau pun rujukan tidak langsung, dengan mana kata itu boleh menunjukkan hubungan antara orang yang menyapa dan orang yang disapa atau pun orang ketiga yang dirujuk.

Kedua, mengikut **peringkat analisis**, penggolongan JK terpecah menjadi tiga istilah: asas (*elementary*), derivasi (*derivative*), dan deskripsi (*descriptive*). Kata dalam klasifikasi JK asas tidak boleh lagi dianalisis mengikut unsur-unsur kata yang lebih kecil, contohnya kata '*father*' dan '*nephew*' dalam bahasa Inggeris. Istilah derivasi ialah kata yang terdiri daripada satu istilah asas (*elementary term*) yang diikuti oleh unsur leksikal yang lain, sebagaimana contoh kata dalam bahasa Inggeris '*grandfather*', '*sister-in-law*', '*stepson*'. Terakhir, istilah deskripsi ialah istilah yang menunjukkan hubungan tertentu, contohnya kata '*my son*', '*my stepson*', '*my wife's sister*', dan seterusnya.

Terakhir, mengikut **variasi penggunaan**, JK dipecahkan sebagai *denotative* dan *classificatory terms*. Istilah *denotative* digunakan untuk merujuk kepada satu kategori kekeluargaan yang mufrad, misalnya berkenaan dengan generasi, gender, dan hubungan genealogi. Kadang-kadang istilah ini hanya merujuk kepada satu orang sahaja tetapi kadang-kadang juga merujuk kepada beberapa orang, misalkan pada kata *brother*, *sister*, *son*, *daughter*, dan seterusnya. *Classificatory term* ialah istilah atau kata yang digunakan

lineal descendant than the descendant of a sibling or cousin (Murdock, 1949, p.103) ... *and collateral relatives (father's brother, mother's sister, father's father's brother, etc.* (Keesing, 1975)

orang untuk merujuk kepada orang dengan dua atau lebih kategori hubungan kekeluargaan menurut batasan generasi, gender, dan hubungan genealogi. Sebagai contoh, kata *grandfather* merujuk kepada kedua-dua bapa daripada bapa dan bapa daripada ibu. Daripada huraian di atas, klasifikasi pada istilah-istilah kekeluargaan menggambarkan bagaimana simbol-simbol linguistik boleh menggambarkan struktur dan fungsi dalam organisasi masyarakat, khas ya dalam organisasi sosial kekeluargaan.

Sebagai contoh, dalam masyarakat Cina berlaku penggunaan JK sepertimana *lao* (tua) dan *xiao* (kecil) yang diikuti oleh nama diri untuk memanggil orang lelaki yang lebih tua atau sebaya yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan. JK tersebut digunakan sebagai kata panggilan yang berfungsi untuk menunjukkan hubungan yang intim. Manakala, untuk memanggil orang yang belum dikenal lebih disukai panggilan *shifu* (*mastercraft person*) untuk orang lelaki dewasa dan *dajie* (kakak) untuk menyapa seorang perempuan setengah umur (Scotton dan Zhu dalam Fasold, 1993)

4.9.1 Jenama Kekeluargaan dalam Keluarga Sedarah

Analisis sistem kekeluargaan orang Melayu Sambas yang dilakukan dalam kajian ini ialah merujuk kepada konsep-konsep kekeluargaan orang Melayu yang telah dikemukakan oleh Djamour (1979) dan Banks (1983). Kerangka konsep tersebut dikemaskan atau dirumuskan tersendiri dengan menggunakan tiga istilah golongan keluarga, iaitu 'keluarga sedarah', 'keluarga semenda' dan 'hubungan sosial yang intim'. Ketiga-tiga konsep kekeluargaan ini juga akan menjadi kerangka dalam pembahasan tentang kewujudan bentuk panggilan dalam komuniti bahasa Sambas. Kerangka konsep tersebut juga menjadi kekangan konteks peristiwa komunikasi yang dipilih dalam analisis bentuk panggilan secara komponensial dan secara kontekstual, sebagaimana akan dideskripsikan dalam Bab 5 dan Bab 6.

Berkaitan dengan sistem kekeluargaan orang Melayu yang dengan sisem dua sisi (*cognatic*), hubungan persanakan di pihak ayah dan pihak ibu sama atau hampir sama penting. Oleh itu, dalam komuniti bahasa Melayu dikenal beberapa bentuk JK yang asas dalam hubungan pertalian darah, iaitu *Long*, *Ngah*, *Lang*, *Anjang*, *Cik*, *Busu* atau *Su*, yang mana jenama-jenama itu ialah menunjukkan urutan kelahiran seperti berikut ini:

- (i) *Long* (singkatan dari *sulung*) – anak yang pertama
 - (ii) *Ngah* (singkatan dari *tengah*) – anak yang kedua
 - (iii) *Lang* (singkatan dari *alang*) – anak yang ketiga
 - (iv) *Anjang* atau *Njang* – anak yang keempat
 - (v) *Cik* (singkatan dari *kecil*) – anak sebelum anak yang terakhir
 - (vi) *Busu* atau *Su* (singkatan dari *bongsu*) – anak yang terakhir
- (Asmah Haji Omar, 2009, p.42)

Seterusnya, Asmah Haji Omar menjelaskan bahawa penggunaan JK asas di atas menghasilkan gelaran-gelaran seperti berikut: *Pak Long/ Mak Long*, *Pak Ngah/ Mak Ngah*, *Pak Lang/ Mak Lang*, dan seterusnya.

Selain wujud JK berasaskan hubungan pertalian darah, terdapat JK mengikut hubungan perkahwinan. Contoh kata jenis ini ialah sebagai berikut: *menantu*, iaitu isteri atau suami anak dan cucu menantu untuk merujuk kepada isteri atau suami cucu; *mertua* digunakan untuk merujuk kepada *datuk*, *nenek*, *bapa* atau *emak* kepada suami atau isteri, untuk ini JK asas *pak*, *mak* dan *tok* boleh digunakan; *ipar* digunakan untuk merujuk kepada ahli-ahli dalam keluarga isteri atau suami selain yang telah disebutkan di atas, misalnya abang ipar, kakak ipar, adik ipar, dan seterusnya (Asmah Haji Omar, 2009, p.43).

Dalam komuniti bahasa Melayu Sambas juga dikenal JK yang berfungsi sebagai rujukan, iaitu untuk kata yang menunjukkan apa hubungan orang yang dirujuk kepada yang merujuk. Berkenaan ini, perlu dihuraikan bentuk-bentuk JK yang wujud dalam

hubungan kekeluargaan sedarah dalam keluarga asas dan keluarga luas serta keluarga semenda. Disebabkan keluasan jaringan hubungan tersebut, JK yang diuraikan berikut hanya terhad dalam hubungan dua tingkat generasi ke atas dan dua tingkat ke bawah daripada ego serta dalam jarak dua langkah sisi kanan dan sisi kiri, sebagaimana disenaraikan dalam jadual-jadual berikut ini.

Jadual 4.4: JK Sedarah dalam Keluarga Asas

Hubungan Keluarga	Rujukan BM/BI	Rujukan BMS
Ayah	Ayah (bapak)	<i>Ayah</i>
Ibu	Ibu (emak)	<i>uma'</i>
Anak (laki-laki)	Anak laki-laki (putera)	<i>anak lelaki</i>
Anak (perempuan)	Anak perempuan (puteri)	<i>anak perempuan</i>
Saudara kandung laki-laki (lebih tua)	Abang / kakak	<i>Abang</i>
Saudara kandung perempuan (lebih tua)	Kakak	<i>Kakak</i>
Saudara kandung laki-laki (lebih muda)	Adik	<i>Adek</i>
Saudara kandung perempuan (lebih muda)	Adik	<i>adek</i>

Keterangan: BM = Bahasa Melayu
 BI = Bahasa Indonesia
 BMS = Bahasa Melayu Sambas

Dari huraian dalam jadual di atas diketahui bahawa terdapat beberapa JK dalam hubungan keluarga asas ini. Kata-kata tersebut antara lain ialah rujukan dalam bentuk JK

asas. Contohnya, *ayah*, iaitu merujuk kepada bapa kandung dan rujukan *umakuntuk* merujuk kepada ibu kandung. Istilah lain ialah untuk rujukan adik-beradik. Ini dibezakan mengikut usia atau urutan kelahiran dan gender. *Abang* dan *kakak* kedua-duanya digunakan untuk merujuk kepada saudara tua tetapi penggunaannya berbeza disebabkan faktor gender. *Abang* untuk saudara tua laki-laki dan *kakak* untuk saudara tua perempuan. Manakala, rujukan *adek* ialah untuk merujuk kepada saudara muda atau adik, sama ada yang lelaki ataupun perempuan.

Seterusnya ialah JK yang wujud dalam hubungan keluarga luas. Penjelasan ini mengikut kekangan peringkat generasi dalam satu garis (*lineal*), iaitu dua tingkat generasi ke atas dan dua tingkat generasi ke bawah dan sekali gus memperhatikan garis hubungan ke hala dua sisi (*collateral*) daripada kedua-dua nisab ibu dan bapa.

Jadual 4.5: JK Sedarah (Hubungan Segaris dalam Dua Tingkat Generasi ke Atas daripada Dua Nisab)

Hubungan Keluarga	Rujukan BM/BI	Rujukan BMS
bapa kepada bapa/ibu	kakek, datuk	(<i>nek</i>)aki
ibu kepada bapa/ibu	Nenek	(<i>nek</i>)uan
bapa kepada datuk/nenek	kakek buyut, datuk buyut	<i>Datok</i>

Tidak terdapat perbezaan rujukan kepada atuk/nenek dari kedua-dua pihak bapa ataupun ibu dalam istilah kekeluargaan Melayu Sambas. Hal ini sesuai dengan sistem kekeluargaan orang Melayu yang *cognatic*, dimana kedua-dua nisab ibu dan bapa ialah

sama penting. Adapun rujukan *(nek)aki* dan *(nek)uan* digunakan untuk membezakan gender antara kedua-duanya. *Aki* bermakna lelaki dan *uan* bermakna perempuan.

Jadual 4.6: JK Sedarah (Keluarga Segenerasi Ibu bapa daripada Dua Nisab)

Hubungan Keluarga	Rujukan BM/BI	Rujukan BMS
Saudara tua laki-laki sekandung kepada bapa/ibu	Paman	<i>pak tua'</i>
Saudara tua perempuan sekandung kepada bapa/ibu	Bibi	<i>mak tua'</i>
Saudara muda laki-laki sekandung kepada bapa/ibu	Paman	<i>pak tua'</i>
Saudara muda perempuan sekandung kepada bapa/ibu	Bibi	<i>mak tua'</i>

Dalam hubungan keluarga segenerasi ibu bapa ini pun, tidak terdapat perbezaan istilah rujukan yang digunakan untuk merujuk paman (*pak cik*) atau bibi (*mak cik*) daripada pihak ibu berbanding paman/bibi daripada pihak bapa. Adapun penanda rujukan yang wujud ialah juga untuk merujuk kepada perbezaan gender, (*pak/mak*) dan mengikut urutan kelahiran atau usia.

Jadual 4.7: JK Sedarah (Keluarga Segenerasi Ego (Sepupu) daripada Dua Nisab)

Hubungan Keluarga	Rujukan BM/BI	Rujukan BMS
Anak laki-laki kepada paman/bibi sebelah bapa/ibu	Saudara sepupu laki-laki	(Mengikut usia, sama ada lebih tua atau lebih muda) lebih tua: <i>Abang sepupu</i> lebih muda: <i>adek sepupu</i>

Anak perempuan kepada paman/bibi sebelah bapa/ibu	Saudara sepupu perempuan	(Mengikut usia, sama ada lebih tua atau lebih muda) lebih tua: <i>kakak sepupu</i> lebih muda: <i>adek sepupu</i>
---	--------------------------	---

Untuk rujukan saudara sepupu terdapat penanda yang berbeza mengikut usia, gender dan urutan kelahiran. Rujukan-rujukan itu juga tidak membezakan yang mana satu saudara sepupu daripada pihak ibu atau pun pihak bapa.

Jadual berikut (jadual 4.8) ialah gambaran kewujudan istilah kekeluargaan dalam hubungan keluarga satu generasi ke bawah mengikut hala dua sisi dan daripada kedua-dua nisab ibu dan bapa. Hanya terdapat dua pilihan bentuk rujukan dalam bentuk frasa deskripsi, iaitu '*anak kemanakan*' atau '*anak buah*' untuk merujuk kepada mereka yang berada dalam hubungan ini.

Jadual 4.8: JK Sedarah (Keluarga Satu Generasi Ke bawah daripada Dua Sisi dan Dua Nisab)

Hubungan Keluarga	Rujukan BM/BI	Rujukan BMS
anak laki-laki kepada abang/kakak	kemanakan, keponakan	<i>anak kemanakan, anak buah</i>
anak perempuan kepada abang/kakak	kemanakan, keponakan	<i>anak kemanakan, anak buah</i>
anak laki-laki/perempuan kepada adik (lk/pr)	kemanakan, keponakan	<i>anak kemanakan, anak buah</i>

Jadual 4.9: JK Sedarah dalam Keluarga Luas (Keluarga Dua Generasi Segaris daripada Dua Sisi ke bawah daripada Dua Nisab)

Hubungan Keluarga	Rujukan BM/BI	Rujukan BMS
anak lelaki/perempuan kepada anak kandung (lk/pr)	Cucu	<i>Cuccok</i>
anak lelaki/perempuan kepada kemenakan (lk/pr)	Cucu kemenakan	<i>cuccok kemenakan</i>

Orang yang berada dalam kedudukan hubungan ini dipanggil pula dengan hubungan nenek/atuk dengan cucu atau sebaliknya. Cucu dibezakan antara cucu yang segaris, iaitu anak langsung daripada anak dengan rujukan ‘*cuccok*’ dan cucu yang tidak langsung, iaitu anak daripada kemenakan. Untuk rujukan ini digunakan frasa ‘*cuccok kemenakan*’ yang bermakna cucu kemenakan.

Sebagaimana keluarga Melayu pada amnya, dalam keluarga Melayu Sambas juga terdapat rujukan urutan kelahiran dengan pola-pola tertentu. Pola tersebut bervariasi dari satu keluarga ke keluarga yang lain. Data berikut diambil dari beberapa keluarga untuk menunjukkan keragaman tersebut. Di bawah ini ialah senarai GUK daripada lima keluarga yang berlainan yang masing-masing mempunyai anak atau adik-beradik lebih dari lima orang sehingga boleh diketahui variasi yang wujud. Kelima-lima keluarga tersebut diambil secara random daripada keluarga yang tinggal di kampung yang berlainan pula. Pola pemberian gelaran urutan kelahiran dimaksudkan ialah sebagai berikut.

Jadual 4.10: Keragaman GUK dalam Keluarga Melayu Sambas

Urutan Kelahiran	Keluarga A	Keluarga B	Keluarga C	Keluarga D	Keluarga E
pertama	(a)long	(a)long	(a)long	(a)long	(a)long
kedua	(a)ngah	(a)ngah	(a)ngah	(a)ngah	(a)ngah
ketiga	udê	Udê	udê	udê	udê
keempat	(u)ning	(u)ning	(u)ning	(a)cik	(a)cik
kelima	(a)cik	Andah	(u)teh	(u)ning	(u)ning
keenam	andah	Itam	anjang	-	(u)the
ketujuh	(a)mok	(u)the	(a)cik	-	-
kedelapan	anjang	udo'	(a)mok	-	-
kesembilan	(u)teh	-	-	-	-
kesepuluh (terakhir)	(u)su	(u)su	(u)su	(u)su	(u)su

Catatan: *long* = *sulong*(sulung)
Ngah = *tangah* (tengah)
De = *mude* (muda)
Ning = *kunning* (kuning)
Cik = *kacik* (kecil)
Andah = *randah* (rendah)
Mok = *gemmok* (gemuk)
Anjang = panjang
Uteh = *putteh* (putih)
Usu = bungsu
udo'uda' = gelaran urutan kelahiran kepada anak yang disangkakan sebagai anak bungsu tetapi ternyata kemudian masih beradik lagi (bungsu).

Daripada penjelasan tentang GUK tersebut, boleh ditegaskan bahawa terdapat bentuk-bentuk gelaran yang terpola secara konsisten bagi anak-anak yang lahir dari urutan pertama, kedua, ketiga dan terakhir dalam dalam keluarga orang Melayu Sambas. Sedangkan urutan selebihnya lebih bervariasi dan bersifat sembarangan atau manasuka. Maknanya, istilah GUK yang selain daripada yang telah terpola itu dipilih berdasarkan kesepakatan keluarga tersebut. Selalunya gelaran itu dipilih mengikut postur tubuh anak yang bersangkutan.

4.9.2 Jenama Kekeluargaan dalam Keluarga Semenda

Selain hubungan keluarga sedarah, ikatan kekeluargaan boleh berlangsung disebabkan ikatan perkahwinan (*affinity*) atau yang dipanggil dengan keluarga semenda atau keluarga ipar. Berikut (jadual 5.8) ialah huraian istilah kekeluargaan semenda yang boleh wujud dalam hubungan kekeluargaan ini untuk merujuk pada kedudukan hubungan tersebut. Huraian ini juga hanya dalam kekangan hubungan satu generasi di atas dan satu generasi ke bawah daripada masing-masing pihak suami dan isteri.

Jadual 4.11: JK dalam Keluarga Semenda

Hubungan Keluarga	Rujukan BM/BI	Rujukan BMS
Suami	suami	<i>suami/laki</i>
Isteri	Isteri	<i>istri/bini</i>
suami kepada anak perempuan	menantu laki-laki	<i>anak minantu</i>
isteri kepada anak lelaki	menantu perempuan	<i>anak minantu</i>
suami kepada kakak	abang ipar	<i>abang ipar</i>
isteri kepada abang	kakak ipar	<i>kakak ipar</i>
suami kepada adik perempuan	adik ipar	<i>adek ipar</i>
isteri kepada adik laki-laki	adik ipar	<i>adek ipar</i>
suami kepada bibi dari sebelah bapa/ibu	paman	<i>pak tua' /pak mudêipar</i>
isteri kepada paman dari sebelah bapa/ibu	bibi	<i>mak tua' /mak mudêipar</i>
suami kepada anak perempuan abang/kakak/adik	menantu kemanakan	<i>menantu kemanakan</i>
isteri kepada anak laki-laki abang/kakak/adik	menantu kemanakan	<i>menantu kemanakan</i>

Dari huraian dalam jadual 4.11 diketahui bahawa terdapat beberapa istilah yang merujuk kepada hubungan persemendaan ini. Antara lain ialah kata '*ipar*' yang

digunakan sebagai penjelas atau keterangan (*modifier*) yang selalunya digunakan bersama-sama dengan rujukan asas adik-beradik. Contohnya '*abang/kakak ipar*' atau '*adik ipar*'. Dengan kata lain, kata '*ipar*' ini berfungsi membezakan adik-beradik langsung atau yang sedarah daripada yang semenda. Selain kata '*ipar*' terdapat kata '*minantu*' yang juga digunakan untuk merujuk hubungan persemendaan ini. Kata menantu ini selalunya digunakan untuk merujuk hubungan kepada anak atau kemanakan sehingga digunakan frasa '*anak minantu*' atau '*kemanakan minantu*' untuk menunjukkan hubungan semenda itu. Istilah lain dalam hubungan persemendaan ini ialah istilah mertua atau '*mertuê*'. Istilah ini khas digunakan untuk merujuk kepada ibu bapa dari pihak suami atau isteri. Selebihnya, istilah rujukan untuk keluarga semenda ini ialah dengan menggunakan frasa deskriptif, umpamanya dengan mengatakan '*nek uwan dari isteri/suami*' atau '*nek aki dari isteri/suami*', '*pak tua*' dari suami/isteri', dan seterusnya.

Daripada senarai tentang istilah kekeluargaan orang Melayu Sambas tersebut boleh ditegaskan semula bahawa tidak terdapat perbezaan antara istilah rujukan bagi keluarga daripada pihak ayah ataupun pihak ibu. Ini berhubung kait dengan sistem kekeluargaan orang Melayu yang menganggap kedua-dua pihak keluarga bapa ataupun ibu ialah sama penting. Penanda khas lebih tampak dalam rujukan kepada saudara mara mengikut tingkatan usiadan tingkatan generasi. Selain itu, terdapat pula penanda kelainan gender. Dalam pada itu, terdapat penanda yang berbeza dalam merujuk kepada keluarga semenda atau ipar berbanding keluarga sedarah. Rujukan tersebut menunjukkan bahawa bentuk ikatan kedua-duanya ialah berlainan. Walau bagaimanapun, kelainan itu tidak secara terus menunjukkan jarak atau jauh dekat hubungan itu.

Dalam keluarga orang Melayu Sambas juga dikenal istilah saudara angkat. Saudara angkat selalunya disebabkan oleh kehadiran anak yang secara sah diambil atau

diangkat daripada keluarga lainnya, sama ada anak daripada keluarga yang memiliki ikatan darah ataupun tidak sama sekali. Selalunya anak itu diangkat semenjak bayi. Dalam pengasuhan bapa/ibu angkat, anak angkat selalunya dianggap sebagai anak kandung sehingga dalam hal pemberian GUK pun, dilakukan sebagaimana lazimnya memberikan GUK kepada anak kandung. Demikian gambaran mengenai perwujudan JK dalam sistem kekeluargaan orang Melayu Sambas pada amnya.

4.10 Bentuk Rujukan dalam Hubungan Sosial yang Intim

Sebagaimana telah diterangkan sebelumnya, dalam sistem kekeluargaan masyarakat Melayu selain terdapat hubungan kerana ikatan darah dan ikatan perkahwinan, terdapat hubungan kekeluargaan dalam erti yang luas. Jenis hubungan yang ketiga ini ialah disebabkan wujudnya ikatan kesayangan, saling percaya, saling memerlukan, saling ingin berbuat kebaikan dan lain sebagainya. Perasaan (*sentiment*) yang demikian ini dianggap perasaan yang sememangnya wujud dalam ikatan hubungan darah atau semenda. Oleh itu, keluarga angkat, orang yang tinggal berdekatan atau jiran, sahabat-sahabat atau para rakan dalam berbagai keperluan ialah orang yang sentiasa bergaul secara intensif, sangat rapat dan intim. Oleh itu, orang yang berada dalam hubungan ini boleh dikelaskan dalam hubungan sosial semacam hubungan kekeluargaan. Keintiman hubungan ini dijelaskan melalui melalui pernyataan atau ungkapan dalam bentuk merafora (*metaphorical expression*) (Wallace dan Atkins dalam Banks, 1983, p.127).

Hubungan sosial yang dinyatakan dalam bentuk metafora seperti ini juga berlaku bagi orang Melayu Sambas pada amnya. Perkataan-perkataan semacam berikut merupakan perkataan yang lazim diucapkan oleh orang Melayu Sambas untuk menegaskan keintiman hubungan sosial yang dimaksudkan.

‘Tetangga lebih dari keluargê’ (Jiran lebih dari keluarga).

‘Saling tolong-menolong, bagi-membagi dan saling berbuat baik dengan sesama tetangga (jiran) tok dah kewajiban kite’

Hubungan kejiranan, pada khasnya, ialah hubungan yang patut dikekalkan antara sesama orang Sambas kerana pada dasarnya mereka saling memerlukan. Mereka menganggap bahawa apabila ada kesusahan, orang yang akan segera mengetahui dan menolong ialah jiran yang dekat bukan saudara mara yang duduk berjauhan meskipun jiran itu tidak memiliki ikatan hubungan darah.

Demikian pula yang berlaku dalam hubungan persahabatan atau rakan. Semasa penyelidikan didapati perbualan oleh informan dengan ucapan *‘Kamê dah lama bekawan jadi dah macam keluargê’* (Kami sudah lama berteman jadi sudah seperti keluarga) atau perkataan seperti ini *‘Saye kannal diê dah lama, dolo’ satu sekolah, sekarang kawan sekantor, jadi kame tok dah macam saudare’* (saya kenal dia sudah lama, dulu satu sekolah sekarang kawan sepejabat, jadi kami sudah seperti saudara). Ini juga membuktikan bahawa hubungan kekeluargaan itu boleh wujud kerana rasa kedekatan emisional antara orang yang bersangkutan sebagai kesan daripada persahabatan atau perhubungan yang berlansung lama. Berikut ini ialah huraian tentang bentuk rujukan yang boleh wujud dalam ikatan hubungan sosial yang intim seumpama hubungan kekeluargaan dalam komuniti bahasa Melayu Sambas. Adapun rujukan yang wujud untuk menunjukkan kedudukan hubungan ini ialah dalam bentuk deskripsi sebagaimana disenaraikan dalam jadual 4.12 di bawah ini:

Pendek kata, boleh disimpulkan bahawa sistem kekeluargaan dalam komuniti bahasa Melayu Sambas ialah disebabkan oleh ikatan darah dan ikatan perkahwinan. Selain itu terdapat hubungan sosial semacam hubungan kekeluargaan, iaitu hubungan

sosial yang intim mengikut sentiment hubungan kekeluargaan sedarah. Oleh orang Melayu Sambas rujukan ini lazim diungkapkan melalui ungkapan metafora ‘*macam keluarge/saudare*’.

Jadual 4.12: Bentuk Rujukan dalam Hubungan Kejiranandan Rakan

Rujukan dalam BMS	Rujukan dalam BM
<i>Die (tok) tetangga ku/saye/kame’.</i> <i>Die (tok) kawan ku/saye/kame’.</i> <i>Kame’(tok) betetangga.</i> <i>Kame’ (tok) bekawan dah lamak.</i> <i>(GUK + nama diri) (tok) tetangga dakkat.</i> <i>(GUK + nama diri) (tok) kawan dari dari dolo’/mudê’/kaccik.</i> <i>(Pak/Buk+ nama diri) (tok) tetangga dakkat.</i> <i>(Pak/Buk + nama diri) (tok) kawan dari dolo’/mudê/kaccik.</i> <i>Si + (nama diri) (tok) tetangga dakkat.</i> <i>Si + (nama diri) (tok) kawan akrab.</i> dst.	Dia (partikel) jiran aku/saya/kami. Dia (partikel) kawan aku/saya/kami. Kami (partikel) berjiranan. Kami (partikel) bekawan sudah lama. (GUK + nama diri) (partikel) jiran dekat. (GUK + nama diri) (partikel) kawan dari dulu/muda/kecil). (Pak/Buk + nama diri) (partikel) jiran dekat. (Pak/Buk + nama diri) (partikel) kawan dari dulu/muda/kecil. Si + (nama diri) (partikel) jiran dekat Si + (nama diri) (partikel) kawan akrab. dst.

4.11 Rumusan

Masyarakat Sambas yang dimaksudkankan dalam penyelidikan ini ialah orang yang bermastautin di kawasan Kabupaten Sambas Kalimantan Barat Indonesia. Masyarakat Sambas ialah masyarakat yang majmuk, terdiri daripada berbagai-bagai suku kaum, golongan agama dan berbagai-bagai golongan sosial. Walau bagaimanapun, golongan etnik majoriti yang berdiam di sana ialah golongan etnik Melayu atau yang dikenal sebagai orang Melayu Sambas. Tiap-tiap golongan tersebut hidup berdampingan secara baik, damai dan harmoni. Gotong-royong merupakan representasi daripada nilai solideriti dan harmoni dalam kehidupan sosial sehari-hari masyarakat Sambas pada

amnya. Macam-macam golongan agama dan kepercayaan yang wujud selalunya boleh menjadi identiti golongan etnik tertentu. Islam merupakan agama yang dianut oleh hampir semua orang Melayu Sambas.

Masyarakat Melayu Sambas masih mengekalkan adat istiadat dan budaya Melayu yang dicorai oleh nilai Islam. Nilai tersebut menjadi kawalan bagi amalan dalam pergaulan sosial, baik dengan sesama anggota keluarga, sesama suku kaum ataupun dengan orang daripada suku kaum lain. Selain agama dan adat istiadat, identiti golongan etnik boleh dikenal pasti daripada bahasa yang digunakan dalam pergaulan sehari-hari. Bahasa Melayu Sambas ialah bahasa yang digunakan dalam pergaulan sehari-hari oleh orang Melayu Sambas termasuk oleh orang daripada berbagai-bagai suku kaum atau golongan etnik lain.

Dalam pada itu, terdapat sistem pelapisan dalam masyarakat Melayu Sambas. Kekangan ruang kawasan kota dan desa secara tak langsung telah membentuk sistem susun lapis masyarakat. Dalam masyarakat Sambas dikenal golongan orang kota dan orang desa atau orang kampung. Sistem susun lapis juga berlaku disebabkan wujudnya penggolongan masyarakat mengikut faktor-faktor yang berkenaan dengan status dan kedudukan sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya seseorang atau segolongan orang. Oleh itu, dalam masyarakat Sambas dikenal istilah-istilah yang digunakan untuk menunjukkan status dan kedudukan seseorang dalam masyarakat. Contohnya, orang berpangkat dan orang biasa, orang kaya atau orang mampu dan orang tak punya atau tak mampu. Pegawai dan petani atau orang dengan pekerjaan tetap dan orang dengan pekerjaan tak menentu.

Nilai ajaran Islam sangat mencoraki nilai Adat Perpatih masyarakat Melayu Sambas. Tingkah laku dalam hubungan sosial sangat dikesani oleh nilai-nilai berkenaan. Kata-kata perbilangan dan pepatah-petitih yang wujud dalam komuniti bahasa Melayu Sambas mencerminkan norma dan nilai yang berfungsi sebagai kawalan dalam bertingkah laku dan beramal sosial dan dalam cara berinteraksi dengan alam sekitaran. Kebersamaan, kepedulian, tolong menolong dan gotong-royong merupakan nilai yang masih dikekalkan dalam hubungan sosial masyarakat Melayu Sambas, sama ada oleh masyarakat di kota mahupun yang di desa.

Sistem kekeluargaan dan JK merupakan dua perkara yang saling berhubung kait. JK boleh wujud sebagai bentuk rujukan dalam sistem kekeluargaan orang Melayu sambas. Rujukan itu menunjukkan pangkat dan kedudukan seseorang dalam keluarga. Selain itu, bentuk rujukan itu juga boleh menandakan kewujudan usia, gender dan kedudukan tingkat generasi seseorang dalam keluarga.

Dalam pada itu, hubungan kejiranan yang berdekatan, hubungan pertemanan atau rakan yang telah berlangsung lama boleh digolongkan sebagai hubungan semacam hubungan keluarga. Oleh itu, dalam kalangan masyarakat Sambas dikenal ungkapan metafora '*macam keluargè*' atau '*macam saudarè*' untuk menunjukkan kerapatan hubungan tersebut. Adapun bentuk rujukan yang wujud dalam hubungan ini ialah bentuk frasa deskriptif yang terus menunjukkan bentuk hubungan tersebut.

BAB 5: VARIASI BENTUK PANGGILAN DAN KAEDAH PEMILIHAN: ANALISIS KOMPONENSIAL

5.1 Pendahuluan

Bentuk atau kata panggilan merupakan rujukan kepada status dan kedudukan seseorang. Selain itu, bentuk panggilan itu merupakan simbol kedudukan sosial seseorang dalam hubungan dengan orang di sekitarnya. Melalui penggunaan bentuk panggilan atau sapaan tertentu, akan diketahui apa hubungan yang wujud antara orang yang dipanggil atau disapa dengan orang yang memanggil atau menyapa, sebagaimana yang dikemukakan oleh Evans-Pritchard berikut ini:

The study of names and titles of address has some importance because, as will be seen from the notes recorded below, they symbolize a man's social position in relation to the people around him, so that by the use of one or other of them, the status of the speaker to the person addressed is readily recognized. Like kinship terms, these modes of address thus emphasize social relationships and serve to evoke the respond implied in the particular relationship (Evans-Pritchard, 1966, p.221).

Dalam sosiolinguistik, kajian bentuk panggilan berawal hanya dengan fokus pada kata ganti nama diri seperti mana yang dilakukan oleh Brown and Gilman (dalam Fasold, 1997); Lambert dan Tucker (1976); Ferguson (1991); dan Winchart (2001). Kemudian kajian bentuk panggilan ini terus-menerus berkembang, tidak lagi tertumpu pada bentuk kata ganti nama diri tetapi juga mencakupi bentuk-bentuk yang lain seperti jenama kekeluargaan, kata nama, gelaran, kata rujukan, julukan, gurauan dan sebagainya (Ferguson, 1991, p.183). Ini menandakan bahawa dalam sesuatu komuniti bahasa dikenal berbagai-bagai bentuk kata panggilan yang boleh dikategorikan dalam berbagai-bagai bentuk bahasa, termasuk JK.

Bentuk panggilan dalam komuniti bahasa Melayu Sambas juga wujud dalam variasi bentuk kata-kata tersebut. Seterusnya, bahagian bab ini akan menghuraikan perwujudan variasi bentuk panggilan tersebut dan sistem panggilan itu berlaku dengan menggunakan kaedah analisis komponensial atau analisis formal yang merujuk pada model yang dikemukakan oleh Tyler (1972).

5.2 Variasi Bentuk Panggilan dalam Bahasa Sambas

Berdasarkan konsep tentang variasi bentuk panggilan diketahui bahawa bentuk panggilan yang berlaku dalam suatu komuniti bahasa ialah bervariasi mengikut variasi lintasan bahasa, lintasan sempadan negara, lintasan golongan sosial dalam suatu negara, serta bervariasi antara perseorangan. Variasi tersebut malah boleh wujud mengikut pilihan atau minat perseorangan mengikut situasi fikiran dan perasaan perseorangan itu sebagaimana yang dikatakan dalam petikan ini:

But the truth is that there is considerable variation in address form usage, across languages, across national boundaries, across social groups within the same country, from one individual to the next, and even in the behavior of the same person from one instance to another. ... I am able to identify at least two sources of variation in the use of address forms. First, there are group differences. Second, even within the same social groupings, there is considerable freedom to select one or other of the acceptable general patterns on an individual basis. Sometimes individuals vary from their own usual usage to convey temporary moods and feelings.

(Fasold, 1996, p.16).

Seterusnya, merujuk pendapat ini akan dihuraikan bagaimana variasi bentuk panggilan wujud dalam komuniti Melayu Sambas dan bagaimana kaedah atau sistem panggilan itu berlaku. Khususnya variasi yang boleh wujud dalam situasi hubungan kekeluargaan dan hubungan sosial yang intim.

5.2.1 Bentuk Panggilan: Ganti Nama Diri dan Kata Nama

Sebagaimana telah diterangkan, kajian bentuk panggilan yang lepas awalnya hanya berfokus pada kata ganti nama diri (GND). Pada amnya, kata GND asas terbahagi atas diri pertama, diri kedua, diri ketiga. Tiap-tiap satu diri ini boleh dilihat dari segi jumlah, iaitu mufrad atau jamak. Adapun kata-kata GND yang wujud dalam bahasa Melayu dan bahasa Melayu Sambas boleh dijelaskan melalui huraian dalam jadual di bawah ini:

Jadual 5.1: Kata Ganti Nama Diri (GND)

Diri	Mufrad	Jamak
Pertama	saya, aku, beta, patik, ku	kami, kita, patik sekalian
Kedua	kamu, engkau, awak, anda, kau, mu	kamu semua, engkau semua, awak semua
ketiga	dia, beliau, ia, ianya, nya	Mereka

(dipetik dari Asmah Haji Omar, 2009, p.72)

Selanjutnya, beliau mengatakan bahawa dalam konteks sosiolinguistik kata GND tersebut boleh digolongkan ke dalam peringkat: neutral, hormat/halus, dan intim/kasar, seperti mana tertulis dalam jadual berikut:

Jadual 5.2: Peringkat Kata ganti nama diri

Peringkat	Kata GND
Neutral	saya, anda, dia, kami, kita, mereka
hormat/halus	patik, beta, beliau
intim/kasar	kamu, engkau, awak

(Asmah Haji Omar, 2009, p.73)

Mengikut rujukan di atas didapati kata ganti nama diri dalam bahasa Melayu Sambas, sebagaimana dikemas dalam jadual di bawah ini:

Jadual 5.3: Peringkat Kata GND Bahasa Melayu Sambas

Peringkat	Kata GND I	Kata GND II	Ganti Nama Diri III
Netral	saye, kamek	kau, kittak atau urang (jamak)	diye, biak
hormat/halus	saye, kule	diri'	diye, biak
intim/kasar	Aku	kau, kittak	diye, biak

Dalam bahasa Melayu Sambas, penggunaan kata ganti nama diri orang kedua hanya digunakan oleh orang yang lebih tua kepada yang lebih muda. Contohnya ibu bapa kepada anak, abang/kakak kepada adik, majikan kepada buruh dan seumpamanya. Ini tidak berlaku sebaliknya. Selain itu, penggunaan kata ganti orang kedua ini boleh berlaku antara orang yang sebaya atau antara orang yang memiliki kedudukan yang sejajar, contohnya antara sesama rakan sekolah, teman sepermainan, rakan kerja dan seumpamanya.

Bentuk panggilan lainnya ialah dalam bentuk kata nama (*nouns*) termasuk *common nouns* dan *proper nouns* (Brown dan Ford, 1966; Ervin Tripp, 1972; Amat Juhari Moain, 1985/1989; Luong, 1990). Mengikut ciri-ciri semantik perkataannya kata nama dalam bahasa Melayu terpecah menjadi kata nama khas dan kata nama am. Seterusnya secara terperinci, kata nama juga boleh digolongkan ke dalam kata nama bernyawa dan tak bernyawa. Kata nama bernyawa merujuk kepada benda-benda yang bernyawa, manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Jenis kata ini boleh terdiri dari nama khas (nama khas) dan nama orang. Kata nama tak bernyawa merujuk kepada semua benda kecuali nama manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Selain itu, kata nama am terpecah pula menjadi kata nama am konkrit dan kata nama abstrak. Beberapa kata nama dalam

banyak bahasa juga digunakan sebagai kata panggilan (Sila rujuk Asmah Haji Omar, 2009, pp.40-53)

Dalam pada itu, dikatakan bahawa pada masyarakat tertentu kata nama (*proper* atau *common nouns*) juga boleh menggantikan kata ganti nama diri dalam panggilan, tidak kira sama ada itu merujuk kepada diri pertama, diri kedua ataupun diri ketiga. Luong (1990) menamakan konsep ini dalam dua dimensi, iaitu kedah *shifter* vs *non-shifter* sebagaimana beliau jelaskan berikut ini:

On the dimension of shifter vs non-shifter, for example, common nouns in Vietnamese person reference differ from personal pronouns in that the referents of these common nouns (e.g. 'father', 'prime minister') can remain the same, regardless of who among the Vietnamese speech interact assumes the speaker role at a particular moment. (Luong, 1990, p.10).

Dengan perkataan lain, kata nama dan kata nama diri lazim digunakan sebagai pengganti kata ganti nama diri sebagai panggilan dalam bahasa-bahasa di Asia. Dalam perkaitan ini, lebih lanjut Luong memberi contoh sebagai berikut:

*Me dá mua cho bô cái mũ hôm qua rồi.
Mother PAST buy for father CLASSIFIER hat day past already.
Mother already bought the hat for father yesterday.
(Luong, 1990, p.11)*

Dari contoh ini diketahui bahawa kata Me (ibu) di sini ialah merujuk terus kepada penutur. Ia menggunakan kata Me itu sebagai pengganti kedudukan kata ganti orang pertama. Sedangkan kata bô (bapa) ialah kawan bicara (orang kedua) yang mana selalunya digunakan kata engkau/kamu (Inggeris: *you*) dalam pertuturan yang demikian.

Seterusnya, kata rujukan berupa kata nama atau JK sebagai pengganti kata GND diri pertama, kedua atau ketiga juga lazim digunakan oleh penutur bahasa Indonesia pada amnya. Sehari-hari sering-sering didengar seorang suami apabila hendak pergi bekerja ia

mohon diri kepada isterinya dengan mengatakan: '*Bapak berangkat ke kantor ya Bu*'. Kata '*Bapak*' (Bapa) di sini merujuk kepada orang pertama (si pembicara) dan kata '*Bu*' merujuk kepada orang kedua (kawan bicara). Kata '*Bapak*' dalam konteks ini bahkan tidak terus merujuk kedudukan orang pertama itu sebagai '*bapa*' kepada kawan bicaranya tetapi sebagai suami. Demikian pula dengan rujukan '*Bu*' tidak pula merujuk kawan bicaranya sebagai '*ibu*' kepada si pembicara, melainkan sebagai isteri. Kaedah penggunaan kata rujukan yang demikian ini perlu difahami berdasarkan konteks bagaimana lakuan tuturan itu diucapkan. Bagaimana kata panggilan boleh berlaku dalam konteks, selengkapnya akan dijelaskan dalam bab 7.

Dalam komuniti bahasa Melayu Sambas terdapat kata-kata nama yang berasal dari kata rujukan atau jenama kekeluargaan seperti *bapak/ayah*, *ibu/umak*, *nenek/uwan* atau gelaran urutan kelahiran (*long*, *ngah*, *ude* dan seterusnya) yang boleh digunakan untuk memanggil atau menyapa orang dengan rujukan tersebut. Begitu pula pada kata nama yang menunjukkan status seseorang seumpama kepala kampung (*Pak Pung*), kepala Desa (*Pak Kades*), camat (*Pak Camat*), *penghulu* (*Pak Penghulu*), *Bu Bidan* (*midwife*), orang yang telah berhaji (*Pak Haji/Bu Hajjah*) dan rujukan kedudukan lain yang juga lazim digunakan untuk memanggil orang dengan kedudukan tersebut.

5.2.2 Bentuk Panggilan: Kata Rujukan, Gelaran dan Gurauan

Sebagaimana telah diterangkan, bentuk panggilan (*address forms*) juga telah mengambil berbagai-bagai bentuk kata ataupun frasa selain kata ganti nama diri. Dengan demikian, terdapat bentuk panggilan dalam pelbagai kelas kata, sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Brown and Ford (1966), Ervin-Tripp (1972), Amat Juhari Moain (1985),

Luong (1990), Ferguson (1991), Sumalee Nimmanupap (1994), Dickey (1996), Keshavarz (2001) dan Afful (2007).

5.2.2.1 Rujukan Kehormat, Gelaran Kurniaan dan Gelaran Warisan

Antara bentuk panggilan yang wujud, terdapat kata rujukan dan gelaran. Kata ini terbagi menjadi rujukan kehormat, boleh berupa pewarisan dan kurniaan, rujukan gurauan dan gelaran lain (Amat Juhari Moain, 1989; Dickey, 1997). Kata rujukan dan gelaran kehormat pewarisan dan kurniaan selalunya hanya digunakan bagi memanggil atau menyapa orang tertentu sahaja, iaitu bagi raja (sultan) atau keturunannya, orang dengan tingkat sosial tinggi, pendidikan tinggi dan jenis pekerjaan terhormat. Selain terdapat kata rujukan dan gelaran yang menunjukkan kehormat, terdapat pula gelaran atau julukan yang bersifat olok-olokan. Gelaran ini muncul selain disebabkan bentuk hubungan yang intim atau mesra antara penutur, boleh juga ditentukan oleh perubahan situasi, daripada serius menjadi gurauan atau mengikut suasana fikiran penutur (*mood*) (Dickey, 1997; Afful, 2007).

Dalam bahasa Melayu Malaysia terdapat kata rujukan kehormat yang hanya boleh digunakan untuk menyapa dan merujuk kepada orang tertentu. Sebagai contoh, gelaran kehormat ‘Yang di-Pertuan Agong’ dan ‘Raja Permaisuri Agong’ hanya digunakan kepada raja atau permaisuri Malaysia. Sedangkan kepada raja-raja dari negeri-negeri beraja di Malaysia digunakan gelaran-gelaran kehormat, sebagaimana yang tertulis dalam petikan ini:

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda (*Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, 1980*).
2. Duli Yang Teramat Mulia (sebutan ini Hanya untuk Raja Muda dan isterinya). (dipetik dari Amat Juhari Moain, 1989, p.117-119).

Selain itu, terdapat pula kata rujukan kehormat yang lain, seperti ‘Yang Maha Mulia’, ‘Yang Teramat Mulia’, ‘Yang Amat Mulia’, ‘Yang Amat Berhormat’, ‘Yang Berhormat’, dan seterusnya. Semua bentuk rujukan ini digunakan untuk menyapa orang yang mempunyai kedudukan sosial sangat terhormat dan bersifat sangat formal.

Di samping kata rujukan kehormat, dalam bahasa Melayu dikenal pula kata gelaran, gelaran kurniaan dan gelaran warisan. Gelaran kurniaan selalunya dianugerahkan kepada mereka yang dilantik untuk menyandang satu-satu jawatan atau kerana telah berbakti kepada raja. Gelaran kurniaan ini boleh dibagi menjadi gelaran kurniaan kerajaan atau pemerintah dan gelaran kurniaan akademik (ikhtisas). Gelaran kurniaan kerajaan diberikan kepada orang yang dianggap berjasa, antara lain ialah gelaran *Tun*, gelaran kurniaan Kerajaan Persekutuan paling tinggi boleh dikenakan kepada lelaki atau perempuan. *Toh Puan* untuk isteri kepada *Tun*. *Tan Sri*, gelaran di bawah *Tun*, kurniaan Kerajaan Persekutuan kepada laki-laki dan perempuan. *Puan Sri*, isteri kepada *Tan Sri*. *Datuk* (*Datuk Seri*, *Datuk Paduka*, *Datuk Setia*), gelaran yang dikurniakan oleh kerajaan negeri kepada orang laki-laki dan perempuan, dan seterusnya (sila rujuk Asmah Haji Omar, 2009, p.47).

Selain gelaran kurniaan kerajaan ialah gelaran akademik (ikhtisas). Di Indonesia terdapat beberapa gelaran ikhtisas mengikut bidang ilmu yang ditekuni seseorang dan mengikut peringkat pendidikan yang telah diperolehi. Contohnya gelar Profesor (Prof,) ialah gelar tertinggi bagi seorang ahli bidang ilmu tertentu. Umpamanya Profesor di bidang sains, di bidang kebudayaan, di bidang hukum atau undang-undang dan sebagainya. Selain itu, terdapat gelar Doktor, iaitu gelar kepada orang yang telah berhasil lulus dari peringkat pendidikan pascasarjana yang paling tinggi (Strata 3 atau S3). Gelar ini selalunya juga merujuk kepada keahlian bidang ilmu tertentu. Bagi gelar sarjana

terdapat pula beberapa gelar mengikut bidang keilmuan tertentu. Contohnya Sarjana Hukum (SH), Sarjana Sastera (SS), Sarjana Teknik (ST) atau Insinyur (Ir), Sarjana Sosial (S.Sos) atau Doktorandus (lk) dan Doktoranda (pr), Sarjana Pendidikan (S.Pd.), Dokter (dr.) untuk ahli perubatan dan lain sebagainya.

Dalam kalangan orang Sambas, ramai juga orang yang telah mendapat gelaran akademik tersebut disebabkan mereka telah mencapai tingkat pendidikan sarjana atau pascasarjana. Contohnya adalah gelaran *Ir (Insinyur)*, *dr (Dokter)*, *Drs (Doktorandus)*, *Dra (Doktoranda)*, *Dr (Doktor)*, dan lain-lain. Gelaran akademik ini selalunya diucapkan atau dituliskan di depan nama diri seperti '*Drs. Muhammad Sidik*', '*Dra. Salsabila*', '*Dr. Pabali Musa*', '*Ir. Uray Mustakim*', '*dr. Haryanti*', dan seterusnya. Sebahagian gelaran akademik lainnya disebutkan atau dituliskan setelah nama diri. Contohnya '*Jumadi, SH*', '*Muhammad Ridwan, S.Sos*'. '*Budiman, ST*'. Bersamaan itu, wujud pula kedua-dua gelar yang boleh berada di depan atau di belakang nama diri, seperti *Dr. Maswardi Amin, M.Pd (Master Pendidikan)*, *Ir. Syarifuddin, MT (Master Teknik)*, dan sebagainya. Gelaran ini pada amnya tidak digunakan sebagai panggilan atau sapaan dalam pergaulan sehari-hari melainkan hanya digunakan dalam situasi atau peristiwa komunikasi formal dan selalunya digunakan dalam tulisan.

Dalam pada itu, berdasarkan 'Kitab Hukum Kanun' di Kesultanan Sambas pada masa pemerintahan Kesultanan Sambas juga terdapat beberapa gelaran kehormat untuk keturunan raja atau sultan Sambas, iaitu sebagai berikut:

Jadual 5.4: Gelaran Kesultanan Sambas

Kedudukan	Gelaran
Raja	Sultan
Wazir I	Pangeran Adi

Jadual 5.4:(sambungan)

Wazir II	Pangeran Bendahara
Wazir III	Pangeran Paku Negara
Wazir IV	Pangeran Cakera Negara
Citera (Citta) I	Pangeran Temenggung
Citera (Citta) II	Pangeran Amar Diraja
Citera (Citta) III	Pangeran Kesuma Negara
Citera (Citta) IV	Pangeran Cakera Negara

(sumber: Abdullatif Abubakar, 2001, p.279)

Disebabkan pada masa ini sistem pemerintahan kesultanan atau kerajaan tidak lagi berlaku dalam sistem pemerintahan negara Republik Indonesia, gelaran itu hanya menjadi bahagian dari catatan sejarah. Namun begitu, gelaran ‘Pangeran’ masih lagi diberikan kepada keturunan langsung daripada Raja Sambas yang masih ada sehingga sekarang.

Selain gelaran kurniaan, terdapat gelaran lain yang dipanggil dengan gelaran warisan. Gelaran warisan yang masih digunakan, contohnya Tunku, Tengku, Ungku, Engku, Raja, Wan, Megat, Sayid (Syed), Syekh, Datu, Pangeran, dan Raden. Gelaran khas untuk perempuan ialah Puteri, Syarifah, Dayang, dan lain-lain.

Gelaran warisan yang berkaitan dengan keturunan raja Sambas terdapat dalam kata nama diri “Uray” Kata ini digunakan sebagai nama pertama (*first name*) baik untuk laki-laki (lk) mahupun perempuan (pr), contohnya *Uray Salam (lk)*, *Uray Arfan (lk)*, *Uray Muzdalifah (pr)*, *Uray Henny Novita (pr)*, dan seterusnya. Selain itu, dikenal pula gelaran nama “Tan”. Gelaran nama ini juga merujuk kepada orang yang bersangkutan paut dengan kaum kerabat kesultanan Sambas yang bukan dari keturunan langsung sedarah dengan raja-raja Sambas, melainkan semacam gelar penghargaan atau kurniaan oleh raja Sambas

kepada orang yang dianggap keluarga secara spiritual (*spiritual kinship*). Sehingga sekarang nama-nama diri dengan “Tan” (*Tan Husni, Tan Arifin, Tan Herlina*, dan seterusnya) masih dikekalkan oleh ahli waris keturunan orang tersebut.

5.2.2.2 Gelaran Gurauan atau Olokan

Gelaran lain ialah gelaran yang merujuk kepada sifat-sifat tertentu atau kebiasaan-kebiasaan dari seseorang. Selalunya gelaran ini didahulukan oleh kata sandang *Si-*. Contohnya *Si Badul, Si Luncai, Si Molek, Si Malas*, dan lain-lain. Bentuk-bentuk yang sama juga wujud dalam gelaran-gelaran yang sama bagi orang tertentu dalam masyarakat Melayu Sambas, sebagaimana contoh berikut ini:

Si Landuk (dari kata *pelanduk*) untuk anak yang cerdik atau cerdas.

Si Tuyak atau *Si Bungol* untuk anak atau orang yang kurang cerdas.

Si Dajjal untuk anak yang nakal.

Si Bogoh untuk anak yang kuat atau banyak makan.

Bentuk-bentuk gelaran ini biasanya terus melekat pada diri orang itu hingga ia dewasa, khasnya untuk gelaran yang menunjukkan sifat positif. Panggilan itu boleh digunakan bersamaan dengan gelaran urutan kelahiran, sebagai contoh ialah panggilan ‘*Itam Landuk*’ atau ‘*Usu Landuk*’.

5.3 Bentuk Panggilan: Jenama Kekeluargaan

Selain bentuk panggilan yang telah disebutkan di atas, jenama kekeluargaan kerap digunakan pula sebagai panggilan dalam komunikasi antara peribadi. Jenama kekeluargaan ini tidak hanya lazim digunakan dalam konteks hubungan persanakan tetapi juga di luar konteks hubungan persanakan (Murdock, 1949 dan Tyler, 1972). Dalam

komuniti bahasa Melayu (Malaysia) dikenal panggilan *Pak Cik*, *Mak Cik*, *Kak*, *Bang* yang selalunya diikuti oleh kata nama diri. Dalam komuniti bahasa Indonesia dikenal pula panggilan *(Ba)Pak*, *(I)Bu*, *(Ka)kak*, *(A)bang* yang juga boleh diikuti kata nama diri dan panggilan dari jenama kekeluargaan Jawa, iaitu *mbak* (kakak), *mas* (abang), *Pak De/Pak Lek* (Pak Cik), *Bude/Bulek* (Mak Cik). Bentuk jenama kekeluargaan daripada komuniti bahasa Jawa ini juga umum digunakan sebagai panggilan oleh orang yang bukan berasal daripada komuniti bahasa Jawa. Selain digunakan untuk memanggil orang yang dianggap berusia lebih tua, panggilan *mbak* dan *mas* juga kerap digunakan sebagai panggilan kehormat atau kesopanan walaupun orang yang dipanggil itu berusia sebaya atau bahkan lebih muda. Panggilan yang demikian ini selalunya berlaku bagi orang yang kurang dikenal.

Dalam masyarakat Melayu Sambas juga dikenal panggilan kekeluargaan mengikut urutan kelahiran seseorang dalam keluarga. Istilah panggilan tersebut antara lain ialah 'Along', 'Angah', 'Acik', 'Udê', 'Amok', 'Uteh', 'Usu' dan seterusnya, sebagaimana telah diterangkan dalam Bab 5. Disebabkan fokus kajian ini ialah bentuk panggilan dalam konteks hubungan kekeluargaan, bentuk-bentuk panggilan itu perlu dihuraikan secara tersendiri dan terperinci.

Adapun huraian tersebut dimulai dengan terlebih dahulu melakukan analisis formal atau analisis komponensial tentang sistem panggilan dalam hubungan kekeluargaan (Kroeber, 1968; dan Tyler, 1972). Analisis tersebut dilakukan dengan mendeskripsikan bentuk-bentuk panggilan mengikut klasifikasi atau kategorisasi hubungan kekeluargaan. Adapun faktor-faktor yang diambil kira ialah faktor garis hubungan (hubungan kekeluargaan dari dua sisi, nisab bapa dan nisab ibu), faktor

hubungan mengikut garis *lineal* dan *collateral*, faktor tingkat generasi, gender dan usia, serta faktor hubungan sedarah atau semenda, sebagaimana huraian seterusnya.

5.4 Sistem Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Kekeluargaan Sedarah

Sebagaimana yang telah diterangkan pada bahagian sebelumnya, kajian ini merujuk kepada ketiga-tiga kerangka konsep tentang sistem kekeluargaan orang Melayu, iaitu sistem kekeluargaan sedarah, semenda dan hubungan sosial yang intim semacam hubungan kekeluargaan. Oleh itu, bahagian seterusnya ini akan menerangkan sistem panggilan yang berlaku dalam hubungan ketiga-tiga jenis sistem kekeluargaan tersebut sebagai kekangan.

Dalam hubungan kekeluargaan dikenal bentuk rujukan yang berfungsi sebagai penanda hubungan orang yang dirujuk. Bentuk rujukan itu merujuk kepada seseorang yang menduduki suatu status tertentu dalam keluarga. Beberapa dari istilah rujukan itu selalunya langsung digunakan sebagai istilah panggilan (*terms of address*) atau bentuk panggilan (*forms of address*) apabila berkomunikasi. Ini merupakan bahagian daripada ciri-ciri perilaku linguistik dalam hubungan interpersonal tertentu. Istilah rujukan dan istilah panggilan ini merupakan penanda hubungan dalam sistem kekeluargaan.

Istilah atau bentuk rujukan dan panggilan dalam hubungan kekeluargaan selalunya wujud bersamaan dengan sistem kekeluargaan itu sendiri. Analisis sistem panggilan berikut ini dilakukan mengikut kekangan hubungan darah, hubungan persemendaan, dan hubungan sosial yang intim. Oleh itu, bahagian berikut ini akan menghuraikan bentuk rujukan dan panggilan dalam komuniti bahasa Sambas mengikut konsep kekeluargaan tersebut.

5.4.1 Sistem Rujukan dan Panggilan dalam Keluarga Asas

Ikatan darah dalam hubungan kekeluargaan menghasilkan ikatan saudara-mara dalam dua kelompok keluarga, iaitu keluarga asas dan keluarga luas. Keluarga asas terdiri daripada sepasang suami isteri dengan anak-anak mereka. Meskipun dalam masyarakat Melayu seorang suami boleh memiliki lebih daripada seorang isteri, dalam konteks kajian ini, penyelidikan hanya ditumpukan kepada keluarga dengan pasangan suami isteri yang mufrad. Adapun yang dimaksudkan dengan keluarga luas ialah keluarga yang terdiri daripada dua atau lebih keluarga asas. Oleh itu, pembahasan bentuk rujukan dan panggilan dalam kajian ini diperbincangkan dalam konteks kedua-dua bentuk kekeluargaan ini.

Jadual 5.5: Bentuk Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Keluarga Asas

Bentuk Hubungan	Rujukan (Bhs Melayu)	Rujukan (Dialek Sambas)	Komunikasi Interpersonal Dua Hala(<i>dyadic</i>)	Panggilan (Dialek Sambas)
suami – isteri	<i>suami – isteri</i>	<i>laki - bini (mak biak)</i>	suami - isteri	(1) <i>adek (dek)</i> ; (2) ND isteri (3) mengikut cara anak memanggil (<i>umak</i>)
			isteri – suami	(1) <i>Abang + ND</i> (2) (<i>bang</i>)+ GUK (3) mengikut cara anak memanggil (<i>ayah</i>)

Jadual 5.5: (Sambungan)

anak- ibu bapa	<i>anak – ibu/ bapa (ayah)</i>	<i>anak – umak/ayah</i>	anak – ibu	<i>umak; ibu; mama; umi</i>
			ibu - anak (Lk/Pr)	(1) ND anak; (2) mengikut panggilan anak kepada saudara sekandung nya, contohnya: <i>along, angah, dede'</i> ; (3) <i>nong</i> (panggilan sayang)
			anak – ayah	<i>ayah; bapak; papa; abah</i>
			ayah - anak (Lk/Pr)	(1) ND anak; (2) mengikut panggilan anak kepada saudara sekandungnya
antara saudara sekandung (adik- beradik)	<i>adik-beradik</i>	<i>Lk: abang (bang)/ Pr: Kakak (kak) + (GUK)</i>	adik (Lk/Pr) - abang/ kakak (Lk/Pr)	(1) <i>Bang + GUK (lk)</i> (2) <i>Kak + GUK (pr)</i>
		<i>adek (Lk/Pr)</i>	abang atau kakak - adik (Lk/Pr)	(1) ND adik; (2) <i>Dede'</i> (panggilan sayang) (3) <i>Anong</i> (panggilan sayang)

Keterangan: ND : nama diri

GUK : gelaran urutan kelahiran

Dalam bahagian tulisan seterusnya kedua-dua penanda ini akan digunakan untuk merujuk kepada istilah yang sama.

Daripada data yang telah diterangkan dalam jadual di atas diketahui bahawa bentuk panggilan yang wujud dalam keluarga asas tidak selalu sama dengan bentuk rujukan. Dalam hubungan ini bentuk rujukan digunakan untuk menunjukkan kedudukan

hubungan antara anggota keluarga berkenaan. Lazimnya, bentuk panggilan yang wujud antara mereka tidak berlaku secara timbal balik. Contohnya panggilan isteri kepada suami ialah berbeza daripada panggilan suami kepada isteri. Dalam hal ini, isteri lazimnya memanggil dengan panggilan ‘*bang* + GUK’. Panggilan ini boleh menunjukkan rasa hormat isteri kepada suami ataupun rasa sayang. Dalam pada itu, suami selalunya memanggil isteri dengan ND isteri. Setengah yang lain memanggil dengan panggilan ‘*dek*’. Panggilan ini selalunya menunjukkan ungkapan rasa sayang suami kepada isteri.

Namun begitu, pada beberapa keluarga juga dijumpai isteri memanggil suami dengan cara yang lain, iaitu dengan mengikut cara anak memanggil bapa (ayah) mereka, contohnya dengan panggilan ‘*ayah*’, ‘*bapak*’ ‘*abah*’ atau ‘*papa*’. Pada amnya panggilan ini dijumpai dalam pasangan keluarga baru yang masih muda. Demikian pula cara si suami memanggil isterinya, iaitu mengikut cara panggilan anak kepada ibu mereka, contohnya dengan panggilan ‘*umak*’, ‘*ibu*’, ‘*mama*’, ‘*bunda*’ atau ‘*umi*’. Bentuk-bentuk panggilan ‘*ibu*’, ‘*mama*’, ‘*bunda*’ atau ‘*umi*’ ini merupakan serapan dari bahasa Indonesia, bahasa Cina dan bahasa Arab.

Pilihan cara panggilan yang demikian menunjukkan bahawa pada saat berkomunikasi antara suami isteri, suami menempatkan kedudukan isteri sebagai ibu kepada anak-anak mereka, bukan langsung sebagai isteri. Jadi ia menggunakan panggilan yang sama sebagaimana anak menggunakan panggilan kepada ibunya. Demikian pula isteri kepada suami, saat bertutur (baik ada ataupun tidak ada kehadiran anak) isteri menempatkan kedudukan suami sebagai ayah kepada anak, bukan langsung sebagai suami. Sehingga panggilan pun mengikut cara anak memanggil ayah mereka. Adapun cara ini berlaku dengan tujuan untuk memberi contoh atau mengajarkan atau membahaskan (Melayu Sambas: *ngulukkan* atau *membasekan*) anak-anak mereka,

terutamanya kepada anak yang masih dalam proses belajar berbicara atau berkomunikasi agar mereka memanggil ibu atau bapa mereka sebagaimana yang dikehendaki. Selain itu, panggilan ini juga berfungsi untuk menegaskan kedudukan hubungan dan peranan ganda daripada suami dan isteri, yang setelah kehadiran anak dalam keluarga, pasangan suami isteri tidak lagi sekadar berperanan sebagai suami atau isteri tetapi telah pula menjadi bapa dan ibu kepada anak mereka.

Dalam hubungan adik-beradik didapati panggilan dalam bentuk gelaran urutan kelahiran atau GUK (sila lihat Bab 4) dan kata nama diri (ND). Penggunaan kedua-duanya tidak berlaku timbal balik. Saudara yang lebih muda (adik) harus memanggil saudara yang lebih tua (abang/kakak) dengan menggunakan GUK, sementara abang/kakak kepada adik ialah menggunakan ND adik. Sebagai contoh, adik harus memanggil dengan '*(bang/ kak) + GUK*' kepada abang/kakak. Sementara abang/kakak cukup menggunakan ND adik (kata ND) kepada adik mereka. Selain terwujud penanda perbezaan urutan kelahiran, bentuk panggilan dalam hubungan adik-beradik ditandakan oleh penanda perbezaan gender, *bang* untuk saudara tua lelaki dan *kak* untuk saudara tua perempuan. Sebaliknya, untuk panggilan kepada adik selalunya dengan panggilan 'ND adik' saja. Untuk panggilan kepada adik ini juga terdapat panggilan kesayangan '*dek*+ND adik' atau cukup dengan panggilan '*adek*' atau '*Dede*' saja.

Panggilan ibu bapa kepada anak ialah dengan kata nama diri anak. Pilihan lainnya ialah panggilan dengan GUK. Selain untuk merujuk kepada urutan kelahiran anak, panggilan dengan GUK juga bertujuan untuk mengajarkan kepada anak-anak yang lebih muda agar memanggil saudara yang lebih tua dengan panggilan yang sopan dan sepatutnya. Selain itu, terdapat pula bentuk panggilan kesayangan yang biasa digunakan oleh ibu bapa kepada anak, sama ada lelaki ataupun perempuan, iaitu dengan kata

panggilan kesayangan ‘Anong’. Panggilan kesayangan ini selalunya digunakan untuk memanggil anak yang masih kanak-kanak.

5.4.2 Sistem Rujukan dan Panggilan dalam Keluarga Luas

Sebagaimana telah dijelaskan, keluarga luas ialah keluarga yang terdiri daripada dua atau lebih keluarga asas yang dipersatukan oleh ikatan kekeluargaan sedarah sebagaimana hubungan ibu bapa dan anak atau antara adik-beradik (Murdock, 1949, p.23). Dalam hubungan keluarga luas dikenal pula hubungan cucu dan nanek/datuk atau sebaliknya; hubungan kemenakan dan paman (pak/mak cik), hubungan saudara sepupu dan seterusnya. Dalam bahasa Melayu dikenal beberapa bentuk atau istilah rujukan dan panggilan kekeluargaan dalam hubungan keluarga luas, seperti tercantum dalam jadual berikut ini.

Jadual 5.6: Bentuk Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Keluarga Luas Sedarah dalam Bahasa Model (Melayu)

Hubungan kepada Ego	Istilah Rujukan (Bahasa Melayu)	Istilah Panggilan (Bahasa Melayu)
ibu kepadaibu/bapa	Nenek	nenek
bapa kepada ibu/bapa	Datuk	(d)atok
saudara (lk/pr) atau adik-beradik nenek/datuk dari sebelah ibu dan sebelah bapa	saudara/adik-beradik nenek/datuk	(1) nek + (GUK) +ND (pr) (2) tok + (GUK) + ND (pr)
saudara (lk/pr) atau adik-beradik ibu/bapa	saudara/adik-beradik ibu atau adik-beradik bapa (mak/pak cik)	(1) pak cik + GUK (lk) (2) mak cik + GUK (lk)

Jadual 5.6: (Sambungan)

anak (lk/pr) saudara (lk/pr)/adik-beradik ibu dan anak (lk/pr) saudara/adik-beradik bapa	(1) saudara sepupu (lk/pr) (2) petunggalan (lk/pr)	(1) kak (pr) / bang (lk) + ND/ GUK (apabila usia lebih tua) (2) ND (apabila usia sebaya/ lebih muda)
anak (lk/pr) saudara (lk/pr) (anak adik, anak abang/ kakak)	kemenakan (lk/pr)	ND
anak (lk/pr) daripada anak (lk/pr)	Cucu	(1) ND (2) panggilan kesayangan

Daripada senarai dalam jadual 5.6 di atas diketahui bahawa dalam hubungan keluarga luas berlaku hubungan antara cucu dengan datuk/nenek atau antara orang yang segenerasi dengan cucu dengan orang yang segenerasi datuk/nenek dan sebaliknya. Hubungan lainnya ialah antara kemenakan dengan paman (*pak cik*) atau bibi (*mak cik*) dan sebaliknya, serta hubungan antara saudara sepupu, dua pupu, tiga pupu dan seterusnya. Adapun bentuk rujukan atau bentuk panggilan yang wujud dalam keluarga luas daripada komuniti Melayu Sambas boleh disenaraikan dalam jadual berikut ini.

Jadual 5.7: Bentuk Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Keluarga Luas Tiga Generasi dari Dua Sisi (Antara Cucu dan Datuk/ Nenek)

Bentuk Hubungan	Rujukan BM	Rujukan BMS	Komunikasi Interpersonal Dua Hala (<i>dyadic</i>)	Panggilan BMS
cucu – datuk/ nenek sebelah bapa	(1) cucu – kakek/ datuk (2) cucu – nenek	(1) <i>cuccok – (nek)aki</i> (2) <i>cuccok – (nek)uwan</i>	cucu – datuk	(<i>nek</i>)aki
			cucu – nenek	(<i>nek</i>)uwan
			datuk/ nenek - cucu	(1) ND cucu (2) <i>Anong</i>
cucu – datuk/ nenek sebelah pihak ibu	cucu - kakek, datuk/ nenek	<i>cuccok – (nek)aki/ (nek)uwan</i>	cucu – datuk	(<i>nek</i>)aki
			cucu – nenek	(<i>nek</i>)uwan
			datuk/ nenek - cucu	(1) ND cucu (2) <i>Anong</i>

Dalam keluarga luas orang Melayu Sambas, atau orang Melayu pada umumnya, kedudukan ibu/bapa daripada ibu/bapa atau (nenek/datuk) ialah penting dan termasuk kerabat yang sangat dekat atau rapat dan sangat dihormati. Kepada ego (cucu), mereka berkedudukan sebagai nenek/datuk. Kata rujukan dan panggilan dalam bahasa Sambas untuk kedudukan mereka ialah '*nek aki*' (nenek laki-laki) dan '*nek uwan*' (nenek perempuan). Tidak terdapat bentuk rujukan dan panggilan yang berbeza untuk nenek/datuk daripada pihak bapa dengan pihak ibu. Ini membuktikan bahawa sistem kekeluargaan orang Melayu Sambas ialah dua sisi (*cognatic*), yang mana keluarga pihak bapa dan pihak ibu ialah sama penting.

Sebaliknya, kedudukan anak daripada anak ialah sebagai cucu. Kedua-duanya berada dalam jarak tiga peringkat generasi yang berlainan. Bagi seorang datuk/nenek, pada umumnya cucu merupakan kesayangan. Oleh itu, selain dengan panggilan nama diri, selalunya cucu mendapatkan panggilan kesayangan. Dalam bahasa Melayu Sambas panggilan kesayangan atau panggilan timangan itu ialah '*Anong*', khasnya kepada cucu yang masih kanak-kanak. Panggilan ini berlaku untuk cucu lelaki dan perempuan. Dalam hubungan cucu kepada datuk/nenek ini sistem panggilan sudah tentu tidak mungkin berlaku secara timbal balik.

Selain datuk/nenek langsung, saudara-saudara atau adik-beradik kepada datuk/nenek dari kedua-dua sisi juga merupakan keluarga dekat yang mesti dihormati. Mereka dipanggil '*nek aki (lk)* dan *nek uwan (pr)+GUK+(ND)*'. Panggilan dengan penambahan GUK atau ND yang bersangkutan ini secara jelas ialah untuk membezakan kedudukan datuk/nenek yang segaris dengan yang dari dua sisi.

Jadual 5.8: Bentuk Rujukan dan Panggilan untuk Keluarga Luas dalam Dua Generasi dengan Satu Jarak dari Dua Sisi (Antara Pak/Mak Cik dan Kemenakan)

Bentuk Hubungan	Rujukan BM	Rujukan BMS	Komunikasi Interpersonal Dua Hala (<i>dyadic</i>)	Panggilan BMS
kemenakan - pak / mak muda sebelah bapa	kemenakan – mak/pak cik	<i>anak buah/anak kemandakan – pak/mak tua’atau pak/mak mudé</i>	kemenakan - pak cik	Pak + GUK
			kemenakan kepada mak cik	Mak + GUK
			pak/mak cik – kemenakan	(1) <i>ND kemenakan</i> (2) <i>Anong</i>
kemenakan - pak / mak muda sebelah ibu	kemenakan – mak/pak cik	<i>anak buah; anak kemandakan – pak/mak tua’</i>	kemenakan - pak cik	Pak + GUK
			kemenakan - mak cik	Mak + GUK
			pak/mak cik – kemenakan	(1) <i>ND kemenakan</i> (2) <i>Anong</i>

Di samping hubungan cucu dengan datuk/nenek, dalam keluarga luas juga berlaku hubungan antara kemenakan dan pak/mak cik. Pak/mak cik ini ialah saudara atau adik-beradik kepada bapa dan ibu. Rujukan saudara tua atau muda ibu bapa dalam BMS ialah *mak/pak tua’*. Kedudukan mereka ialah lebih kurang sama dengan kedudukan ibu bapa, yang mesti dihormati dan dianggap sebagai anggota keluarga yang sangat rapat. Dalam kes tertentu, mereka boleh menggantikan peranan ibu bapa. Panggilan kepada mereka oleh ego (kemenakan) ialah ‘*pak/mak + GUK*’. Sebaliknya, panggilan mereka kepada kemenakan ialah dengan panggilan nama diri. Sudah tentu panggilan antara kedua-dua pihak tersebut juga tidak berlaku secara timbal balik. Ini juga disebabkan wujudnya hubungan kuasa pak/mak cik ke atas kemenakan.

Jadual 5.9: Bentuk Rujukan dan Panggilan untuk Keluarga Luas dalam Generasi yang Sama (Saudara Sepupu dan Dua Pupu dari Dua Sisi)

Bentuk Hubungan	Rujukan BM	Rujukan BMS	Komunikasi Interpersonal Dua Hala (<i>dyadic</i>)	Panggilan BMS
saudara sepupu/ dua pupu sebelah bapa	saudara sepupu (sepupu sekali)/ dua pupu (sepupu dua kali)	(1) berusia lebih tua: <i>abang/ kakak sepupu</i> (sekali/dua kali) (2) berusia lebih muda: <i>adik sepupu</i> (sekali/dua kali)	yang muda - yang lebih tua	bang/ kak + GUK
			(1) yang tua - yang lebih muda (2) antara yang sebaya	ND
saudara sepupu/ dua pupu sebelah ibu	saudara sepupu (sepupu sekali) atau saudara dua pupu (sepupu dua kali)	(1) berusia lebih tua: <i>abang/ kakak sepupu</i> (sekali/dua kali) (2) berusia lebih muda: <i>adik sepupu</i> (sekali/dua kali)	(1) yang muda - yang lebih tua	bang/ kak + GUK
			(1) yang tua - yang lebih muda (2) antara yang sebaya	ND

Bentuk panggilan yang wujud dalam hubungan keluarga pupu daripada kedua-dua pihak ibu atau bapa, tidak berlainan antara yang digunakan untuk panggilan saudara sepupu dengan saudara dua pupu dan seterusnya. Sistem panggilan itu sama dengan yang berlaku dalam hubungan saudara adik-beradik. Perbezaan yang ada hanyalah disebabkan oleh kelainan tingkat usia antara orang yang memanggil dan yang dipanggil. Kepada saudara sepupu yang lebih tua digunakan panggilan 'kak/bang' yang menandakan sama

ada ia laki-laki atau perempuan dan panggilan ini selalunya diikuti dengan GUK atau ND yang dipanggil (kak/bang + GUK). Panggilan ini juga tidak berlaku secara timbal balik. Sedangkan kepada yang sebaya atau yang lebih muda mereka hanya dipanggil dengan nama diri dan ini boleh berlaku secara timbal balik.

5.5 Sistem Rujukan dan Panggilan dalam Keluarga Semenda

Sebagaimana telah diterangkan, selain dalam hubungan pertalian darah, hubungan kekeluargaan boleh berlaku disebabkan oleh hubungan perkahwinan atau dalam bahasa Melayu ini dipanggil dengan keluarga semenda atau keluarga ipar. Keluarga semenda ini dikenal juga dengan sebutan keluarga dari pihak suami atau daripada pihak isteri. Contoh bentuk rujukan yang digunakan untuk merujuk hubungan keluarga ini antara lain ialah rujukan ibu mertua/bapa mertua, kakak/abang ipar, adik ipar, dan seterusnya. Jadual berikut ini menerangkan istilah atau bentuk-bentuk rujukan dan panggilan dalam bahasa Melayu yang berlaku dalam hubungan keluarga semenda.

Jadual 5.10: Istilah Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Keluarga Semenda dalam Bahasa Melayu

Hubungan kepada Ego	Istilah Rujukan (Bahasa Melayu)	Istilah Panggilan (Bahasa Melayu)
ibu kepada isteri	mak/ibu mertua	mengikut cara panggilan isteri pada ibu (<i>mak/ibu/mama/umi</i> , dll.)
bapa kepada isteri	ayah/bapa mertua	mengikut cara panggilan isteri pada bapa (<i>ayah</i> , <i>papa</i> , <i>abah</i> , dll.)

Jadual 5.10: (Sambungan)

nenek/datuk kepada isteri/suami	(1) nenek/datuk sebelah isteri (2) nenek/datuk sebelah suami	mengikut cara panggilan isteri/suami pada nenek/datuk (nenek/ datuk
saudara (lk/pr) atau adik- beradik kepada ibu bapa dari pihak isteri atau pihak suami	(1) mak/pak mude sebelah isteri (2) mak/pak mude sebelah suami)	mak/pak + (GUK)/ ND
saudara (lk/pr) atau adik-beradik isteri/suami	(1) kepada yang lebih tua: kakak/abang ipar (2) kepada yang lebih muda: adik ipar	(1) pada yang lebih tua: kak/bang + GUK/ NDi (2) pada yang lebih muda: ND
isteri/suami daripada anak	(anak) menantu (lk/pr)	ND
isteri/suami kepada kemenakan	kemenakan menantu (lk/pr)	ND
isteri/ suami daripada cucuk	cucu menantu	ND

Istilah rujukan dalam keluarga semenda pada amnya tidak digunakan langsung sebagai bentuk panggilan. Adapun bentuk panggilan yang wujud dalam keluarga semenda dalam kalangan orang Melayu ini ialah mengikut cara-cara pihak isteri/suami masing-masing memanggil orang yang dirujuk tersebut. Ini menegaskan bahawa bentuk rujukan dalam hubungan keluarga semenda selalunya tidak digunakan sebagai bentuk panggilan. Kewujudan bentuk-bentuk rujukan dan panggilan dalam hubungan keluarga semenda dalam komuniti bahasa Melayu Sambas akan disenaraikan dalam jadual di bawah ini.

Jadual 5.11: Bentuk Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Keluarga SemendaOrang Melayu Sambas

Bentuk Hubungan	Rujukan BM	Rujukan BMS	Komunikasi Interpersonal Dua Hala (<i>dyadic</i>)	Panggilan BMS
(anak) menantu (lk/pr) - ibu/bapa mertua	(anak) menantu - mak/ bapa (ayah) mertua	<i>minantu - umak/ayah mertuê</i>	menantu - mak/bapa mertua	mengikut cara panggilan isteri/suami. (1)pada ibu: <i>umak/ mamak/ ibu/ umi</i> (2)pada bapa: <i>ayah/ bapak/abah</i>
			mak/bapa mertua – menantu	ND
kemenakan menantu - mak/pak mude dari pihak isteri/suami	kemenakan menantu – mak/pak mude pihak isteri/suami	<i>kemanakan minantu – mak/pak mudê pihak isteri/suami</i>	kemenakan menantu - mak/pak mude pihak isteri	mengikut cara panggilan isteri pada mak/pak mude (1) pada mak mude: <i>mak + GUK</i> (2) pada pak mude: <i>pak + GUK</i>
			kemenakan menantu - mak/pak mude pihak suami	mengikut cara panggilan suamipada mak/pak mude (1) pada mak mude: <i>mak + GUK</i> (2) pada pak mude: <i>pak + GUK</i>
cucu menantu - nenek/datuk dari pihak isteri/suami	cucu menantu – nenek/datuk dari pihak isteri/suami	<i>cuccok minantu – nek (uwan/aki) dari pihak isteri/suami</i>	cucu menantu - nenek/datuk sebelah isteri/suami	mengikut cara panggilan isteri/suamipada nek uwan/ nek aki (<i>uwan/aki</i>)

Jadual 5.11: (Sambungan)

			nenek/datuk sebelah isteri/suami - cucu menantu	ND
saudara (adik-beradik) isteri	kakak (pr)/abang(lk) ipar; adik ipar	<i>kakak/abang ipar; adek ipar</i>	adik ipar - kakak/abang ipar	kak/bang + GUK (sesuai gelaran dari pihak isteri)
			kakak/abang - kepada adik ipar	ND
saudara (adik-beradik) suami	kakak (lk)/abang (pr) ipar; adik ipar	<i>kakak/abang ipar; adek ipar</i>	adik ipar - kakak/abang ipar	kak/bang + GUK (sesuai gelaran dari pihak suami)
			kakak/abang ipar - adik ipar	nama diri

Bentuk rujukan dan panggilan yang wujud dalam keluarga semenda dalam komuniti bahasa Melayu Sambas tidak jauh berbeza dengan keluarga Melayu lain. Bentuk panggilan kepada keluarga ipar atau keluarga daripada pihak isteri atau suami pada amnya ialah mengikut cara-cara isteri/suami itu memanggil orang yang dirujuk tersebut. Hal ini berlaku mulai dari cara isteri/suami memanggil orang yang berhubungan keluarga sangat rapat. Contohnya, apabila isteri memanggil ibu bapanya dengan panggilan ‘umak – ayah’, maka suami akan memanggil dengan cara yang sama kepada ibu bapa mertuanya. Demikian pula panggilan kepada saudara atau adik-beradik si isteri ialah mengikut cara isteri memanggil mereka. Sebaliknya, isteri akan memanggil ibu mertuanya mengikut cara suami memanggil ibunya. Cara yang demikian ini berlaku sama untuk memanggil rujukan anggota keluarga semenda yang lain. Ketiadaan perbezaan cara-cara memanggil keluarga semenda oleh pihak suami atau isteri telah membuktikan semula sistem kekeluargaan orang Melayu sambas yang menganggap keluarga dari nisab ayah atau nisab ibu ialah sama penting.

5.5.1 Kaedah Pemilihan Bentuk Panggilan dalam Hubungan Kekeluargaan

Dalam bab-bab terdahulu telah diterangkan bahawa terdapat kaedah atau peraturan tertentu dalam sistem rujukan dan panggilan dalam setiap bahasa. Berkaitan ini, Ervin-Tripp (1972) telah mengenalkan kaedah atau peraturan alternasi (*alternation*) dan peraturan kejadian bersama (*co-occurrence*). Sebelum itu, telah pula diterangkan bahawa dalam bahasa Inggeris Amerika berlaku sistem panggilan mengikut kaedah pertukaran timbal balik (*mutual exchange* atau *mutual reciprocity*) dalam hubungan kesetiakawanan (*solidarity*) dan kaedah yang tidak timbal balik (*non-reciprocal*) dalam hubungan kuasa (*power*) Brown and Gillman (dalam Fasold, 1996) dan Brown dan Ford (1966).

Bagi hubungan kuasa pada khususnya, dalam sistem kekeluargaan komuniti Melayu Sambas hubungan ini boleh ditandakan oleh perbezaan tingkat generasi dan tingkat usia, sebagaimana hubungan ibu bapa dengan anak, hubungan kakak atau abang dengan adik. Hubungan paman (mak/pak cik) dengan kemenakan atau anak buah, nenek/datuk dengancucu mempunyai hubungan kuasa. Dalam hubungan ini sistem panggilan tidak berlaku secara timbal balik (*non-reciprocal*).

Penanda peringkat generasi dan usia ini boleh terpecah menjadi beberapa golongan. Pertama ialah mereka yang berada di peringkat satu generasi (ibu bapa) dan yang di peringkat dua generasi di atas (nenek/datuk). Sebagai contoh, panggilan dengan *pak/mak* diikuti dengan GUK menandakan bahawa orang yang dipanggil itu ialah orang yang berkedudukan segenerasi dengan ibu bapa daripada orang yang memanggil. Panggilan *nek aki/uwan* yang diikuti oleh GUK selalunya menandakan bahawa orang yang dipanggil itu ialah orang yang berkedudukan segenerasi datuk/nenek daripada orang yang memanggil. Adapun panggilan *Bang/Kak* merupakan penanda usia lebih tua antara hubungan keluarga atau saudara yang segenerasi, iaitu antara adik-beradik atau antara

saudara sepupu, dua pupu dan seterusnya. Panggilan ini kerap diikuti oleh GUK. Sebaliknya, orang dengan rujukan dan panggilan ini selalunya memanggil pihak lain dengan panggilan 'ND orang yang dipanggil'.

Dalam sistem panggilan antara orang yang berada dalam peringkat generasi yang berbeza berlaku kaedah panggilan yang tidak timbal balik (*non-reciprocal*). Ini menunjukkan wujudnya hubungan kuasa, yakni antara kedua-dua pihak yang berkomunikasi itu mempunyai kedudukan dan peranan yang berbeza pula. Dalam pada itu, dalam hubungan kesetiakawanan berlaku kaedah pertukaran timbal balik. Dalam hubungan ini digunakan panggilan dengan 'ND yang bersangkutan'. Ini berlaku bagi orang yang berada dalam satu generasi yang sama dan berusia sebaya, misalnya panggilan antara sesama saudara sepupu atau dua pupu.

Sistem panggilan dengan peraturan alternasi juga berlaku dalam hubungan kekeluargaan komuniti bahasa Melayu Sambas ini, sebagaimana yang berlaku dalam sistem panggilan dalam komuniti Melayu pada umumnya. Dalam peraturan ini berlangsung suatu proses, iaitu sebelum memanggil atau menyapa seseorang, orang yang menyapa hendaklah memerhatikan beberapa perkara penting, antaranya ialah mengenal pasti ciri orang yang disapa; mengenal pasti unsur yang mencirikan perhubungan antara kedua-duanya; serta mengenal pasti sifat suasana yang menjadi latar belakangnya (Amat Juhari Moain, 1989, p.163).

Dalam konteks hubungan kekeluargaan ini, bagi memanggil seseorang, orang itu mesti menyedari siapa orang yang dipanggil atau disapa itu, dalam hubungan apa serta bagaimana suasana latar belakangnya. Sebagai contoh, dalam hubungan keluarga luas, sebelum menyapa atau memanggil seseorang, orang yang hendak memanggil atau


menyapa itu (ego) akan mengenal pasti keberadaan peringkat generasi daripada orang yang dipanggil itu, sama ada ia orang yang segenerasi, satu atau dua tingkat di atas ataupun satu atau dua tingkat di bawah. Bagi orang yang berkedudukan dalam satu atau dua generasi di atas, seterusnya ego mesti mengenal pasti ciri-ciri gender dan GUK yang ada pada orang itu. Sedangkan bagi orang yang berada dalam satu generasi, ciri-ciri yang perlu dikenal pasti ialah usia, gender dan GUK yang ada pada orang itu. Adapun bagi orang yang berkedudukan generasi di bawah, ego hanya perlu mengenal pasti ND orang itu.

Dengan perkataan lain, sebelum menyapa atau memanggil seseorang yang berada dalam hubungan keluarga, orang itu (ego) mesti mengenal pasti beberapa penanda atau ciri yang ada pada orang yang dipanggil itu, sehingga ia boleh mengetahui bentuk rujukan yang sesuai kepada orang itu. Setelah menyedari penanda rujukan yang wujud, baru kemudian dia akan menentukan bentuk panggilan yang sepatutnya digunakan.

Selain ciri dan fitur penanda tingkat generasi, usia dan gender, urutan kelahiran merupakan penanda atau ciri yang khas dalam hubungan kekeluargaan orang Melayu Sambas. Sebab itu wujud gelaran urutan kelahiran (GUK) pada tiap-tiap orang dalam keluarga itu. Kemudian GUK ini wujud sebagai kedudukan khusus orang yang bersangkutan dalam keluarga itu. Sebagaimana telah pula diterangkan, dalam keluarga orang Melayu Sambas terdapat GUK yang bersifat statik, iaitu bagi urutan kelahiran pertama '*along*', urutan kedua '*angah*', urutan ketiga '*ude*' dan urutan terakhir atau bungsu ialah '*usu*'. Sedangkan urutan yang lain ialah mengikut ciri fizikal yang ada pada orang itu yang disepakati oleh keluarga yang bersangkutan secara sewenang-wenang. Seterusnya, dengan mengikut model Ervin-Tripp sistem pemilihan tersebut akan digambarkan melalui carta alir berikut.

5.5.2 Kaedah Pemilihan Bentuk Panggilan dalam Hubungan Keluarga Asas

Kaedah pemilihan bentuk panggilan berlaku dalam hubungan keluarga luas boleh digambarkan melalui carta alir 5.1 berikut ini. Namun begitu, sebelum dihuraikan bagaimana carta alir ini boleh menjelaskan kaedah pemilihan bentuk panggilan berlaku dalam hubungan keluarga asas perlu dijelaskan tanda yang wujud dalam carta alir tersebut. Seterusnya, keterangan tanda ini berlaku sama bagi semua carta alir yang digambarkan dalam bab ini.



Carta Alir 5.1: Sistem Panggilan dalam Keluarga Asas

Keterangan:

Tanda  wajik: menunjukkan kedudukan atau status hubungan.

Tanda positif (+) : menunjukkan pilihan hubungan orang yang akan dipanggil/disapa.

Tanda negatif (-) : menunjukkan pilihan hubungan lain selain daripada pilihan yang wujud dalam tanda (+).

Tanda garis (tegak/ melintang): menunjukkan aliran pilihan orang yang akan dipanggil atau disapa.

Daripada gambaran yang didapati daripada carta alir 5.1 di atas diketahui bahawa sistem panggilan yang berlaku dalam keluarga asas masih sangat sederhana, iaitu bermula daripada kewujudan hubungan antara suami dan isteri, kemudian hubungan kepada ibu bapa. Bentuk panggilan untuk kedua-duanya dibezakan oleh penanda gender. Pilihan hubungan seterusnya ialah hubungan saudara atau adik-beradik. Untuk menentukan bentuk panggilan dalam hubungan ini perlu dikenalpasti kedudukan atau urutan kelahiran saudara tersebut, sama ada ia saudara tua (abang/kakak) atau saudara muda (adik).

Untuk saudara tua, masih perlu dibezakan sama ada ia saudara tua laki-laki atau perempuan baru kemudian boleh ditetapkan panggilan yang mana satu patut digunakan. Panggilan *bang* ialah untuk yang lelaki dan *kak* untuk perempuan. Kedua-dua panggilan ini selalunya diikuti oleh GUK. Untuk panggilan kepada saudara yang lebih muda ialah langsung dengan ND orang itu. Hubungan lain dalam keluarga asas ialah hubungan ibu bapa kepada anak. Bentuk panggilan kepada anak ialah dengan nama diri. Khas kepada anak yang masih kanak-kanak selalunya berlaku panggilan kesayangan. Panggilan kesayangan ini juga wujud dalam situasi tertentu atau mengikut suasana fikiran penutur (*mood*). Dalam pada itu, diketahui bahawa tidak berlaku kaedah panggilan yang bersifat timbal balik dalam keluarga asas ini kerana tiap-tiap anggota keluarga tersebut mempunyai kedudukan dan peranan yang berbeza satu dengan yang lain sehingga masing-masing mempunyai rujukan yang tersendiri.

5.5.3 Kaedah Pemilihan Bentuk Panggilan dalam Hubungan Keluarga Luas

Berikut ialah gambaran mengenai sistem pemilihan bentuk panggilan dalam hubungan keluarga luas. Sebagaimana telah diuraikan, dalam keluarga luas terdapat istilah rujukan seperti nenek datuk, mak/pak cik, sepupu/dua pupu, anak buah/kemenakan dan cucu. Istilah tersebut menentukan bentuk panggilan yang wujud dalam hubungan keluarga luas.

Sistem kekeluargaan luas lebih rumit berbanding dengan keluarga asas. Oleh itu, sistem rujukan yang wujud dalam keluarga luas juga lebih rumit berbanding dengan keluarga asas. Selari dengan itu, sistem panggilan yang wujud dalam keluarga luas ini sedikit lebih rumit pula. Berkenaan dengan kaedah alternasi, ada beberapa penanda yang mesti dikenal pasti oleh seorang anggota keluarga dalam menentukan bentuk panggilan yang sepatutnya. Sebelum menentukan bentuk panggilan, seseorang yang hendak menyapa atau memanggil mesti mengenal pasti sama ada orang yang disapa itu berkedudukan segenerasi dengannya, segenerasi dengan ibu bapa ataupun segenerasi dengan nenek datuknya. Apabila ia segenerasi, seterusnya ialah memperhatikan perbezaan usia dan gender antara orang yang segenerasi itu baru kemudian boleh menentukan bentuk panggilan yang sesuai. Seterusnya, apabila orang itu lebih tua, maka selanjutnya ialah mengenal pasti ciri urutan kelahiran daripada orang itu.


Seterusnya, apabila orang yang disapa itu segenerasi dengan ibu bapa atau nenek datuk, panggilan bermula dengan bentuk panggilan yang merujuk pada kedudukan generasi tersebut. Bersamaan itu, orang yang menyapa itu mesti mengenal pasti ciri-ciri gender dan GUK yang ada pada orang itu. Dengan demikian, bentuk sapaan yang wujud

dalam keluarga luas ini ditentukan oleh kedudukan dalam tingkat generasi, perbezaan tingkat usia, gender serta urutan kelahiran, sebagaimana tergambar dalam carta alir 5.2.


5.5.4 Kaedah Pemilihan Bentuk Panggilan dalam Hubungan Keluarga Semenda

Dalam hubungan keluarga semenda dikenal pula sistem panggilan yang berlaku sama dengan sistem panggilan yang berlaku dalam keluarga sedarah. Untuk memanggil atau menyapa keluarga pihak isteri, suami selalunya menggunakan bentuk panggilan yang digunakan oleh si isteri, begitu pula sebaliknya.

Proses aliran pilihan bentuk panggilan yang berlangsung dalam hubungan kekeluargaan semenda ini tergambar dalam carta alir 5.3 di bawa ini. Adapun tanda yang mesti dikenal pasti ialah perbezaan tingkat generasi, tingkat usia dan juga gender. Pilihan bentuk panggilan yang berlaku dalam konteks hubungan ini juga menunjukkan berlakunya kaedah tidak timbal balik. Selain itu, bentuk rujukan yang wujud tidak terus digunakan sebagai bentuk panggilan. Contohnya rujukan '*umak mertue*' tidak boleh terus menjadi bentuk panggilan. Demikian pula dengan rujukan '*kakak ipar*' tidak terus digunakan sebagai bentuk panggilan. Adapun sistem panggilan yang berlaku, yakni mengikut sebagaimana yang berlaku dalam hubungan keluarga sedarah.



Carta Alir 5.2: Sistem Panggilan dalam Keluarga Luas



Carta Alir 5.3: Sistem Panggilan dalam Keluarga Semenda

5.6 Sistem Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Sosial yang Intim

Dalam kalangan orang Melayu Sambas, hubungan kekeluargaan yang demikian ini selalunya wujud antara orang yang tinggal berdekatan dalam satu kawasan kejiranan, baik di kampung mahupun di kota. Selain itu, hubungan sosial semacam ini boleh wujud antara orang yang selalunya menghabiskan waktu bersama dalam kegiatan sehari-hari mereka, contohnya antara rakan kerja atau rakan usaha/berniaga serta rakan sekolah. Kerapatan hubungan antara mereka itu bahkan kerap melebihi kerapatan hubungan keluarga sedarah. Oleh itu, bentuk-bentuk panggilan yang wujud antara mereka itu

sebahagian dicoraki oleh bentuk-bentuk panggilan yang wujud dalam hubungan kekeluargaan sedarah, sebagaimana diterangkan berikut ini.

5.6.1 Sistem Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Kejiranan

Hubungan sosial yang intim dalam kalangan orang Sambas terlihat dalam hubungan kejiranan. Orang yang tinggal berjiranan, utamanya yang berjiran dekat selalunya saling berkomunikasi dan berkongsi berbagai urusan. Mereka tidak hanya terdiri daripada satu kaum melainkan dari beberapa kaum yang berlainan. Namun begitu demikian, mereka sentiasa mengamalkan perhubungan baik satu dengan yang lain termasuk dalam cara berkomunikasi. Terdapat beberapa bentuk rujukan dan panggilan yang lazim berlaku antara orang yang terikat dalam hubungan ini, sebagaimana tercantum dalam jadual berikut ini.

Jadual 5.12: Bentuk Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Kejiranan

Bentuk Hubungan	Komunikasi Interpersonal Dua Hala (<i>dyadic</i>)	Panggilan BMS
sesama orang dewasa satu generasi	antara sesama lelaki yang seusia (sebaya)	(1) ND, GUK+(ND) (2) pak+ND
	kepada lelaki yang lebih tua	(1) GUK+(ND) (2) pak+ND
	kepada lelaki yang lebih muda	ND, pak+ND
	antara sesama perempuan yang seusia (sebaya)	(1) ND, GUK+(ND) (2) bu+ND (3) mamak + ND anak sulung (bagi perempuan yang telah mempunyai anak)
	kepada perempuan lebih tua	(1) GUK+(ND) (2) bu+ND
	kepada perempuan yang lebih muda	ND, bu+ND

Jadual 5.1: (Sambungan)

antara sesama orang dewasa yang berbeza generasi	kepada orang yang segenerasi ibu/bapa	(1) (mak/pak) +GUK (2) bu/pak+ND
	kepada orang yang segenerasi nenek/datuk.	wan/aki+(GUK+ND)
	kepada orang yang segenerasi anak	ND
sesama orang muda atau remaja	sesama lelaki dan sesama perempuan atau antara keduanya yang sebaya	ND, gelaran julukan
	pada yang lebih tua (lk/pr)	kak/bang+(ND/GUK)
antara orang (remaja) dengan orang dewasa yang berbeza generasi	pada orang yang segenerasi ibu/bapa	(1) mak/pak + GUK + (ND) (2) pak/ Buk +ND (3) pak/Bu + Gelar Status
	pada orang yang segenerasi nenek/datuk	(1) Nek Wan/ Nek Aki+(GUK+ND) (2) Pak/Buk + ND (3) Pak/Buk + Gelar Status
	pada remaja/ kanak-kanak	(1) ND (2) Panggilan kesayangan

Daripada senarai bentuk panggilan yang tercantum dalam jadual di atas didapati bahawa sekurang-kurangnya ada empat kategori hubungan yang berlaku dalam hubungan kejiwaan, iaitu (1) hubungan sesama orang dewasa dalam satu generasi; (2) hubungan antara sesama orang dewasa yang berbeza generasi; (3) sesama orang muda atau remaja; dan (4) antara orang muda (remaja) dengan orang dewasa (berbeza generasi).

Adapun antara sesama orang dewasa dalam satu generasi boleh terpecah lagi hubungan dua hala dengan mengambil kira ciri-ciri usia dan gender. Oleh itu, didapati beberapa variasi bentuk panggilan yang wujud dalam hubungan itu. Contohnya, antara sesama lelaki yang seusia (sebaya) terdapat bentuk panggilan, iaitu 'ND orang yang dipanggil'; 'GUK+(ND)'; dan 'Pak+ND'. Sedangkan kepada seorang lelaki yang lebih

tua digunakan panggilan dengan ‘GUK+(ND)’ atau Pak+ND. Sementara itu, kepada seorang lelaki yang lebih muda boleh digunakan panggilan ‘ND orang itu’ atau dengan panggilan ‘pak+ND orang yang dipanggil’. Adapun penggunaan panggilan ‘Pak+ND orang yang dipanggil selalunya menandakan hubungan yang lebih berjarak antara orang yang dipanggil dengan yang memanggil berbanding dengan penggunaan ‘GUK+ND’. Panggilan dengan ‘ND’ saja selalunya menandakan hubungan yang sangat rapat atau intim.

Dalam pada itu, panggilan antara sesama jiran perempuan dewasa dan sebaya terdapat bentuk-bentuk panggilan yang lebih bervariasi berbanding dengan yang wujud antara sesama jiran lelaki dewasa. Antara sesama jiran perempuan dewasa yang sebaya boleh digunakan beberapa pilihan bentuk panggilan, antara lain: ‘ND orang yang dipanggil’; ‘GUK+(ND)’; ‘Bu+ND orang yang dipanggil’; ‘mamak + ND anak sulung’ (khususnya bagi perempuan yang mempunyai anak). Penggunaan panggilan dengan ‘Bu+ND orang yang dipanggil’ dalam hubungan ini selalunya menunjukkan hubungan yang lebih berjarak antara orang yang dipanggil dengan yang memanggil berbanding dengan pilihan penggunaan bentuk panggilan yang lain. Sementara itu, panggilan dengan ‘mamak+ND anak sulung’ daripada orang yang dipanggil juga kerap digunakan untuk memanggil jiran perempuan yang sudah mempunyai anak, sama ada yang sebaya, lebih tua ataupun lebih muda. Adapun panggilan yang wujud dalam bentuk ‘ND orang yang dipanggil’ biasanya berlaku untuk memanggil orang yang sebaya atau yang berusia lebih muda, khususnya apabila antara kedua-dua pihak, yang memanggil dan dipanggil mempunyai hubungan yang amat intim. Selain itu, panggilan ‘Dek+ND orang yang dipanggil juga boleh berlaku untuk memanggil orang yang lebih muda. Panggilan ini selalunya menunjukkan hubungan yang lebih berjarak dan lebih kehormat bagi orang yang dipanggil berbanding dengan hanya dengan panggilan ND saja.

Panggilan yang berlaku antara jiran dewasa yang berbeza generasi ialah dengan melihat ciri-ciri peringkat generasi dan gender. Bagi orang yang berkedudukan segenerasi ibu bapa panggilan itu wujud dalam bentuk ‘(Mak/Pak)+GUK orang yang dipanggil’; BU/Pak+ND orang yang dipanggil’; ‘BU/Pak+Gelaran/Rujukan Status Sosial’ yang ada pada orang itu. Sedangkan kepada orang yang segenerasi nenek/datuk digunakan panggilan ‘(Nek Wan/Nek Ki+(GUK+ND)’; BU/Pak+ND orang yang dipanggil’; atau dengan panggilan ‘BU/Pak+Gelaran/Rujukan Status Sosial’ yang ada pada orang itu. Panggilan dengan “ND” orang yang bersangkutan hanya digunakan kepada orang yang berkedudukan dalam generasi di bawah atau yang segenerasi anak atau cucu.

Sementara itu, bentuk panggilan yang berlaku sesama orang muda atau remaja sebaya yang berjiran selalunya digunakan panggilan dalam bentuk ND orang yang dipanggil, gelaran intim atau julukan. Panggilan dengan gelaran atau julukan yang khas ini hanya wujud dalam hubungan antara anak muda, khusus antara sesama lelaki. Panggilan ini menunjukkan bentuk hubungan yang amat intim antara mereka. Seterusnya, apabila antara orang muda itu berlainan usia, kepada yang lebih tua digunakan panggilan dengan penanda usia dan gender, iaitu ‘Kak/Bang+(ND/GUK) orang yang dipanggil. Sedangkan kepada yang berusia lebih muda selalunya hanya digunakan panggilan dengan ND orang yang bersangkutan saja.

5.6.2 Kaedah Pemilihan Bentuk Panggilan dalam Hubungan Kejiranan

Pilihan bentuk panggilan yang wujud antara orang yang berada dalam hubungan kejiranan mesti diawali dengan mengenalpasti sama ada orang yang dipanggil itu seusia atau sesama tingkat generasi. Apabila identiti ini yang wujud, maka hubungan itu diibaratkan hubungan sesama adik-beradik atau saudara pupu. Seterusnya apabila orang itu dikenal pasti seusia atau setingkat generasi ibu/bapa, maka ia digolongkan sebagai saudara atau adik-beradik ibu bapa. Demikian pula, apabila ia digolongkan dalam generasi nenek/datuk, ia dianggap sebagai adik-beradik nenek/datuk. Oleh itu, ialah suatu hal yang lazim mendapatkan bentuk panggilan istilah kekeluargaan atau GUK kepada orang yang berdiam di sekitaran meskipun mereka tidak mempunyai ikatan pertalian darah langsung. Contohnya, panggilan ‘Wan’ atau ‘Aki’ untuk memanggil jiran yang seusia atau segenerasi nenek/datuk dan panggilan ‘(Mak/Pak) Long, Itam, Ning’ dan sebagainya yang kemudian diikuti oleh ND orang yang bersangkutan ialah berlaku untuk memanggil jiran yang segenerasi ibu/bapa.

Walau bagaimanapun, sistem panggilan dengan istilah kekeluargaan dalam hubungan kejiranan ini tidak berlaku menyeluruh bagi tiap-tiap perseorangan. Dengan lain perkataan, terdapat variasi pilihan penggunaan bentuk panggilan itu mengikut minat perseorangan. Walau bagaimanapun, pilihan itu selalunya mengambil kira ciri-ciri hubungan, sama ada antara sesama kaum (orang Sambas) atau di luar kaum dan ciri-ciri jarak hubungan dan status sosial orang yang dipanggil. Sebagai contoh, bagi orang yang memiliki status sosial tertentu berkenaan dengan pekerjaan seumpama guru, jururawat (*nurse*), bidan (*midwife*), polis, penghulu nikah (*kadhi*) dan pegawai negeri (pemerintahan) lainnya selalunya dipanggil dengan Pak/Bu+ND atau dengan disertakan oleh gelar profesion atau kedudukan yang bersangkutan misalnya ‘*Pak Penghulu*’, ‘*Bu*

Bidan’, ‘*Pak Pung*’ (Kepala Kampung) atau ‘*Pak Kades*’ (Kepala Desa). Untuk orang yang sudah berhaji selalunya panggilan disertakan dengan panggilan ‘Haji’ atau ‘Hajjah’ contohnya ‘Long Haji’ atau ‘Pak/Bu Haji+ND’. Panggilan ‘Pak/Buk + ND’ selalunya digunakan kepada orang di luar kaum atau bukan orang Sambas.


Adapun bagi sesama kaum penggunaan panggilan itu tidak mesti menggunakan bentuk panggilan dengan ciri-ciri sesama kaum (*in-group*) seperti dengan jenama kekeluargaan atau GUK tetapi perlu juga dengan mengenal pasti ciri-ciri status sosial yang ada pada orang itu. Sebab perwujudan panggilan dengan rujukan status sosial ini merupakan panggilan kehormat yang dianggap lebih layak digunakan untuk memanggil orang dengan rujukan atau status sosial dimaksudkan, sebagaimana status yang telah disebutkan di atas. Antara sesama orang yang memiliki status sosial ini selalunya berlaku panggilan secara timbal balik.

Di samping itu, pilihan panggilan juga boleh bersifat perseorangan. Maknanya, setiap orang boleh mempunyai minat dan pemikiran tersendiri. Hal ini boleh jadi disebabkan oleh asal usul, dan pengalaman orang yang bersangkutan. Sebagai contoh ialah wujud panggilan dengan rujukan ‘(u)mak/mamak + ND anak sulung’ kepada jiran perempuan yang telah mempunyai anak. Contohnya ‘Mamak Tia’ atau ‘Mamak Reza’. Cara memanggil yang demikian ini lazim berlaku antara jiran perempuan dewasa yang telah menikah dan mempunyai anak, sama ada antara sesama kaum orang Melayu Sambas ataupun antara yang berlainan asal usul kaum .

Kepada orang yang segenerasi tetapi berusia lebih muda selalunya digunakan panggilan dengan ND atau dengan panggilan ‘dek’ (adik). Demikian pula kepada orang yang segenerasi dengan anak atau cucu juga digunakan ND yang bersangkutan. Dengan

demikian, panggilan antara orang yang berbeza usia dan berbeza tingkat generasi tidak berlaku panggilan secara timbal balik kerana berlakunya hubungan kuasa antara yang tua kepada yang lebih muda atau kepada yang berada dalam generasi di bawah. Sebaliknya, panggilan kepada yang lebih tua atau mereka yang berada dalam generasi di atas dengan jenama kekeluargaan dan GUK serta gelaran profesion dan rujukan kedudukan merupakan wujud bentuk penghormatan. Walau bagaimanapun, panggilan yang menyertakan GUK menunjukkan hubungan yang lebih rapat berbanding dengan panggilan yang menyertakan gelaran atau rujukan status atau profesion. Selengkapnya, bagaimana sistem panggilan atau kaedah pemilihan bentuk panggilan itu berlaku dalam hubungan kejiwaan boleh dilihat dalam carta alir 5.4.

Carta Alir 5.4: Sistem Panggilan dalam Hubungan Kejiranan



5.6.3 Sistem Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Rakan

Disebabkan menghabiskan waktu bersama-sama dalam kegiatan sehari-hari membuat orang merasa bahawa mereka memiliki kesamaan kepentingan dan tujuan dan ikatan emosional. Perasaan semacam ini bukan hanya berlaku bagi orang yang berada dalam ikatan hubungan kekeluargaan tetapi juga berlaku antara sesama rakan, sesama jiran dan orang yang berada dalam ikatan hubungan sosial yang intim lain. Ikatan hubungan yang demikian berlangsung antara lain disebabkan oleh ikatan pekerjaan, ikatan perniagaan dan sebagainya serta ikatan dalam kelompok sosial lainnya. Hubungan pekerjaan ini selalunya berlangsung antara orang yang memiliki kesamaan profesion. Sebagai contoh, rakan guru, rakan polis dan tentera, rakan pegawai pemerintah dalam pejabat yang sama. Ikatan rakan perniagaan dan usaha lain, contohnya ialah sesama petani, nelayan dan sebagainya. Contoh rakan dalam kelompok sosial lainnya ialah rakan antara kanak-kanak dan remaja sebagai rakan sekolah, rakan bermain, rakan dalam organisasi atau perkumpulan pemuda lainnya. Dalam hubungan sosial yang demikian ini selalunya juga wujud penggunaan bentuk panggilan tertentu antara orang yang terlibat dalam hubungan tersebut. Bentuk-bentuk panggilan yang wujud dalam hubungan rakan ini tergambar dalam jadual 5.13.

Jadual 5.13: Istilah Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Rakan

Bentuk Hubungan	Antara Perseorangan Secara Dua Hala (<i>dyadic</i>)	Panggilan BMS
Sesama usia sebaya dewasa	kepada lelaki	(1) ND (2) Pak+ND
	kepada perempuan	(1) ND (2) Bu+ND
sesama usia remaja	kepada lelaki	(1) ND (2) Gelaran khusus/ julukan intim
	kepada perempuan	(3) ND

Jadual 5.13: (Sambungan)

antara rakan dewasa berbeza usia	kepada lelaki yang lebih tua	(1) Bang + ND (2) Pak +ND (3) GUK + ND
	kepada lelaki yang lebih muda	(1) ND (2) Pak + ND
	kepada perempuan yang lebih tua	(1) Kak + ND (2) Bu + ND (3) GUK + ND

Dalam hubungan rakan didapati bahawa variasi bentuk panggilan ialah berhubung kait dengan golongan usia atau generasi, sama ada sesama orang dewasa atau sesama anak muda atau remaja. Selain itu, antara sesama golongan tersebut, bentuk panggilan juga dipilih dengan mengambil kira ciri-ciri perbezaan usia dan gender serta jarak hubungan. Antara sesama rakan orang dewasa dan sesama orang muda panggilan dengan 'ND orang yang dipanggil' menunjukkan hubungan yang sebaya dan amat rapat. Panggilan ini berlaku sama ada antara sesama rakan orang dewasa ataupun sesama orang muda. Sedangkan apabila digunakan panggilan dengan penanda usia dan gender seperti 'Bang/Kak+ND (GUK)'; 'GUK+ND'; atau 'Dek+(ND)', bermakna masih terdapat jarak hubungan antara yang memanggil dan yang dipanggil disebabkan perbezaan usia antara mereka. Adapun penggunaan 'Pak/Bu+ND orang yang dipanggil' selalunya berlaku antara sesama rakan orang dewasa dan panggilan itu menunjukkan wujudnya jarak antara mereka dan selalunya wujud dalam hubungan yang bersifat formal. Sementara itu, panggilan dengan gelaran khusus atau julukan intim juga berlaku antara sesama rakan, khususnya antara sesama orang muda.

5.6.4 Sistem Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Jual Beli

Selain dalam hubungan rakan atau sahabat, sesama orang Sambas juga boleh berada dalam hubungan jual beli. Pasar-pasar tradisional yang ada di sekitaran kampung atau kota menjadi *setting* yang boleh menghadirkan orang dalam hubungan jual beli tersebut. Khusus di pasar-pasar kecil di kampung atau di kota kecamatan, setiap hari selalunya hanya ada peniaga yang sama dan hampir setiap hari dikunjungi oleh pembeli yang sama pula. Oleh itu, antara mereka ada yang sudah saling kenal baik, atau juga saling sekadar tahu ataupun belum saling kenal langsung. Dalam peristiwa komunikasi jual beli selalunya penjual dan pembeli mempunyai cara atau strategi tertentu dalam berkomunikasi sehingga masing-masing pihak boleh mencapai maksud yang diinginkan dalam peristiwa komunikasi berkenaan, termasuk dalam perkara menggunakan bentuk sapaan atau panggilan yang sesuai kepada satu sama lain.

Tawar-menawar antara penjual dan pembeli selalunya hanya berlaku di pasar tradisional. Dalam *setting* ini biasanya seorang penjual menerapkan strategi komunikasi untuk mengambil hati pembeli agar mahu membeli barangan yang dijual. Sebagaimana yang diperkatakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (1996) bahawa dalam urusan niaga yang melibatkan tawar-menawar, penjual dan pembeli selalunya menggunakan implikatur sebagai strategi untuk mencapai keinginan masing-masing dalam peristiwa tawar-menawar berkenaan. Implikatur dianggap sebagai satu kemahiran berbahasa dalam kalangan orang Melayu untuk mencapai cita-cita tertentu. Selain untuk menambat hati pembeli, penjual menggunakan implikatur dalam tawar-menawar untuk mempertahankan pemberian harga yang tinggi kepada penjual. Sementara itu, bagi pembeli penggunaan implikatur ini ialah untuk mendapatkan belas kasihan atau persetujuan daripada penjual untuk mendapatkan harga yang diminta.

Untuk mengambil perhatian daripada masing-masing pihak oleh penjual dan pembeli, penjual selalunya mahir menggunakan ungkapan yang menunjukkan situasi seolah-olah mereka sudah saling kenal dengan baik. Meskipun sesungguhnya tidak demikian adanya. Dalam kes ini, cara menyapa atau memanggil si pembeli kepada penjual atau sebaliknya boleh dianggap sebagai suatu strategi yang serupa dengan konsep implikatur seperti mana dimaksudkannya oleh Nor Hashimah Jalaluddin tersebut. Sebab lakuan tuturan berbentuk sapaan dan panggilan ini juga wujud dalam peristiwa jual beli itu.

Adapun bentuk panggilan yang wujud dalam hubungan jual beli dalam kalangan orang Sambas antara lain mengambil bentuk tertentu seperti mana disenaraikan dalam jadual seterusnya ini (jadual 5.14).

Jadual 5.14: Istilah Rujukan dan Panggilan dalam Hubungan Jual beli

Bentuk Hubungan	Antara Perseorangan Secara Dua Hala (<i>dyadic</i>)	Panggilan BMS
antara penjual dan pembeli dewasa yang saling kenal	kepada lelaki sebaya	(1) ND (2) Pak + ND, (3) GUK + ND
	kepada lelaki yang lebih tua	(1) Bang + ND (2) GUK + ND
	kepada lelaki yang lebih muda	(1) ND (2) Pak + ND
	kepada perempuan sebaya	(1) ND (2) Bu + ND
	kepada perempuan yang lebih tua	(1) Kak + ND (2) bu + ND (3) GUK + ND
	kepada perempuan yang lebih muda	(1) ND (2) Dek (3) Bu + ND

Jadual 5.14: (Sambungan)

antara penjual dan pembeli dewasa yang kurang atau tidak kenal	sesama lelaki sebaya atau lebih tua	(1) Pak (2) Long (3) Mak/Kak+Long
	sesama lelaki kepada yang lebih muda	(1) Dek (2) Bang (3) Pak
	sesama perempuan sebaya atau lebih tua	(1) Bu (2) Long
	Sesama perempuan kepada yang lebih muda	(1) Dek (2) Bu

Daripada senarai bentuk panggilan dalam jadual 5.13 dan 5.14 di atas diketahui bahawa dalam hubungan rakan dan jual beli terdapat beberapa jenis bentuk panggilan, iaitu panggilan ND, panggilan kehormat Pak/Bu+ND, panggilan dengan jenama kekeluargaan seperti 'Bang/Kak+ND'; 'Dek+(ND)' dan 'GUK+(ND)'. Bentuk panggilan itu digunakan sesuai dengan rujukan orang yang dipanggil tersebut dengan mengambil kira ciri-ciri perbezaan usia, gender, dan jarak hubungan.

Dalam hubungan jual beli, khususnya, ciri-ciri fizikal yang menunjukkan identiti sesama atau berlainan kaum juga menjadi pertimbangan untuk memilih bentuk panggilan tersebut selain ciri-ciri tersebut di atas. Adapun bentuk panggilan yang wujud dalam hubungan jual beli juga bervariasi, iaitu panggilan dengan rujukan kehormat (Pak/Bu); gelaran jenama kekeluargaan (Mak/Kak Long); jenama kekeluargaan yang merujuk pada perbezaan usia dan gender (Bang/Kak/dek); dan panggilan tertentu yang merujuk pada identiti suatu suku kaum. Sebagai contoh, kepada penjual atau pembeli yang berlatar belakang etnik keturunan Cina kerap digunakan panggilan berikut ini: '*Nya (Nyonya)*' kepada seorang perempuan dewasa, '*Ke (Tauke)*' kepada seorang lelaki dewasa; '*Moy*' (*Amoy*) kepada perempuan muda; dan '*Jang*' (*Bujang*) kepada seorang lelaki muda. Adapun variasi bentuk panggilan itu ialah dengan mengenal pasti jarak hubungan (kenal

tidak kenal), ciri-ciri identiti sesama atau bukan sesama kaum, ciri-ciri usia atau peringkat generasi dan ciri-ciri gender. Ciri-ciri tersebut selalunya cuba dikenal pasti oleh penutur (penjual dan pembeli) melalui ciri-ciri fizikal yang ada pada orang yang dipanggil itu serta ciri-ciri bahasa yang digunakannya semasa memulakan komunikasi.


5.7 Kaedah Pemilihan Panggilan dalam Hubungan Rakan dan Jual Beli

Sebagaimana telah diterangkan di atas, terdapat berbagai-bagai bentuk panggilan dalam hubungan rakan dan hubungan jual beli. Dalam hubungan rakan, pilihan bentuk panggilan itu pertama ditentukan oleh golongan usia, situasi jarak hubungan, dan tingkat keformalan. Selain itu, ditentukan pula oleh penanda lain seperti perbezaan usia dan gender. Sedangkan dalam hubungan jual beli, pilihan bentuk panggilan lebih dikesankan oleh jarak atau kerapatan hubungan dan ciri-ciri identiti latar belakang suku kaum di samping ciri-ciri fizikal lain seperti gender dan usia.

Adapun proses menentukan bentuk panggilan yang berlaku dalam hubungan rakan ialah melalui serangkaian pilihan, sebagaimana tergambar dalam carta alir 5.5 Pertama dimulai dengan penggolongan kelompok usia. Apabila sesama rakan orang dewasa, perkara pertama yang mesti dikenal pasti ialah ciri-ciri bentuk hubungan, sama ada itu hubungan formal atau berjarak atau hubungan yang sangat rapat atau intim. Bersamaan itu, penutur mesti mengenal pasti ciri-ciri perbezaan usia dan gender. Baru kemudian ia boleh menentukan pilihan bentuk panggilan yang semestinya boleh digunakan.

Seterusnya apabila hubungan rakan itu ialah sesama orang muda, maka ciri-ciri yang perlu diperhatikan ialah perbezaan usia antara orang yang dipanggil dengan yang

memanggil dan kemudian ciri-ciri gender. Perbezaan usia itu sendiri juga menunjukkan jarak hubungan antara rakan orang muda. Dengan mengenal pasti ciri-ciri tersebut baru kemudian bentuk panggilan itu boleh ditentukan. Gambaran aliran pilihan selengkapnya boleh dilihat dalam carta alir 5.5.



Carta Alir 5.5: Sistem Panggilan dalam Hubungan Rakan


Dalam pada itu, hampir serupa dengan hubungan rakan ini ialah hubungan jual beli. Pasar merupakan tempat transaksi jual beli yang boleh menghadirkan orang daripada berbagai-bagai suku kaum. Di pasar-pasar tradisional di kawasan kota-kota kecil semacam kota Kecamatan atau kota Kabupaten selalunya orang yang berbelanja ialah

terhad dan transaksi itu biasanya berlangsung terus menerus dalam waktu yang lama. Oleh itu, transaksi jual beli di pasar semacam ini boleh menyebabkan orang memiliki ikatan hubungan sosial yang intim. Orang yang membeli-belah di kedai yang sama secara terus menerus pada akhirnya akan menjadi kenalan atau yang biasa dipanggil *pelanggan* atau *langganan* bagi si penjual. Walau bagaimanapun, orang yang datang ke suatu pasar boleh jadi berasal dari mana-mana tempat dan asal usul.

Adapun rangkaian pilihan penggunaan panggilan untuk hubungan jual beli itu ialah bermula dengan mengenalpasti ciri-ciri, sama ada si penjual atau pembeli itu saling kenal atau tidak. Apabila mereka saling kenal, seterusnya ialah mengenal pasti sama ada orang itu sesama orang Melayu Sambas atau bukan. Apabila orang itu dikenal pasti sebagai sesama orang Melayu Sambas, maka perlu diketahui sama ada ia mempunyai status sosial tertentu seperti guru, jururawat, ustaz, pegawai pejabat Kecamatan dan sebagainya. Langkah seterusnya ialah dengan mengenal pasti ciri-ciri usia, sama ada lebih tua atau sebaya, serta ciri-ciri gender daripada orang tersebut. Mereka yang termasuk dalam golongan ini dipanggil dengan (Pak/Bu+ND atau Pak/Bu+Rujukan Status). Sementara itu, kepada sesama orang Melayu Sambas yang dikenal pasti tidak mempunyai status sosial tertentu, seterusnya perlu dikenal pasti semula daripada ciri-ciri usia dan gender. Kepada orang dalam kategori ini berlaku panggilan '(Pak/Bu)+GUK'; 'Pak/Bu+ND' atau 'ND'.

Kemudian, apabila orang itu bukan sesama orang Sambas atau orang yang tidak dikenal, maka ciri-ciri lain yang perlu diambil kira ialah ciri-ciri usia dan gender yang ada pada orang tersebut. Adapun bentuk panggilan yang berlaku bagi orang dalam kategori ini ialah 'Pak'; 'Buk'; 'Bang'; dan 'Kak'. Selain itu, berlaku pula panggilan '(Pak/Mak)+ Long'. Bagi orang Melayu Sambas panggilan ini ialah pengganti kepada

panggilan ‘Pak (Bapak)’ atau ‘Bu (Ibu)’ dalam bahasa Indonesia. Bagaimana selengkapnya kaedah pilihan (*alternation*) itu berlaku tergambar dalam carta alir 5.6.



Carta Alir 5.6: Sistem Panggilan dalam Hubungan Jual Beli

5.8 Rumusan

Dalam komuniti bahasa Melayu Sambas terdapat variasi bentuk panggilan. Bentuk panggilan itu mengambil berbagai-bagai bentuk kata atau frasa, antaranya ialah kata ganti nama diri kedua, kata nama, kata nama diri, dan berbagai-bagai istilah gelaran serta rujukan yang menunjukkan status orang yang dipanggil. Julukan gurauan juga digunakan untuk menunjukkan hubungan yang intim antara orang yang memanggil dan yang dipanggil. Sementara itu, dalam hubungan kekeluargaan terdapat berbagai-bagai bentuk panggilan daripada jenama kekeluargaan. Bentuk panggilan yang khas dalam hubungan kekeluargaan orang Melayu Sambas ialah gelaran urutan kelahiran (GUK) yang terpola.

Beberapa jenama kekeluargaan digunakan sebagai panggilan dan terus merujuk kepada bentuk hubungan yang wujud dalam hubungan kekeluargaan tersebut kecuali jenama kekeluargaan bagi keluarga semenda. Di samping menunjukkan bentuk hubungan dalam keluarga, beberapa bahagian kata daripada jenama kekeluargaan itu merupakan penanda usia, tingkat generasi dan gender. Selain itu, jenama kekeluargaan juga lazim digunakan dalam hubungan sosial lain yang bersifat intim seumpama hubungan kekeluargaan seperti dalam hubungan kejiwaan, rakan dan hubungan jual beli.

Terdapat beberapa kaedah pemilihan bentuk panggilan dalam komunikasi antara dua hala dalam kerangka hubungan kekeluargaan dan hubungan sosial yang intim. Pertama, berlaku kaedah pertukaran timbal balik dan tidak timbal balik. Ini disebabkan wujudnya hubungan kesetiakawanan dan hubungan kuasa. Dalam hubungan kesetiakawanan terkandung makna kesejajaran dan makna keintiman antara orang yang sedang berkomunikasi. Adapun dalam hubungan kuasa, terkandung makna penghormatan, kesopanan dan juga makna kesayangan. Kedua, berlaku kaedah pilihan

(*alternation*). Kaedah ini menunjukkan wujudnya pengetahuan atau kebolehan seorang penutur dalam menggolongkan seseorang yang dipanggil. Caranya ialah dengan mengenal pasti beberapa perkara, iaitu ciri-ciri kedudukan atau status, usia, tingkat generasi, dan gender daripada orang itu; serta dengan mengenal pasti situasi jarak dan kedekatan hubungan antara kedua-dua pihak orang yang berkomunikasi.

Walau bagaimanapun, pilihan bentuk panggilan itu tidak sentiasa berlaku secara seragam (homogen) melainkan terdapat variasi secara perseorangan. Ini boleh berlaku disebabkan kewujudan *repertoire* bahasa atau dialek seseorang itu dan juga pengalaman hidupnya. Sebab itu, berlaku penyerapan istilah panggilan daripada bahasa-bahasa lain oleh penutur bahasa Melayu Sambas. Umpamanya penyerapan daripada bahasa Indonesia, bahasa Cina, bahasa Arab dan sebagainya.

BAB 6: SISTEM PANGGILAN DALAM HUBUNGAN KEKELUARGAAN: ANALISIS KONTEKSTUAL

6.1 Pengenalan

Merujuk semula pada permasalahan dan tujuan kajian ini, maka selain diperlukan analisis formal ke atas bentuk-bentuk panggilan yang wujud dalam hubungan kekeluargaan, diperlukan pula analisis kontekstual. Adapun model analisis kontekstual yang digunakan dalam kajian ini ialah merujuk kepada model analisis yang dikemukakan oleh Hymes (1972) yang kemudian dikembangkan oleh Saville-Troike (2003), iaitu model pendekatan etnografi komunikasi. Analisis tersebut dimulakan dengan mengenal pasti komponen komunikasi yang terdapat dalam situasi dan peristiwa komunikasi yang dianalisis. Komponen tersebut terdiri daripada *Setting*, *Participants*, *Ends*, *Act sequence*, *Key*, *Instrumentalities* dan *Genre* yang dikenal dengan singkatan SPEAKING. Adapun data dan huraian analisis peristiwa komunikasi yang memunculkan penggunaan bentuk panggilan berdasarkan komponen tersebut selengkapnya ada pada lampiran 2.

Seterusnya, bab ini akan menghuraikan bahagian-bahagian analisis yang relevan untuk menjelaskan perwujudan sistem panggilan yang berlaku dalam konteks dan bagaimana sistem panggilan ini boleh berhubung kait dengan sistem sosiobudaya komuniti bahasa Melayu Sambas, sebagaimana dimaksudkannya dalam permasalahan dan tujuan penyelidikan ini. Konteks yang dimaksudkannya ialah situasi dan peristiwa komunikasi formal dan tak formal yang berlaku dalam berbagai-bagai hubungan sosial seperti hubungan kekeluargaan, kejiwaan, rakan dan hubungan jual beli.

Peristiwa komunikasi formal meliputi peristiwa komunikasi dalam upacara pernikahan, mesyuarat, peristiwa pertemuan majlis taklim atau ceramah keagamaan dan sebagainya. Adapun peristiwa komunikasi yang tak formal ialah perbualan sehari-hari dan perbincangan lain dalam keluarga, sama ada yang serius atau pun sekadar gurauan. Selain itu, adalah perbualan dan gurauan antara jiran dan antara orang yang berada dalam hubungan rakan serta peristiwa komunikasi tawar-menawar atau transaksi jual beli di pasar tradisional.

6.2 Bentuk Panggilan dalam Konteks Peristiwa Komunikasi Tak Formal.

Peristiwa komunikasi yang bersifat tak formal lebih kerap berlaku dalam hubungan kekeluargaan, kejiranan, rakan dan hubungan jual beli. Oleh itu, penjelasan tentang bagaimana penggunaan bentuk panggilan berlaku dalam konteks dimulakan dengan peristiwa komunikasi yang tak formal. Dalam peristiwa komunikasi tersebut selalunya berlangsung dalam bahasa yang sehari-hari digunakan oleh komuniti bahasa Melayu Sambas, iaitu bahasa Melayu Sambas. Sebab itu, bentuk-bentuk panggilan yang wujud ialah mengikut bahasa itu.

Bentuk-bentuk panggilan yang wujud dalam peristiwa komunikasi tak formal selalunya mengambil bentuk panggilan kata ND, JK, macam-macam gelaran kekeluargaan, panggilan sayang, gelaran intim atau gelaran julukan khusus lainnya. Adapun pilihan itu berlaku disebabkan oleh beberapa faktor, antara lain jarak atau kerapatan hubungan, tujuan atau maksud penutur serta suasana fikiran dan perasaan penutur (*mood*).

6.2.1 Panggilan JK dengan Makna Rujukan yang Bukan Sebenar

Dalam peristiwa komunikasi tak formal yang melibatkan ahli keluarga selalunya digunakan panggilan dengan jenama kekeluargaan (JK). Panggilan ini memang telah sedia ada sesuai dengan sistem kekeluargaan yang berlaku. Tiap-tiap JK wujud sesuai kedudukan masing-masing ahli keluarga yang berada dalam hubungan kekeluargaan berkenaan, sebagaimana yang telah dihuraikan dalam bab 6. Walau bagaimanapun, apabila dalam konteks-konteks tertentu, panggilan itu boleh bertukar menjadi bentuk JK yang bukan merujuk terus kepada kedudukan yang sebenar, sebagaimana contoh dalam contoh 01, 02.

A= menantu perempuan

B= ibu mertua

- (01) A: *Ngape mak?*
Mengapa **mak**?
B: **Elin** ye. *Aku nak mintak malikan 'seri muke', dipadakkannye aku pongah.*
Elin tu, *Aku nak minta dibelikan 'seri muke', dikatakannya aku bergurau.*
A: (sambil tersenyum) "**Wan... Uwan, Elin** be ndak an merati gasa'ang.
Disangkenye seri muke tok be puppor, Wan. Tang ade-ade ajak biak tok.
(sambil tersenyum) **Wan... Uwan, Elin** (partikel: perasaan hairan) tak mengerti rupa-rupanya. Diingatnya 'seri muke' ni (partikel) pupur **Wan**.
(partikel) ada-ada saja budak ni.

C = isteri

D = suami

- (02) C: *Ade rapat di rumah Pak RT kallak **Yah**, lakkak Isha. Dah tau ke, **Yah**?*
*Ada mesyuarat di rumah Pak RT kallak **Yah**, setelah Isha. Dah tau ke, Yah?*
D: *Aok, ie? Tang ndak an ingat aku tok ? Ngape 'umak' tang ndak an madakkannye dari tadek?*
Iya, ya? (partikel: perasaan hairan) tak ingat aku (partikel)? Ngape umak (partikel: perasaan hairan) tak mengatakannya dari tadi?
C: *Kire Ayah dah tau. Umak sorang pun juak baru tau dari Mak Aji ye .*
Ingat Ayah sudah tau. Uma sendiri pun juga baru tau dari Mak Aji tu.

Daripada contoh potongan tuturan 01 dan 02 di atas, diketahui bahawa menantu menggunakan bentuk panggilan JK ‘mak’ kepada ibu mertua (*Ngape mak?*). Panggilan ‘(e)mak’ ini memang merupakan bentuk panggilan yang telah pun sedia ada untuk memanggil ibu mertua oleh menantu. Namun demikian, pada bahagian lain daripada perbualan ini berlaku panggilan JK yang lain (*Uwan*) kepada orang yang sama. Panggilan yang kedua ini tidak sesuai dengan kedudukan yang sebenar daripada orang yang dipanggil. Panggilan (*nek*)*uwan* semestinya digunakan untuk memanggil seorang berpangkat nenek dalam keluarga.

Cara-cara menggunakan panggilan semacam ini kerap dijumpai dalam perbualan sehari-hari dalam hubungan kekeluargaan orang Melayu Sambas. Adapun alasan panggilan itu boleh berubah disebabkan oleh wujudnya tujuan dan maksud oleh penutur (*ends*), iaitu antara lain untuk memberi contoh kepada anak bagaimana berbahasa (cara memanggil nenek perempuan) kepada anak oleh penutur. Si anak yang dimaksudkan dalam peristiwa komunikasi itu ialah *Elin* (A ialah ibu kepada *Elin*) dan juga kepada anak yang lain. Tujuan atau maksud semacam ini oleh orang Sambas ialah sebagai maksud membahaskan atau mendahulukan anak (*membasekan* atau *ngulukkan*).

Selain itu, panggilan dengan JK yang tidak sesuai dengan rujukan kedudukan yang sebenar juga boleh berlaku dalam cara memanggil antara suami dan isteri, sebagaimana dalam contoh 02. Dalam kes ini antara suami isteri saling memanggil dengan cara sebagaimana anak memanggil mereka masing-masing. Contohnya, isteri memanggil ‘Yah’ kepada suami (C: *Ade rapat di rumah Pak RT kallak Yah, lakkak Isya. Dah tau ke Yah?*). Panggilan ‘Yah’ (ayah) sepatutnya ialah panggilan kepada bapa oleh anaknya. Sebaliknya suami memanggil isteri dengan panggilan ‘umak’, yang sepatutnya ialah panggilan ibu oleh anaknya. Cara panggilan semacam ini juga bermaksud sama

dengan apa yang berlaku dalam contoh 01, iaitu untuk *membasekan* atau *ngulukkan* anak mereka. Panggilan ini juga boleh bermakna sebagai panggilan sayang atau mesra antara suami dan isteri. Panggilan dengan cara ini menggambarkan status atau kedudukan mereka yang ganda, iaitu tidak sekadar sebagai suami isteri tetapi juga sekali gus sebagai ibu bapa. Oleh itu, panggilan ini merepresentasikan hubungan yang lebih kukuh dan erat antara mereka.

Seterusnya, panggilan JK dengan rujukan yang bukan sebenar ini juga berlaku dalam hubungan kejiwaan, rakan atau hubungan jual beli, sebagaimana terdapat dalam contoh berikut ini.

A, B dan C = perempuan berusia lebih kurang sebaya (± 50 tahun) dan tinggal berjiwaan

(03) A: (baru tiba di tempat itu) *Lamak kebun, **Mak Long**?*

Lama (di) kebun, **Mak Long**?

B: *sadang juak tok ie.*

Sedang juga (partikel).

(04) B: **Mak Ning**, *bile lah agek nak nikahkan Zenab dengan si Budi ye?*

*Lamak gilak **Mak Ning** ngalekannye? Bile lah agek nak nimang cucu ye, ie?*

Mak Ning, bila lah lagi nak nikahkan Zenab dengan si Budi tu? Lama sangat Mak ning mengerjakannya? Bila lah lagi nak nimang cucu tu, ya?

A: *Jak payah be kamek nak nyeritekan nye, jak tunangannye pun dah kamek batalkan dangan si Budi ye.*

(Penekanan) sukar (partikel) kami (jamak) nak menceritakannya, (penekanan) tunangannya pun sudah kami (kamek) batalkan dengan si Budi tu.

(05) A: *Jadi gaiye lah ceritenye...Mangkelah kamek batalkan tok ie.*

Jak, si Zenab pun ndaan suke dangan die.

Jadi begitulah ceritanya... maka lah kami batalkan (partikel), (penekanan/ meyakinkan) si Zenab pun tidak suka dengan dia.

B: *Syukor be **Mak Ning**, lakas ketauan balangnye. Mun dah sampai nikah, kan nyusahek kite juak, ie.*

Syukur (partikel) Mak Ning, lekas ketahuan belangnya. Kalau sudah sampai (me)nikah, kan menyusahkan kita juga ya.

A: *Mangkenye lah, si Zenab kini tok dah kamek barek kebebasan nak mileh padannye.*

Sebab itu lah, si Zenab sekarang (partikel) sudah kami beri (bagi) kebebasan untuk memilih jodohnya.

C: *Ye lah, **Mak Aji**, biak kini tok ie jak bede dangan biak gek dolok, maok nak dipadan-padankan...*

Ya lah Mak Aji, anak sekarang (penekanan) ni berbeza dengan anak lagi dulu, mau nak dipadan-padankan ...

Dalam contoh tuturan 03, 04 dan 05 didapati bahawa panggilan JK berbentuk GUK (*Mak Long, Mak Ning, dan Mak Aji*) di gunakan oleh tiap-tiap ahli jiran yang terlibat dalam peristiwa komunikasi itu. Si A menggunakan panggilan 'Mak Long' kepada B (A: *Lamak kebun, **Mak Long**?*). Dalam situasi yang sebenar rujukan 'Mak Long' selalunya digunakan sebagai bentuk panggilan dan rujukan kepada seorang perempuan yang berkedudukan segenerasi ibu bapa dengan urutan kelahiran yang pertama dalam keluarga berkenaan. Namun begitu, dalam konteks ini panggilan ini tidak ada kena-mengena langsung dengan kedudukan orang tersebut (B) kepada si penutur (A). Rujukan itu ialah rujukan yang sebenar ada pada si B dalam keluarganya sendiri. Adapun si A sebagai jiran dalam konteks ini memanggil si B mengikut cara sebahagian orang dalam keluarga B memanggil dirinya. Bersamaan dengan itu, B memanggil A dengan menggunakan panggilan GUK 'Mak Ning'. Panggilan ini memang wujud sebagai rujukan si A dalam keluarganya sendiri tetapi tidak demikian adanya dengan hubungan yang berlangsung antara A kepada B. Daripada tinjauan komponen partisipan, antara mereka hanya sebagai sesama jiran dan sesama orang Melayu Sambas dan berciri-ciri sebagai sesama perempuan dewasa yang berusia lebih kurang sebaya.

Penggunaan bentuk panggilan Mak+GUK yang berlaku dalam hubungan kejiranan, sebagaimana panggilan yang digunakan oleh orang yang berada dalam hubungan kekeluargaan itu, disebabkan wujudnya norma-norma (*norms of interaction*) bahawa bagi sesama orang Melayu Sambas yang duduk berjiran pada asasnya ialah

keluarga dan mempunyai hubungan sosial yang amat rapat. Oleh itu, bentuk panggilan yang wujud ialah panggilan dalam bentuk JK meskipun panggilan itu bukan merujuk pada hubungan yang sebenar ada pada orang yang terlibat langsung dalam pertuturan itu. Selain itu, kerapatan hubungan tersebut juga wujud daripada cara-cara mereka berkongsi masalah kehidupan keluarga masing-masing. Sebagai contoh, isi mesej perbualan yang berlangsung dalam petikan perbualan 03, 04, dan 05 menunjukkan bahawa Si A sedang berkongsi masalah keluarganya, iaitu tentang masalah perijodohan yang berlaku pada anak perempuannya (Zenab). Sementara itu, B dan C secara sungguh-sungguh mendengarkan cerita si A, sambil sesekali berkongsi pendapat. Perbualan semacam ini amat lumrah berlaku antara orang yang duduk berjiranan, terutama yang berjiran dekat. Sebagaimana berlaku dalam contoh bahagian tuturan ini:

B: *Sukor be **Mak Ning** , lakas ketauan balangnye. Mun dah sampai nikah, kan nyusahek kite juak ie.*

Syukur (partikel) Mak Ning, lekas ketahuan belangnya. Kalau sudah sampai (me)nikah, kan menyusahkan kita juga (penekanan).

C: *Ye lah, **Mak Aji**, biak kini tok ie jak bedo dangan biak gek dolok, maok nak dipadan-padankan.*

Ya lah Mak Aji, anak sekarang (penekanan) (partikel meyakinkan) berbeza dengan anak lagi dulu, mau nak dipadan-padankan ...

Dalam pada itu, cara C memanggil A, ialah dengan menggunakan panggilan 'Mak Aji'. Panggilan ini menggantikan panggilan 'Mak+GUK' disebabkan status 'haji (hajjah)' yang ada pada si A. Panggilan dengan gelaran keagamaan ini ('Aji atau Haji') merupakan perwujudan rasa kehormat dan penghargaan kepada orang yang berstatus haji tersebut. Selain itu, wujudnya panggilan 'mak' yang selalunya merujuk pada orang dalam generasi di atas dalam hubungan kekeluargaan, dalam konteks ini tidak mengisyaratkan wujudnya situasi perbezaan generasi antara A dan B. Ini terlihat daripada cara-cara keduanya menggunakan panggilan dengan rujukan yang sama secara timbal balik untuk saling menghormati. Oleh itu, panggilan dengan JK dalam hubungan kejiranan ini

menunjukkan wujudnya norma interaksi sosial berdasarkan pandangan bahawa sesama jiran mempunyai hubungan yang rapat. Walau walau bagaimanapun, hubungan yang rapat itu tidak menafikan rasa kehormat dan kesopanan antara mereka.

Penggunaan JK ini tidak hanya berlaku dalam hubungan kejiranan yang perempuan tetapi juga antara sesama jiran lelaki dewasa dan juga antara orang berlainan usia dan generasi. Sebagai contoh, bahagian peristiwa komunikasi 06 dan 07 berikut ini.

A dan B = ahli jiran lelaki berusia lebih kurang sebaya (± 50 tahun)

(06) A: *Assalamualaikum Pak Aji.*

B: *Walaikum salam.*

A: *Kak ye, ndaan ke kemane-mane ari tok, Pak Aji?*

Lepas itu, tidak kah kemana-mana hari ini, Pak Haji?

B: *Ndak an **Pak Mok**, kalak bahari nak pagi pakatan rumah Modi siye. Serube salah rasenye indak nak pagi. (Terhairan-hairan) Ndak? Pak Mok nak kemane bawa burung ye?*

Tidak **Pak Mok**, nanti petang nak pergi *pakatan*¹⁹ (di) rumah Modi di sana. Serba salah rasanya tidak nak pergi. (Terhairan-hairan) Tak? **Pak Mok** nak kemana bawa burung tu?

Dalam contoh 06 di atas, B menggunakan panggilan GUK 'Pak Mok' kepada si A. Bentuk panggilan 'Pak Mok' ini merupakan GUK yang merujuk pada status atau kedudukan si A dalam keluarga yang sebenar. Rujukan itu tidak ada perkaitan langsung dengan kedudukan hubungannya kepada B selain sebagai jiran. Panggilan GUK yang digunakan secara timbal balik antara jiran lelaki dewasa yang lebih kurang sebaya, sebagaimana yang berlaku dalam contoh 03 dan 04 boleh menunjukkan kesamaan identiti sesama orang Melayu Sambas dan wujudnya kerapatan hubungan sebagai jiran, seumpama hubungan kekeluargaan pula.

¹⁹ Pakatan ialah semacam kemuafakatan antara penduduk kampung di satu kawasan kejiranan untuk saling berkongsi beras dan bahan mentah lauk-pauk (selalunya ayam) untuk persiapan hajat pernikahan daripada salah satu keluarga yang ada di kampung itu. Barang-barang itu selalunya di hantar ke rumah yang punya hajat satu atau dua hari sebelum hari hajatan.

Bentuk panggilan GUK ini juga berlaku antara jiran yang berbeza generasi.

Contohnya seperti yang terdapat dalam contoh 07.

A dan C = berjiran dan berteman (sebaya)

A dan B = berjiran (berbeza generasi)

A dan C = ibu dan anak

- (07) A: *Oh Lisa ngan Tika gasa'ang, sangkak' sape tadek, dah lamak ke kitak?*
 Oh Lisa dengan Tika, rupanya, ingat siapa tadi. Sudah lama kah, kalian?
 B: *Barok' nak kini, **Mak Ning**.*
 Baru sebentar, Mak Ning.
 A: *Urang nak kemane rati 'eng, ye?*
 Kalian nak kemana erti nya, ni?
 B: *Nak ke Singkawang **Mak Ning**.*
 Nak ke Singkawang, Mak Ning.
 C: *Boleh Mak ie, Zenab pagi dangan biak?*
 Boleh Mak ya, Zenab pergi dengan budak (mereka)?
 A: *Boleh, tapi usah dalu gilak' balik e(ng).*
 Boleh, tapi usah malam sangat balik nya.

Dalam contoh 07 ini didapati bahawa A dan B dua orang ahli jiran yang berlainan usia atau generasi. Sedangkan B dan C ialah ahli jiran yang sebaya dan berkawan. A dan C ialah ibu dan anak. Meskipun antara A dan B tidak mempunyai hubungan keluarga, B menggunakan panggilan GUK 'Mak Ning' kepada si A. GUK ini memang gelaran yang sedia ada pada si A sebagai status atau kedudukan dirinya dalam keluarga yang sebenar. Bentuk panggilan semacam ini selalunya digunakan untuk memanggil ahli jiran yang sebaya atau segenerasi ibu bapa daripada orang yang memanggil. Oleh itu, dalam konteks ini, panggilan GUK tidak berlaku timbal balik disebabkan wujudnya hubungan yang ditandakan oleh perbezaan usia atau tingkat generasi. Panggilan serupa ini lazim berlaku dalam hubungan kejiranan antara sesama orang Melayu Sambas disebabkan kesamaan asal usul identiti etnik, kesamaan kawasan tempat tinggal dan perkongsian urusan lain dalam kehidupan sehari-hari. Panggilan dengan JK ini menunjukkan hubungan yang amat rapat antara sesama jiran, sebagaimana

hubungan kekeluargaan. Contohnya, panggilan ‘Mak Ning’ kepada si A oleh si B menggambarkan seolah-olah si A ialah ‘mak cik’ kepada B.

Bentuk panggilan serupa ini (menggunakan mak/pak GUK) juga berlaku dalam hubungan jual beli antara sesama orang Melayu Sambas, seperti contoh berikut ini.

A = Penjual (perempuan dewasa, berusia ± 40 tahun)

B = Pembeli (lelaki dewasa, berusia ± 60 tahun)

- (08) A: *Nak mali ape, **Nek ki**? Biak kemane? Tang belanje sorang?*
Nak beli apa, **Nek Ki**? Anak kemana? Mengapa belanja sendiri?
B: *Aok di, biak tok, tang bejalan tolen. Ade ke, kopi Sambas? Ambekkan muge-muge sekilo siye, **Mak Long**.*
Ya ni, Anak (partikel), (penekanan) berjalan selalu. Ada kah, kopi Sambas? Ambilkan kira-kira sekilo situ, **Mak Long**.
B: *Oh, ade **Nek Ki**....Tunggu dolok ie, saye ngambekkan nye.*
Oh, ada Nek Ki... Tunggu dulu ya, saya ambilkan (nya: itu).
A: *Iye... Berape ye, harge nye, **Mak Long**?*
Iya... berapa tu, harganya, **Mak Long**.
B: *Tige puloh limak ribu.*
Tiga puluh lima ribu.

Daripada contoh 08 ini juga dijumpai bahawa penggunaan GUK juga berlangsung dalam peristiwa jual beli di sebuah kedai di pasar di suatu Kecamatan. Dalam konteks ini penjual menggunakan panggilan ‘Nek Ki’ kepada si B (pembeli). Panggilan ini sepatutnya ialah panggilan kepada seorang datuk oleh cucu-cucunya. Namun demikian, dalam konteks ini si A bukanlah dalam cucu kepada si B, tidak pula dalam kedudukan usia tiga generasi yang berbeza seperti antara cucu dan datuk dalam segi pebezaan usia, melainkan hanya terpaut lebih kurang satu generasi seperti bapa dan anak (antara ± 40 tahun dan ± 60 tahun). Lagi pula mereka hanya dalam kedudukan hubungan jual beli walaupun mereka sudah saling kenal kerana pasar di Kecamatan hanya sebuah pasar kecil yang didatangi oleh pelanggan yang sama hampir setiap harinya.

Adapun mengapa si B patut dipanggil 'Nek Ki' disebabkan keadaan usia yang demikian (± 60 tahun) ialah usia seseorang yang sudah mempunyai cucu dalam keluarganya. Selalunya ciri-ciri status yang bersangkutan ini disedari oleh orang persekitaran sehingga panggilan kepada juga mengikut status si B yang sebenar wujud dalam keluarganya. Bersamaan itu, pembeli (B) juga menggunakan panggilan GUK 'Mak Long' kepada si penjual (A). Sebagaimana yang diketahui, panggilan 'Mak Long' bagi hampir sebahagian besar orang Sambas ialah untuk memanggil seorang perempuan dewasa, terutama yang kurang atau tidak dikenali, tidak kira sama ada ia mempunyai GUK itu ataupun GUK yang lain dalam keluarganya. Sebab panggilan 'Mak Long' ialah berpadanan dengan panggilan 'Ibu' dalam bahasa Indonesia.

Dalam hubungan jual beli, panggilan dengan menggunakan GUK juga menunjukkan hubungan yang rapat. Meskipun dalam hubungan transaksional, antara penjual dan pembeli mempunyai minat atau maksud yang sama, iaitu sama-sama ingin mendapatkan keuntungan atas apa-apa yang dijual dan apa yang dibeli (*need satisfaction*). Oleh itu, cara memanggil dalam hubungan kekeluargaan lebih disukai sebab cara ini merupakan awal mula untuk menciptakan hubungan yang intim sehingga boleh mencapai maksud masing-masing pihak untuk mengambil keuntungan.

Panggilan dengan GUK serupa ini tidak mesti hanya berlaku antara penjual dan pembeli yang saling kenal. Tetapi juga boleh berlaku antara yang belum kenal, sebagaimana berlangsung dalam contoh 09 berikut ini.

C = penjual (perempuan dewasa, berusia ± 40 tahun)

D = pembeli (perempuan dewasa, berusia ± 20 tahun)

- (09) A: (*Menyapa calon pembeli*) Nyarek ape, **Kak Long**?
(*menyapa calon pembeli*) mencari apa, **Kak long**?
B: Nak nyarek 'midding', **Mak long**... Ade ke?

Nak mencari *midding* (nama sejenis sayuran tempatan), **Mak Long** ... Ada kah?

A: Ade... *Nak mali berape ikat?*

Ada... Nak beli berapa ikat?

B: *Ambekkan tige ikat sie be, Mak long. 'Lappang' dengan 'kecambah' ade ke?*
Ambilkan tiga ikat situ (partikel), **Mak Long**. *Lappang* (ketola) dengan kecambah (toge) ada kah?

A: *Ade nak mbuat bubor paddas ke ape, Kak Long?*

Ada nak membuat bubur pedas kah apa, Kak Long?

B: *Iye... Tolong ambekkan lappang sigekek dengan kecambah duak ribu, ie...*
Iya... Tolong ambilkan *lappang* sebiji dengan kecambah dua ribu, ya...

A: *Bantar ye. Ade agek ke? Liat-liatek dolok sie, be.*

Sebentar ya. Ada lagi kah? Tengok-tengok lah dulu situ, (partikel).

Dalam peristiwa komunikasi 09 ini juga didapati bahawa JK dalam bentuk GUK juga digunakan antara penjual dan pembeli dalam tawar-menawar atau transaksi jual beli di kedai atau di pasar tradisional. Kedudukan penjual dan pembeli ialah kurang kenal atau setakat tahu kerana sering berjumpa pada masa si pembeli datang membeli barang. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak penjual dan pembeli menggunakan panggilan kepada masing-masing pihak dengan panggilan GUK dengan penanda dua peringkat generasi yang berbeza. Si A (penjual) menggunakan panggilan 'Kak Long' kepada si pembeli. Panggilan ini sepatutnya ialah panggilan kepada sorang kakak tertua (sulung) oleh adik-adiknya dalam hubungan adik-beradik dalam keluarga sedarah. Dalam konteks ini, panggilan ini tidak ada perkaitan langsung dengan kedudukan yang sebenar daripada si B (pembeli) kepada si A (penjual). Sebab usia si B pun masih lebih muda daripada si A.

Panggilan yang demikian itu berlaku sebagai maksud untuk berbudi bahasa atau sebagai bentuk kesopanan atau keramah-tamahan oleh penjual kepada pembeli sebagai bahagian daripada perkhidmatan yang ia selalu berikan kepada pembeli. Bahagian tuturan lain juga menunjukkan keramahan penjual kepada pembeli, seperti contoh berikut ini:

A : *Ade nak mbuat bubor paddas ke ape, Kak Long?*

A : Bantar ye. Ade agek ke? Liat- liatek dolok sie, be.

Kedua-dua bahagian tuturan oleh si A itu menunjukkan keramahan penjual kepada pembeli. Demikian pula halnya, si B memanggil A dengan panggilan ‘Mak Long’ kerana bentuk panggilan ini sudah sewajarnya digunakan kepada si A kerana panggilan ini digunakan untuk merujuk kepada orang dewasa (boleh sesama yang sebaya) yang kurang dikenali atau kepada yang berkedudukan setaraf generasi dengan ibu bapa.

Dengan demikian, panggilan dengan penanda usia lebih tua ‘kak’ tidak selalu menunjukkan usia yang sesungguhnya dalam konteks seperti ini melainkan sebagai bentuk kesopanan dan keramah-tamahan. Begitu pun panggilan ‘Mak Long’ tidak semestinya panggilan itu merujuk kepada kedudukan yang sebenar orang yang bersangkutan dalam keluarganya. Adapun panggilan itu ialah untuk maksud berbudi bahasa, bersopan santun dan sebagai usaha atau strategi untuk lebih merapatkan hubungan.

Bentuk panggilan JK lain yang juga kerap digunakan dalam peristiwa komunikasi tak formal dalam hubungan kekeluargaan ialah panggilan ‘Bang’ atau ‘Kak’. Dalam hubungan kekeluargaan, kedua-dua bentuk panggilan ini selalunya merujuk pada ahli keluarga yang berkedudukan segenerasi tetapi berusia lebih tua atau saudara tua, sama ada kepada saudara tua sekandung, sepupu, ataupun saudara tua semenda. Yang lelaki dipanggil ‘Bang’ dan yang perempuan dipanggil ‘Kak’. Panggilan ini selalunya diikuti ND orang yang bersangkutan atau diikuti oleh GUK.

Dalam situasi komunikasi yang melibatkan ahli jiran atau orang yang terikat dalam hubungan rakan dan hubungan jual beli panggilan ‘Bang dan ‘Kak’ ini kerap kali

wujud dalam berbagai-bagai situasi atau peristiwa komunikasi. Adapun penggunaan tersebut wujud dalam contoh 10, 11, 12 dan 13.

A, B, dan C = tiga orang perempuan muda (20an tahun), sebagai rakan sepekerjaan.

A = lebih tua dari B dan C

B dan C = lebih kurang sebaya

- (10) A: *Isok usah lupak kitak, pagi ari ye. Kalak ninggi ari agek baro' pagi ye.*
Esok jangan lupa kalian, pagi hari tu, nanti tinggi hari (sudah siang) lagi baru pergi tu.
- B & C : *Iye **Kak**.*
Iya **Kak**.
- B: *Dah, **Sa**, ie, dolokan.*
Dah, **Sa**, ya, duluan (lebih dulu) .

D = penjual (perempuan berusia lebih kurang 40 tahun)

E = pembeli (perempuan berusia 20an tahun)

- (11) D : *Nyarek ape, Kak Long?*
Mencari apa, Kak long?
- E : *Nak nyarek 'midding', Mak long... Ade ke?*
Nak mencari midding (sejenis sayur pakis), Mak Long... Ada kah?
- D : *Ade. Nak mali berape ikat?*
Ada. Nak beli berapa ikat?
- E : *Ambekkan tige ikat sie be, mak long. 'Lappang' dengan 'kecambah' ade ke?*
Ambilkan tiga ikat situ (partikel), Mak Long. Lappang (ketola) dengan kecambah ada kah?
- D : *Adenak mbuat bubor paddas ke ape, kak long?*
Ada nak membuat bubor pedas kahapa, Kak Long?
- E : *Iye ...*
Iya ...

Daripada contoh tuturan 10 didapati penggunaan panggilan 'Kak' kepada A oleh B dan C. Meskipun A, B dan C ialah rakan kerja, panggilan 'Kak' berlaku kepada A sebab usia si A memang lebih tua daripada B dan C. Walau bagaimanapun, panggilan 'Kak' ini tidak selalu merujuk kepada orang yang lebih tua dari orang yang memanggil seperti contoh 11. Dalam peristiwa komunikasi ini, D dan E ialah penjual dan pembeli yang tidak

begitu kenal. D menggunakan panggilan ‘Kak’+GUK (Kak Long) kepada E. Panggilan ‘Kak’ dalam konteks ini tidak menunjukkan bahawa E lebih tua daripada D melainkan sebaliknya D yang lebih tua daripada E. Dari cara E memanggil D diketahui bahawa mereka bahkan berbeza tingkat generasi. Panggilan ‘Kak’ kepada orang yang lebih muda dalam hubungan jual beli ini disebabkan wujudnya maksud dan tujuan si D sebagai penjual untuk beramah-tamah, memberi perkhidmatan kepada pembeli dengan baik. Cara ini merupakan strategi seorang penjual agar pembeli berkenan membeli barang-barang perniagaannya. Sebagaimana itu tersirat dalam bahagian tuturan D: “*Nyarek ape, Kak Long?*” dan tuturan D : “*Ade nak mbuat bubor paddas ke ape, kak long?*“, yang menunjukkan keramah tamahan si D sebagai seorang penjual. Dengan demikian, panggilan ‘Kak’+(GUK) tidak selalu merujuk pada seseorang dengan kedudukan usia yang lebih tua dari pada yang memanggil.

Seterusnya, kaedah panggilan dengan cara ini (Kak) juga berlaku sama dengan penggunaan JK ‘Bang’. Panggilan ini tidak selalu merujuk kepada orang yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang seperingkat generasi dengan berbeza usia. Dalam konteks tertentu panggilan ‘Bang’ malah boleh merujuk pada orang yang tidak dikenal, khususnya yang lebih muda. Bentuk panggilan ini digunakan untuk menunjukkan budi bahasa kepada orang yang belum atau kurang dikenali, meskipun orang itu lebih muda. Panggilan ‘Bang’ yang bermakna merujuk kepada orang dengan usia yang lebih tua dalam hubungan kejiwaan atau rakan boleh dilihat dalam contoh 12.

A = lelaki berusia akhir 20-an tahun

B = perempuan berusia 20-an tahun

A dan B = rakan sepekerjaan

(12) A: *Pasan makanan ape **kitab** tok?*

Pesan makanan apa kalian (partikel)?

B : *Makan bakso **Bang De**.*

Makan bakso **Bang De**.

A: *Bakso tolen-tolen, nda' an bosan kitak makan bakso ye be? Cobe steak, KFC, spagetty, sussi... Itok bakso, bakso ape?*

Bakso terus-menerus. Tak bosan kalian makan bakso tu (penekanan)? Coba steak, KFC, spagetti, sussi... Ini bakso, bakso apa?

B: *Perewak 'ang! Bakso ye makanan urang Indonesia, Bang De.*

Sombong nya! Bakso tu makanan orang Indonesia, Bang De.

A = Pelayan/Penjual

B = Pembeli

(13) A: *Baksonye tige, teh nye tige, ie!*

Bakso tiga, ti nya tiga, ya!

B: *Iye, jadi es teh tige, bakso tige, Kak, ie?*

Iya, jadi ais ti tiga, bakso tiga, kak, ya?

A: *Bang! Bang! Saye ndaan pakai mie kuning, ie.*

Bang! Bang! saya tak pakai mi kuning, ya.

B: *Ndaan pakai mie kuning, kakak beduak? Campur Kak, ie?*

Tak pakai mi kuning, kakak berdua? Campur Kak, ya?

A: *GPL ye Bang!*

GPL (gak pakai lama) ya Bang!

B: *Iye Kak.*

Iya Kak.

Daripada contoh 12, panggilan 'Bang+GUK' (*Bang De*) ini digunakan untuk memanggil seseorang yang memang dengan kedudukan sebagai seorang yang segenerasi dan lebih tua daripada orang yang memanggil meskipun mereka bukan dalam hubungan kekeluargaan., melainkan hanya dalam hubungan kejiranan, rakan atau jual beli. Adapun panggilan 'Bang' yang merujuk bukan pada kedudukan yang sebenar daripada rujukan 'bang' itu sendiri wujud dalam peristiwa komunikasi 13 di atas.

Dalam konteks ini penggunaan panggilan 'Bang' digunakan kepada seorang pelayan atau penjual di kedai makan. Panggilan ini merujuk pada seseorang dengan ciri-ciri lelaki, berusia muda dan tampak seperti belum menikah. Walaupun ciri-ciri yang terakhir ini tidak mesti benar. Panggilan ini boleh digunakan sama ada oleh orang yang

lebih muda ataupun lebih tua. Seperti dalam peristiwa komunikasi 13 ini, si A menggunakan panggilan ‘Bang’ kepada B yang usianya tidak lebih tua dari dirinya (A: “*Bang! Bang! Saye ndaan pakai mie kuning, ie.*”). Sebaliknya, si B memanggil A dengan panggilan ‘Kak (Kakak)’. Contohnya oleh B: “*Iye, jadi es teh tige, bakso tige, Kak, ie?*”. Dengan demikian, panggilan ‘Kak’ atau ‘Bang’ dalam konteks ini menunjukkan penggunaan JK dengan rujukan yang bukan sebenar pula, sebagaimana yang berlaku pada penggunaan beberapa bentuk JK yang lain. Adapun bentuk panggilan ini ialah juga menunjukkan kesopanan dan keramah-tamahan antara orang yang tidak begitu dikenali.

6.2.2 Panggilan ND, Rujukan Kesayangan, Kemarahan dan Keintiman

Selain bentuk panggilan dengan pelbagai bentuk JK, panggilan dengan kata ND, rujukan kesayangan dan rujukan lain atau gelaran juga digunakan dalam peristiwa komunikasi tak formal yang berlangsung dalam hubungan kekeluargaan, kejiranan, rakan dan hubungan jual beli. Panggilan dengan menggunakan ND ini menunjukkan bahawa orang berkenaan berada dalam kedudukan usia yang lebih muda atau peringkat generasi di bawah. Contohnya ibu bapa kepada anak, mak/pak cik kepada kemenakan atau nenek/datuk kepada cucu, kakak/abang kepada adik dan seterusnya. Di samping itu, panggilan kesayangan juga wujud untuk menunjukkan hubungan khusus atau disebabkan suasana fikiran dan perasaan si penutur, contohnya perasaan sayang (*mood of endearment*). Berikut ialah contoh-contoh bagaimana pilihan itu berlaku.

A dan B = nenek dan cucu (perempuan)

A dan C = mertua dan menantu

B dan C = anak (perempuan) dan ibu

(14) A: **Lin**, tolong malikan **Uwan** ‘seri muke’, **Nong!**

Lin, tolong belikan Uwan ‘seri-muke’, **Nong**”

B: Ape **Wan**? ‘Sari muke’?Memangnya muke **Uwan** nak diapakan,**Wan**?

Apa Wan? ‘Seri muke’?Memangnya muka Uwan nak diapakan, Wan?

- A: *Aku rase tekanang dangan 'seri muke' ye.*
 Aku rasa teringin dengan 'seri muke' itu.
- B: (terhairan-hairan) *Uwan pongah ke Wan? (bergurau) Muke Uwan dah cantek be Wan? Usah nak dipupore' agek.*
 (terhairan-hairan) Uwan bergurau kah Wan? (bergurau) Wajah Uwan sudah cantik kan Wan? Tak perlu dipupur lagi.
- A: (memanggil C) *Bela! Tengok lah anak mu ye.*
 (memanggil C) *Bela! Tengok lah anak mu itu.*
- C: *Ade ape mak?*
 Ada apa mak?

Contoh tuturan 14 membuktikan wujudnya panggilan ND (*Lin*) dalam hubungan kekeluargaan. Bentuk panggilan ND ini berlaku untuk memanggil cucu (B) dan menantu oleh si A (sebagai nenek dan ibu mertua). Namun begitu, dalam tuturan yang sama, panggilan ND kepada cucu tersebut boleh bervariasi dengan panggilan kesayangan 'Nong'. Sebagaimana telah diterangkan sebelumnya, panggilan 'Nong' memang merupakan panggilan sayang oleh ibu bapa kepada anak atau oleh nenek/datuk kepada cucu atau bahkan kerap pula digunakan oleh sesiapa orang dewasa kepada kanak-kanak (lelaki dan perempuan). Contohnya pada tuturan A: "*Lin, tolong malikan Uwan 'seri muke', Nong!*". Panggilan *Lin* dan *Nong* ialah merujuk kepada orang yang sama (cucu).

Dalam pada itu, pada bahagian seterusnya, panggilan itu bertukar pula menjadi bentuk rujukan kedudukan cucu kepada anak menantu (sebagai anak), seperti dalam contoh tuturan A: "*Bela! Tengok lah anak mu ye*". Dalam contoh ini rujukan 'anak mu' ialah merujuk kepada si cucu (B), yang dalam konteks ini merujuk pada kedudukannya sebagai anak daripada C, iaitu menantu kepada A.

Pertukaran panggilan ND menjadi sama ada panggilan kesayangan ataupun rujukan kedudukan dalam keluarga mengisyaratkan wujudnya perubahan suasana fikiran dan perasaan daripada penutur. Dalam konteks ini, tuturan si A bermula dengan

menyampaikan isi mesej daripada tuturannya sebagai maksud sebuah rayuan atau permintaan melalui tuturan “**Lin**, *tulong* malikan **Uwan** ‘*seri muke*’, **Nong!**”. Oleh itu, kedua-dua bentuk panggilan ND dan rujukan kesayangan digunakan bersama-sama dalam satu tuturan. Walaupun demikian, disebabkan balasan si B (B: “*Ape Wan? ‘Sari muke’? Memangnya muke Uwan nak diapekan, Wan?*”) yang kurang diterima oleh A, ia menukar panggilannya dengan rujukan kedudukan yang sebenar daripada si B (‘anakmu’) kepada C. pertukaran ini berlaku kerana si nenek (A) menganggap si cucu (B) sedang memperolok-olokkan dirinya. Pertukaran bentuk panggilan dalam konteks situasi ini menunjukkan wujudnya suasana fikiran dan perasaan yang normal dengan rasa kesayangan kemudian bertukar menjadi suasana kesalan atau kekecewaan. Dengan demikian, *mood* si penutur memberikan kesan pula pada pilihan bentuk panggilan yang dianggap sesuai dengan situasi seketika itu.

Dalam konteks yang lain, panggilan ND boleh bertukar menjadi bentuk panggilan gelaran tertentu seperti gelaran yang digunakan dalam hubungan rakan yang amat intim. Contohnya ialah sebagai berikut:

A dan B = dua orang rakan sepermainan (lelaki dalam usia belasan tahun)

(15) A: *Oy! Eh...lama inyan **kau** datang?*

Oy! Eh... lama sangat engkau datang?

B: *Barok balik dari ngael tok ye.*

Baru pulang dari mengail ni (penekanan).

A: *Sitok yo sitok. Nyantai dolok sitok.*

Sini (penekanan) sini. Bersantai dulu sini.

B: *Dari mane kau, **Lek (Malek)**?*

Dari mana kau, **Lek**?

A: *Dari rumah lah. Carek keraja'an sitok yo. Bagus kau picikkan yo!*

Dari rumah lah. Cari kerjaan sini (kata seru). Bagus kau pijitkan (kata seru).

B: ***Kite** belale'. Ade juak kawan semicikkan, ie.*

Kita bergantian. Ada juga kawan saling memijit, ya.

A: *Usah kuat gilak, **Wak**!*

Usah kuat sangat, **Wak**!

Daripada contoh 13 didapati bahawa dalam hubungan rakan yang intim berlaku panggilan dalam bentuk ND. Sebagaimana si A memanggil B dengan panggilan ‘Lek’ (Malek), (ND daripada si B). Adapun B memanggil A dengan panggilan gelaran intim ‘Wak’, yang khas berlaku antara sesama rakan anak muda (remaja)’. Sebagaimana yang telah diterangkan dalam bab 6 bahawa dalam hubungan rakan antara sesama orang muda (remaja) terdapat panggilan khusus yang hanya berlaku antara mereka. Contohnya ‘Wak’ ‘Choi’, ‘Wai’, ‘Yak’ (*biyak*: BM=budak) dan sebagainya. Selain itu, berlaku pula panggilan teriakan (*interjection*), seperti contoh teriakan ‘Oy’ oleh kedua-dua anak muda ini (A dan B) kepada kawan lain yang menyembunyikan atau melarikan selipar si B.

- (16) A: **Oy ...!** *Sandal kawan ku Oy...!*
 Oy...! *Sandal kawan ku, Oy...!*
 B: *Sandal ku,Oy!*
 Sandal ku, Oy!

Kata-kata yang wujud sebagai gelaran itu tidak menunjukkan makna tertentu, kecuali sebagai isyarat wujudnya situasi hubungan yang amat intim antara mereka. Keintiman tersebut juga ditunjukkan daripada bentuk isi perbualan yang berlangsung dalam contoh tuturan 15, yang merupakan gurauan. Sebagai contoh, terdapat dalam tuturan A: ...“*Carek kerajaan sitok yo... Bagus kau picikkan yo!*”. Tuturan ini menyatakan perintah supaya si B membuat pekerjaan di sini. Pekerjaan yang dimaksudkan bukan pekerjaan semacam pekerjaan untuk mencari wang, melainkan pekerjaan saling memicit badan antara mereka, sebagaimana balasan B: “***Kite belale***’. *Ade juak kawan semicikkan, ie*”. Dalam situasi ini, permintaan atau perintah untuk saling memijit hanya akan berlaku antara orang yang mempunyai hubungan yang amat sangat rapat.

Panggilan ND tidak hanya berlaku antara ahli jiran atau orang muda sebaya yang berteman atau oleh orang yang lebih tua kepada yang lebih muda, melainkan juga

berlaku secara timbal balik antara orang dewasa. Panggilan ini berlaku disebabkan hubungan yang amat rapat antara mereka, seperti pada contoh 17.

A dan B = lelaki, berusia ± 30 tahun, berkawan rapat dan berjiran

(17) A: *Ngape Mat?*

Mengapa, Mat?

B: *Daan, mane laok kite, Nal, kau bawak ke, daan tadek?*

Tak, mana lauk kita, Nal? Kau bawa kah, tak tadi?

A: *Se'an ke, dalam sie.*

Tak ada kah, dalam situ?

B: *Se'an tok be, Nal. Jangan ketinggalan di pondok?*

Tak ada ni, Nal. Jangan tertinggal di pondok?

A: *Tinggal? Adoh! Make ing, jak jaoh agek ye.*

Tinggal? Aduh! Lagi, (penekanan) jauh pula tu.

B: *Yak bayyak-bayyak!*

(kata seru)

Dari contoh 17 ini diketahui bahawa antara A dan B saling menggunakan panggilan ND masing-masing orang yang dipanggil. Si A memanggil B dengan panggilan ND si B ('Mat' atau 'Mamat') dan si B memanggil A dengan ND si A ('Nal' atau Zainal). Hubungan A dan B ialah hubungan rakan sepermainan, sepekerjaan dan setempat tinggal, di satu kampung yang sama. Mereka telah bergaul sejak muda lagi. Oleh itu, mereka mempunyai hubungan sosial yang amat intim. Panggilan ND lazim digunakan dalam hubungan yang amat rapat semacam ini antara sesama orang dewasa yang berjiran dan berkawan. Dengan demikian, penggunaan bentuk panggilan ND secara timbal balik dalam *setting* kejiranan dan tempat pekerjaan, di mana terlibat ahli jiran yang sekaligus sebagai rakan, merepresentasikan hubungan sosial yang amat sangat rapat.

6.2.3 Panggilan Rujukan Kedudukan Status Sosial dan Gelaran Keagamaan

Selain daripada bentuk rujukan yang telah diterangkan di atas, bentuk panggilan lain yang wujud dalam peristiwa komunikasi tidak formal ini ialah panggilan rujukan

status sosial yang kadang-kadang diikuti dengan ND (Pak/Bu+rujukan status+(ND)). Panggilan ini boleh digunakan secara timbal oleh ahli jiran dewasa atau oleh yang lebih muda kepada yang lebih tua (dewasa). Selain itu, panggilan ini juga berlaku timbal balik antara orang berhubungan sebagai jiran atau rakan yang cukup rapat. Pada amnya, bentuk panggilan ini berlaku dalam situasi komunikasi formal. Walau bagaimanapun, bentuk panggilan ini juga berlaku dalam situasi komunikasi tak formal, seperti yang terlihat pada contoh 18 dan 19.

A= warga kampung (lelaki berusia ± 50 tahun), berkedudukan sebagai 'Kepala Kampung'
 B= warga kampung, berstatus haji (lelaki berusia ± 50 tahun)

- (18) A: *Assalamualaikum*
 B: *Walaikum salam. Oh, Pak Pong, ke? Masok lah Pak Pong, masok.*
 A: *Saye ngacau ke?*
 Saya mengganggu kah?
 B: *Daan, biase kite getok simaingan. Dudok Pak Pong!*
 Tidak, biasa kita begini saling bermain. Duduk Pak Pong!
 A: *Iye... iye.*
 Iya... iya.

B = seorang warga kampung, berstatus haji (lelaki berusia ± 50 tahun)
 C = seorang warga kampung, (lelaki berusia ± 50 tahun)

- (19) C: *Assalamualaikum, Pak Aji.*
 B: *Walaikumsalam.*
 C: *Kak ye, ndaan ke, keman-mane ari tok, Pak Aji?*
 Selepas itu, tidak kah, kemana-mana hari ini, Pak Haji?
 B: *Ndaan, **Pak Mok**, kalak bahari nak pagi pakatan rumah Modi siye. Serube salah rasenye indak nak pagi. Ndak?Pak mok nak kemane bawak burung ye?*
 *Tidak, **Pak Mok**, nanti petang nak pergi mesyuarat (di) rumah Modi di sana. Serba salah rasanya tak nak pergi. Tidak? (menyatakan kehairanan), **Pak Mok** nak kemana bawa burung tu?*
 C: *Itok nak jual burung dangan Pak Aji.*
 Ini nak jual burung dengan Pak Aji.
 B: *Berape nak dijual nye, Pak Mok?*
 Berapa nak dijual nya, Pak Mok?

Daripada contoh 19 didapati bahawa dalam *setting* kejiiran, orang yang mempunyai kedudukan atau status sosial tertentu seperti ‘Kepala Kampung’ selalunya dipanggil dengan panggilan rujukan status berkenaan, sebagaimana B memanggil A dengan menggunakan panggilan ‘Pak Pong’(B: “... *Oh, **Pak Pong**, ke? Masok lah **Pak Pong**, masok.*”) . Sebaliknya, si A dipanggil dengan gelaran keagamaan ‘Aji’ (‘Pak Aji’ atau Pak Haji) oleh orang di persekitaran sebab ia sudah berhaji, seperti yang berlangsung dalam contoh 19 (C : *Kak ye, ndaan ke, kemane mane ari tok, **Pak Aji**?*). Sedangkan kepada orang dewasa lain yang tidak mempunyai kedudukan sosial atau status tertentu dalam masyarakat selalunya ia dipanggil dengan ‘Pak/Bu+GUK’.

Daripada contoh 18 dan 19 itu diketahui bahawa dengan menggunakan panggilan rujukan kehormat dan status sosial, penutur bermaksud menunjukkan penghormatan dan penghargaan kepada orang dengan status sosial tertentu, seperti kepada kepala kampung, orang yang telah berhaji dan kedudukan lain dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, bentuk panggilan ini tetap menunjukkan hubungan yang rapat antara orang yang terlibat dalam peristiwa komunikasi. Ini tampak daripada bagaimana peristiwa komunikasi itu berlangsung, terutama yang tampak dari tuturan ini (B: “*Daan, biase kite getok simaingan. Dudok Pak Pong!*”), yang menunjukkan keramah-tamahan warga kepada Kepala Kampungnya. Demikian pula dengan Kepala Kampung yang sudi datang bertamu ke rumah warganya (A: *Saye ngacau ke?*). Kerana pada asasnya mereka ialah berjiran.

6.2.4 Penggunaan Kata Ganti Nama Diri Pertama dan Kedua

Sebagaimana yang berlaku dalam bahasa lain, terutama bahasa di Eropah, kata GND juga digunakan sebagai bentuk panggilan. Dalam peristiwa komunikasi tak formal

kata GND pertama dan kedua juga digunakan sebagai rujukan atau panggilan dalam berbagai-bagai hubungan sosial dalam komuniti bahasa Melayu Sambas. Kata GNP pertama dalam bahasa Melayu Sambas yang kerap digunakan ialah kata '*saye*', '*aku*' (mufrad) dan '*kamek*' (boleh bermakna mufrad atau jamak). Sedangkan kata GND kedua yang biasa digunakan ialah '*kau*' '*diri*' (mufrad) dan '*urang*' '*kitak*' (jamak). Semuanya digunakan dalam peristiwa komunikasi tak formal, sebagaimana contoh berikut (20,21, dan 22).

A= Kepala Kampung

B= seorang warga kampung

- (20) A: *Saye ngacau ke?*
 Saya mengganggu kah?
 B: *Daan, biase kite getok simaingan. Dudok Pak Pong!*
 Tidak, biasa kita begini saling bermain. Duduk Pak Pong!

C= pembeli (perempuan dewasa, ± 50 tahun)

D= penjual (lelaki, ± 20 tahun)

- (21) C: *Dek, ambekkan saye garam duak bungkus.*
 (A)Dik, ambilkan garam dua bungkus.
 D: *Oh iye, Buk. Tunggu bantar ye...*
 Oh iya, Bu. Tunggu sebentar ya...
 C: *Ade agek ke nak dicarek, Buk?*
 Ada lagi kah nak dicari, Bu?
 D: *Tunggu dolok ye, saye ngingatkan nye dolok, Dek. Rase dah lupa', maklom lah, jak dah tue, Dek e...*
 Tunggu dulu ya, saya mengingat-ingat dulu, Dik. Rasa sudah lupa, maklumlah, (penekanan) sudah tua, Dik ...

E = penjual (perempuan dewasa, ± 40 tahun)

F = pembeli (lelaki dewasa, ± 60 tahun)

- (22) E: *Nak mali ape, Nek Ki? Biak kemane? Tang belanje sorang?*
 Nak beli apa, Nek Ki? Anak kemana? Mengapa membeli barang sendiri?
 F: *Aok di, biak tok tang bejalan tolen. Ade ke, kopi Sambas? Ambekkan muge-muge sekilo siye, Mak Long.*
 Ya ni, anak (partikel penekanan) asik selalu berjalan. Ada kah, kopi Sambas? Ambilkan kira-kira sekilo situ, Mak Long.
 E: *Oh, ade Nek Ki....Tunggu dolok ye, saye ngambekkannye.*
 Oh, ada Nek Ki... Tunggu dulu ya, saya mengambilkannya.

Daripada contoh (20,21 dan 22) yang telah dipaparkan di atas didapati bahawa penggunaan kata GND pertama ‘saya’ berlaku dalam perbualan antara sesama orang dewasa dengan berbagai-bagai hubungan sosial. Contoh 21 menunjukkan bahawa antara sesama jiran dewasa (lelaki) si A menggunakan ‘saya’ (A: “*Saye ngacau ke?*”) sebagai rujukan diri sendiri seketika bercakap kepada B. Dalam konteks ini A mempunyai kedudukan sosial kehormat sebagai kepala kampung. Sedangkan B ialah salah seorang warganya, tetapi ia juga termasuk orang terhormat dalam masyarakat kampung itu disebabkan status haji yang ia miliki sebagai representasi status sosioekonomi dan keagamaannya. Hubungan ini telah pun dijelaskan dalam contoh no 18 di atas. Dengan demikian, penggunaan ‘saya’ oleh si A ialah bermaksud menunjukkan kehormatan dirinya sendiri juga.

Di samping itu, penggunaan kata GND pertama ‘saye’ juga boleh berlaku dalam peristiwa komunikasi jual beli, sebagaimana terdapat dalam contoh 21 (C: “*Dek, ambekkan saye garam duak bungkus.*”) atau (*Tunggu dolok yie, saye ngingatkan nye dolok, Dek. Rase dah lupa’, maklom lah, jak dah tue, Dek e*). Dalam konteks ini si C (pembeli), sebagai orang dewasa dan berusia lebih tua (perempuan, ± 50 tahun) berbanding si D (penjual, lelaki, ± 20 tahun) menggunakan ‘saye’ juga untuk merujuk pada dirinya sendiri. Demikian pula yang berlaku dalam contoh 22, si penjual (E) yang lebih muda juga merujuk dirinya sendiri dengan kata GND ‘saye’ seketika bercakap kepada F (si penjual yang lebih tua), sebagaimana contohnya (E: “*Oh, ade Nek Ki....Tunggu dolok ye, saye ngambekkan nye*”). Dengan demikian, boleh disimpulkan bahawa penggunaan kata ‘saye’ dalam konteks ini menunjukkan wujudnya jarak hubungan dan sebagai rujukan kehormat atau kesopanan.

Dalam pada itu, kata GND orang pertama ‘aku’ juga digunakan sebagai rujukan pada diri sendiri oleh si penutur. Contoh nya seperti yang berlangsung dalam contoh 22.

A = nenek

B = cucu

- (22) A: **Aku** rase tekanang dangan ‘seri muke’ ye.
Aku rasa teringin dengan ‘seri muke’ itu.
B: (terhairan-hairan) **Uwan** pongah ke **Wan**? (bergurau) Muke **Uwan** dah cantek be **Wan**? Usah nak dipupore’ agek.
(terhairan-hairan) Uwan bergurau kah Wan? (bergurau) Wajah Uwan sudah cantik kan Wan? tidak perlu dipupur lagi.

Dalam contoh ini ‘aku’ digunakan oleh si A (nenek) kepada si B (cucu) (A : “**Aku** rase tekanang dangan ‘seri muke’ ye”). Namun demikian, dalam bahagian yang lain si nenek terkadang juga menggunakan rujukan status kedudukannya kepada si cucu, iaitu dengan rujukan ‘uwan’ sebagaimana telah ditunjukkan dalam contoh 14 (A : “*Lin, tulong malikan Uwan ‘seri muke’, Nong!*”).

Seterusnya, kata GND ‘aku’ juga digunakan dalam hubungan rakan yang intim, seperti dalam contoh 23 dan 24 ini.

A, B dan C = sesama rakan kerja

A dan B = perempuan muda (remaja)

C = lelaki berusia sedikit lebih tua

- (23) A: **Aku** ke WC dolok **yak** ye?
Aku ke tandas dulu (yak: panggilan) ya?
B: Iye...
Iya
C: (baru tiba di tempat itu) **Lamak** ke dah **kitak** di sitok?
Lama kah sudah kalian di sini?
B: Oh, lumayan lah.
Oh, boleh tahan lah.

D dan E = sesama teman sepermainan, berusia remaja.

- (24) D: Dah balik lah **kite** dah. Nak kemane agek?

Sudah pulang lah kita sudah. Nak kemana lagi?
 E: *Dah lah Wak. Yo sendal **ku** mane?*
 Sudah lah Wak. Yo (kata seru), sandal ku mana?
 D: *Yang mane?*
 Yang mana?
 E: ***Aku** kan mawa' sendal tadek. Tang dua' igek nak nye, ye? **Kitak** kalu napor nye tok?*
 Aku kan bawa selipar tadi. Mengapa hanya dua pasang, ya? Kalian barangkali menyembunyikan nya ni?

Daripada contoh 23 dan 24 di atas didapati bahawa kata GND 'aku digunakan untuk merujuk diri sendiri oleh penutur kepada kawan bicara dengan hubungan yang amat intim, seperti dalam hubungan rakan kerja dalam komunikasi yang tidak formal. Contohnya seperti yang digunakan oleh si A kepada si B pada contoh 23 (A : "**Aku** ke WC *dolok Yak ie?*"). Hubungan keintiman antara mereka juga boleh tampak dari cara si A memanggil B, iaitu dengan panggilan intim '*yak*' (dari kata '*biyak*' yang bermakna 'budak' atau anak). Demikian pula yang digunakan oleh E kepada D, sebagai sesama teman sepermainan yang amat intim, ia juga menggunakan kata GND untuk merujuk dirinya sendiri (E : "**Aku** kan mawa' sendal tadek. Tang dua' igek nak nye, ye?").

Walau bagaimanapun, kata GND 'aku' ini juga digunakan untuk merujuk diri sendiri oleh anak kepada ibu bapa, atau orang muda kepada yang lebih tua dalam hubungan rakan. Dalam contoh 25 si B (anak) merujuk dirinya dengan kata GND 'aku' kepada si B (ayahnya). Dalam keluarga tertentu, rujukan 'aku' ini dianggap kurang sopan digunakan apabila sedang bercakap dengan ibu bapa atau orang yang lebih tua. Namun begitu, dalam konteks ini tetap berlaku penggunaan 'aku' oleh anak kepada 'bapa' (B : "*Indak **aku** Yah.*"). Selalunya untuk menunjukkan kesopanan kepada ibu bapa atau kepada orang yang segenerasi dengan mereka ataupun kepada orang yang lebih tua lainnya, si anak menggunakan 'ND' atau 'saye' untuk merujuk dirinya, seperti yang berlangsung antara C dan A (anak dan ibu) dalam contoh 07 di atas. Dalam tuturan ini

si C (anak) menggunakan nama dirinya 'Zenab' untuk merujuk dirinya ketika berbicara kepada ibunya.

C: *Boleh Mak ie, **Zenab** pagi dangan biak?*

Boleh Mak ya, **Zenab** pergi dengan budak (kawan-kawan)?

A: *Boleh, tapi usah dalu gilak' balik, ie.*

Boleh, tapi usah malam sangat balik ya.

Demikian pula yang berlaku dalam contoh 26 penutur C juga menggunakan rujukan 'aku' untuk merujuk dirinya sendiri semasa bertutur kepada orang yang hadir dalam peristiwa komunikasi itu. (C: *Paham ke **aku** ye? Tang rase daan ngerati **aku** tok?*). Begitu pun yang dilakukan oleh D ketika bertanya kepada E (seorang yang berusia lebih tua) yang terlibat dalam contoh peristiwa komunikasi 26 (D: *"Ha...Bang, boleh ke **aku** nanya, Bang?*). Meskipun kepada orang yang lebih tua dan lebih disegani, kata GND 'aku' tetap digunakan oleh C dan D dalam konteks ini.

A dan B = ayah dan anak perempuannya

(25) A: *Nab, Ayah tok ade nak madahkan, urang tok ade nak melamar kau.*

Nab, ayah ni ada akan mengatakan, orang ni ada nak melamar kau.

B: *Sape Yah?*

Siapa Yah?

A: *Si Budi...anak Pak Aji Maun, nang suah datang dolok ke rumah kite ye be....*

Si Budi ... anak Pak Haji Maun, yang pernah datang dulu ke rumah kita tu (partikel)...

B: *Indak **aku** Yah.*

Tak nak aku Yah.

C dan D= sesama rakan sepermainan atau sekumpulan pemuda kampung

E= Pengarah kumpulan pemuda kampung

(26) C: *Paham ke **aku**, ye? Tang rase ndaan ngerati **aku** tok?*

Paham kah aku, ya? Nampak macam tak mengerti, aku (penekanan)?

D: *Ha...Bang, boleh ke **aku** nanya, Bang?*

Ha... Bang, dapat kah aku bertanya, Bang?

E: *Silekan lah, Din. Sape pun boleh bertanya tok we.*

Silakan lah, Din. Siapa pun dapat bertanya (penekanan)

D : *Ape alasan nye, Bang ye? Tadek kite muat... ape name'eng tadek ie? 'Garasi' ke?*

Apa alasan nya, Bang ya? Tadi kita membuat... apa nama nya tadi ya? 'Garasi' kah?

Selain kata 'aku', kata GND pertama 'kamek' (jamak) juga digunakan untuk merujuk diri sendiri (tetapi boleh juga bermakna mufrad). Dalam contoh 26 ini si A (salah seorang jiran perempuan dewasa) menggunakan kata GND 'kamek' untuk merujuk dirinya (boleh bersama-sama suami atau ahli keluarga yang lain). Lihat juga contoh no 05 di atas. Kata ini selalunya digunakan ketika berbicara dengan orang yang mempunyai hubungan yang intim seperti dengan sesama jiran dekat. Selain itu, kata 'kamek' ini digunakan untuk menggantikan kata 'aku' (mufrad) untuk maksud penghalusan atau lebih sopan. Contohnya seperti yang digunakan oleh si C dalam contoh 27 (C: "*Nang **kamek** tok, yang dah betaon-taon beranti sekolah tok e macam mane, Bang? Harus sekolah agek ke? Supan di **kamek**, mangke **aku** jak beranti waktu kalas 5 SD. Ayap!*"). Dalam konteks tuturan itu, ia menggunakan kata 'kamek' dan 'aku' bersamaan untuk merujuk pada dirinya sendiri ketika berbicara dengan si D (orang yang lebih tua dan dihormati).

Tuturan seterusnya masih tentang penggunaan kata GND 'kamek' dan 'aku'.

A dan B = perempuan dewasa sebagai sesama jiran

(27) A: *Jadi gaiye lah ceritenye...Mangkelah **kamek** batalkan tok ye. Jak, si Zenab pun ndaan suke dangan die.*

Jadi begitulah ceritanya... maka lah kami batalkan ni (partikel), (penekanan) si Zenab pun tidak suka dengan dia.

B: *Syukor be Mak Ning , lakas ketauan balangnye. Mun dah sampai nikah, kan nyusahek kite juak ye.*

Syukur (partikel) Mak Ning, lekas ketahuan belangnya. Kalau sudah sampai nikah, kan menyusahkan kita jugak (partikel).

A: *Mangkenye lah, si Zenab kini tok dah **kamek** barek kebebasan nak mileh padannye.*

Makanya lah, si Zenab semasa ini sudah kami beri (bagi) kebebasan nak memilih jodohnya.

D = lelaki remaja (salah seorang pemuda kampung)

E = pengarah pemuda kampung

(28) D: *Nang **kamek** tok, yang dah betaon-taon beranti sekolah tok e macam mane, Bang? Harus sekolah agek ke? Supan di **kamek**, mangke **aku** jak beranti waktu kelas 5 SD. Ayap!*

Yang kami ni, yang sudah betahun-tahun berhenti sekolah ni (penekanan), macam mana, Bang? Harus sekolah lagi, kah? Malu (partikel) kami, padahal aku (penekanan) berhenti waktu kelas V SD (Sekolah Rendah) (kata seru).

E: *Eh... anak gitok Conet... Kalau yang dah telanjor tue ye, kan ade paket B atau paket C. Nang jalas, gitok be yak organisasi yang kite buat nante' pun di bidang pendidikan arah nye. ...*

Eh... anu (kata ganti tak tentu) begini Conet... Kalau yang sudah terlanjur tua tu, kan ada paket B atau paket C. Yang jalas, begini (penekanan) organisasi yang kita buat nanti pun di bidang pendidikan hala nya...

Daripada contoh yang telah dipaparkan, dapat disimpulkan bahawa penggunaan kata GND pertama digunakan sebagai sebagai rujukan diri sendiri dalam peristiwa komunikasi tak formal. Penggunaan kata 'saye' menunjukkan hubungan yang lebih berjarak, lebih sopan dan terhormat berbanding dengan kata 'aku' atau 'kamek'. Penggunaan 'aku' dan 'kamek' lebih menunjukkan keintiman antara penutur-penutur yang terlibat. Penggunaan 'kamek', khususnya, boleh menggantikan 'aku' sebagai pentuk penghalusan atau kesopanan.

Selain daripada kata GND pertama, GND kedua ('kau', 'kitak', 'diri') juga wujud dalam macam-macam peristiwa komunikasi tak formal ini. Sebagai contoh, 'kau' digunakan oleh ibu bapa kepada anak, antara kumpulan sekawanan anak remaja atau pemuda, seperti dalam contoh 29, 30 dan 31 berikut ini.

A= ayah

B= anak (perempuan)

(29) A: *Nab, Ayah tok ade nak madahkan, urang tok ade nak melamar **kau**.*
Nab, ayah ni ada akan mengatakan, orang ni ada nak melamar kau.

B: *Sape Yah?*
Siapa Yah?

A dan B = sesama rakan kerja dan sekumpulan pemuda lebih dewasa ($\pm$ 30 tahun)

- (30) A: *Ngape, Mat?*
Mengapa, Mat?
B: *Nda'an, mane laok kite, Nal? **Kau** bawak ke, nda'an tadek?*
Tak, mana lauk kita, Nal? Kau bawa kah, tak tadi?
A: *Se' an ke, dalam sie.*
Tak ada kah, di dalam situ?

C dan D = teman sepermainan (remaja usia belasan tahun)

- (31) C: *Dari mane kau, **Lek (Malek)**?*
Dari mana kau, **Lek**?
D: *Dari rumah lah. Carek keraja'an sitok yo! Bagus kau picikkan yo!*
Dari rumah lah. Cari kerjaan sini (kata seru). Bagus kau pijitkan (kata seru).
C: ***Kite** belale'. Ade juak kawan semicikkan, ye.*
Kita bergantian. Ada juga kawan saling memijit, ya.

Daripada ketiga-tiga contoh peristiwa komunikasi di atas, kata GND 'kau' digunakan dalam dua kategori hubungan yang berbeza. Pertama oleh orang yang lebih tua kepada yang lebih muda seperti oleh ibu bapa kepada anak, kakak/abang kepada adik, dan seterusnya. Contoh 29 ialah penggunaan oleh bapa kepada anak (A: "*Nab, Ayah tok ade nak madahkan, urang tok ade nak melamar **kau**.*"). Berkenaan ini, sila rujuk balik contoh 25. Kategori yang kedua ialah antara sesama orang yang sebaya, sama ada sesama orang dewasa ataupun sesama orang muda, iaitu yang sama-sama mempunyai hubungan yang rapat, seperti sesama rakan atau sahabat. Sebagaimana terdapat pada contoh 30 (B: "*Nda'an, mane laok kite, Nal? **Kau** bawak ke, ndaan tadek?*") dan contoh 31 (B: "*Dari mane **kau**, Lek?*").

Selain daripada kata GND pertama 'kau' kata GND kedua '*diri*' dan '*kitak*' atau '*urang*' juga wujud untuk merujuk pada kawan bicara dalam kontek peristiwa komunikasi

tak formal antara orang yang mempunyai hubungan cukup intim. Walau bagaimanapun, kata ‘diri’ dianggap lebih sopan daripada ‘kau’. Sebagaimana yang berlaku pada orang yang belum begitu dikenal. Lihat contoh 32. Dalam contoh ini si A menggunakan kata ‘*diri*’ untuk merujuk kepada si B yang pada masa pertuturan itu berlangsung baru saja dikenalnya. Meskipun usia si B masih lebih muda dari A. Si B juga memanggil ‘Bang’ (‘Bang Agus’) kepada si A, sebagai penanda bahawa usia si A lebih tua dari dirinya.

A dan B = tinggal berjiranan tetapi belum saling mengenal sebelumnya

- (32) A: *Saye Agus Bang, anak Su Landok...*
 Saya Agus Bang, anak Su Landok...
 B: *Oh...Agus masok lah sile...Bapak **diri** jak karap ngomongkan **diri** tok ie.*
Kak ye, dah lakak kuliah ye...?
 Oh...Agus masuk lah sila...Bapa engkau (penekanan) kerap membicarakan engkau (partikel). Lepas tu, sudah selesai kuliah ya...?
 A: *Udah Bang, dah tige taon dengan itok lah saye lulus sarjana.*
 Sudah bang, sudah tiga tahun dengan ini lah saya lulus sarjana.

Dalam pada itu, kata GND kedua ‘*kitak*’ dan ‘urang’ juga berlaku untuk merujuk kepada kawan bicara yang lebih muda atau yang sebaya, seperti yang terdapat dalam contoh 33 dan 34 berikut ini. Dalam contoh 33 si A menggunakan kata ‘*kitak*’ untuk merujuk kepada B (kawan bicara yang sebaya dengan hubungan yang rapat). Sedangkan dalam contoh 34 penutur C menggunakan rujukan ‘urang’ kepada D. Sebetulnya kata ‘*kitak*’ dan urang dalam kedua-dua konteks ini bermakna sama, iaitu rujukan kepada orang kedua sebagai kawan bicara. Kedua-dua kata ini digunakan untuk merujuk kepada orang kedua yang lebih dari seorang (jamak). ‘*Kitak*’ merujuk kepada B dan seorang temannya lagi yang juga berada di tempat itu dan ‘urang’ merujuk kepada D dan temannya yang juga berada di tempat itu, iaitu anak kepada C itu sendiri. Contoh tuturan selanjutnya ini juga menjelaskan tentang penggunaan ‘*kitak*’.

A dan B = sesama rakan (orang muda , lelaki dan perempuan)

- (33) A: (baru tiba di tempat itu) *Lamak ke dah **kitak** di sitok?*
 Lama kah sudah kalian di sini?

B: *Oh, lumayan lah.*
Oh lumayan lah.

C = perempuan dewasa setaraf generasi ibu bapa kepada D
D = perempuan remaja setaraf generasi anak kepada C

- (34) C: **Urang** nak kemane rati 'eng, ye?
Kalian nak kemana erti nya, ya?
D: *Nak ke Singkawang* **Mak Ning**.
Nak ke Singkawang, Mak Ning.

Dengan demikian, penggunaan kata GND pertama dan kedua dalam bahasa Melayu Sambas juga berlaku dalam berbagai-bagai peristiwa komunikasi tak formal. Penggunaan kata GND ini pada umumnya menunjukkan hubungan yang intim antara orang yang terlibat dalam peristiwa komunikasi berkenaan. Walau bagaimanapun, makna kesopanan dan berjarak juga berlaku dalam penggunaan kata GND ini. Kata GND pertama 'saya', khususnya, dianggap lebih halus, sopan dan hormat berbanding dengan penggunaan 'aku'. Demikian pula kata GND kedua 'diri' lebih halus dan sopan daripada 'kau'. Kata-kata GND yang bermakna jamak seperti 'kamek', 'kitak' atau 'urang' juga boleh bermakna 'memperhaluskan' bahasa berbanding dengan menggunakan 'kau'. Kata 'kau' ini selalunya menunjukkan kesetaraan dan hubungan yang amat intim.

6.3 Bentuk Panggilan dalam Konteks Peristiwa Komunikasi Formal

Bentuk-bentuk panggilan yang wujud dalam peristiwa formal selalunya selari dengan berlakunya penggunaan bahasa yang formal. Adapun bahasa formal yang mesti digunakan oleh masyarakat di Indonesia ialah bahasa Indonesia. Oleh itu, beberapa bentuk panggilan yang wujud dalam konteks peristiwa komunikasi formal ini selalunya mengikut kaedah-kaedah yang berlaku dalam bahasa Indonesia. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu kerap pula mencoraki bentuk panggilan yang wujud dalam konteks ini.

6.3.1 Panggilan ‘Ibu/Bapak’ dengan Rujukan Kedudukan Hubungan dan ND

Dalam peristiwa komunikasi formal antara orang dewasa dalam komuniti bahasa Indonesia selalunya digunakan bentuk panggilan atau sapaan dengan rujukan kehormat yang berasal dari JK, iaitu panggilan ‘Ibu’ atau ‘Bapak’ yang kemudian disertakan dengan ND atau rujukan status sosial orang yang bersangkutan. Bentuk panggilan ini juga wujud dalam konteks peristiwa komunikasi formal yang berlangsung dalam situasi komunikasi antara ahli komuniti bahasa Melayu Sambas, sama ada itu dalam hubungan kekeluargaan, kejiranan, rakan atau pun dalam hubungan jual beli. Contohnya terdapat dalam beberapa peristiwa komunikasi berikut ini.

A dan B = bapa dan anak kandung perempuan

- (35) A: **Anakku Dewi Seruni** bersedia kah engkau ayah nikahkan dengan Muhammad Saleh?
B: **Saya** izinkan Ayah menikahkan **saya** dengan **Saudara Muhammad Saleh**.
A: (kepada calon pengantin laki-laki) “**Saudara Muhammad Saleh bin Arifin Tamam**, saya nikahkan engkau dengan anak kandung saya...”
(Seterusnya, calon pengantin laki-laki mengucapkan ijab kabul sebagaimana salah satu rukun nikah yang mesti dipenuhi mengikut ajaran Islam).

Contoh peristiwa komunikasi 35 ini ialah sebahagian daripada serangkaian peristiwa komunikasi dalam upacara pernikahan yang melibatkan para ahli kekeluarga, ahli jiran, rakan dan ahli masyarakat lain. Adapun orang yang terlibat dalam tuturan 35 itu ialah ahli keluarga dalam kedudukan sebagai bapa dan anak perempuannya. Dalam konteks ini si A menggunakan panggilan atau sapaan rujukan kedudukan anak (‘anakku’) yang diikuti dengan ND si anak (‘Dewi Seruni’) kepada B (A: “**Anakku Dewi Seruni** bersedia kah engkau ayah nikahkan dengan Muhammad Saleh?”). Panggilan semacam ini tidak lazim berlaku dalam peristiwa komunikasi sehari-hari antara mereka. Bentuk panggilan ini wujud disebabkan wujudnya peristiwa komunikasi yang amat formal seperti dalam upacara pernikahan.

Keformalan ini juga berlangsung bersamaan dengan penggunaan bahasa Indonesia seperti mana tampak dalam tuturan tersebut. Keformalan itu juga wujud dengan penggunaan rujukan diri ‘saya’ oleh B kepada A. Bentuk panggilan formal ini juga digunakan oleh si B untuk merujuk atau menyapa calon suaminya, iaitu dengan menggunakan sapaan formal ‘Saudara’ disertakan dengan nama yang lengkap (‘Muhammad Saleh’). Dalam bahasa Indonesia, bentuk panggilan ‘Saudara’ ini memang merupakan cara menyapa orang dengan kedudukan lebih rendah (status sosial) dan lebih muda (usia), kepada yang lelaki ataupun perempuan dan dalam hubungan yang sangat formal. Contohnya sapaan kepada mahasiswa di dalam kelas oleh pensyarah atau sapaan kepada bawahan atau kakitangan di suatu pejabat oleh seorang pengarah, dan sebagainya.

Dalam konteks peristiwa komunikasi dalam upacara pernikahan ini juga berlaku panggilan dengan kata ‘saudara’ tersebut, sebagaimana yang dituturkan oleh B: “*Saya izinkan Ayah menikahkan saya dengan Saudara Muhammad Saleh*”). Daripada contoh-contoh tuturan tersebut, bentuk panggilan formal juga wujud dalam hubungan kekeluargaan. Kewujudan itu disebabkan keformalan situasi komunikasi, dalam mana komponen *setting*, *Act sequence*, *instrumentalities* dan *key*, semua menunjukkan ciri-ciri keformalan. Sehingga cara yang berlaku untuk menyapa atau memanggil (*norms of interactions*) ialah mengikut kaedah penggunaan bahasa Indonesia secara formal.

6.3.2 Panggilan ‘Ibu/Bapak’ dengan Rujukan Kehormat, Status Sosial dan ND

Bentuk Panggilan ‘Ibu/Bapak’ dalam bahasa Indonesia tidak selalu merujuk kepada kedudukan ‘Ibu’ atau ‘Bapa’ yang sebenar, sebagaimana yang berlaku dalam hubungan kekeluargaan. Penggunaan panggilan ini bermakna sebagai penghormatan kepada orang yang dipanggil, terutama orang dewasa, sama ada dengan atau tanpa status

sosial tertentu yang wujud pada dirinya. Panggilan, 'Bapak/Ibu' di Indonesia berpadanan lebih kurang dengan panggilan 'Tuan/Puan' dalam bahasa Malaysia atau 'Mr./Mrs.' dalam bahasa Inggeris. Dalam situasi komunikasi formal, penggunaan kata 'Ibu/Bapak' ini selalunya boleh disertakan dengan rujukan status sosial atau ND atau sekaligus dengan kedua-duanya, sebagaimana contoh berikut ini.

A= Jurubicara daripada pihak keluarga mempelai lelaki

(36) A: (Dimulakan dengan ucapan salam dan selawat kepada Nabi Muhamad s.a.w.)

...

Terima kasih kepada Bapak Pembawa Acara...

(Ucapan salam dan sapaan) ...

Yang saya hormati Bapak Kades (Kepala Desa), Desa Harapan.

Yang saya hormati Bapak Ketua Dusun, Bapak RT (Rukun Tetangga)

Yang saya hormati Bapak Perangkat Desa

Yang saya hormati Bapak-Bapak Haji dan Ibu-Ibu Haji, Bapak-Bapak, Ibu-Ibu, hadirin hadirat yang tak dapat saya sebutkan satu persatu pangkat dan jabatannya.

Yang kami muliakan keluarga besar dari Bapak Herman (ayah calon pengantin perempuan).

Yang kami muliakan kedua mempelai..."

(Seterusnya ialah penyampaian ucapan tentang maksud kedatangan rombongan mempelai lelaki, dalam upacara pernikahan yang berlangsung)

B= Jurubicara daripada pihak keluarga mempelai perempuan

(37) B: (dimulakan dengan ucapan salam dan selawat kepada Nabi Muhammad S.A.W(diteruskan dengan ucapan salam dan sapaan)

Yang kami hormati Bapak Herman berserta Ibu sekeluarga (orangtua/keluarga calon pengantin perempuan).

Yang kami hormati Bapak Arifin Tamam berserta Ibu

Yang kami hormati Bapak Kepala Desa.

Yang kami hormati Bapak-bapak Haji, Bapak (ND), Bapak (ND) dan beberapa ND lain.

Yang kami hormati Bapak-bapak Pemuka Agama dan Masyarakat.

Bapak Ibu para hadirin yang kami muliakan. ..."

(Kemudian diteruskan dengan ucapan-ucapan yang menyatakan bersetuju dengan maksud dan tujuan kedatangan pihak keluarga mempelai lelaki, ucapan penghargaan dan terima kasih serta ditutup dengan ucapan permohonan maaf).

Daripada kedua-dua contoh peristiwa komunikasi 36 dan 37 diketahui bahawa penutur A dan B menggunakan bentuk panggilan ‘Bapak/Ibu’ yang disertakan dengan pelbagai rujukan kehormat, rujukan status atau kedudukan sosial dan dengan atau tanpa ND. Adapun bentuk panggilan itu wujud disebabkan orang yang hadir (*participants*) dalam majlis perkahwinan itu terdiri daripada ahli keluarga daripada kedua-dua pihak mempelai. Selain itu, juga dijemput hadir para ahli jiran, tokoh masyarakat di persekitaran, rakan dan kenalan lain yang cukup rapat. Oleh itu, dalam lakuan komunikasi ucapan salam atau ucapan lain yang berlangsung dalam upacara pernikahan mesti dimulakan dengan menyapa seluruh tetamu yang hadir. Tuturan menyapa itu selalunya terlebih dahulu ditujukan kepada orang dengan kedudukan kehormat dalam masyarakat atau dalam kedudukan situasi komunikasi yang berlangsung seketika itu.

Seperti terlihat dalam contoh, kedua-dua penutur A dan B menggunakan bentuk sapaan kehormat (*Yang saya hormati ...*, *Yang kami hormati ...* atau *Yang kami muliakan...*) yang diikuti dengan panggilan ‘Ibu/Bapak’ dan disertakan pula dengan rujukan kedudukan atau status sosial (*Bapak Kades*, *Bapak Ketua Dusun*, *Bapak (Ketua) RT*, *Bapak Perangkat Desa*, *Bapak-Bapak Pemuka Agama dan Masyarakat*, dan sebagainya). Rujukan kedudukan atau status sosial ini merupakan rujukan kedudukan atau status sosial formal yang sebenar ada pada orang yang dimaksudkan. Mereka itu tergolong orang yang mendapatkan status kehormat dalam masyarakat di persekitaran disebabkan kedudukan itu. Oleh itu, sapaan kehormat dan panggilan rujukan berkenaan mesti disertakan dalam peristiwa komunikasi semacam ini, sebagaimana contoh daripada tuturan A: “*Yang saya hormati Bapak Kades, Desa Harapan*” dan tuturan B: “*Yang kami hormati Bapak Kepala Desa.*”.

Selain itu, terdapat status sosial keagamaan dalam masyarakat Melayu Sambas, iaitu status haji (lelaki) atau hajjah (perempuan). Status haji/hajjah juga termasuk kedudukan kehormat dalam komuniti bahasa Melayu Sambas. Oleh itu, dalam peristiwa komunikasi formal seperti ini berlangsung pula ucapan sapaan kepada mereka yang mempunyai status haji/hajjah tersebut, seperti contoh ucapan A: *“Yang saya hormati Bapak-Bapak Haji dan Ibu-Ibu Haji”* dan ucapan B: *“Yang kami hormati Bapak-bapak Haji”*.

Sementara itu, sapaan yang menggunakan rujukan kehormat dengan panggilan ‘Bapak/Ibu’ yang disertakan ‘ND’ juga wujud untuk menyapa orang tertentu yang berkedudukan penting dalam majlis upacara pernikahan tersebut. Contohnya, ucapan sapaan yang ditujukan kepada bapa atau keluarga daripada mempelai perempuan oleh A: *“Yang kami muliakan keluarga besar dari Bapak Herman”* dan oleh B: *“Yang kami hormati Bapak Herman berserta Ibu sekeluarga”*. Demikian pula kepada bapa atau keluarga daripada mempelai lelaki juga digunakan bentuk panggilan atau sapaan yang sama. Sebagai contoh, ucapan B: *“Yang kami hormati Bapak Arifin Tamam berserta Ibu”*. Bentuk sapaan dengan menggunakan rujukan kehormat yang disertakan dengan panggilan ‘Bapak/Ibu’ dan ND menunjukkan wujudnya kedudukan atau peranan penting daripada orang itu di dalam situasi komunikasi berkenaan, seperti ibu bapa daripada kedua-dua pihak mempelai, perempuan dan lelaki.

Selain itu, sapaan ‘Bapak/Ibu’ yang disertakan dengan ND berlaku untuk menyapa seseorang yang dikenal dan berkedudukan tertentu dalam masyarakat semisal latar belakang pendidikan yang tinggi, kekayaan dan sebagainya. Contohnya tampak dalam tuturan 19 oleh B: *“Yang kami hormati Bapak-bapak Haji, Bapak (ND), Bapak (ND)...”*. Dalam pada itu, penggunaan panggilan ‘Bapak/Ibu’ yang tidak disertakan

dengan rujukan-rujukan kedudukan atau status sosial dan tanpa ND selalunya ditujukan kepada orang yang tidak mempunyai kedudukan dan peranan khusus, melainkan kepada seluruh hadirin yang ada dalam majlis tersebut.

Singkat kata, penggunaan panggilan ‘Bapak/Ibu’ yang disertakan dengan ‘rujukan kehormat’, ‘rujukan kedudukan atau status sosial’ dengan atau tanpa ‘ND’ dan penggunaan panggilan ‘Bapak/Ibu’ yang terus disertakan ‘ND’ berlaku dalam situasi dan peristiwa komunikasi formal dengan kehadiran orang yang berkedudukan atau status sosial kehormat dalam masyarakat, keluarga, kawasan kejiranan, dan sebagainya. Selain itu, bahasa yang digunakan dalam peristiwa komunikasi ini ialah bahasa Indonesia secara formal. Demikian pula isi mesej (ucapan sapaan) yang disampaikan, bentuk mesej yang digunakan, serta lakuan tuturan yang disampaikan, semua menunjukkan ciri komunikasi yang bersifat formal. Oleh itu, bentuk panggilan yang wujud juga merupakan bentuk sapaan atau panggilan yang formal.

Bentuk panggilan yang sama seperti yang wujud dalam contoh 36 dan 37 juga wujud dalam beberapa peristiwa komunikasi yang berlangsung dalam majlis lain, seperti dalam majlis taklim. Majlis ini dihadiri oleh orang yang berkedudukan sebagai ahli jiran, para sahabat atau rakan dan juga ahli keluarga. Secara khusus, para hadirin itu terikat dalam hubungan organisasi suatu perkumpulan majlis taklim yang dinamakan ‘Badan Kontak Majlis Taklim’ (BKMT). Adapun semua anggota perkumpulan majlis ini terdiri daripada perempuan dewasa. Pertemuan yang selalunya diadakan oleh pengurus perkumpulan ini ialah pertemuan rasmi seperti mesyuarat, mendengarkan ceramah agama Islam oleh ustaz atau mengaji Al-Quran dan sebagainya. Berikut ialah contoh-contoh petikan peristiwa komunikasi yang berlangsung dalam salah satu pertemuan tersebut.

A= Juruacara

- (38) A: *Yang saya hormati Ibu Mantan Ketua BKMT Kabupaten, Ibu Hajah ... (nama diri) berserta rombongan.*
Yang saya hormati Ketua PC (Pimpinan Cabang).
Yang saya hormati Ibu Ketua Permata.
*Yang saya hormati Ibu-ibu yang hadir pada hari **itto**, khususnya dalam rangka acara BKMT Kecamatan ... (nama kecamatan).*
(Seterusnya ialah ucapan rasa syukur kepada Allah SWT dan membacakan susunan acara/kegiatan yang mesti diikuti oleh semua hadirat).
Untuk acara selanjutnya ialah kata sambutan Tuan Rumah, iaitu Ibu ... (nama diri). Kepada Ibu ... (nama diri), waktu dan tempat kami persilakan.

B= Pengurus majlis taklim penyelenggara pertemuan

- (39) B: *Terima kasih kepada pembawa acara yang telah memberikan kesempatan.(ucapan Selawat Nabi Muhammad S.A.W dan doa pembukaan)*
Yang kami hormati Ibu Hajah (ND), mantan Ketua BKMT Kabupaten Sambas, yang dalam dua periode ini, alhamdulillah, menjabat sebagai Ketua BKMT Kabupaten Sambas.
Yang kami hormati Ibu-Ibu yang mewakili dari PC.
Selamat datang kepada Ibu-ibu dari rombongan kedua ... (tengah hadir/masuk masjid rombongan dari salah satu majlis taklim) ...
Dan yang terhormat Ibu-Ibu Ketua Permata se-Kecamatan... (nama kecamatan), yang seiman, seperjuangan, yang dirahmati Allah SWT.
*Selaku Tuan Rumah, **kamek** mengucapkan terima kasih kepada Ibu-ibu yang telah hadir ke tempat **kamek tok**... ”.*

Daripada kedua-dua contoh tuturan 38 dan 39 ini juga tampak bahawa bentuk sapaan kehormat (*Yang saya hormati*) digunakan bersama-sama dengan panggilan ‘Ibu’ yang disertakan dengan ‘rujukan kedudukan atau status dalam perkumpulan’ itu (*Ibu Mantan Ketua BKMT Kabupaten*), dan disertakan pula dengan ‘ND’ dan gelar ‘haji’ (*Ibu Hajah + (ND)*). Demikian seterusnya, orang yang berkedudukan tertentu dalam perkumpulan itu disapa dengan cara atau pola yang sama. Dalam pada itu, sapaan dengan panggilan ‘Ibu’ atau ‘Ibu-Ibu’ digunakan untuk menyapa para hadirin secara am, atau tidak mempunyai kedudukan tertentu.

Kesemua bentuk sapaan dan panggilan yang bersifat formal tersebut wujud disebabkan oleh wujudnya keformalan situasi komunikasi sehingga beberapa komponen komunikasi yang ada juga ikut mengambil ciri keformalan, seperti pada hubungan peranan antara *participants*, bentuk dan isi mesej yang disampaikan (*act sequence*), tujuan (*ends*) tuturan dan cara-cara menyampaikannya (*key*) serta dengan susunan aturcara yang beratur. Di samping itu, bahasa yang digunakan juga bahasa formal, bahasa Indonesia. Meskipun dalam beberapa bahagian, tuturan itu bercampur dengan bahasa Melayu Sambas. Oleh itu, pilihan bentuk panggilan yang berlaku dalam peristiwa komunikasi ini ialah bentuk panggilan atau sapaan yang formal pula seperti contoh ini (B: "... *Selaku Tuan Rumah, kamek mengucapkan terima kasih kepada Ibu-ibu yang telah hadir ke tempat kamek tok...*").

6.3.3 Penggunaan Kata GND Pertama 'Saya' dan GND Kedua 'Engkau'

Kata GND yang digunakan dalam peristiwa komunikasi formal ialah kata GND pertama 'saya' (mufrad) atau 'kami' (bahasa Melayu Sambas: 'kamek'), sebagai bentuk jamak daripada 'saya'. Kata ini digunakan untuk merujuk diri si penutur atau si pembicara dalam peristiwa komunikasi berkenaan. Adapun kata GND kedua 'kamu', 'engkau', 'kau', dan lain-lain tidak digunakan dalam komunikasi formal, kecuali kata 'engkau'. Kata ini digunakan oleh wali nikah kepada calon mempelai perempuan (anak perempuannya) dan juga kepada calon mempelai lelaki dalam peristiwa komunikasi ijab kabul akad nikah, seperti contoh ini.

A dan B = ayah dan anak kandung perempuan

- (40) A: *Anakku Dewi Seruni bersedia kah **engkau** ayah nikahkan dengan Muhammad Saleh?*
 B: *Saya izinkan Ayah menikahkan saya dengan Saudara Muhammad Saleh.*
 A: *(kepada calon pengantin lelaki) "Saudara Muhammad Saleh bin Arifin Tamam, saya nikahkan **engkau** dengan anak kandung saya..."*.

Dalam peristiwa komunikasi yang lain, seperti dalam berbagai-bagai sapaan atau alu-aluan, kata GND kedua tidak digunakan sebagai rujukan kepada orang yang diajak bicara atau khalayak yang hadir. Kata GND kedua itu digantikan dengan pelbagai rujukan, seperti JK ‘Bapak/Ibu’, rujukan kehormat, rujukan kedudukan sosial dalam masyarakat, atau kedudukan yang wujud pada orang yang disapa seketika peristiwa tuturan itu berlangsung, sebagaimana yang telah dipaparkan dalam contoh di atas. Selain macam-macam rujukan tersebut, kata ‘saudara’ yang disertakan ND juga berlaku untuk menggantikan kata GND kedua. Ini terdapat dalam contoh 40, iaitu tuturan oleh si A (ayah daripada calon pengantin perempuan) kepada calon pengantin lelaki (*“Saudara Muhammad Saleh bin Arifin Tamam, saya nikahkan **engkau** dengan anak kandung saya... ”*).

Adapun penggunaan kata GND pertama ‘saya’ juga wujud dalam contoh 40, sebagaimana tuturan oleh si A kepada calon mempelai lelaki (*“Saudara Muhammad Saleh bin Arifin Tamam, **saya** nikahkan **engkau** dengan anak kandung **saya**... ”*) dan oleh si B (anak) kepada B (ayah kandungnya), iaitu B: *“**Saya** izinkan Ayah menikahkan **saya** dengan Saudara Muhammad Saleh*. Penggunaan dengan cara yang demikian ini hanya berlaku dalam komunikasi formal.

Dalam pada itu, penggunaan ‘saya’ juga berlaku dalam ucapan salam dan pemberian alua-aluan oleh seorang juruacara dalam satu peristiwa pertemuan acara keagamaan, seperti contoh 41 berikut ini.

- (41) A: Yang **saya** hormati Ibu Mantan Ketua BKMT Kabupaten, Ibu Hajah ... (nama diri) berserta rombongan.
Yang **saya** hormati Ketua PC (Pimpinan Cabang).
Yang **saya** hormati Ibu Ketua Permata.
Yang **saya** hormati Ibu-ibu yang hadir pada hari **itto**, khususnya dalam rangka acara BKMT Kecamatan ... (nama kecamatan).

Dengan demikian, penggunaan kata GND pertama ‘saya’ ini hanya berlaku dalam peristiwa komunikasi yang bersifat formal. Selain ‘saya’ kata GND pertama ‘kami’ juga digunakan dalam peristiwa tuturan semacam ini, seperti contoh ucapan sapaan oleh seorang ‘muhakam’ atau jurubicara daripada mempelai perempuan berikut ini.

- (42) B: (dimulakan dengan ucapan salam dan selawat kepada Nabi Muhammad S.A.W(diteruskan dengan ucapan salam dan sapaan)
*Yang **kami** hormati Bapak Herman berserta Ibu sekeluarga (orangtua/ keluarga calon pengantin perempuan).*
*Yang **kami** hormati Bapak Arifin Tamam berserta Ibu*
*Yang **kami** hormati Bapak Kepala Desa.*
*Yang **kami** hormati Bapak-bapak Haji, Bapak (ND), Bapak (ND) dan beberapa ND lain.*
*Yang **kami** hormati Bapak-bapak Pemuka Agama dan Masyarakat.*
*Bapak Ibu para hadirin yang **kami** muliakan. ...”*

Kata GND pertama ‘kami’ bermakna jamak. Oleh itu, dalam konteks ini jurubicara (B) menggunakan kata ‘kami’ merujuk dirinya sendiri beserta orang yang diwakilkannya, iaitu keluarga besar mempelai perempuan. Selain kata ‘kami’, kata yang bermakna sama dalam bahasa Melayu Sambas ‘kamek’ juga wujud dalam peristiwa komunikasi yang formal ini. Data beberapa peristiwa komunikasi menunjukkan bahawa dalam peristiwa komunikasi formal sekali pun pengaruh penggunaan bahasa Sambas tidak boleh dielakkan, sebagaimana dengan penggunaan kata ‘kamek’ dalam salah satu ucapan oleh seorang tuan rumah penyelenggaraan pertemuan acara keagamaan berikut ini (lihat contoh 39).

- B: “.... Dan yang terhormat Ibu-Ibu Ketua Permata se-Kecamatan... (nama kecamatan), yang seiman, seperjuangan, yang dirahmati Allah SWT.
Selaku Tuan Rumah, **kamek** mengucapkan terima kasih kepada Ibu-ibu yang telah hadir ke tempat **kamek tok**...”.

Penggunaan selingan bahasa Melayu Sambas kerap wujud dalam tiap-tiap peristiwa tuturan, termasuk dalam cara menggunakan rujukan ‘kamek’ atau ‘saye’

sebagaimana yang berlaku dalam contoh 43, satu bahagian ucapan oleh seorang jawatan daripada pejabat Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Kabupaten Sambas dalam satu mesyuarat di satu sekolah menengah di Kota Sambas.

A= seorang jawatan daripada pejabat Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan

- (43) A: *“Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warrahmatullah Wabarakatuh.
Yang saya hormati Bapak Samiri, Kepala SMA Negeri I Sambas.
Yang saya hormati Bapak Wisnu, Waka Kurikulum.
Yang saya hormati Bapak Tedi Karyanto (seorang jawatankuasa di suatu bidang/urusan di institusi Kementerian Pendidikan),
Serta Bapak Ibu Guru yang saya banggakan.
Alhamdulillah, **pada hari ito’**, khususnya **saye**, bersilaturrahmi...
Khususnya **saye datang ito’ ndak** diundang, tapi **saye mintak, numpang...**
...”. (seterusnya beliau menyampaikan maklumat penting dari pejabat kementerian pendidikan kepada pihak sekolah) ...*

Dalam peristiwa komunikasi formal mesyuarat ini, si A (pembicara) menggunakan selingan bahasa Melayu Sambas dalam pertuturannya. Oleh itu, penggunaan bahasa rasmi daripada kata ‘saya’ bertukar menjadi kata ‘saye’ yang juga disertakan oleh beberapa kata dalam bahasa Melayu Sambas yang lain, seperti “... **saye datang ito’ ndak** diundang...”.

Daripada salah satu mesyuarat yang berlangsung di kampung, sepatutnya peristiwa tersebut bersifat formal dan bahasa yang digunakan juga mesti bahasa formal (bahasa Indonesia) tetapi yang berlaku ialah sebaliknya. Hampir seluruh bahagian tuturan dalam pertemuan mesyuarat itu bahkan dituturkan dalam bahasa Melayu Sambas. Adapun partisipan yang terlibat ialah para pemuda kampung. Oleh itu, mesyuarat formal itu sangat ketara dicoraki oleh ciri khas bahasa Melayu Sambas, sebagaimana terlihat dalam contoh ini.

A = pengarah kumpulan pemuda kampung

B = salah seorang pemuda kampung

- (44) A : *Jadi gaye lah maksud dan tujuan nye kite bekumpul malam itok di rumah pak RT.*

Jadi begitu lah maksud dan tujuan nya kita berkumpul malam ini di rumah pak RT.

B: **Bang Agus**, jadi maksudnye tok kite muat organisasi sekaligus muat kegiatan gaye ke, **Bang**?

Bang Agus, jadi maksudnya (penekanan) kita membuat organisasi sekaligus membuat kegiatan begitu kah, Bang?

A: *Gaye lah* **Rik**.

Begitu lah **Rik**

B: *Jadi yang cerite* **kamek** ngumpul ie gimane?

Jadi yang cerita kami berkumpul itu bagaimana?

A: *Jadi cerite kite ngumpul tok ie, kite isek lah dengan kegiatan yang ade faedah nye. Kan jadi baik ngumpul nye ye, daripada kite ngumpul sean manfaat nye, kan? Ape agek ngumpul melakukan hal-hal yang ndaan bagus ie. macam nak yang waktu iye, kite ke kuboran ie, yang nak minta emas ie, kan labeh baik gitok, ye?*

Jadi cerita kita berkumpul (penekanan) tu, kita isi lah dengan kegiatan yang ada faedah nya. Kan jadi baik berkumpul nya ya, daripada kita berkumpul tidak ada manfaatnya, kan? Apa lagi berkumpul melakukan hal-hal yang tidak bagus tu. Macam nak yang waktu itu, kita ke kuburan tu, yang nak minta emas tu, kan lebih baik begini, ya?

Daripada contoh 44 itu didapati bahawa seluruh bahagian perbincangan dalam mesyuarat itu digunakan bahasa Melayu Sambas. Oleh itu, apabila ditinjau dari segi penggunaan bahasa (*instrumentalities*) peristiwa komunikasi mesyuarat ini menjadi kurang formal. Lagi pula, orang yang terlibat di dalamnya ialah para pemuda kampung yang terikat hubungan sesama rakan, sekelompok perkumpulan dan sekaligus sesama jiran. Sebab itu, mesyuarat ini menjadi tidak formal.

Dengan perkata lain, boleh dirumuskan bahawa satu mesyuarat tidak sentiasa bersifat amat formal. Situasi itu terpulang kepada sesiapa orang yang terlibat di dalamnya, apa-apa tujuan dan isi perbincangan dalam mesyuarat itu dan yang tak kalah penting ialah penggunaan bahasa itu sendiri. Kesemua komponen situasi komunikasi tersebut amat sangat mengesani pilihan bentuk panggilan atau sapaan yang digunakan dalam peristiwa komunikasi tersebut. Dalam konteks ini bentuk panggilan tak formal juga digunakan,

contohnya penggunaan panggilan “Bang+ND” (*Bang Agus*), ND (*Rik*), dan juga penggunaan kata GND pertama ‘*kamek*’

6.4 Tafsir Konteks: Sistem Panggilan dan Sistem Sosiobudaya

Bahagian ini menjelaskan tentang pentafsiran konteks yang menjadi latar belakang penggunaan bentuk panggilan sehingga boleh menerangkan hubungan sistem panggilan dan sistem sosiobudaya yang wujud dalam komuniti bahasa Melayu Sambas. Dari contoh-contoh yang telah dipaparkan di atas didapati bahawa bentuk panggilan yang digunakan dalam konteks juga bervariasi. Variasi itu wujud mengikut kategori keformalan dan ketidakformalan peristiwa komunikasi. Adapun bentuk-bentuk panggilan yang wujud dalam peristiwa komunikasi tak formal terdiri daripada berbagai-bagai bentuk JK, ND, rujukan kesayangan, kemarahan dan keintiman serta kata GND. Adapun bentuk panggilan dalam komunikasi formal terdiri daripada panggilan kehormat ‘Ibu/bapak’ dengan atau tanpa diikuti oleh ND. Selain itu terdapat pula panggilan dalam bentuk rujukan kedudukan status sosial dalam masyarakat dan gelaran keagamaan.

Penggunaan bentuk panggilan yang berlaku dalam konteks bersifat dinamik. Kepada seseorang yang sama boleh berlaku panggilan yang berlainan oleh orang yang sama pula. Sebagai contoh, bentuk panggilan JK yang sedia ada dalam hubungan kekeluargaan selalunya digunakan untuk merujuk kepada orang yang mempunyai kedudukan atau pangkat yang sebenar dalam keluarga berkenaan. Walau bagaimanapun, wujudnya konteks yang berhubung kait dengan suasana perasaan dan fikiran penuturnya seperti rasa kesayangan dan kemarahan (*mood*) boleh menyebabkan penggunaan beberapa JK kepada orang yang sama menjadi bervariasi. Oleh itu, Dalam konteks ini seseorang dengan kedudukan tertentu dalam keluarga semisal cucu boleh mendapatkan

panggilan yang pelbagai oleh neneknya seperti ‘Cok’ (*Cuccok*), ‘ND’ yang bersangkutan, panggilan kesayangan ‘Nong’, ataupun ‘anakmu’ (rujukan si cucu kepada ibunya). Variasi panggilan ini berlaku disebabkan suasana fikiran dan perasaan si penutur kepada orang yang dipanggil. Seorang dengan kedudukan suami boleh dipanggil dengan panggilan ‘bang + (GUK)’ atau dengan panggilan ‘Yah (Ayah)’, ‘Pa (papa)’, ‘Bah (Abah)’, dan sebagainya oleh isterinya. Adapun cara yang kedua ini berlaku disebabkan maksud dan tujuan tertentu daripada si penutur di sebalik pemilihan yang bervariasi tersebut.

Dengan demikian, dapat diterangkan bahawa variasi panggilan dengan cara yang demikian itu wujud bukan hanya disebabkan oleh suasana fikiran dan perasaan si penutur, sebagaimana yang telah dijelaskan, tetapi juga boleh disebabkan oleh maksud dan tujuan si penutur, antara lain untuk tujuan mencontohkan anak cara memanggil ayahnya oleh si ibu atau cara memanggil orang-orang lain dengan kedudukan kehormat dalam keluarga dengan sepatutnya, contohnya kepada nenek datuk, kakak abang, mak cik pak cik dan seterusnya. Sebab itu, dalam konteks yang demikian ini juga wujud panggilan JK yang bukan merujuk terus kepada hubungan kedudukan yang sebenar daripada orang yang dipanggil kepada yang memanggil. Orang Sambas menamakan kaedah ini sebagai maksud atau tujuan untuk memberi tunjuk ajar kepada anak-anak tentang berbudi bahasa yang baik (*membasekan anak*) dalam menyapa atau memanggil orang tua atau yang lebih tua. Dengan demikian, penggunaan JK dalam konteks tidak selalu menunjukkan makna yang terhad sebagai makna kedudukan sebenar daripada seseorang dalam keluarga sehingga makna-makna itu tidak hanya wujud sebagai kedudukan hubungan, makna kekuasaan, kesejajaran atau setiakawanan. Kaedah tersebut malah boleh memperluaskan makna yang sedia ada menjadi lebih pelbagai, seperti makna kemarahan, kesayangan,

penghormatan serta makna kesopanan atau berbudi bahasa (*language manners*) serta makna tunjuk ajar kepada anak (*membasekan* anak).

Walau bagaimanapun, panggilan JK ini juga berlaku untuk memananggil orang yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan langsung. Dalam konteks peristiwa komunikasi yang demikian, makna JK sudah semestinya tidak merujuk kepada hubungan yang sebenar, sebagaimana makna yang wujud dalam JK berkenaan. Apabila bentuk panggilan JK itu digunakan dalam konteks peristiwa komunikasi tak formal dalam hubungan sosial yang lebih luas, panggilan JK juga mengisyaratkan makna yang pelbagai. Stuari hubungan ini selalunya melibatkan orang yang berkedudukan sebagai sesama ahli jiran, sesama rakan, dan hubungan sosial lain. Oleh itu, makna yang boleh wujud melalui bentuk panggilan ini antara lain ialah makna keintiman, kesejajaran, serta makna yang mencirikan hubungan kekeluargaan atau kesamaan dalam beberapa perkara, seperti sesama jiran, sesama warga kampung, sesama suku kaum, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, penggunaan JK ini juga tidak luput daripada makna kesopanan dan berbudi bahasa sesuai dengan kewujudan JK yang sebenar dalam hubungan kekeluargaan.

Selain panggilan JK, bentuk rujukan kedudukan status sosial dalam masyarakat dan gelaran keagamaan juga berlaku dalam hubungan sosial yang lebih luas daripada hubungan kekeluargaan. Panggilan ini mengisyaratkan wujudnya makna penghormatan dan penghargaan kepada orang lain. Kaedah ini juga menunjukkan bahawa betapa pun kuat rasa kesetiakawanan antara sesama orang Melayu Sambas dengan kewujudan berbagai-bagai makna kekeluargaan antara mereka, makna yang berkaitan dengan budi bahasa seperti dalam cara-cara memberi penghormatan, penghargaan tidak lah

dipinggirkan. Hal ini tampak ketara dalam cara-cara memanggil atau bertutur sapa tersebut.

Sebagaimana yang telah diterangkan, bentuk panggilan yang wujud dalam peristiwa komunikasi yang formal antara lain ialah panggilan 'Ibu/Bapak' dengan rujukan kedudukan hubungan dan ND. Selain itu, wujud pula sapaan dan panggilan 'Ibu/Bapak' dengan rujukan kehormat, status sosial dan ND. Bentuk panggilan ini wujud disebabkan wujudnya keformalan situasi dan peristiwa komunikasi. Selari dengan ini, bentuk hubungan antara orang yang terlibat dalam peristiwa komunikasi berkenaan juga bersifat formal. Situasi ini selalunya diikuti dengan bentuk dan isi mesej yang juga menunjukkan ciri-ciri keformalan. Demikian pula dengan cara menyampaikan lakuan tuturan itu serta bahasa yang digunakan, semua menunjukkan keformalan. Oleh itu, selain menunjukkan makna keformalan, penggunaan bentuk panggilan itu menunjukkan isyarat keseriusan, penghormatan, penghargaan dan kesopanan serta menunjukkan hubungan yang lebih berjarak antara orang yang berkomunikasi.

Sebagai kesimpulan, semua bentuk panggilan yang berlaku dalam konteks, selain boleh merujuk terus pada makna kedudukan atau situasi hubungan antara orang yang disapa dengan orang yang menyapa, dalam kata-kata panggilan itu juga tersirat makna-makna yang berbagai-bagai yang difahami bersama oleh penuturnya sebagai makna sosial. Makna-makna sosial tersebut menggambarkan bagaimana penutur memandang siapa dirinya, siapa orang yang disapa, apa hubungan yang wujud antara mereka, serta apa yang ia fikirkan apabila ia mengucapkan perkataan yang dikatakan itu (Parkinson dalam Winchartz, 2001, p.338). Makna sosial yang tersirat dalam suatu tuturan yang digunakan dalam konteks merupakan representasi nilai sosial yang berkaitan dengan tempat dan waktu (*setting*), latar belakang pengetahuan penutur, serta bentuk dan

isi mesej yang disampaikan dalam suatu lakuan tuturan (Blom dan Gumperz, 1972, p.417).

Adapun secara keseluruhan makna sosial yang wujud daripada penggunaan bentuk panggilan itu ialah makna yang berhubung kait dengan nilai atau norma yang berkenaan dengan kewujudan struktur dan sistem kekeluargaan serta sistem sosial yang lebih luas yang berlaku dalam masyarakat Melayu Sambas. Secara khas, nilai tersebut meliputi norma keformalan, nilai kesopanan, penghormatan atau penghargaan, norma yang berkenaan dengan ciri-ciri kekeluargaan seperti sesama suku kaum, sesama kawasan tempat tinggal (kejiranan), sesama rakan, dan sebagainya, serta norma yang berkenaan dengan jarak hubungan seperti berbeza suku kaum, berbeza usia, tingkat generasi, kedudukan status sosial, dan sebagainya.

Selain itu, nilai lain yang wujud ialah yang berkenaan dengan situasi seketika semasa peristiwa komunikasi itu berlangsung seperti nilai kemesraan atau keintiman, kemarahan, kesayangan, hubungan setakat kenal atau baru kenal, serta nilai pembelajaran bagaimana berbudi bahasa (*language manners*) atau (*membahasekan* anak). Sistem yang demikian ini menunjukkan kesedaran penutur tentang sistem bahasa sebagai *repertoire* dan sistem sosiobudaya sebagai pengetahuan yang mengatur bagaimana bertingkah laku dalam bertutur atau berbahasa, yang mana kedua-duanya saling berhubung kait dan saling memberi pengaruh. Oleh itu, sistem panggilan yang berlaku dalam komuniti bahasa Melayu Sambas merupakan sebahagian daripada pengetahuan sosiolinguistik para penutur daripada komuniti tersebut.

6.5 Rumusan

Sebagai rumusan boleh diperkatakan bahawa sistem panggilan yang berlaku secara kontekstual dalam komuniti bahasa Melayu Sambas ialah bersifat dinamik. Bentuk panggilan yang wujud dalam konteks ialah bervariasi, mengambil berbagai-bagai bentuk kata atau frasa. Dari hasil analisis kontekstual, didapati bahawa sistem panggilan mesti memperhatikan konteks, antara lain mengikut situasi keformalan atau ketidakformalan suatu peristiwa komunikasi. Selain itu, bentuk hubungan, tujuan, bentuk dan isi mesej daripada tuturan itu, cara atau spirit ataupun *mood* daripada lakuan tuturan itu disampaikan, serta bahasa yang digunakan sangat mempengaruhi penggunaan bentuk panggilan. Walau bagaimanapun, beberapa bentuk panggilan boleh berlaku dalam kedua-dua situasi komunikasi tersebut.

Suatu bentuk panggilan yang wujud dalam konteks peristiwa komunikasi tidak selalu mengisyaratkan makna rujukan yang terus ada kepada orang yang dirujuk atau dipanggil, panggilan itu malah boleh mengisyaratkan makna sosial yang lebih pelbagai. Pada makna-makna sosial tersebut tersirat nilai dan norma sosiobudaya yang difahami dan dikongsi bersama oleh komuniti bahasa Melayu Sambas untuk mengawal bagaimana suatu bentuk panggilan sepatutnya digunakan.

Adapun nilai dan norma yang dimaksudkannya meliputi norma keformalan, nilai kesopanan, penghormatan atau penghargaan, norma yang berkenaan dengan penggolongan identiti seseorang (orang dalam atau luar kaum), dengan jarak atau kedekatan hubungan seperti hubungan kekeluargaan, kejiwaan, rakan, jual beli, serta sifat hubungan lain yang berkenaan dengan situasi seketika itu. Contohnya situasi yang menggambarkan hubungan kemesraan atau keintiman, kesayangan atau kemarahan, hubungan setakat kenal atau baru kenal, serta nilai pembelajaran atau nilai berbudi

bahasa. Terakhir dapat disimpulkan bahasa kewujudan nilai-nilai dan norma-norma tersebut menunjukkan wujudnya hubung kait antara sistem panggilan dengan sistem sosiobudaya yang berlaku dalam komuniti Bahasa Melayu Sambas.

University of Malaya

BAB 7: PENUTUP

7.1 Pendahuluan

Sebagai penutup, dalam bab ini akan dihuraikan rumusan hasil dapatan daripada kajian ini. Adapun rumusan tersebut dikemukakan selari dengan senarai soalan penyelidikan dan objektif kajian yang telah dicadangkan dalam penyelidikan ini. Oleh itu, pada bahagian berikut ini akan dirumuskan tiga bahagian penting. Pertama, mengenai bagaimana perwujudan sistem panggilan yang berlaku dalam komuniti bahasa Melayu Sambas dalam situasi hubungan kekeluargaan dan situasi hubungan sosial yang intim mengikut model analisis komponensial. Kedua, mengenai bagaimana perwujudan sistem panggilan mengikut model analisis kontekstual. Terakhir, ialah tafsir mengenai bagaimana sistem panggilan boleh berhubung kait dengan sistem sosiobudaya komuniti bahasa Melayu Sambas.

7.2 Sistem Panggilan Mengikut Model Analisis Komponensial

Komuniti bahasa Melayu Sambas ialah bahagian daripada komuniti Melayu yang ada di Nusantara pada amnya. Walau bagaimanapun, komuniti ini mempunyai ciri-ciri yang tersendiri daripada berbagai-bagai aspek sosiobudaya dan bahasa. Oleh itu, apabila sistem panggilan dianggap sebagai bahagian daripada perilaku berbahasa yang tidak terlepas daripada pengaruh-pengaruh sistem sosiobudaya dalam komuniti bahasa berkenaan, sistem panggilan itu mesti mempunyai ciri-ciri dan kaedah yang tersendiri. Disebabkan tumpuan kajian ini ialah pada kekangan sistem hubungan kekeluargaan dan sistem hubungan sosial yang terhad, iaitu sistem hubungan sosial yang intim seumpama hubungan kekeluargaan – hubungan kejiwaan, hubungan rakan dan hubungan jual beli – maka hasil dapatan rumusan ini ialah terhad pada kekangan hubungan tersebut.

Sistem panggilan yang berlaku dalam hubungan kekeluargaan daripada komuniti bahasa Melayu Sambas ialah mengikut sistem kekeluargaan yang berlaku dalam komuniti tersebut. Adapun sistem kekeluargaan yang berlaku ialah sistem kekeluargaan yang *bilateral* atau *cognatic* atau sistem yang mengikut garis dua sisi (dari kedua-dua nisab ibu dan bapa). Sistem ini memaknakan keluarga atau saudara mara daripada pihak ibu ialah sama penting kedudukan dan jaraknya dengan keluarga daripada pihak bapa. Dalam sistem ini dikenal istilah keluarga sedarah dan keluarga semenda atau keluarga ipar. Keluarga ipar ini wujud disebabkan hubungan perkahwinan. Selain itu, terdapat istilah keluarga ‘*dakkat*’ (dekat) dan keluarga ‘jauh’ dalam kalangan keluarga orang Melayu pada amnya. Walau bagaimanapun, keluarga sedarah atau keluarga ipar, kedua-duanya dianggap sebagai keluarga dekat oleh orang Melayu Sambas.

Bentuk rujukan dan panggilan yang wujud dalam komuniti bahasa Melayu Sambas ialah bervariasi, terdiri daripada berbagai-bagai bentuk kata, antara lain kata nama, kata ND, kata GND, JK dan gelaran khusus kekeluargaan, iaitu GUK, serta termasuk pula penggunaan kata GND pertama sebagai rujukan diri sendiri sebagai orang yang berbicara dan kata GND kedua sebagai rujukan kepada kawan bicara. Sistem panggilan berlaku mengikut sistem kekeluargaan tersebut. Terdapat berbagai-bagai JK sebagai rujukan pada hubungan darah atau perkahwinan yang sedia ada. Namun begitu, tidak terdapat pebezaan antara JK yang merujuk pada saudara-mara daripada pihak ibu dengan yang daripada pihak bapa. Adapun JK tersebut terdiri daripada kata-kata atau frasa yang terus merujuk pada kedudukan seseorang dalam keluarga yang dimaksudkan.

Selain itu, daripada JK tersebut terdapat bahagian-bahagian perkataan yang merujuk pada ciri-ciri peringkat generasi, perbezaan gender dan perbezaan usia, seperti pada bahagian kata ‘mak/pak’; ‘nekwān/neki’; ‘kak/bang’. Adapun JK yang khas wujud

dalam bentuk gelaran urutan kelahiran (GUK). Gelaran ini diberikan secara tetap kepada setiap anak dengan urutan kelahiran tertentu: sulung (Long), kedua (Ngah), ketiga (Ude) dan yang terakhir atau bungsu (Usu). Sedangkan anak-anak yang lahir dalam urutan yang lain diberikan gelaran sesuai kemuafakatan keluarga, selalunya gelaran itu mengikut keadaan fizikal atau postur tubuh anak yang bersangkutan. Seterusnya, GUK ini boleh digunakan sebagai panggilan bersamaan dengan penanda rujukan peringkat generasi serta perbezaan gender dan usia.

Dalam hubungan keluarga semenda atau ipar terdapat rujukan JK dengan kata-kata penanda hubungan itu seperti kata ‘mertua’ dalam rujukan ‘ibu/bapa mertua’ yang merujuk kepada ibu/bapa daripada pihak isteri atau suami, ‘menantu’ dalam rujukan ‘anak menantu’, ‘kemenakan menantu’, ‘cuccok menantu’ dan sebagainya. Makna-makna kata penanda ini ialah merujuk kepada kedudukan anak, kemenakan atau cucu yang disebabkan oleh wujudnya hubungan perkahwinan. Walau bagaimanapun, kata-kata rujukan keluarga semenda ini tidak terus digunakan sebagai kata panggilan. Mereka dipanggil seperti cara memanggil orang yang berada dalam rujukan hubungan keluarga sedarah.

Seterusnya, adalah tentang kaedah penggunaan bentuk panggilan itu berlaku dalam hubungan kekeluargaan. Boleh dirumuskan bahawa kaedah penggunaan bentuk panggilan, pada amnya, berlaku secara tidak timbal balik (*non-reciprocity*). Kaedah ini menunjukkan wujudnya hubungan kuasa, seperti hubungan antara ahli keluarga yang berbeza peringkat generasi dan berbeza usia. Selain itu, kaedah ini juga menunjukkan hubungan kehormat dan kesopanan (oleh yang muda kepada yang lebih tua) dan hubungan kesayangan (oleh yang tua kepada yang lebih muda). Di samping itu, kaedah timbal balik (*mutual reciprocity*) dengan saling menggunakan panggilan ‘ND’ atau kata

GND kedua juga berlaku dalam hubungan kekeluargaan ini, khususnya bagi ahli keluarga yang berkedudukan segenarasi dan berusia sebaya. Kaedah ini menunjukkan hubungan yang intim atau hubungan kesejajaran atau solideriti.

Di samping itu, dalam sistem kekeluargaan ini wujud pula kaedah atau peraturan pilihan (*alternation*). Dalam kaedah ini berlangsung suatu proses dalam mana seorang penutur (yang memanggil atau penyapa) mesti mengenal pasti siapa orang yang dipanggil melalui ciri-ciri kedudukan atau pangkat seseorang itu dalam keluarga. Bersamaan itu, ia juga mesti mengenal pasti ciri-ciri peringkat generasi, perbezaan usia dan perbezaan gender seseorang itu sehingga ia boleh menentukan bentuk panggilan yang sesuai dengan kedudukan hubungan yang wujud antara kedua-duanya.

Kaedah tersebut mengisyaratkan wujudnya pengetahuan dan kebolehan seorang penutur bahasa dalam menggolongkan seseorang sehingga ia boleh menentukan mana satu pilihan bentuk panggilan yang sesuai dan patut digunakan. Walau bagaimanapun, pilihan tiap-tiap bentuk panggilan itu tidak berlaku secara seragam bagi semua ahli komuniti tersebut, melainkan boleh bervariasi mengikut minat perseorangan. Adapun variasi itu wujud disebabkan oleh kewujudan '*repertoire*' bahasa dan dialek daripada perseorangan itu serta pengalaman hidupnya. Oleh itu, berlaku pula beberapa bentuk panggilan yang berasal daripada serapan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Indonesia, bahasa Arab, Cina, Belanda dan Inggeris.

Adapun bentuk panggilan yang wujud dalam hubungan sosial lain yang bersifat intim seumpama hubungan kekeluargaan didapati bahawa dalam hubungan kejiwaan, rakan dan hubungan jual beli berlaku pula panggilan dengan JK (GUK). Bentuk panggilan ini mengisyaratkan hubungan yang rapat atau intim antara yang memanggil

dengan yang dipanggil. Panggilan ini juga merepresentasikan hubungan sesama suku kaum. Bentuk panggilan '(Pak/Mak) Long' atau (Kak) Long lazim digunakan dalam hubungan ini. Panggilan itu tidak menunjukkan kedudukan urutan kelahiran yang sebenar daripada orang yang dipanggil itu melainkan hanya untuk memanggil orang sesama kaum yang kurang dikenali. Panggilan ini menggantikan panggilan 'Pak/Bu' dalam bahasa Indonesia. Selain itu, wujud pula panggilan dengan ND dan gelaran khusus yang menunjukkan keintiman dalam hubungan rakan, terutama dalam kalangan orang muda.

Selain itu, bentuk panggilan dengan rujukan kehormat 'Pak/Bu+(ND)' atau rujukan yang menunjukkan perbezaan usia 'Bang/Kak+ND' juga berlaku dalam hubungan kejiwaan, rakan dan jual beli. Khusus untuk hubungan jual beli, ND disertakan hanya apabila orang itu dikenali. Panggilan dengan rujukan kehormat ini boleh berlaku secara timbal balik dan mengisyaratkan wujudnya hubungan yang lebih berjarak antara orang yang berkomunikasi. Pada panggilan ini juga tersirat makna penghormatan dan kesopanan. Sementara itu, dalam hubungan kejiwaan berlaku pula panggilan dengan rujukan kedudukan atau status sosial tertentu untuk memanggil seseorang yang mempunyai status atau kedudukan dimaksudkan, seperti panggilan *Pak Pung* (Kepala Kampung), *Bu Bidan* (*midwife*), *Pak/Buk Guru*, *Pak RT* (Ketua Rukun Tetangga), *Pak Haji/Buk Hajjah*, dan sebagainya. Bentuk panggilan ini juga menunjukkan hubungan yang berjarak dan mengisyaratkan makna penghormatan dan penghargaan.

Dalam pada itu, kaedah pilihan (*alternation*) juga berlaku dalam hubungan sosial yang intim ini. Dalam hubungan kejiwaan, kaedah ini menandakan wujudnya beberapa ciri penting yang perlu dikenal pasti dalam proses pemilihan bentuk panggilan, iaitu ciri-ciri identiti suku kaum, kedudukan atau status sosial, usia atau peringkat generasi dan ciri-ciri gender seseorang yang dipanggil. Dalam hubungan rakan, selain ciri-ciri tersebut,

keformalan hubungan serta kategori hubungan (sama ada sesama orang dewasa atau sesama orang muda) juga merupakan ciri-ciri yang perlu diambil kira. Terakhir dalam hubungan jual beli, pilihan bermula dengan mengenal pasti ciri-ciri jarak hubungan (kenal/tidak kenal atau sesama/bukan orang Sambas) kemudian diteruskan dengan memperhatikan ciri-ciri lain, sebagaimana yang berlaku dalam hubungan kejiranan atau rakan.

7.3 Sistem Panggilan dalam Konteks

Konteks yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini meliputi kedua-dua situasi dan peristiwa komunikasi yang sekaligus menjadi kekangan latar belakang bilamana, dimana, sesiapa orang yang terlibat dalam peristiwa komunikasi tersebut, dalam hubungan apa, serta apa tujuan daripada peristiwa komunikasi berkenaan sehingga pilihan suatu bentuk panggilan boleh digunakan. Adapun situasi komunikasi berkenaan ialah situasi komunikasi formal dan tak formal dengan latar belakang hubungan kekeluargaan dan hubungan sosial yang intim (hubungan kejiranan, rakan dan jual beli).

Bentuk panggilan yang wujud dalam konteks juga bervariasi, terdiri daripada berbagai-bagai bentuk kata atau frasa. Secara garis kasar, bentuk panggilan itu antara lain boleh digolongkan sebagai bentuk formal dan bentuk tak formal. Walau bagaimanapun penggunaan bentuk panggilan dalam konteks ialah bersifat dinamik. Oleh itu, panggilan dalam golongan yang satu dalam konteks tertentu boleh bertukar dengan panggilan yang lain. Selain mesti mengikut konteks peristiwa komunikasi formal atau tak formal, terdapat komponen-komponen komunikasi yang juga ikut mempengaruhi penggunaan panggilan itu. Adapun komponen-komponen tersebut berkaitan dengan bentuk hubungan antara penutur yang terlibat atau sesiapa *participants* yang terlibat, apa maksud dan tujuan si

penutur, apa bentuk dan isi mesej yang disampaikan dalam tuturan itu (*ends*), bagaimana cara atau spirit ataupun *mood* seketika suatu lakuan tuturan itu disampaikan, serta apa bahasa yang digunakan (*instrumentalities*). Kesemua bahagian komponen tersebut merupakan konteks yang menjelaskan tentang alasan atau latar belakang pemilihan satu bentuk panggilan daripada yang lain dalam suatu peristiwa komunikasi dan apa makna yang wujud di sebalik penggunaan kata panggilan itu.

Secara statik, setiap bentuk panggilan yang wujud itu mengandungi makna-makna rujukan yang sesuai dengan siapa atau apa kedudukan orang yang dirujuk kepada orang yang memanggil atau menyapa. Namun begitu, apabila digunakan dalam konteks, bentuk panggilan tersebut boleh mengisyaratkan makna lain sebagai makna kontekstual atau dalam kajian ini dipanggil sebagai makna sosial. Adapun makna sosial yang wujud daripada penggunaan bentuk panggilan yang berlaku dalam konteks ini meliputi makna yang berkaitan dengan makna keformalan atau tidakformalan, makna penghormatan, penghargaan, kesopanan dan makna yang berhubung kait dengan makna hubungan sesama golongan (*in-group*), antara lain sebagai sesama keluarga, sesama jiran, sesama warga kampung, sesama rakan, sesama suku-kaum dan sebagainya. Dalam perkaitan dengan makna keformalan, khususnya, penggunaan bentuk panggilan itu menunjukkan isyarat keseriusan, penghormatan, penghargaan dan kesopanan serta menunjukkan hubungan yang lebih berjarak atau malah berbeza kaum (*out-group*) antara orang yang berkomunikasi.

Selain itu, daripada penggunaan bentuk panggilan itu juga wujud makna kesetiakawanan atau keintiman dan kesejajaran hubungan. Walau bagaimanapun, penggunaan beberapa bentuk panggilan itu tidak luput daripada makna kesopanan dan makna berbudi bahasa (*language manners*). Seterusnya, apabila bentuk panggilan itu

berlaku mengikut situasi perasaan dan fikiran penutur pada seketika peristiwa komunikasi itu berlangsung, makna-makna yang wujud ialah makna mengikut *mood*, seperti makna kesayangan, perayuan, kemarahan atau kekecewaan serta makna gurauan atau olok-olokan. Daripada makna-makna sosial tersebut tersirat nilai dan norma sosiobudaya yang difahami dan dikongsi bersama oleh komuniti bahasa Melayu Sambas sebagai kawalan untuk mengatur bagaimana suatu bentuk panggilan sepatutnya digunakan.

7.4 Hubung Kait antara Sistem panggilan dengan Sistem Sosiobudaya

Perwujudan struktur dan sistem dalam situasi hubungan kekeluargaan menyebabkan setiap ahli keluarga mempunyai kedudukan dan peranan masing-masing dalam keluarga. Oleh itu, terdapat sistem rujukan dan sistem panggilan mengikut struktur tersebut. Tiap-tiap bentuk rujukan itu melambangkan kedudukan dan pangkat masing-masing ahli keluarga di dalam keluarganya .

Secara am, kaedah panggilan yang wujud dalam hubungan kekeluargaan ialah mengisytiharkan wujudnya makna kekeluargaan itu sendiri. Walau bagaimanapun, dengan perwujudan struktur dan sistem dalam hubungan ini, secara khusus, kaedah-kaedah pilihan bentuk panggilan yang berlaku dalam hubungan kekeluargaan ini juga merepresentasikan wujudnya makna sosial kekuasaan, kesopanan atau kesantunan, penghormatan, penghargaan, kasih sayang dan kemesraan, serta makna-makna berbudi bahasa atau makna-makna tunjuk ajar dalam anggota keluarga dan semacamnya.

Struktur dan sistem tidak hanya wujud dalam situasi hubungan kekeluargaan, melainkan juga dalam hubungan sosial yang lebih luas seperti dalam hubungan kejiranan dan rakan. Identiti suku kaum, status sosial dalam masyarakat, peringkat generasi dan

perbezaan usia menyebabkan seseorang mempunyai kedudukan sosial yang berbeza satu dengan yang lain dalam hubungan ini. Oleh itu, kaedah-kaedah pemilihan bentuk panggilan yang berlaku dalam hubungan ini juga mengisyaratkan wujudnya makna sosial yang berkenaan dengan kesedaran penggolongan identiti seseorang, (sesama/berlainan suku kaum atau *in-group/outgroup*), makna jarak atau kedekatan hubungan, kekuasaan, kesopanan, penghormatan, penghargaan dan makna berbudi bahasa. Walau bagaimanapun, kaedah yang berlaku dalam pelbagai hubungan sosial ini juga mengisyaratkan wujudnya makna kesetiakawanan, kesejajaran, keintiman atau kemesraan dan bahkan makna gurauan atau olok-olokan. Bersamaan itu, implikasi atau isyarat makna kekeluargaan juga amat sangat ketara mencoraki sistem panggilan yang berlaku dalam hubungan sosial di luar hubungan kekeluargaan antara sesama orang Melayu Sambas, termasuk dalam hubungan jual beli.

Keseluruhan makna sosial yang tersirat dalam kaedah pilihan bentuk panggilan tersebut menunjukkan wujudnya sistem nilai sosiobudaya yang berlaku dalam komuniti bahasa Melayu Sambas. Dengan perkataan lain, sistem panggilan yang berlaku dalam komuniti bahasa Melayu Sambas merupakan cerminan sistem sosiobudaya yang berlaku dalam komuniti tersebut. Dengan demikian, boleh disimpulkan bahawa terdapat perkaitan yang erat antara sistem panggilan yang berlaku dalam komuniti bahasa Melayu Sambas dengan sistem nilai sosiobudaya yang berlaku dalam komuniti tersebut.

7.5 Rumusan

Sebagai kesimpulan, boleh diperkatakan bahawa bentuk panggilan yang wujud dalam hubungan kekeluargaan, kejiiran, rakan dan jual beli ialah bervariasi, mengambil berbagai-bagai bentuk kata dan frasa. Secara dua hala, bentuk panggilan itu dipilih

dengan mengikut beberapa ciri yang perlu dikenal pasti antara lain melalui ciri-ciri bentuk hubungan, identiti suku kaum, jarak hubungan, kedudukan, pangkat dan status sosial, serta ciri-ciri peringkat generasi, perbezaan usia dan gender yang wujud antara mereka. Terdapat beberapa macam kaedah dalam menggunakan bentuk panggilan itu antara lain yang dinamakan kaedah timbal balik (*mutual reciprocity*), kaedah bukan timbal balik (*non-reciprocity*) dan kaedah atau peraturan pilihan (*alternation*). Walau bagaimanapun, pilihan mengikut minat dan maksud atau tujuan perseorangan merupakan kaedah yang wujud tersendiri.

Adapun secara kontekstual sistem panggilan itu bersifat dinamik. Kepada rujukan orang yang sama boleh berlaku panggilan yang bervariasi mengikut *genre* daripada situasi dan peristiwa komunikasi yang ada, iaitu situasi dan peristiwa komunikasi formal atau tak formal. Selain komponen siapa dengan siapa dan dalam hubungan apa (*participants*), serta bilaman dan dimana peristiwa itu berlangsung (*setting*), komponen lain seperti apa dan bagaimana isi mesej disampaikan (*act sequence*), keadaan bagaimana lakuan tuturan berlangsung (*key*) atau keadaan suasana perasaan dan fikiran penutur (*mood*), serta tujuan tuturan dan tujuan daripada penutur (*ends*), yang wujud dalam peristiwa komunikasi itu, juga mengesankan pemilihan bentuk panggilan itu.

Sistem panggilan yang berlaku dalam komuniti bahasa Melayu Sambas telah membuktikan bahawa kaedah pemilihan bentuk panggilan yang berlaku dalam komuniti tersebut lebih rumit berbanding dengan kaedah yang berlaku dalam komuniti bahasa-bahasa di Eropah. Kaedah itu merepresentasikan struktur dan sistem nilai sosiobudaya serta minat dan tujuan perseorangan yang berlaku dalam komuniti bahasa tersebut.

Dengan demikian, terdapat perkaitan yang erat antara sistem panggilan dengan sistem sosiobudaya yang berlaku dalam komuniti bahasa Melayu Sambas.

University of Malaya

RUJUKAN

- Abdullatif Abu Bakar. (2001). *Adat Melayu Serumpun*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abercrombie, N., Hill, S., Turner. B. S. (2010). *Kamus Sosiologi*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Afful, J. B. A. (2007). Address Forms and Variation Among University Students in Ghana. *Nordic Journal of African Studies* 16 (2), 179-196.
- Agha, A. (2007). *Studies in the Social and Cultural Foundation of Language. Language and Social Relations*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Amat Juhari Moain. (1985). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu Suatu Analisis Sociolinguistik*. (Doctoral Thesis). Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Amat Juhari Moain. (1989). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu Suatu Analisis Sociolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ansar Rahman, Ya' Achmad, Rd. Farid M. Panji Anom, Muhadi, & Fahadi B. Z. (2001) *Kabupaten Sambas Sejarah Kesultanan dan pemerintahan Daerah*. Pontianak: Dinas Pariwisata Pemda Kabupaten Sambas.
- Andre Ata Ujan, Benyamin Molan, St. Nugroho, FX. Warsito Djoko S. Hendar Putranto. (2009). *Multikulturalisme Belajar Hidup Bersama dalam Perbedaan*. Jakarta: PT Indeks.
- Arie Andrasyah Isa & Irsanti Widuri Asih. (2011). Categories, Positions, and Communicative Functions on Vocatives employed in Courtrooms: a Pragmatic and Sociolinguistics. *Jurnal Penelitian Bahasa Metalingua Balai Bahasa Bandung*. 9 (2). 115-125.
- Arpan S. (2009) *Saprahan Adat Melayu Sambas*. Sambas: Dewan Pengurus Daerah Majelis Adat Budaya Melayu kabupaten Sambas.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2011). *Nahu Kemas Kini Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Atran, S & Medin, D. (2008). *The Native Mind and the Cultural Construction of Nature*. Cambridge: The MIT Press.
- Badan Pusat Statistik Kabupaten Sambas dan Pemerintah Kabupaten Sambas. (2010). *Kabupaten Sambas dalam Angka*. Sambas: BPS Kabupaten Sambas.

- Bailey, K. D. (1987). *Methods of Social Research*. New York: MacGraw-Hill Book Company.
- Bakran Suni. (2009). *Politik Etnik Melayu di Kalimantan Barat* (Doctoral Thesis) Universiti Kebangsaan Malaysia Kuala Lumpur.
- Banks, D. J. (1983). *Malay Kinship*. Philadelphia: A Publication of the Institute for the Study of Human Issues.
- Blom, J. P & Gumperz, J. J. (1972). Social Meaning in Linguistic Structures: Code-Switching in Norway. In J. J. Gumperz & D. Hymes (Eds.) *Direction in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*. (pp. 407–434). New York: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Brown, R. W. & Ford, M. (1966). Address in American English in Dell Hymes (Ed.), *Language in Culture and Society*. New York: Harper & Row, Ltd., 234–244.
- Buchler, I. R. & Selby, H. A. (1968). *Kinship and Social Organization an Introduction to Theory and Method*. New York: Macmillan Company.
- Buchstaller, I & Khattab, G. (2013). Population Samples. In R. J. Podesva & D. Sharma (Eds.), *Research Methods in Linguistics*. New York: Cambridge University Press.
- Casson, R.W. (1981). *Language, Culture and Cognition Anthropological Perspectives*. New York: Macmillan Publishing Co. Inc.
- Coulmas, F. (2006). *Sociolinguistics The Study of Speakers' Choices*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Dickey, E. (1997). Forms of Address and Terms of Reference. *Journal of Linguistics*. 33 (02). 255-274. Cambridge University Press. <http://journals.cambridge.org>.
- Djamour, J. (1979). *Keluarga dan Perkahwinan Orang Melayu Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Doddy Sumbodo Singgih. (2007). Sistem Sosial. Dalam J. Dalam Dwi Narwoko & Bagong Suyanto (Eds.), *Sosiologi Teks Pengantar dan Terapan*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Duranti, A. (1997). *Linguistic Anthropology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ervin-Tripp, S. (1972). On Sociolinguistic Rules: Alternation and Co-occurrence. In J. J. Gumperz & D. Hymes (Eds.), *Direction in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*. (pp. 213–250). New York: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Evans-Pritchard, E. E. (1966). Nuer Modes of Address. In D. Hymes (Ed.), *Language in Culture and Society*. (pp. 221–227). New York: Harper & Row, Ltd.
- Fasold, R. (1996). *The Sociolinguistics of Language*. Cambridge: Blackwell Publishers Ltd.

- Ferguson, C. A. (1991). Individual and Social in Language Change: Diachronic Changes in Politeness Agreement in Forms of Address. In R. L. Cooper & B. Spolsky, *The Influence of Language on Culture and Thought Essay in Honor of Joshua A. Fishman's Sixty-Fifth Birthday*. (pp. 183–197). Berlin: Mouton de Gruyter.
- Fought, C. (2006). *Language and Ethnicity Key Topics in Sociolinguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Friedrich, P. (1972). Social Context and Semantic Feature: The Russian Pronominal Usage. In J. J. Gumperz & D. Hymes (Eds.). *Direction in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*. (pp. 270–300). New York: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Fromkin, V. (2011). *An Introduction to Language*. International Edition. Canada: Wadsworth Cengage Learning.
- Giddens, A. (2010). *Teori Strukturisasi Dasar-dasar Pembentukan Struktur Sosial Masyarakat. Edisi Bahasa Indonesia*. Yogyakarta: Penerbit Pustaka Pelajar.
- Goodenough, W. H. (1966). Cultural Anthropology and Linguistics. In D. Hymes (Ed.), *Language in Culture and Society*. New York: Harper & Row, Ltd.
- Goodenough, W. H. (1981). *Culture, Language and Society*. California: Benjamin/Cummings Publishing Company, Inc.
- Goody, J. (1984). *Persanakan*, Terjemahan Yacoob Harun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Hashim Haji Musa. (2005). *Bahasa Melayu, Komunikasi, Ilmu dan Sumber Daya Tenaga Massa: Asas Solidariti dan Kekuatan Malaysia Menangkis Hegemoni dan Globalisasi Tamadun Barat*. Dalam Hashim Musa (Ed.) Bahasa dan Pemikiran Melayu. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Holmes, J. (2001). *An Introduction to Sociolinguistics*. London: Longman Group UK Limited and Pearson Education Limited.
- Hudson, R. A. (2007). *Sociolinguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hussey, J. & Hussey, R. (1997). *Business Research A Practical Guide for Undergraduate and Postgraduate Students*. London: MacMillan Press, Ltd.
- Hymes, D. (1972). Models of the Interaction of Language and Social Life. In J. J. Gumperz and D. Hymes (Eds.). *Direction in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*. (pp. 35 – 71). New York: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Jacobus Ranjabar. (2006). *Sistem Sosiobudaya Indonesia*. Bogor: Ghalia Indonesia
- Jourdan, C. & Tuite, K. (2006). *Language, Culture and Society*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Keesing, R. M. (1975). *Kin Groups and Social Structure*. New York: Holt, Rinehart and Winston.

- Kesahavarz, M. H. (2001). The Role of Social Context, Intimacy, and Distance in the Choice of Forms of Address. *International Journal of Sociology of Language University for Teacher Education Teheran*. 148 (2001). 5–18.
- Kroeber, A. L. (1968). Basic and Secondary Patterns of Social Structure. In Paul Bohannon and John Middleton (Eds.). *Kinship and Social Organization*. New York: The Natural History Press.
- Lambert, W. E. & Tucker, G. R. (1976). *Tu, Vous, Usted*. Massachusetts: Newbury House Publishers, Inc.
- Levon, E. (2013). Ethnography and Recording Interaction. In R. J. Podesva and D. Sharma (Eds.). *Research Methods in Linguistics*. New York: Cambridge University Press.
- Lowie, R. H. (1968). Relationship Terms. In Paul Bohannon and John Middleton (Eds.). *Kinship and Social Organization*. New York: The Natural History Press.
- Luong, H. V. (1990). *Discursive Practices and Linguistic Meanings The Vietnamese System of Person Reference*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Media Sandra Kasih (2004). *Kata Sapaan Bahasa Minangkabau Cerminan Adat dan Sistem Sosial*. Serdang Selangor Darul Ehsan Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Miller, B. (2008). *Cultural Anthropology in A Globalizing World*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Mimi Mulyani. (2005). Geografi Dialek Bahasa Melayu di Kalimantan Barat. *Lingua Jurnal Bahasa dan Sastra Fakultas Bahasa dan Seni UNNES Semarang*. I (2). 21-35.
- Mohammad Aliakbari & Arman Toni. 2008. Realization of Address Terms in Modern Persian in Iran. *Linguistik online* 35, (3/08). Retrived in www.linguistik-online.de/35_08/aliakbari.pdf.
- Morgan, L.H. (1968). Classificatory Kinship terminology Among American Indians. In Paul Bohannon and John Middleton (Eds.). *Kinship and Social Organization*. New York: The Natural History Press.
- Muhanni Abdur. (2006). *Adat dan Budaya Sambas*. Tebas Kalimantan Barat: Penerbit Arjuna
- Murdock, G. P. (1949). *Social Structure*. New York: The Free Press.
- Murphy, R. F. (1979). *Cultural and Social Anthropology An Overture*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Mustain Mashud, (2007). Pranata Agama. Dalam J. Dwi Narwoko dan Bagong Suyanto (Eds.). *Sosiologi Teks Pengantar dan Terapan*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.

- Muzammil, A.R. (1997). *Kata Sapaan dalam Bahasa Sambas*. Laporan Penelitian Tidak Diterbitkan. Pontianak: Proyek Penelitian dan Pembinaan Bahasa dan sastra Indonesia dan Daerah Kalimantan Barat.
- Nasikun. (1984). *Sistem Sosial Indonesia*. Jakarta: Penerbit CV Rajawali.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa dalam Perniagaan. Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriati A Rashid. (2005). *Nilai Kesantunan dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu*. Jurnal Pengajian Melayu. Jilid 15, 2005. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Parson, T. (1985). *Esei Esei Sosiologi*. Alih Bahasa oleh S. Aji. Jakarta: Aksara Persada Press.
- Parsudi Suparlan. (2005). *Sukubangsa dan Hubungan Antar-Sukubangsa*. Jakarta: Yayasan Pengembangan Kajian Ilmu Kepolisian (YPKIK) Press.
- Paulston, C. B. (1976). *Pronouns of Address in Swedish: Social Class Semantics and Changing System, Language and Society*.
- Radcliff-Brown, A. R. (1980). *Struktur dan Fungsi dalam Masyarakat Primitif*. London: Cohen & West Limited.
- Robins, R. H. (1971). Malinowski, Firth, and 'The Context of Situation'. In E. Ardener (Ed.), *Social Anthropology and Language*. (pp. 33–46). London: Tavistock Publications.
- Sanapiah S. Faisal. (1980). *Sosiologi. Kerangka Acuan, metode penelitian, Teori-teori tentang Sosialisasi, keprobadian dan Kebudayaan*. Surabaya: Penerbit PT. Bina Ilmu.
- Saville-Troike, M. (2003). *The Ethnography of Communication an Introduction*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Soerjono Soekanto. (1986). *Sosiologi Suatu Pengantar*. Jakarta: Penerbit CV. Rajawali.
- Soleman Taneko. (1986). *Konsepsi Sistem Sosial dan Sistem Sosial Indonesia*. Jakarta: Penerbit CV Fajar Agung.
- Sumalee Nimmanupap. (1994). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai Suatu Analisis Soslolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sutinah dan Siti Norma. (2007). Stratifikasi Sosial: Unsur, Sifat & Perspektif. Dalam J. Dwi Narwoko & Bagong Suyanto (Eds.), *Sosiologi Teks Pengantar dan Terapan*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- T.A. Ridwan. (1997). Tatanan Ringkas Adab Budaya Bahasa Masyarakat Melayu. Dalam Norazit Selat, Dato' Hashim Awang, Nor Hisham Osman (Eds). *Meniti Zaman*

Masyarakat Melayu Antara Tradisi & Modern. (pp. 233-247). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu

Tarmizi Karim (2003). *Adat Istiadat Melayu Sambas*. Laporan Penelitian (Tidak Diterbitkan) Pemerintah Daerah Kabupaten Sambas, Kalimantan Barat.

Tyler, S. A. (1972). Context and Alternation in Koya Kinship Terminology in J. J. Gumperz and D. Hymes (Eds.), *Direction in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*. (pp. 251–269). New York: Holt, Rinehart and Winston Inc.

Ulber Silalahi. (2009). *Metode Penelitian Sosial*. Bandung: PT Refika Aditama.

Wallace, A. F. C. dan John, A. (1969). The Meaning of Kinship Terms. In Stephen Tyler, (Ed). *Cognitive Anthropology*. (pp.345–369). New York: Holt, Rinehart & Winston.

Wardhaugh, R. (2006). *An Introduction to Sociolinguistics*. United Kingdom: Blackwell Publishing.

Winchartz, M. R. (2001). *Social Meanings in German Interactions: An Ethnographic Analysis of the Second-Person Pronoun Sie*. Journal Research on Language and Social Interaction, 34(3), 337-367. Retrieved in <http://www.tandfonline.com/loi/hrls20>.

Yacoob Harun. (1991). *Perbandaran dan perubahan Keluarga*. Jurnal Pengajian Melayu 3, 58-70.

Yacoob Harun. (2005). *Unity in Malay Family*. Jurnal Pengajian Melayu Edisi Khas Sempena Sambutan 100 Tahun UM. 16, 187-199.

Young, R. F. (2008). *Language and Interaction An Advance Resource Book*. London: Routledge.

Yudistira Garna. (2009). *Teori Sosial Pembangunan*. Bandung: Primaco Akademika C.V. dan Yudistira Garna Foundation.